

KEDAH ZAMAN SILAM

oleh

DATO' JAMES F. AUGUSTIN

diterbitkan oleh

Muzium Negeri Kedah Darul Aman

M

11629

BN-BUA 87
Muzium Negeri Kedah Darul Aman
Batu 9, 10100 Alor Setar, Kedah

© Dato' James F. Augustin

ISBN 983-99698-5-4

Cetakan Pertama – 1996

Diterbitkan oleh:

Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman,
Lebuhraya Darul Aman,
Bakar Bata,
05100 Alor Setar.

Hakcipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mencetak ulang sebahagian atau keseluruhan kandungan buku ini dengan cara apa dan bagaimanapun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebagai dan sejenisnya sebelum mendapat keizinan bertulis dari pengarang atau penerbit. Urusan mengenai ini tertakluk kepada perundangan yang bersangkut paut dengan royalti dan perundang-undangan yang berlaku.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Mengkatalog dalam penerbitan

Dato' James F. Augustin
Kedah Di Zaman Silam

ISBN 983-99698-5-4

1. Kedah – History
1. Judul

Rekabentuk Kulit:-

Ahmad Marzuki bin Abu Hasan

M

959 5112

AUG

Dicetak oleh:-

Percetakan UPCAS Sdn. Bhd.,
45 & 47, Seberang Jalan Putra,
05150 Alor Setar.

M

955114

6 AUG 1998
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

Bab 1 - Sejarah Awal - Cerita Mitos dan Legenda	7
Bab 2 - Raja-Raja Mahawangsa	10
Bab 3 - Salasilah Sultan Kedah	13
Bab 4 - Pengaruh Budaya Asing	16
Bab 5 - Pelabuhan Kedah Abad ke-17	19
Bab 6 - Pedagang Rempah	22
Bab 7 - Pertempuran di Laut Berhampiran Kedah	25
Bab 8 - Persaingan yang Sengit	27
Bab 9 - Belanda di Kedah	30
Bab 10 - Matalief Meninggalkan Kedah	33
Bab 11 - Kedatangan Orang Inggeris	35
Bab 12 - Cubaan Orang Inggeris untuk Berbaik-baik	38
Bab 13 - Kedah Menyerahkan Pulau Pinang	41
Bab 14 - Pergeseran Light dengan Sultan	44
Bab 15 - Empat Puluh Tahun Persengketaan	50
Bab 16 - Hubungan Kedah - SIAM	53
Bab 17 - Serangan Siam	56
Bab 18 - Kota Kuala Kedah	59
Bab 19 - Pertempuran di Sekitar Kota Kuala Kedah	61
Bab 20 - Pertempuran di Kedah - I	63
Bab 21 - Tentera Kedah Diburu Hebat ke Langkawi	66
Bab 22 - Pertempuran di Kedah - II	69
Bab 23 - Pembahagian Kedah oleh Siam	72
Bab 24 - Sultan Zainal Rashid	75
Bab 25 - Keunggulan Wan Mat Saman	78
Bab 26 - Gelaran yang Lupus	81
Bab 27 - Bangunan Lama di Kedah	84
Bab 28 - Penguatkuasaan Undang-Undang dan Peraturan	87
Bab 29 - Perkhidmatan Pos	90
Bab 30 - Ibu Negeri Kedah yang Berubah-ubah	93
Bab 31 - Penguasaan Orang Siam	96

Bab 32 - Alor Setar dalam Tahun 1880-an	100
Bab 33 - Penasihat British yang Pertama	104
Bab 34 - Menetapkan Sempadan	107
Bab 35 - Kehadiran British	110
Bab 36 - Bermulanya Pendidikan Formal	113
Bab 37 - Sekolah Inggeris yang Pertama	116
Bab 38 - Penyebaran Pendidikan	119
Bab 39 - Pendidikan untuk Anak-anak Perempuan	122
Bab 40 - Kecenderungan Kedah terhadap Getah	125
Bab 41 - Jelapang Padi Malaysia	128
Bab 42 - Hospital dan Penjara	131
Bab 43 - Kerbau untuk Bercucuk Tanam dan Dilagakan	134
Bab 44 - Lumba Kuda	138
Bab 45 - Pengangkutan Masa Dahulu	141
Bab 46 - Sungai Petani	144
Bab 47 - Pertubuhan Sukan	147
Bab 48 - Meletusnya Perang Dunia Kedua	150
Bab 49 - Kemaraan Jepun ke Tanah Melayu	153
Bab 50 - Pengunduran Kereta Api	156
Bab 51 - Keadaan Tidak Keruan di Alor Setar	160
Bab 52 - Musnahnya Barisan Pertahanan Jitra	163
Bab 53 - Tunku Mencolek Ayahandanya	166
Bab 54 - Pertempuran di Gurun	168
Bab 55 - Waktu Awal Pendudukan Jepun	171
Bab 56 - Merekut I.N.A dan Landasan Kereta Api Maut	174
Bab 57 - Kempetai yang digeruni	177
Bab 58 - Menyesuaikan Diri dengan Pendudukan Jepun	180
Bab 59 - Hari Pembebasan	183
Bab 60 - Kegagalan Pengambilalihan oleh MPAJA	186
Bab 61 - Kegiatan Sorok Barang dan Pencatutan	189
Bab 62 - Kolej Sultan Abdul Hamid Kembali Berfungsi	191
Bab 63 - Malayan Union yang Malang	194

BIOGRAFI RINGKAS TENTANG PENGARANG

Dato' James Frederick Augustin, DSDK., AMN., PJK., JP, KCCS., BM. oleh Ismail bin Salleh



James Frederick Augustin dilahirkan pada 13 September 1898 di Pulau Pinang. Beliau mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Convent Taiping. Selepas itu, beliau bersekolah di Sekolah King Edward VII, Taiping dan kemudian bersekolah di St. Xaviers Institution, Pulau Pinang.

Dato' James Frederick Augustin memulakan tugas mengajarnya di St. Xaviers Institution, Pulau Pinang ketika beliau baru berusia 17 tahun. Selepas mengajar selama dua tahun di St. Xaviers Institution, beliau berpindah ke Alor Setar pada tahun 1917 untuk menjadi guru di *Government English School* (Sekolah Inggeris Kerajaan), Alor Setar. Sekolah ini kemudiannya dinamakan *Sultan Abdul Hamid College* dan kini dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid. Di samping lulus *Normal Class Training* (Latihan Kelas Biasa) di Pulau Pinang, Dato' Augustin juga lulus peperiksaan *College of Preceptors* di London. Beliau bertugas di *Sultan Abdul Hamid College* sehingga tahun 1941 apabila meletusnya Perang Dunia kedua.

Semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Dato' Augustin bekerja sendiri tetapi ada suatu ketika dalam tempoh ini, beliau bertugas sebagai Pengurus Besar bagi Jabi Estate yang merupakan antara hanya beberapa buah estet getah sahaja yang dibenarkan beroperasi seperti biasa oleh pentadbiran Jepun. Selepas ini, beliau menjadi *Assistant Custodian of Enemy Property* (Penolong Penjaga Harta Musuh). Apabila British kembali ke Tanah Melayu, Dato' Augustin diberikan tugas menyusun semula dan membuka semula *Sultan Abdul Hamid College*. Atas perkhidmatan

beliau yang dapat dicontohi, beliau dinaikkan pangkat menjadi Guru Besar di Sekolah Menengah Ibrahim, Sungai Petani dari tahun 1946 hingga 1953. Selepas itu, beliau dinaikkan pangkat lagi dan dijadikan Penolong Penguasa Pelajaran, Kedah dan Perlis, dan ditukarkan ke Jabatan Pendidikan Negeri, Alor Setar sehingga beliau bersara. Meskipun telah bersara, Dato' Augustin berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan di Kelas Latihan Perguruan untuk guru-guru Sekolah Inggeris dan juga guru Bahasa Inggeris di *Vernacular Schools* (Sekolah Vernikular) di Kedah dan Perlis sehingga tahun 1961.

Pada tahun 1954, Dato' James Frederick Augustin dilantik sebagai anggota *Federal Legislative Council* (Majlis Perundangan Persekutuan), mewakili masyarakat Eurasian. Selain itu, beliau juga terkenal kerana baktinya yang amat besar dan minatnya yang penuh dedikasi dalam gerakan *Scout* (Pengakap) dan *St. Johns Ambulance Brigade* dan beliau telah berkhidmat dengan cemerlang dalam kedua-duanya.

Pada tahun 1954, beliau bertanggungjawab mewujudkan *Kuala Muda Co-Operative Society* (Persatuan Koperasi Kuala Muda). Beliau juga telah menyumbangkan antara artikel yang amat banyak memberikan maklumat dan tinggi dari segi nilai sejarah kepada majalah *Kedah Historical Society* (Persatuan Sejarah Kedah) dan *Straits Echo* di bawah tajuk terkenal iaitu "Bygone Kedah". Sebagai ahli *Kedah Hockey Association* (Persatuan Hoki Kedah) dan *Malaysian Cricket Association* (Persatuan Kriket Malaysia), beliau, di sebalik kesibukannya dalam bidang akademik dan sosial, masih mempunyai masa dan tenaga untuk menghadiri mesyuarat dari semasa ke semasa.

Pada tahun 1978, DYMM Sultan Kedah mengurniakan beliau gelaran "Dato'" dan pada tahun 1979 pula, beliau terpilih sebagai "Tokoh Guru" bagi negeri Kedah dan pada tahun berikutnya, beliau mendapat penghargaan yang serupa di peringkat kebangsaan.

Dato' J.F. Augustin dan Datin Adriene dikurniakan 10 orang anak dan kesemuanya lelaki. Dengan bilangan tersebut, mereka boleh mewujudkan sebuah pasukan kriket dan lantaran itu mereka disebut-sebut sebagai "The Cricketeers Bible" dalam Wisden.

Bagi masyarakat Eurasian, Dato' James Frederick Augustin merupakan "Grand Old Dad" (orang tua terhormat) - dikasihi dan amat dihormati. Memandangkan hal ini maka memang kena pada tempatnya apabila Pope mengurniakan beliau *Medal Merenti Bene* di Vatican City. Juga pada tahun 1959, Dato' Augustin dikurniakan *Knight Grand Cross of the Order of St. Sylvester*. Anugerah ini merupakan puncak kejayaan beliau.

Beliau menghembuskan nafas terakhir dengan tenang pada 16 Oktober 1985 dalam usia yang lanjut iaitu 87 tahun.

BAB 1

SEJARAH AWAL - CERITA MITOS DAN LEGENDA

Sebagaimana orang lain dan negara-negara lain di dunia, orang Melayu dan negeri-negeri Melayu mempunyai cerita-cerita mitos dan legenda bagi mengesan asal-usul mereka. Negeri Kedah Darul Aman tidak ketinggalan daripada kebiasaan ini. Hikayat Merong Mahawangsa mengisahkan cerita dewa dan separa dewa yang dikurniai kuasa luar biasa.

Salah sebuah kuasa luar biasa itu ialah garuda, separa dewa Hindu yang bersifat separuh manusia dan separuh burung. Garuda ini tinggal sendirian di Pulau Langkawi selepas berlaku Perang Phrrhic antara Sri Rama, Vishnu dan Hanuman, dewa monyet yang telah memusnahkan sebahagian besar pulau kumpulan tersebut.

Suatu hari seekor burung helang datang memberitahu garuda bahawa Putera Negeri Rum (terletak sama ada di Empayar Byzantin atau India) akan belseyar ke Negeri China. Di sana Putera ini akan dikahwin dengan Puteri Maharaja China. Dia juga mendengar daripada burung kakak tua bahawa Raja Rum telah menghantar armada yang mengagumkan untuk mengiringi mempelai.

Apabila garuda mendengar khabar ini, dia bersumpah akan menggunakan segala kuasa yang ada padanya untuk menghalang perkahwinan tersebut. Namun demikian, sebelum dia bertindak, dia akan memohon mengadap Nabi Sulaiman.

Nabi Sulaiman memberitahu bahawa perkahwinan tersebut tidak akan berlaku kerana putera dan puteri itu berada di negeri yang jauh terpisah. Nabi Sulaiman juga memberitahu bahawa sekiranya mereka ditakdirkan untuk berkahwin, tiada kuasa di muka bumi ini yang dapat memisahkan mereka.

Garuda meninggalkan Nabi Sulaiman dan terbang ke China setelah berjanji yang pemergiannya akan membawa hasil. Garuda telah menawan Puteri, dayang dan pengiringnya lalu membawanya dengan taringnya ke Langkawi dan mengurung mereka di sebuah istana.

Pada masa yang sama armada besar yang mengiringi Putera Rum ke China belseyar mengikut arahan Raja Merong Mahawangsa. Bapanya seorang Indera keturunan dewa kecil dan emaknya seorang gergasi, anak perempuan raksasa.

Semasa armada belseyar di laut, garuda menyerangnya. Tetapi setiap kali garuda cuba memusnahkan kapal-kapal, Merong Mahawangsa menukar haluan dan panah ajaibnya menjadi jentayu - seekor burung yang amat berkuasa dan menangkis kuasa garuda. Apabila kapal Merong Mahawangsa berhenti di pulau untuk mengambil air dan berpisah daripada kapal lain, garuda berjaya menenggelamkan semua kapal itu.

Garuda percaya bahawa Putera Rum turut tenggelam. Dia tidak sedar bahawa Putera itu

telah berpaut pada papan dan arus telah menghantarkan beliau ke tepi pantai Langkawi. Di sana beliau bertemu dengan dayang Puteri lalu beliau dibawa mengadap dan dilindungi Puteri. Garuda tidak sedar akan pertemuan Putera dan Puteri ini kerana Putera Rum bersembunyi di gua yang berhampiran.



Gua Cerita

Garuda begitu yakin bahawa Putera Rum telah terkorban. Lalu dia terbang untuk bertemu Nabi Sulaiman dan telah bermegah bahawa dia telah menawan Puteri China, dayang dan hambanya; telah memusnahkan armada Rum serta telah membunuh Putera Rum.

Walau bagaimanapun Nabi Sulaiman lebih mengetahui. Apabila beliau mendengar cakap besar garuda, dia memerintahkan Raja Jin yang bernama Harman Shah supaya menghantar wazirnya bersama-sama dengan 100 jin untuk membawa Putera Rum dan Puteri China dan dua orang hambanya mengadap Nabi Sulaiman. Wazir berjaya membawa keempat-empat orang itu.

Dengan rasa yang amat kecewa kerana gagal menghalang perkahwinan itu, garuda telah membuang diri meninggalkan bumi ini.

Nabi Sulaiman telah mengarahkan supaya wazir membawa pasangan tersebut ke Negeri China dan mengahwinkan mereka mengikut adat kebesaran dan tradisi Maharaja China.

Pada masa yang sama Raja Merong Mahawangsa yang menganggap Putera Rum telah hilang memasuki muara Merbok (menurut Ptolemy terletak di garisan 5.35°U).

Hikayat Merong Mahawangsa mengisahkan cara baginda menyusur pantai dan sampai ke sebuah teluk dan di tanah seperti yang dinyatakan oleh jurutunjuk bahawa, "Pulau yang sedang kita sampai ini bercantum dengan tanah besar. Nama pulau ini ialah Pulau Serai (menurut Ptolemy di garisan 5.50°U). Pulau yang kecil pula bernama Pulau Jambul dan yang satu lagi Pulau Lada."

Raja Merong Mahawangsa kemudiannya memutuskan untuk mendarat ke tepi pantai di sebelah timur dan apabila kapal bergerak berhampiran pantai timur teluk itu, baginda mendarat bersama-sama dengan ketua dan pengikut baginda.

Dalam masa sekejap sahaja baginda telah dilawati oleh ramai orang besar dari suku gergasi. Baginda kenal kasta gergasi ini dan baginda melayan mereka dengan mesra dan beradab.

Walau pun gergasi itu agak curiga kerana sebelum ini mereka tidak pernah melihat orang yang lebih bertamadun. Mereka amat seronok apabila baginda berkata, "Saya akan berada di pulau ini dan sekiranya tuan semua bersetuju saya bersedia berada di sini sehingga saya mendapat sebarang khabar tentang Putera Rum sama ada dia hidup atau mati?"

Gergasi menyembah Raja Merong Mahawangsa dengan penuh hormat dan berkata, "Semua hamba tuan amat bergembira dengan permintaan tuanku sebab kami belum ada raja di sini. Oleh itu tuanku bolehlah memilih tempat untuk tinggal."

Raja Merong Mahawangsa berjalan sekeliling dengan diiringi oleh pengiringnya dan gergasi dan akhirnya meletakkan asas di kawasan yang sesuai untuk dijadikan tempat tinggal baginda.

Sebaik sahaja turun dari kapal, baginda membina kubu yang dikelilingi oleh parit dan membina dewan yang besar dalam istana yang dinamakan "Langkasuka". Nama ini diberi kerana dewan itu dibina dalam suasana yang penuh keriangan dan terdapat banyak haiwan buruan seperti rusa, kancil, seladang dan burung untuk diperburu. Kesemuanya dapat dihidangkan untuk menyukakan orang ramai.

Apabila istananya telah siap dibina, Raja Merong Mahawangsa membawa permaisuri baginda ke istana. Baginda membawa segala alat kepunyaan baginda dari kapal ke dalam istana. Semua menteri, hulubalang dan para penggawa membina rumah mereka di taman sekeliling istana dan setiap hari menyembah baginda.

Apabila berita tentang baginda bertapak di situ terdengar di luar negeri, maka ramailah pedagang dan orang asing datang berdagang. Pemerintahan raja yang adil saksama dan bertimbang rasa terhadap ketua dan rakyat membolehkan mereka hidup aman damai dan kaya raya. Banyak orang dari negara lain datang bersama-sama keluarga mereka tinggal di bawah pemerintahan baginda. Dari bulan ke bulan, dari tahun ke tahun penduduk semakin bertambah. Oleh itu kedudukan Raja Merong Mahawangsa semakin teguh dan pandangan jauh baginda, keilmuan dan keadilan baginda menambah kemasyhuran baginda.

BAB 2

RAJA-RAJA MAHAWANGSA

Merong Mahawangsa dijangka hidup dari tahun 1218 hingga 1286 Masihi dan petempatan yang beliau bina dalam masa yang pendek bersambung di kedua-dua belah puncak Kedah. Beliau tinggal di sini.

Beliau bimbang untuk kembali ke Rum dengan membawa khabar yang putera jagaannya iaitu Putera Rum terkorban semasa ribut kencang. Beliau tidak tahu yang putera Raja itu masih selamat dan berkahwin dengan Puteri Maharaja China sebagaimana yang dirancang oleh bapanya.

Dua puluh tahun kemudian, beliau mendengar berita gembira itu apabila utusan yang dihantar ke istana Achin bertemu secara kebetulan dengan utusan Raja Rum yang dihantar untuk mencari Putera Rum bagi membawanya pulang ke Rum. Beliau kemudiannya menabalkan puteranya, Merong Mahapodisat sebagai Raja Kedah dan beliau kembali ke Rum.

Merong Mahapodisat seorang penganut Hindu yang warak, seorang sarjana yang hebat dan pakar dalam memburu. Beliau telah membawa tukang yang mahir dari India untuk membina kuil dan tempat keramat untuk Siva. Pada masa pemerintahan beliau, ramai orang dari India datang untuk bermiaga dan tinggal di Kedah. Apabila beliau meninggal dunia, beliau diganti oleh anaknya Sri Mahawangsa.

Pada masa pemerintahan Sri Mahawangsa, raja ketiga, pengaruh India semakin kuat tetapi ditolak oleh orang tempatan. Untuk mengukuhkan kedudukannya, beliau berkahwin dengan perempuan Melayu anak penghulu. Namun demikian beliau ragu dengan kesetiaan isterinya dan beliau tidak membenarkan sesiapa kecuali orang India untuk tinggal di kotanya di Langkasuka. Kemudian beliau memindahkan ibu negerinya ke Kuala Muda berhampiran Sungai Mas kerana Langkasuka terlalu jauh dari laut. Beliau menamakan ibu negerinya yang baru sebagai Srukam (stesen pungutan) sebab beliau memungut cukai di situ untuk menambahkan hasilnya.

Raja yang keempat ialah Sri Maha Inderawangsa. Raja ini melanggar wasiat bapanya dengan mengahwini keturunan gergasi. Beliau memerintah sekejap sahaja dan telah diganti oleh anaknya Ong Maha Perita Deria yang dikenali sebagai Raja Bersiong.

Ong Maha Perita Deria merupakan pemerintah kuku besi dan zalim. Beliau telah menghapuskan empat orang menteri Negeri, penasihat dan mengabaikan kota yang dibina oleh datuknya berhampiran Sungai Mas kerana beliau lebih suka di tempat baru di Kota Aur (Tikam Batu). Untuk mengatasi masalah kos dia telah mengutip cukai yang terbukti amat tidak digemari.

2

Ong Maha Perita Deria suka binatang buruan berdarah dan kuat berburu. Beliau telah menjadikan Gunung Keriang dan Tunjang sebagai kawasan simpanan dan memberi amaran akan memotong kepalा sesiapa sahaja yang melalui kawasan tersebut.

Semasa berburu, beliau suka mengerat binatang kepada dua bahagian dengan pedangnya sekali gus. Beliau dengan penuh ghairah menghisap darah daripada binatang yang disembelih tadi.

Hari demi hari sikap baran beliau sendiri tidak terkawal. Beliau menolak nasihat isteri beliau yang begitu mulia berbanding dengan beliau yang begitu berniat jahat. Apabila beliau naik berang, beliau menggertak gigi dan mengugut akan mengoyakrabakkan musuhnya. Beliau amat menggerunkan orang kampung tetapi orang India menganggap beliau gila dan memberi gelaran 'bersiong' mungkin kerana keturunan gergasi sebelah bapanya memakai dua gigi taring babi hutan di sekeliling leher sebagai tanda kelakian.

Akhirnya rakyat tidak tahan lagi dengan kezaliman dan kekejaman beliau. Mereka merungut. Raja menangkap orang yang merungut dan menghukum mereka.

Kebimbangan dan rasa tidak puas hati semakin meningkat. Rakyat merayu kepada Permaisuri. Ini telah menimbulkan kemurkaan Raja. Beliau sendiri teruk menyeksa mereka. Rakyat tidak tahan lagi. Mereka memberontak dan mengepung raja dalam kota istananya.

Dengan rasa cemas yang amat sangat, Permaisuri secara rahsia telah memerintahkan sidang di kalangan pembesar yang memberitahu Permaisuri bahawa mereka mahu Raja turun takhta. Permaisuri kemudiannya secara sukarela menurunkan Raja tanpa pertumpahan darah. Akhirnya Permaisuri memerintahkan askar dalam kota supaya menggunakan peluru kapur tetapi tidak dibenarkan menembak.

Pengepungan berlaku selama tujuh hari tujuh malam. Raja menjangkakan pihak pemberontak banyak yang terbunu tetapi beliau terkejut apabila diberitahu bahawa pemberontak telah memanjat tembok kota. Beliau sedar bahawa telah berlaku penderhanaan, maka beliau rasa hilang kekuatan dan lari ke hutan melalui pintu kecil di sebelah timur kota kerana musuh memasuki kota melalui pintu di sebelah barat.

Beberapa hari kemudian sebagai memenuhi hasrat Permaisuri, pembesar telah mengisyiharkan beliau sebagai Raja.

Langkah pertama yang diambil oleh Raja Perempuan ialah membentuk sebuah majlis yang terdiri daripada orang berpengalaman sebagai penasihat beliau. Beliau telah membelanjakan banyak wang sebagai pampasan akibat perbuatan suaminya. Beliau telah membina tempat tinggal, menggali telaga dan membalki kuil.

2
Walau bagaimanapun, Raja Perempuan tidak terdaya memerintah dan beliau menyatakan bahawa beliau akan turun takhta. Apabila Majlis meminta beliau mencadangkan penggantinya, beliau mengesyorkan penggantinya harus dipilih daripada keluarga Merong Mahawangsa. Utusan telah dihantar menemui Raja Siam yang dinastinya telah diasaskan oleh putera sulung Raja yang kedua, iaitu Merong Mahapodisat.

Utusan itu pulang bersama-sama dengan putera Raja Bersiong, Phra Ong Mahapodisat, iaitu anak daripada isterinya yang dikahwini di Siam.

Phra Ong Mahapodisat mula memerintah dalam keadaan yang amat baik. Baginda berkebolehan, bertenaga dan bijak. Semasa baginda ditakhtakan, baginda mengumumkan bahawa baginda akan membenarkan kebebasan beragama, kebebasan individu dan kebebasan perdagangan tanpa syarat. Baginda meminta nasihat dan bantuan daripada Siam.

Salah seorang pembesar, Raja Kelana Hitam enggan berbuat demikian atas alasan agama. Beliau telah mengundur diri ke arah utara dan membentuk angkatan yang menduduki Kuala Kedah dan menawan kota berhampiran Sungai Mas.

Phra Ong Mahapodisat meminta bantuan Siam. Baginda mengepung kota itu dan apabila bantuan Siam sampai, baginda berjaya mengambil semula kota itu.

Sebagai menghormati bantuan Siam yang tepat pada waktunya, baginda telah menghantar bunga emas kepada Raja Siam. Selepas penghantaran bunga emas, pengaruh Siam semakin kuat. Rakyat telah terpengaruh dengan adat Siam dan bercakap bahasa Siam.

Mengikut laporan orang Achin, seorang Arab Yaman, Shaikh Abdullah Yamani, telah sampai di Kedah pada 1474 Masihi dan pengajar agama Islam. Beliau telah dapat mengagumi Phra Ong Mahapodisat sehingga baginda menganut agama Islam dan menggunakan gelaran Sultan Mudzaffar Shah.

BAB 3

SALASILAH SULTAN KEDAH

Salasilah Sultan-sultan Kedah seperti ditunjukkan di Muzium Pulau Pinang bermula dengan Sultan Dhiayuddin Mukarram Shah yang memerintah dari tahun 1661 hingga 1687.

Salasilah sultan seperti yang dikumpulkan oleh Tunku Nong Jiwa dan sepupunya Tunku Fariduddin Haji (Kedua-duanya kerabat Di raja Kedah), asal-usul boleh dikesan daripada Phra Ong Mahawangsa, raja terakhir beragama Hindu dan Raja Kedah pertama yang memeluk agama Islam dengan mengambil gelaran "Sultan".

Maka sejak kemunculan Sultan yang pertama, walaupun dalam keadaan bencana dan malapetaka, Kedah telah diperintah secara terus oleh dua puluh empat Sultan tanpa putus-putus selama lapan abad.

Sultan Mu'azam Shah (1179-1201 Masihi), menggantikan ayahanda baginda Sultan Muzaffar Shah, tetapi anak baginda, iaitu Sultan Muhammad Shah (1201-1236 Masihi) yang telah menubuhkan Negara Islam. Baginda telah melantik Syeikh Abdullah mengetuai jawatankuasa agama Islam, dan telah menjemput guru-guru agama dari India dan Arab ke istana, membina sekolah-sekolah agama dan membina masjid bagi menggantikan kuil-kuil Hindu seperti di kawasan Bujang, yang terdapat sebuah kuil untuk dewa Kali yang besar digali di bawah kawasan masjid. Kini ditempatkan di kawasan Muzium Kedah di Alor Setar.

Salah satu kesan daripada perubahan ini ialah bahawa perkataan Arab mula muncul dalam bahasa Melayu misalnya nama Sanskrit bagi Kedah menjadi nama Arab - Kedah Darulaman, iaitu Kedah, kawasan yang aman.

Di bawah pemerintah Raja-raja Kedah menjadi bertambah maju dan dalam Sejarah Melayu yang dicatat pada tahun 1477 Masihi, Sultan Kedah (Muhammad Jiwa Zainal Adilin) telah melawat Sultan Mahmud Melaka yang menganggapnya sebagai "Raja yang teragung" dan mendapat nobat tanda kebesaran di raja daripada baginda.

Manakala Pelabuhan Kedah menjadi lebih mewah sebab menjadi pusat utama perjalanan laut dari Teluk Parsi ke China dan dari India ke selatan melalui Selat Melaka. Kedudukannya adalah lebih baik daripada Mergui atau Tenasserim di pantai Burma untuk perdagangan antara segenting yang diikuti oleh jalan keretapi ke Singgora sekarang.

Dalam manuskrip bertarikh 1516 Masihi, Barbosa seorang pedagang Portugis yang terkenal, menggambarkan Kedah sebagai "kawasan di bawah taklukan Siam", di pelabuhan ini terdapat

bilangan kapal yang berlabuh tidak terhingga banyaknya, berdagang dengan pelbagai barang. Banyak bilangan kapal orang-orang Moor dari semua pelusuk datang ke sini. Lada hitam yang terbaik dan terhalus ditanam di sini dan diangkut ke Melaka kemudian dibawa ke China. Reputasinya sebagai pelabuhan lada hitam telah mengilhamkan seorang penjawat Portugis terkenal, Vaz de Camoens (tahun 1524-1579 Masihi) menyebutkan dalam sajak terkenalnya Lusiad, diterbitkan pada tahun 1571 Masihi, meraikan kemunculan orang Portugis di India Timur, dalam barisnya,

"Behold Tawai City whence begin Siam's dominions, reign of great extent; Tenasseri; Quedah of town the Queen That bear the burthen of the hot piment."

Terjemahannya:

"Lihatlah kemunculan Bandar Tawai, Bawah penaklukan Siam pemerintahnya yang meluas, Tenasseri, sebuah Bandar Kedah Permaisuri, yang melahirkan bebanan rempah ratus yang pedas"



Matawang perak yang mencatatkan "Sultan Muhammad Shah Sultan Kedah"

Walau bagaimanapun hasil utama dan membawa keuntungan yang lumayan ialah timah yang bukan sahaja dari Kedah tetapi dari lombong yang meluas di Perak dan dari Utara Selangor, iaitu pada pertengahan abad kelima belas adalah sebahagian daripada Kedah. Mengikut Tome Pires dalam "Suma Oriental" (1513-1515 Masihi), iaitu Kedah pada masa itu sebahagiannya bersempadan dengan Negeri Melaka dan Beruas. Trang dan di bahagian lain bersempadan dengan Negeri Melaka dan Beruas.

Satu kisah yang menarik tentang kisah istana Kedah pada masa itu didapat dalam "Peregrinations" tentang pedagang Portugis, Fernand Mendez Pinto yang melawat Kedah pada tahun 1539 Masihi.

Dalam perjalanan ke Melaka dari Junk Ceylon (Phuket) dengan bahtera "Turupango" Fernand Mendez Pinto berlabuh di Pelabuhan Kedah kerana angin berhenti. Sementara menunggu angin bertiup semula, Pinto turun ke darat untuk melakukan kunjungan hormat kepada Sultan di samping

berdagang secara kecilan. Malangnya Sultan sibuk dengan upacara kemangkatan ayahanda baginda. Oleh itu Pinto kembali ke kapalnya.

Salah seorang teman Pinto yang bernama Khoja Ali, seorang ejen kapten Melaka, yang tinggal di darat telah menghadiri majlis makan malam yang diberi oleh pedagang asing. Selesai majlis itu Khoja Ali dengan sikap tidak kurang bijak telah mengeluarkan kata-kata kesat tentang baginda Sultan. Hal ini telah dikhabarkan oleh pengintip kepada Sultan dan Sultan memerintahkan mereka yang mengeluarkan kata-kata kesat itu ditangkap dan dihukum bunuh.

Semasa peristiwa ini berlaku, Pinto sedang tidur di kabinnya. Dia amat terkejut apabila dikehujung oleh askar berperisai memegang pedang dan dilengkapi dengan lembing. Mereka diarahkan oleh Sultan untuk mengambil Pinto dari kapal.

Pada waktu subuh Pinto telah dibawa dari luar istana ke dalam istana untuk mengadap Sultan yang memegang seekor gajah dengan pengiring baginda yang bengis yang jumlahnya lebih daripada seratus orang dan dikelilingi juga oleh sejumlah ramai dari berbagai-bagi pengikut.

Pinto menggil ketakutan dan telah jatuh berlutut di kaki gajah dan meminta Sultan menyelamatkan nyawanya.

Sultan telah meredakan ketakutannya, dan berkata bahawa baginda telah menghukum bunuh ejen Kapten Melaka kerana kata-kata kesat beliau. Dia telah menyakinkan Pinto bahawa baginda adalah sahabat baik orang Portugis, dan tiada maksud untuk naik ke kapal dan mengambil barangannya. Sebagai hadiah pemergiannya baginda telah mengambil keris daripada tali pinggang baginda dan menganugerahkannya kepada Pinto sebagai tanda penghormatannya.

Selepas mendapat kebenaran untuk berundur daripada pandangan baginda Pinto tanpa berlengah-lengah telah balik ke kapalnya seberapa segera yang mungkin. Apabila dia telah berada di atas kapal dia telah memerintahkan kelasinya menaikkan layar dengan segera. Dalam ketakutan dan tergesa-gesa Pinto tidak menunggu untuk mengangkat sauh apabila sauh ini ditinggalkan di dasar laut.

BAB 4

PENGARUH BUDAYA ASING

Walaupun Hikayat Merong Mahawangsa atau Hikayat Kedah, mempunyai fakta-fakta dongeng tetapi terdapat juga kebenaran. Budaya luar menyerap ke dalam Hikayat Merong Mahawangsa ke Kedah seperti di tempat-tempat lain di Semananjung Tanah Melayu yang diduduki oleh pemburu-pemburu nomad, petani dan nelayan seperti orang Semang dan juga orang-orang laut yang wujud hingga ke hari ini.

Seperi diketahui (daripada ekskavasi oleh Quatritch Wales) iaitu sebelum masa ini pedagang-pedagang Pallava dari pantai Coromandel di India mula menjelajah bahagian pantai timur Teluk Benggala untuk mencari rempah, kayu cendana, gading, emas dan timah.

Apabila bahagian pantai kawasan Burma dan selatan Siam yang penduduknya adalah sedikit untuk memenuhi permintaan mereka, maka mereka pun baylor ke arah selatan. Pada masa inilah Gunung (Gunung Jerai) Kedah menjadi penting. Gunung Kedah memang (dan masih) merupakan satu mercu tanda di pintu masuk sebelah utara Selat Melaka, kerana puncak ini boleh dilihat sejauh dua puluh ke tiga puluh batu dari lautan. Di kakinya terdapat muara Sungai Merbok dan di situ kapal boleh berlabuh di sisi daratan yang terdapat banyaknya air minum dan makanan.

Kedua-dua faktor ini mewujudkan satu penempatan India di Lembah Bujang apabila sebelum Perang Dunia Kedua, Quatritch Wales telah menggali 21 kuil batu dan tempat penyembahan yang bertarikh dari abad kelima hingga kedua belas. Kawasan penempatan itu mempunyai nama Sanskrit "Kadaha" dan nama Pallavanya iaitu "Kadaram".

Untuk memberi makan kepada penempatan ini kapal-kapal yang membawa bekalan kepada kawasan mendalam tempat perlindungan yang ditani. Ada kemungkinan bahawa kawasan perlombongan di hilir Sungai Semeling telah dikerjakan untuk memenuhi permintaan timah.


Kemungkinan besar bahawa orang-orang di sini adalah kebanyakannya orang India dan Pallava dari pantai Coromandel. Bahasa yang digunakan adalah loghat Sanskrit dengan tulisan Pallava tempatan. Tulisan Pallava yang sebenarnya digunakan untuk membuat inkripsi. Agama Buddha dianuti dengan meluasnya. Pada abad ketujuh, lapan dan kesembilan.

Bukti yang didapat telah disediakan oleh H.G. Quaritch Wales, Field Director of Greater India Research Committee (Pengarah Jawatankuasa Penyelidikan India) yang pada tahun 1937 dan 1938 telah membuka ibu pejabatnya di Sungai Petani dan membuat ekskavasi di pinggir bukit di selatan Gunung Kedah, iaitu tanah beralun yang diairi oleh Sungai Bujang. Di sini beliau telah menjumpai tapak atas laterit yang telah lapuk yang terdapat stupa - sebuah relik kubah Buddha.

Selepas membersihkan tapak asas ini, beliau telah menemui batu bersurat dengan secebis emas terlekat pada hujungnya. Batu bersurat ini tertulis tiga ayat dalam bahasa Sanskrit bertarikh 500 Masihi. Beliau telah merumuskan tarikh ini dengan membandingkan catatan yang hampir serupa dengan apa yang ditemui oleh Kolonel Low di kaki Bukit Mertajam dan Bukit Meriam di Kedah.

Satu lagi penemuan menarik pada tempoh yang sama ialah sebuah tapak laterit yang besar dan telah reput, dijumpai di Bukit Choras, dekat Kota Sarang Semut, 10 batu ke selatan Alor Setar. Di tengah-tengah tapak asas ini terdapat sebuah batu tercatat tulisan yang berkaitan dengan agama Buddha dalam bentuk huruf selatan India bertarikh tidak lewat daripada setengah abad terakhir abad keempat.

Tetapi bukti yang amat meyakinkan tentang pengaruh Buddha ialah sebuah keranda tembaga yang dijumpai di ruang di sebuah pintu masuk ke dalam tempat penyembahan. Keranda itu jelas mempunyai lambang Buddha dengan sebuah bekas diperbuat daripada emas yang mengandungi butiran emas, sekuntum bunga teratai dibuat daripada emas, singa dibuat daripada emas, lembu diperbuat daripada perak dan kuda daripada tembaga, loceng, gendang dan pembajak dan batu permata (berlian, mutiara, nilam, zircon, amethyst) dan senjata kecil terdiri daripada panah dan anak panah, pedang, pisau, perisai, jerat dan lembing.



Sebuah cepu batu yang mengandungi sembilan lubang ditemui di Bukit Batu Pahat, Kedah

Kebanyakan artefik adalah lebih kurang dua inci saiznya dan senjata didapati adalah menyerupai yang didapati di Borobudur, sebuah kuil terkenal di Jawa Tengah yang ahli-ahli arkeologi percaya telah dibina pada abad kelapan dan kesembilan.

Berasaskan ini dan ekskavasi lain yang telah dilakukan lebih daripada dua puluh ekskavasi - Quatrich Wales telah mengumumkan satu teori bahawa pada zaman ini Kedah adalah sebahagian

daripada wilayah jajahan sebuah negara Buddha iaitu Lang-ya-hsiu yang mempunyai ibu negeri di Ligor. Negara ini dikatakan bernaung di bawah Empayar Funan.

Pada pertengahan abad ke 16 ramai pendatang dari Pallava, selatan India datang menetap yang menyebabkan pemecahan Empayar Funan. Pada masa ini menurut Quaritch Wales, Kedah dan negeri-negeri lain di Semenanjung Asia Tenggara telah merdeka. Pendatang kemudian ialah pengikut Hindu dan pengaruh Hindu merebak dan memperkuatkan penguasaan ke atas negara tersebut.

Bukti peluasan pengaruh Hindu ditemui apabila terjumpanya, penemuan di Estet Sungai Batu, tujuh batu dari Bedong di kaki Gunung Kedah, banir tiang tempat suci yang dijadikan sebagai dedikasi kepada dewa Siva. Di bawah lantainya, dia mendapat dua tempayan yang mengandungi serpihan hiasan emas dan manik-manik emas.

Satu lagi relik yang menarik ialah atap gangsa dan tempat penyembahan dewa Siva yang lebih kecil menyerupai dalam berbagai-bagai segi yang boleh didapati di Tempat Penyembahan di Pallava di selatan India. Bumbung pedati, tebing layar berbentuk ladam, pasu bunga dan pendeta yang bersila adalah serupa. Penemuan Quaritch Wales yang paling terkemuka ialah "Candi Batu Pahat".

Candi ini dibina di atas tonjolan sebuah bukit menyebelahi sebuah air terjun. Di bawah tapak tiang batu terdapat kapsul perak kecil yang tiap-tiap satu mengandungi satu batu delima dan batu nilam. Dia juga telah menjumpai dua bekas yang mempunyai sembilan kebuk, digunakan untuk menyimpan relik Raja-raja Hindu yang sudah mati. Berdasarkan bekas ini dan kandungannya dia merumuskan bahawa "candi" itu digunakan untuk menyematkan abu raja-raja Hindu purba Kedah.

Semasa pendudukan Jepun (1941-1945) kebanyakan kerja pembalikpulih oleh Quaritch Wales telah dibiarkan oleh sebab telah diabaikan, kejahilan dan dimusuahkan oleh cuaca tropika. Sedikit usaha dibuat untuk memperbaiki kemasuhan hingga akhir tahun 1959 apabila ekskavasi dan pembalikpulih telah diarahkan oleh Dr. Alastair Lamb dari Universiti Malaya dan Monsieur Louis Contant yang telah dipinjamkan kepada kerajaan Malaya oleh Angkor Wat di Kemboja. Enam tukang batu dari Kedah telah membina tapak dengan blok batu-batu granit yang kecil dalam bentuk menyerupai tempat penyembahan yang asal. Pada masa ini dua lagi bekas dijumpai seperti di atas.

Di tapak kuil yang lain, Quaritch Wales menemui sebilangan kepingan emas dan perak yang tertera jampi mantera dalam bentuk tulisan selatan India. Di dalam tempayan terdapat dua wang syiling Arab abad kesembilan. Satu daripadanya jelas bertarikh 234 Hijrah (848 Masihi).

Penemuan seperti yang dinyatakan dan lain-lain mendedahkan satu tamadun yang tinggi tahapnya wujud di Kedah semasa zaman Hindu. Mengikut tradisi, penempatan di situ sangat padat sehingga seekor kucing dapat berjalan dari Gunung Jerai ke laut tanpa menjelak kakinya ke tanah walaupun sekali.

BAB 5

PELABUHAN KEDAH PADA ABAD KE 17

Kedudukan Pelabuhan Kedah di laluan masuk di utara Selat Melaka di persimpangan Segenting Kra adalah pusat komersial yang tersangat strategik pada abad ke-17.

Garis panduan bagi pengendalian dan pentadbiran pelabuhan ini adalah amat menarik. Misalnya dengan titah perintah Sultan pada tahun 1650 Masihi, Dato' Besar, Orang Kaya Maharaja Indera, Orang Kaya Sri Maharaja Khankhan dan pegawai-pegawai kerajaan mengadakan mesyuarat dan telah menterakan undang-undang bagi pelabuhan Kedah bagi menentukan tugas-tugas Syahbandar dan juga tugas-tugas ahli kastam. Kanun yang diterakan adalah berasaskan kanun Kesultanan Melaka. Salinan kanun Kedah, kanun Melaka dan kepulauan Sulawesi disimpan di "Royal Asiatic Society" di London.

Mata wang yang digunakan untuk berdagang dengan orang-orang asing adalah wang Patani. Mata wang ini terdiri daripada 2 jenis, iaitu wang syiling mas (dinar) dan kupang (suku dinar). Contohnya mengikut undang-undang Pelabuhan Kedah orang asing membayar enam kupang untuk permit masuk dan satu kupang untuk mengeksport seekor kerbau. Cukai eksport untuk seorang hamba adalah satu mas, sementara hamba diimport untuk dijual adalah dua kupang. Cukai import untuk satu bandela (bale) kain adalah dua kupang. Cukai poll adalah satu kupang untuk tiap-tiap dua orang yang meninggalkan negara itu.

Mengikut sumber Perancis ("L' Histoire General de Voyages, 1621 Masihi) mata wang tempatan tidak bernilai. Ia terdiri daripada wang syiling yang dibuat daripada tin yang dilombong setempat. Wang syiling ini juga ada dua jenis, yang lebih besar beratnya $1\frac{1}{2}$ auns, lebih kurang 2 "sou" Perancis nilainya, sementara yang lebih kecil adalah satu "denier" atau $\frac{1}{12}$ sou. Ia mempunyai nilai pasaran sebanyak 50 kulit kupang wang syiling tersebut adalah tebal di bahagian tepi tetapi nipis di bahagian tengah. Oleh sebab nilainya tidak seberapa maka undang-undang Pelabuhan mengharamkan kegunaan wang syiling ini dalam perdagangan.

Undang-undang pelabuhan memberikan kuasa yang banyak kepada Syahbandar. Misalnya tanpa kebenarannya tiada kapal boleh berlabuh. Tanpa memberi tahu Syahbandar seorang kapten/nakhoda kapal tidak boleh membeli getah, damar, getah-percha atau tiang layar. Jualan melalui hutang juga mesti dibuat di depannya supaya tidak terdapat apa-apa perselisihan faham. Jika terdapat sebarang selisih faham Syahbandar akan bertindak sebagai hakim.

Antara tugas Syahbandar juga termasuk membenarkan kapal asing masuk ke pelabuhan, pengawal pasar pada tiap-tiap hari, menghalang perjudian, laga ayam, menghisap ganja, meminum arak, jual beli secara haram, pergaduhan dan jika dibayar, memungut hutang daripada seorang

kapten/nakhoda semasa kapalnya berlabuh di pelabuhan. Hutang-piutang kepada Sultan dan pembesar negara dipungut oleh Panglima Bandar.

Syahbandar juga diberi kuasa untuk mendakwa sesiapa yang telah melanggar undang-undang Syariah dan mereka yang berjalan pada waktu malam tanpa lampu suluh. Sesiapa yang menghalang tugasnya, boleh dibunuh.

Wang ganjaran untuk pegawai-pejawai pelabuhan yang lain adalah dalam bentuk ganjaran juga dalam bentuk wang syiling. Kebanyakan kapal yang berkunjung ke pelabuhan pada masa itu datangnya dari Kalinga (selatan India) dan Gujerat iaitu negara pengeluar kain yang termasyhur pada waktu itu. Bagi setiap empat bendela (bale) kain Syahbandar dan orang-orangnya mendapat satu gulung kain. Satu gulung kain ditambah jika tugas ini termasuk menjaga kain-kain yang disimpan di gudang. Bagi mengira tiap-tiap seribu bendela (bale) dua gulung kain akan diberi kepada mereka. Selain ini, dia akan menerima pemberian yang biasanya sebanyak tiga "mas", bagi setiap kapal yang berlabuh. Baginda Sultan pula menerima 400 "mas" bagi kapal dari Kalinga dan 600 "mas" untuk kapal dari Gujerat.

Pegawai pelabuhan yang lain ialah Panglima Kuala, Panglima Bandar dan Panglima Negeri.



*Sekeping matawang perak yang mencatatkan
"Sultan Muhammad Jiwa Khalifatul-Rahman 1154" (Tahun Masehi 1741)*

Perdagangan dikendalikan dengan secara formal. Misalnya apabila sebuah kapal tiba di muara sungai, tembakan dilepaskan untuk mengisyiharkan kedatangannya. Panglima Kuala akan menaiki kapal untuk menentukan (i) Dari mana asalnya (ii) Berat bahan dagangan (iii) nama kapten/nakhoda (iv) jumlah anak kapal. Untuk tugas ini dia akan dibayar 10 "mas". Apabila kapal meninggalkan pelabuhan dia akan dibayar sebanyak 14 "mas".

Selepas memungut kesemua keterangan di atasnya, Panglima Kuala akan melaporkan

C

maklumat ini kepada Syahbandar yang akan meminta perkenan Sultan untuk masuk ke pelabuhan. Apabila Sultan telah perkenankan dia akan pergi ke kapal dengan anggota polisnya dan selepas pertukaran pemberian terjadi kapal itu akan dibawa masuk ke pelabuhan.

Selepas sahaja sauh diturunkan berhampiran dengan bandar dia akan memerintahkan kapten/nakhoda memberi kunjungan hormat kepada Panglima Bandar, Panglima Negeri dan baginda Sultan.

Selepas keramaian, kebenaran diminta daripada Syahbandar untuk membuka bungkusan. Kandungannya akan disenaraikan dan dinilai oleh seorang pedagang tempatan. Baginda Sultan mempunyai pilihan utama dan boleh membeli apa sahaja yang beliau hajati.

Kapten/nakhoda mesti memberi notis 10 hingga 14 hari kepada Syahbandar sebelum beliau berlabuh. Sebelum berlabuh baginda Sultan akan memberikan hadiah dan menempah barang daripadanya. Jika terdapat surat pesanan barang untuk baginda, maka surat itu diiringi dengan penuh istiadat ke atas kapal.

Sebelum kapal belayar Syahbandar mestilah menentukan bahawa kapal tidak membawa "hamba-hutang" orang-orang bersalah dan juga kanak-kanak.

Kapal yang membawa surat rasmi dan bandela-bandela (bales) daripada Syarikat Hindia Timur (East India Company) dikecualikan daripada peraturan rasmi dan cukai pelabuhan jika hadiah berupa buah tangan diberikan kepada pembesar-pembesar negeri dan juga baginda Sultan.

BAB ENAM

PEDAGANG REMPAH

Pada abad ke-16 dan ke-17, Kedah terkenal dengan perdagangan lada hitam. Selain Camoen dengan ungkapan klasik Lusiad berbunyi "Kedah bandar permasisuri yang menjadi tumpuan perniagaan rempah-ratus yang pedas," Duarte Barbosa, Tome Pires dan Thomas Bowrey juga telah menyebutkan Kedah sebagai pusat perdagangan dan pengeluar lada hitam. Barbosa telah menyebut bahawa Kedah adalah kawasan penanaman lada hitam yang banyak dan hasilnya dibawa ke Melaka dan China.

Halangan dan persengketaan oleh orang-orang Portugis memaksa pedagang Arab dan Gujerat meminta bantuan Aceh untuk melindungi keselamatan dan mengawal Sumatera dan Tanah Melayu sebagai sumber lada hitam yang diperlukan oleh orang-orang Eropah dan China.

Untuk tujuan ini Aceh telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menghapuskan persaingan daripada kawasan-kawasan pengeluar lada hitam di Semenanjung Tanah Melayu, terutamanya Kedah. Pada tahun 1620 Masihi, Raja Aceh, Mahkota Alam telah menyerang Kedah dan memusnahkan ladang-ladang lada hitam supaya Kedah tidak boleh bersaing dengannya.

Harga lada hitam biasanya lebih kurang 16 piastres (dolar Sepanyol) bagi satu bahar (450 paun). Tiada sesiapa yang dibenarkan berdagang lada hitam tanpa kebenaran Raja. Pada musim yang baik raja akan memberi lada hitam seberapa banyak yang Baginda mahu kepada pedagang untuk mendapatkan dua pucuk meriam.

Kebanyakan pedagang berbangsa Portugis yang tinggal di Melaka. Mereka tiba pada bulan Disember dan berada di Melaka hingga bulan Februari. Mereka membawa bersama-sama mereka kain, garam dan wang dari Gujerat. Barang ini mendapat permintaan besar daripada orang China yang ramai tinggal di bandar Patani yang terletak di kawasan yang bertentangan dengan Pelabuhan Kedah, selari dengannya yang mengambil masa lima hari melalui jalar darat.

Pada bulan November lada hitam masak dan dipungut pada pertengahan bulan Disember hingga akhir bulan Februari. Lada hitam dijual dengan menggunakan sukat dan bukan mengikut berat. Sukatan yang digunakan ialah 'naleh' yang mengandungi 16 gantang. Tiap-tiap gantang terdiri daripada empat cupak, 15 'naleh' adalah satu bahara (450 paun). Pembeli lada hitam dari Kedah mempunyai kelebihan berbanding dengan pembeli dari Aceh dan tempat lain kerana mereka menambah air, pasir dan batu-batu kecil dan kekotoran yang lain ke dalam lada hitam.

Pada bulan Ogos 1621, Jeneral Agustin de Beaulieu di bawah perkhidmatan Raja Perancis Louis XIV tiba di Kedah untuk mendapatkan maklumat bagi persediaan menubuhkan Syarikat Hindia Timur Perancis yang kemudian ditubuhkan oleh Jean Baptiste Colbert pada tahun 1664 Masihi.

Oleh sebab keadaan angin dan ombak de Beaulieu terpaksa singgah di Langkawi. Dia tiba pada 7 Ogos 1621. Pada hari keesokannya dia menghantar dua daripada anak kapal berbangsa Portugis untuk memberitahu penghulu atau Gabenor pulau Langkawi akan ketibaannya.

Apabila sahaja penghulu Langkawi menaiki kapal dia dianugerahkan dan diberi tahu bahawa kedatangan mereka adalah semata-mata untuk berdagang dan membuat pakatan dengan pihak Sultan. De Beaulieu memberi buah tangan kepada penghulu sebagai tanda keikhlasan.

Sebagai jawapan penghulu telah menyatakan bahawa kebenaran untuk berdagang hanya boleh didapati selepas dia mempersembahkan kepada baginda Sultan dan Sultan memperkenankannya. De Beaulieu berjanji akan memberi pertolongan kepada baginda dengan peralatan artileri sebagai "tanda kasih sayang"nya kepada baginda.

Dua hari kemudian pihak penghulu telah menghadiahkan seekor kerbau kepada de Beaulieu dan menasihati beliau supaya menghantar perutusan mengadap baginda Sultan.

De Beaulieu mengarahkan Sieur d'Espine untuk bertindak sebagai wakilnya. Dia juga turut menghantar penolongnya bersama-sama Sieur untuk menolongnya di dalam perjalanan yang mengambil masa sepuluh atau dua belas hari, seperti telah diberitahu oleh penghulu. Ini ialah kerana Sultan telah berundur tiga hari perjalanan dari pantai kerana baginda bimbang, orang Aceh yang telah memusnahkan pelabuhan Kedah dan sedang berpangkalan di Perlis supaya mereka boleh menguasai kedua-dua jalan masuk dari utara ke Selat Melaka.

Tiga hari selepas keberangkatan Sieur d'Espine, de Beaulieu menerima surat daripada beliau dari Perlis yang beliau berharap dapat berjumpa Sultan di "Quantchin".

Pada 2 September penolong de Beaulieu tiba dengan menaiki perahu. Sieur telah menghantarnya untuk memberitahu bahawa beliau tidak dapat mengadap baginda kerana baginda takut akan ditipu oleh orang-orang Aceh. Baginda juga kerap terpaksa berundur ke kawasan pedalaman.

Seminggu kemudian Sieur tiba. Beliau memberitahu de Beaulieu yang Sultan mempunyai sedikit sahaja lada hitam tetapi baginda amat memerlukan meriam dan meminta pihak Perancis menjual kepadanya pada bulan Disember. Baginda amat terhutang budi atas pertolongan mereka.

Akhirnya pada 20 September de Beaulieu menerima surat daripada Sultan yang memberi kebenaran kepada de Beaulieu untuk berdagang secara bebas dan meminta dua pucuk meriam untuk ditukarkan dengan 30 bahar lada hitam.

Apabila de Beaulieu tiba, didapati sedikit sahaja lada hitam dan beliau hanya dapat memunggah tidak lebih daripada 20 bahar. Apabila beliau mendapat tahu bahawa angkatan laut Aceh yang membawa 70 buah kapal akan tiba di Perak, beliau mengambil keputusan adalah lebih wajar baginya untuk belayar keluar dari situ.

BAB TUJUH

PERTEMPURAN DI LAUT BERHAMPIRAN KEDAH

Ketibaan orang Portugis di bahagian timur mewujudkan persaingan dengan orang Aceh untuk mememonopi perdagangan lada hitam yang sungguh lumayan dan ini mengakibatkan satu serangan mengejut oleh pihak Aceh ke atas Melaka pada tahun 1537 Masihi yang akhirnya gagal.

Sepuluh tahun kemudian orang Aceh melakukan satu lagi serangan dengan lebih hebat. Angkatan ini mengandungi 60 buah kapal dengan 5000 orang tentera. Ketua angkatan ini telah membahagikan angkatannya kepada dua; satu angkatan untuk membuat serangan mengejut ke atas pelabuhan dan satu angkatan lagi untuk membakar semua kapal yang berlabuh di pelabuhan.

Serangan yang dibuat pada waktu malam 18 Oktober hampir berjaya. Angkatan yang mendarat telah menangkap sekumpulan itik bagi membuktikan pendaratan mereka kepada Laksamana tetapi itik-itik itu telah mengejutkan benteng pertahanan lawan dan akhirnya serangan ke atas pelabuhan itu dipatahkan.

Rancangan yang satu lagi mencapai kejayaan. Kelasi-kelasi Portugis telah ditawan secara mengejut dan kapal mereka dibakar. Hanya lapan orang yang terselamat dan telah terdampar di pantai.

Untuk menuntut bela ke atas serangan ini seorang mualigh terkenal St. Francis Xavier, memohon kepada Gabenor Melaka, Simon de Mello untuk memperbaiki kapal-kapal yang rosak. Selepas membaik pulih kapal-kapal itu didapati hanya terdapat 180 orang Portugis, untuk mengendalikan kapal berkenaan. Mereka ini telah mengalami bencana kerana perperangan yang menyusul selepas itu pihak Aceh telah menenggelamkan kapal induk Portugis di pelabuhan. Selepas itu mereka telah belseyari ke utara melalui pantai Semenanjung.

Pada petang hari itu juga angkatan Portugis di Melaka telah diperkuatkan dengan kedatangan dua buah kapal kepunyaan Diego de Mello yang belseyari melalui Selat Melaka ke Pegu. Dia tidak berhasrat untuk berlabuh di Melaka kerana kapalnya sarat dengan muatan, tetapi kapal-kapal ini telah dipintas oleh St. Francis Xavier dengan perahu kecil. Mualigh ini berjaya mempengaruhi pedagang itu untuk menolong rakan-rakan senegara; dan di bawah pimpinan Don Francisco Deca satu angkatan laut sebanyak lapan buah kapal telah belseyari dari Melaka untuk mengejar angkatan dari Aceh itu.

Sementara itu angkatan Aceh telah menyerang Kedah dan selepas itu kapal-kapal mereka telah berlabuh di Sungai Perlis (Perlis adalah sebahagian daripada Kedah) tempat mereka menunggu sekumpulan kapal pedagang Portugis yang mereka percaya dalam perjalanan dari Bengal ke Pegu.


Angkatan Portugis tidak sedar akan kehadiran angkatan Aceh sehingga selepas diberitahu oleh nelayan akan kedudukan musuh mereka. Mereka pun belseyari ke Kuala Perlis dan berhenti di suatu kawasan di tepi pantai yang masuk ke muara sungai.

Angkatan Aceh belseyari ke muara sungai dalam kedudukan bersedia untuk berperang dengan

pekitan dan pukulan gendang. Laksamana telah menganggotai kumpulan pertama dengan kapal induknya diiringi oleh empat buah kapal yang lain. Dibelakangnya terdiri daripada sepuluh barisan enam kapal dengan persiapan senjata yang lengkap.

Sebaik sahaja musuh muncul, laksamana Portugis mengarahkan tiga buah kapal untuk menentang pihak musuh, sementara beliau mengarahkan lima lagi kapal untuk menyusul di belakang.

Tanpa pertimbangan yang baik orang Aceh telah menembak sebelum mencapai jarak yang berkesan. Ini amat merugikan, dan apabila pihak Portugis membala tembakan, mereka berasas baik dapat menenggelamkan kapal induk angkatan Aceh.



Sepucuk meriam di Kota Kuala Kedah yang dipanggil "Katak Puru"

Semasa pertempuran berlaku empat buah kapal pengiring telah berhenti untuk memberikan pertolongan kepada Laksamana dan telah memusing kapal mereka merentangi sungai untuk menolong mereka yang jatuh ke dalam air. Enam buah kapal yang menyusul kumpulan pertama bertembung dengan empat kapal itu. Kesembilan barisan kapal pun bertembung di antara satu sama lain, menyebabkan berlakunya perselisihan faham.

Pihak Portugis telah mengambil kesempatan ini untuk melepaskan tiga tembakan kepada pihak musuh yang dalam keadaan kucar-kacir itu. Dalam keadaan yang kelam-kabut ini pihak Aceh tidak berkuasa untuk membala tembakan Portugis dan dalam masa yang sekejap sahaja sembilan buah dari kapal mereka telah ditenggelamkan dan kebanyakannya kapal mereka mengalami kerosakan. Bilangan yang terkorban lebih kurang 4000 orang anak kapal. Sebanyak 25 buah kapal telah dibawa ke Melaka dan selebihnya dibakar; tiga ratus batu di selatan kawasan pertempuran, di Gereja "Assumption" di Melaka, St. Francis Xavier telah menghabarkan pada perhimpunan yang ada bahawa Portugis telah mencapai kemenangan yang besar ke atas orang Aceh dan Melaka telah diselamatkan.

Walaupun orang Aceh telah mengalami beberapa kekalahan tetapi mereka dapat memperluaskan kekayaan dan kuasanya iaitu mencapai cita-cita mereka menjadi sebuah empayar seperti Sri Vijaya. Di antara tahun 1618-1620 Masihi, Mahkota Alam, pemerintah Aceh dapat menakluki Pahang, Perak dan Johor. Pada akhir tahun 1620 Masihi, Mahkota Alam telah menyerang Kedah dan memusnahkan ladang-ladang rempah, merampas harta-benda dan menawan baginda Sultan serta kerabat keluarganya dan dibawa ke Aceh. Empat tahun berikutnya semasa Kedah di bawah pemerintahan adinda Sultan, Kedah telah dilanda malapetaka yang berturut-turut. Pada tahun yang pertama pemerintahan baginda penyakit taun telah mengorbankan seramai 40 000 orang.

BAB LAPAN

PERSAINGAN YANG SENGIT

Perhubungan antara Kedah dengan Portugis bermula pada abad ke-16 selepas orang Portugis menawan Melaka pada tahun 1511 Masihi. Kemudiannya Melaka telah menyingkirkan Kedah sebagai pusat strategik dan komersil Semenanjung Tanah Melayu. Walaupun Kedah masih menjadi tempat yang penting sebagai kawasan perjumpaan pedagang dari Melaka, Sumatera, Aceh, Singgora dan Patani.

Pedagang Portugis dan (kapal mereka) selalu singgah di pelabuhan Kedah terutama untuk mengambil lada hitam yang akan dibawa ke Eropah dan China. Mereka menyebut Kedah dalam Deskripsi Pelayaran mereka dan menandakan pada carta mereka. Seperti telah dinyatakan pada bab-bab terdahulu salah seorang kelasi, pengembara Portugis bernama Fernand Mendez Pinto melawat Kedah pada pertengahan abad itu. Dia telah tinggal di timur antara tahun 1538 hingga 1558, pada masa itu telah menemani St. Francis Xavier ke Jepun.

Pinto telah memberi laporan yang menarik dengan panjang lebar tentang hubungannya dengan Sultan Kedah, menyatakan bahawa dalam pelayarannya dia tidak pernah berjumpa dengan orang Belanda yang dianggap oleh orang Portugis sebagai 'musuh negara mereka'.

Malangnya keadaan ini tidak bertahan lama. Orang Belanda yang tertarik dengan kekayaan orang Portugis yang mempunyai kapal dengan muatan yang sarat mengharungi lautan dan membawa muatan yang berharga menjadikan bandar Lisbon pelabuhan terkaya di Eropah, telah menubuhkan syarikat kompani Hindia Timur Belanda di bandar Rotterdam pada penghujung abad ke-16. Ini telah mengakibatkan wujudnya persaingan getir di antara Portugal dengan Holland dalam perdagangan rempah yang sungguh lumayan itu.

Selain menambahkan rempah-ratus ke dalam pemakanan mereka, orang Eropah juga memerlukan rempah untuk mengawet daging pada musim sejuk. Biasanya kesemua haiwan yang tidak diperlukan untuk disimpan disembelih, dibubuh garam dan rempah pada permulaan musim bunga.

Kapal-kapal Belanda pun mula muncul di Perairan Timur. A.D. Cornelis Houtmen seorang jurumudi Belanda yang terkenal menulis tentang lawatannya yang pertama di Timur pada tahun 1595 mencatatkan Kedah sebagai "pengeluar lada hitam yang terbanyak".

BAB 9

BELANDA DI KEDAH

Pada tahun 1605 Masihi orang Belanda telah bersungguh-sungguh berusaha untuk merebut perdagangan orang Portugis di Hindia Timur. Oleh itu sebuah angkatan laut yang terdiri daripada 11 buah kapal dengan sejumlah 1100 orang yang dianggotai oleh Laksamana Cornelis Matalief the Younger telah belayar dari Holland untuk memerangi armada Portugis di Kepulauan Timur. Angkatan laut Portugis terdiri daripada kapal-kapal pelbagai jenis iaitu 17 buah gelung, 4 buah ghali, sebuah karavel dan 14 buah perahu layar, yang dikendalikan oleh 3754 kelasi Eropah dan dua kali ganda banyaknya daripada jumlah orang berbangsa India.

Matalief telah tiba ke Selat Melaka pada tahun yang berikutnya. Pada 12 April bot panjangnya telah menawan tiga buah kapal Kedah jenis piragues dan merampas layar mereka tetapi kemudian telah dipulangkan kepada kelasi-kelasi yang berbangsa Melayu oleh Sultan Laksamana Matalief. Menerusi mereka dia telah menghantar sepucuk surat kepada Sultan Kedah memberitahu baginda yang orang Belanda tidak akan mencederakan rakyat baginda dan mereka boleh belayar ke mana sahaja kecuali ke Melaka kerana akan dikepung.

Empat minggu kemudian dia telah tiba di Melaka dan mula menyerang. Kepungan ke atas Melaka selama tujuh belas minggu, iaitu sehingga 16 Ogos. Pada hari itu armada Portugis yang diketuai Don Andraea pun muncul. Oleh sebab pihak musuh ramai maka Matalief pun mengambil tindakan untuk berundur ke Johor iaitu sahabat orang Belanda.

Furtado telah menghantar sebahagian daripada angkatan laut Portugis untuk mengejar Matalief yang dalam pertempuran berikutnya telah mengalahkan orang Portugis.

Selepas kemenangan ini Matalief telah meletakkan 26 orang Belanda di sebuah kapal yang telah ditawan daripada orang Portugis dan menghantar mereka ke Ambon. Dia pun belayar ke Kedah untuk berunding berkenaan satu pakatan dengan baginda Sultan yang takut akan serangan orang Portugis. Sultan telah menghantar satu utusan khas menemui Matalief semasa baginda di Johor dan meminta perlindungan daripada Syarikat Hindia Timur Belanda.

Dalam perjalanan ke Kedah Matalief telah singgah di Pulau Pinang pada 12 November dan mengarahkan kapal "Grand Soleil" meronda di kawasan itu secara bebas, sementara dia bersedia untuk belayar dengan kapal "Petit Soleil". Sebagai persediaan dia telah menghantar utusan Sultan dahulu (yang mengiringinya ke Johor) dengan ketua Komisioner dari Amsterdam iaitu Jafner

Janez seorang penolong untuk menyampaikan ucapan hormatnya kepada Sultan dan memberitahu baginda bahawa pihak Belanda sedang dalam perjalanan untuk menolong baginda menghalau orang Portugis.

Seminggu kemudian Matalief tiba ke Pelabuhan Kedah, tidak lama kemudian dua orang utusan yang dihantar sebelum ini telah menaiki kapalnya dengan dua orang pegawai Sultan.

Laksamana Matalief memberitahu bahawa dia datang untuk menolong baginda Sultan dan jika baginda berkenan untuk membuat perjanjian persahabatan dengan Belanda, baginda Sultan mesti mengisyiharkan perang ke atas orang Portugis dan adalah penting memberi persetujuan bahawa wang yang didahului oleh orang Belanda mestilah dijelaskan. Jika terdapat kapal yang terluang ia harus bersedia untuk meronda di muara sungai untuk menghalang orang Portugis daripada terlepas lari.

Pegawai-pegawai Sultan membawa surat yang bertaullah daripada raja mereka; dalam jawapan baginda menulis bahawa semasa baginda meminta pertolongan Laksamana terdapat ramai orang Portugis di Kedah. Tetapi kebanyakannya orang Portugis telah pun meninggalkan tempat itu dan hanya sebilangan kecil daripada mereka yang tinggal dan jika baginda mengisyiharkan perang ke atas orang Portugis maka baginda akan mendedahkan keseluruhan Negara Kedah daripada serangan orang Portugis yang akan memusnahkan seluruh negeri Kedah.

Walau bagaimanapun baginda akan memberi pertolongan kepada orang Belanda setakat mana yang boleh tetapi mereka mestilah tidak mendekati perairan Kedah atau kawasan yang dekat dengannya.

Kecurigaan terhadap orang Portugis adalah berasas, kerana pada tahun 1611 Masihi Furtado "memusnahkan bandar Kedah dengan pedang dan api".

Walaupun dia kecewa dengan keputusan Sultan untuk mengisyiharkan perang, Matalief tanpa merasa hampa dia telah menghantar dua orang utusan dan mencadangkan kepada baginda Sultan cara baginda dapat menuntut bela ke atas orang Portugis.

Utusan Matalief kembali pada 24 November yang memberitahu bahawa Sultan sedang memerhati muara sungai untuk menghalang dua kapal pirogue kecil Portugis dengan 8 orang Portugis dan 32 orang "hitam" daripada meninggalkan pelabuhan. Baginda juga telah meletakkan para pegawai baginda untuk memberitahu kepada orang Belanda sejurus sahaja kepala itu bersedia untuk belayar.

Laksamana Matalief telah mengarahkan sebuah perahu layar dan sebuah kapal ghali besar untuk mengawal muara sungai malam dan siang. Dia juga mempergerusikan satu persidangan perang dan merumuskan resolusi-resolusi termasuk memberikan hamba abdi yang telah ditawan dalam sebuah bot kecil yang tiba dari Negapatan.

Pada malam itu Pierre van der Duffen, kapten salah sebuah bot peronda, telah menaiki kapal Laksamana dengan lima orang Portugis. Mereka telah meninggalkan Melaka tiga belas hari sebelum itu dengan dua buah kapal *Pirogues* membawa surat kepada baginda Sultan dan Syahbandar dan berharap menemui armada itu di Pulau Betong, Pulau Pinang atau Trang.

Surat tersebut telah dirampas oleh orang Melayu. Laksamana telah menghantar orang Portugis ke darat untuk mengambil balik surat itu. Melalui surat itu beliau mengetahui bahawa dalam peperangan laut di Johor orang Portugis telah kehilangan enam pegawai kanan mereka dan 521 orang. Berita ini membuat Matalief lebih bertekad untuk mencari armada itu dan memusnahkannya.

BAB SEPULUH

MATALIEF MENINGGALKAN KEDAH

Pada 15 November 1606 Masihi, sehari selepas Matalief memintas surat dari Melaka ke Kedah, Sultan telah menghantar berita kepada Laksamana menyatakan bahawa beliau tidak ada halangan jika orang Belanda membakar bot-bot orang Portugis di Pelabuhan.

Pada sebelah petangnya pula, selepas mengadakan perbincangan dengan jawatankuasa perang, dan tanpa memberitahu Sultan apa yang mereka hendak lakukan maka orang Belanda menghantar tiga buah bot dengan pengayuh dan kapal dan dua buah perahu layar yang bersenjata lengkap, mereka telah membakar kapal Portugis dan dua kapal jenis gallot yang mengiringinya.

Bot-bot itu telah meronda sepanjang malam dan mendekati kapal jenis gallot. Apabila kelasi Melayu melihat orang Belanda datang mereka telah terjun ke dalam laut untuk menyelamatkan diri.

Sementara itu seorang pembesar berpangkat "orang kaya" telah bertolak dari daratan dan bertanya kepada orang Belanda apa yang sedang berlaku.

Nicolas Geritez yang menganggotai kumpulan itu dan Louis Isaacksz penolong kanannya, memberitahu bahawa mereka bertindak atas perintah Sultan dan mereka datang kemari untuk membakar bot-bot orang Portugis dan orang Melayu dibenarkan merompak mereka jika mereka mahu. Oleh itu bot-bot itu harus dibakar.

Orang kaya itu bersetuju dengan cadangan ini. Maka orang Belanda membakar bot-bot itu sementara orang Melayu merompak mereka.

Apabila kumpulan ini sampai ke angkatan laut mereka pada sebelah petang mereka membawa balik dua bungkus layar dan dua kotak kain. Matalief telah melarang mereka merompak tetapi ketua kumpulan itu dapat meredakannya, dan menjelaskan bahawa barang rampasan diambil tanpa membahayakan nyawa mereka. Walau bagaimanapun Laksamana telah memerintahkan supaya kain-kain itu dibahagi-bahagikan antara mereka.

Pada sebelah petangnya orang Belanda mendapati empat buah bot kecil mendekati pantai Kedah. Maka sebuah ghali dan sebuah perahu layar telah dihantar untuk mengejar mereka. Mereka telah menembak bot-bot ini, meskipun tidak dapat memerangkap mereka tetapi berjaya menghalang mereka daripada memasuki pelabuhan.

Pada 27 November kapal Belanda belseyar ke Langkawi dan singgah pada hari berikutnya.

Di sini, mereka telah menurunkan orang tawaran mereka dari sebuah bot dari Negapatam. Ini termasuk 108 hamba berkulit hitam yang dihadiahkan kepada baginda Sultan, 93 orang berkulit hitam yang merdeka dan 101 orang Moors laki-laki, perempuan serta kanak-kanak yang Sultan melarang mereka ini dicederakan oleh sebab mereka mempunyai pasport daripada Laksamana.

Ini juga termasuk 32 orang Portugis. Mereka mempunyai pasport untuk pergi ke mana sahaja yang mereka suka, tetapi lapan daripada mereka telah ditahan oleh Matalief. Seorang daripada mereka bernama Don Louis Lubo yang telah memberi 6000 ducats sebagai wang tebusan. Laksamana kemudian menghantarnya ke Kedah untuk mendapatkan wang itu. Bersama-sama Lubo, Laksamana juga telah menghantar Paderi angkatan laut bersama-sama Augustinian Prior bagi memastikan bahawa tiada penipuan berlaku.

Pada pagi 1 Disember angkatan laut Belanda tiba di Pulau Betong untuk memintas orang Portugis. Dua belas hari kemudian armada itu kelihatan di sebelah utara. Perperangan pun terjadi dan orang Belanda telah dikalahkan.

Dalam pertembungan dengan gelung Portugis yang ditawan oleh Matalief dalam beberapa pertemuan terdahulu dibakar dan ditenggelamkan. Kapal-kapal lain telah menyerah dan Laksamana hanya tinggal sembilan kapal. Beliau telah berundur ke Langkawi untuk mengubati luka-luka beliau.

Sementara di Langkawi Matalief telah membuat keputusan untuk menghantar "Lion Blanc" dan "L' Orange" ke Kedah untuk menjemput utusan perdagangan yang dihantar lebih awal di bawah Ketua Suruhanjaya di Amsterdam, Jafper Janez (Jasper Jansz). Dia telah mengambil keputusan untuk berihat semasa di Aceh dan kemudian menghantar mereka balik ke Holland, bagi menghantar sedikit berita tentang pengembalaan mereka. Tujuh kapal yang selebihnya diletak di Langkawi untuk menunggu pergerakan musuh seterusnya.

Apabila kumpulan itu balik dia mendapati bahawa mereka telah mengumpulkan 400 bahara lada hitam, dia juga diberitahu bahawa terdapat dua kapal Gujerat sarat dengan 200 bahara lada hitam sedang belayar ke India dan jika beliau mahu lebih lada hitam terpaksalah beliau menunggu sehingga akhir bulan Januari semasa ada hitam dipungut.

Matalief memutuskan bahawa dia tidak perlu menunggu lebih lama lagi. Orang Portugis tidak berminat lagi untuk memburunya dan musim monsun hampir tiba. Oleh itu Matalief belayar ke Pulau Pinang dan di sana beliau mengkaji kekuatan tenteranya dan mendapati dia mempunyai 867 orang. Semasa dia berlepas dari Holland dahulu terdapat seramai 1400 orang.

Beliau telah menghantar balik ke Eropah 788 orang dengan enam buah kapal. Dia membawa tentera yang tinggal serta tiga buah kapal dan belayar ke China. Baginya penawanan Melaka adalah sesuatu yang tidak praktikal.

BAB SEBELAS

KEDATANGAN ORANG INGGERIS

Selepas Laksamana Matalief membatakan cubaan untuk menawan Melaka pada tahun 1606, Belanda tidak mempunyai hubungan yang penting dengan Kedah selama 35 tahun - sehingga tahun 1641. Pada tahun tersebut, orang Belanda merampas Melaka daripada tangan orang Portugis dan mengukuhkan kekuasaan dan monopolii mereka di lautan Timur.

Tidak lama selepas itu, mereka menghantar seorang utusan bernama Hermans. Dia diberikan sambutan diraja dan merebut kesempatan memeterai perjanjian perdagangan dengan Sultan yang bersetuju menjual gajah dan separuh daripada hasil timah Kedah setiap tahun, serta tidak membenarkan kapal daripada negara-negara lain memasuki pelabuhan Kedah tanpa keizinan pihak Belanda.

Orang Belanda melakukan apa sahaja untuk mendapatkan hubungan persahabatan dengan Sultan, dan timah. Dalam satu peristiwa taktala baginda Sultan menyatakan keinginan untuk memiliki organ, mereka bukan sahaja mempersembahkan sebuah organ daripada Melaka malahan juga menghantar sekali seorang pemain organ untuk memainkan alat muzik tersebut. Tetapi untuk memastikan baginda berpegang pada syarat-syarat perjanjian, mereka menempatkan seorang akauntan di pelabuhan untuk mengawasi segala urus niaga.

Perdagangan meningkat dan antara tahun 1654 hingga 1657, pihak Belanda mendirikan sebuah kilang (penempatan perdagangan) di pelabuhan Kedah dan diletakkan di bawah Pieter Beeytzen. Kemudiannya dia digantikan pula oleh Arend Classon Dray.

Walau bagaimanapun, hubungan persahabatan tersebut tidak lama. Sultan tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian dan mula berdagang dengan pedagang Moor dan pedagang India yang datang ke Kedah. Lantaran itu, pihak Belanda mula mengepung pantai Kedah. Kepungan itu berjalan sekejap-sekejap sehingga tahun 1676. Kepungan itu tidak berjaya sepenuhnya kerana Kedah terlalu jauh daripada Melaka jika hendak dikawal secara berkesan.

Kapal-kapal dapat mengelakkan kepungan tersebut dengan belayar masuk ke suak dan mengangkut muatan mereka ke darat dengan menggunakan gajah dan kerbau. Tambahan pula, kapal Johor dan Jawa yang melalui Melaka, dibenarkan mengimpor garam dan mengeksport beras dan kain.

Kepungan itu mencetuskan pergeseran antara Belanda dengan Kedah. Pada bulan Jun 1642, Sultan yang sudah tua itu mangkat. Sultan yang baru cuba memulihkan hubungan persahabatan. Baginda memperbaharui perjanjian dan berangkat melawat Betawi dengan membawa hadiah berupa timah dan gajah tetapi permusuhan meletus semula pada tahun 1652 apabila Sultan


menangkap Pesuruhjaya Belanda iaitu Jean Truisman dan orang-orangnya.

Keadaan menjadi bertambah buruk pada tahun berikutnya apabila orang Kedah membunuh beberapa orang kelasi kapal layar bernama "Hoors". Tetapi perdamaian terjalin pada tahun 1668 apabila Raja Shah Pahlawan berangkat ke Betawi sebagai utusan khas Sultan.

Dalam tempoh ini, seorang Inggeris bernama Lock tinggal dan mendirikan sebuah gudang di Kedah. Dia memperdagangkan lada hitam, emas, timah dan gajah. To' Meah, seorang jurulatih gajah yang terkenal, membela sekumpulan gajah dalam kandang khas yang sedia untuk dihantar dengan kapal.

Memandangkan England dan Belanda tidak berperang, dan Betawi memberi arahan supaya kapal Inggeris yang berdagang dengan Kedah harus bebas daripada gangguan, Lock berdagang tanpa halangan atau sekatan, dan malahan ada masa-masanya dia melanggar peraturan Belanda itu.

Setiap bulan Februari, dia belayar ke pantai Coromandel dengan muatan timah dan gajah dari Kedah, serta emas dari Patani. Enam bulan kemudian, dia kembali dengan membawa kain yang kebanyakannya kain belacu dari Calicut.



Fort Cornwallis, Pulau Pinang

Di samping perdagangan, dengan bantuan tukang kayu Kedah, Lock membina kapal di Kedah, barangkali di Limbong iaitu beberapa batu ke hulu sungai. Setiap kapal berupaya mengangkut sembilan atau sepuluh ekor gajah berserta gembala gajah dan 100 bahar timah.

Dia tinggal di Kedah sehingga tahun 1665 dan meninggal dunia pada tahun 1673 semasa meletusnya perperangan antara Jambi dengan Johor. Dia dan kapalnya ditawan oleh pasukan tentera Jambi tetapi sama ada dia terjerut hingga mati dengan sengaja atau tidak sengaja tidak diketahui.

Pada dekad pertama abad ke-18, hubungan Kedah dengan Belanda bertambah baik, dan mereka menduduki semula kilang mereka di Pelabuhan Kedah. Henrich Pilgron menerajui kilang itu sehingga dia digantikan oleh Pieter du Quesne pada tahun 1710. Beberapa tahun kemudian, Belanda meninggalkan kilang itu kerana orang Bugis datang ke Kedah untuk memihak Sultan Muhammad Jiwa dalam pertelingkahan tentang pewarisan Kesultanan.

Bendera British mula-mula berkibar di perairan Tanah Melayu pada tahun 1579 apabila Francis Drake belayar mengelilingi dunia. Tiada catatan yang menyatakan bahawa dia mendarat di Semenanjung Tanah Melayu tetapi pada tahun 1593, James Lancaster yang mengikuti jejaknya tiba di Pulau Pinang, yang menjadi sebahagian daripada Kedah. Dia melabuhkan sauh kapalnya di luar pantai Pulau Rimau dan di pulau itulah dia mengebumikan anak kapalnya yang meninggal dunia akibat penyakit skurvi.

Lima tahun kemudiannya, pada bulan Januari 1698, seorang lagi orang Inggeris bernama Benjamin Wood sampai di Selat Melaka. Dia dikalahkan dalam pertempurannya dengan orang Portugis dan membaiki "Old Kedah" di muara Sungai Merbok untuk dipasang pulih.

Seorang lagi orang Inggeris yang berkunjung ke Kedah pada masa itu ialah Samuel Bradshaw laitu seorang pedagang. Dia memberitahu Syarikat Hindia Timur Inggeris bahawa banyak plumbum dan timah boleh ditemui di Kedah.

Tiga tahun kemudian, Syarikat tersebut mendirikan kilang di Patani yang terletak di pantai timur, untuk dijadikan sebagai asas untuk perdagangannya dengan Siam. Dari sana, kapal "Saint George" dihantar ke Kedah tetapi terkandas dalam ribut dan tidak dapat pergi lebih jauh daripada Dindings.

Joseph Himmers dan William Forster yang belayar dengan jong lebih bernasib baik. Mereka kembali dari Kedah dengan kain dan barang dagangan yang lain.

Pelabuhan Kedah pada ketika itu berada dalam zaman kegemilangannya. Kapal orang Moor, Inggeris, Denmark, Belanda dan Portugis kerap mengunjunginya. Begitu juga dengan kapal-kapal dari Melaka, Siam dan Johor.

Syarikat Hindia Timur Inggeris mendirikan kilang di sini pada tahun 1669. Tetapi dalam tempoh enam tahun, kilang tersebut ditutup kerana 'pengembala persendirian' Inggeris menjalankan perdagangan yang besar dan menguntungkan, yang menjengkelkan orang Belanda. Mereka menyatakan bantahan keras mereka kepada Syarikat Inggeris berkenaan tetapi Syarikat itu enggan campur tangan dengan alasan bahawa 'pengembala' tersebut bukan kakitangan Syarikat tetapi pedagang bebas yang urusan perniagaan mereka tidak dapat dicampur tangan oleh pihak Syarikat.

BAB DUA BELAS

CUBAAN ORANG INGGERIS UNTUK BERBAIK-BAIK

Beberapa tahun sebelum Kapten Francis Light sampai di Kedah dan tinggal di 'Kota Lama' yang berdinding nipis itu, wujud perselisihan faham di kalangan keluarga Sultan. Satu puak memberontak dan dihapuskan. Anggotanya mencari dan mendapatkan perlindungan di Selangor yang menjadi tapak kukuh orang Bugis.

Pada awal tahun 1771, pemberontak itu menghasut Raja Selangor supaya menyerang Kedah. Orang-orang Kedah mengendali kubu yang dibina oleh mereka di tanjung tinggi di Sungai Kedah dan memberikan tentangan yang kuat selama dua tahun tetapi Selangor akhirnya mencapai kemenangan.

Mereka menjarah ibu negeri Kedah dan menanduskan tanahnya, dan Sultan Kedah berundur ke Perlis yang pada masa itu merupakan sebahagian daripada Kedah. Bandar utamanya, semenjak dahulu hingga sekarang, ialah Kangar. Kangar mempunyai sebatang jalan sempit yang tepat menuju ke sungai dan kedai-kedainya dipenuhi dengan buah-buahan dan sayur-sayuran, kain kapas, sapu tangan merah dan kuning, tikar yang cantik-cantik, berbalang-balang minyak sapi dan bertimbun-timbun beras.

Mermandangkan sumber Sultan terlalu terhad bagi membolehkan baginda bertindak balas, baginda meminta bantuan Syarikat Hindia Timur. Syarikat tersebut telah memberikan jawapan dengan berdalih. Lantaran itu, baginda beralih kepada Light dan menerusinya, baginda menawarkan kubu dan Kuala Kedah kepada Inggeris dengan syarat bahawa mereka membantu baginda menentang Selangor, dan menegaskan bahawa baginda rela menyerahkan negerinya kepada Inggeris daripada menyerahkannya kepada orang Bugis, dan jika Inggeris tidak mahu maka baginda akan memberikannya kepada Belanda.

Tanpa membuang masa, Light memajukan cadangan Sultan itu ke Madras.

Tiga bulan kemudian, oleh sebab jawapan balas tidak diterima maka Sultan menghantar surat peringatan kepada Syarikat Hindia Timur, mahu mengetahui sama ada cadangan baginda itu diterima atau tidak.

Light memberikan sokongan kuat kepada surat peringatan tersebut. Menurutnya, Sultan bersedia mengamanahkan bukan sahaja Kuala Kedah malah seluruh pantainya hingga ke Pulau

Pinang kepada jagaan Syarikat berkenaan. Kubu yang menjadi tempat tinggalnya dan dibina benteng untuk menghalang serangan mengejut mengawal jalan masuk ke sungai. Sultan menganggapnya sebagai wakil Syarikat dan telah pun memberikannya monopoli perdagangan. Dia memerlukan 15 000 dolar Sepanyol, sebahagiannya rempah ratus dan sebahagian lagi barang, untuk perdagangan, simpanan bekalan makanan dan juga supai untuk mengawal Kuala.

Dia menambah bahawa setiap jenis kain daripada Bengal, Surat dan Pantai Coromandel mudah dijual tetapi barang yang paling menguntungkan ialah candu yang dijualnya secara borong dan runcit pada harga 800 dolar Sepanyol sepeti. Tiada had bagi kuantiti yang boleh dijualnya.

Untuk merangsang Syarikat tersebut bertindak, Light menambah, di pelabuhan Kedah pada masa itu terdapat dua buah kapal Denmark dari Tranquebar. Mereka membawa 40 orang supai, meriam, peluru dan simpanan ketenteraan serta sepucuk surat daripada Jeneral mereka meminta kebenaran untuk mendirikan sebuah kilang, dan menawarkan 300 orang supai kepada Sultan bagi membantu baginda mendapatkan semula kapal dan meriam yang telah dirampas oleh tentera Selangor.

Mereka juga memberi hadiah yang berharga kepada para pengiring Sultan dengan tujuan mendapatkan pertolongan tetapi baginda Sultan tidak bersedia untuk mengubah rancangan baginda kerana baginda telah pun membuat perundingan baginda dengan Inggeris.

Selepas menerima surat yang kedua itu, pihak berkuasa Madras melantik Yang Berhormat Edward Monckton untuk berunding dengan Sultan.

Edward Monckton diarah meminta (i) cukai penuh laut dan pelabuhan sebagai dana untuk mendapatkan semula perbelanjaan ketenteraan yang dikeluarkan bagi pihak Sultan; (ii) sebanyak tanah yang perlu untuk membina kubu dan rumah kediaman untuk ejen mereka; dan (iii) kontrak untuk mendapatkan bahan yang ditentukan pada harga tetap daripada Kedah, dan menerima timah, lilin, lada hitam, gading gajah dan bahan utama yang lain untuk perdagangan di China.

Monckton juga diberitahu bahawa jika dia gagal untuk mendapatkan hasil cukai penuh pelabuhan itu, dia harus membuat desakan supaya pengutipan cukai tersebut dilakukan oleh pihak Syarikat yang kemudiannya akan membuat laporan tentang hasil tersebut kepada Sultan setelah menolak jumlah perbelanjaan ketenteraan.

Misi Monckton ditakdirkan gagal dari awal-awal lagi. Dia masih muda dan dia gugup

dan pada mula-mula lagi dia memberikan tanggapan yang tidak baik kepada Sultan yang lalu mengherdik, "Tiada orang lainkah yang boleh dihantar oleh Syarikat selain si budak gagap ini!"

Yang paling utama ialah Sultan mahukan perikatan yang bersikap menyerang dan bukannya yang bersikap bertahan. Soalan pertama yang ditanya oleh baginda kepada Monckton tatkala baginda menyambut kedatangannya di Perlis dengan istiadat yang lazim ialah bila dia akan menyerang Selangor, dan sama ada dia mempunyai pasukan yang mencukupi atau tidak untuk tujuan tersebut.

Apabila dia menjelaskan bahawa tidak mungkin baginya untuk melenceng daripada arahan Syarikat laitu tidak menentang Selangor, Sultan mencadangkan bahawa Monckton menulis kepada Syarikat untuk meminta kebenaran untuk menentang orang Selangor. Sementara baginda menunggu jawapannya, Monckton dibenarkan tinggal di Kuala Kedah.

Kecuali jika Syarikat membantu baginda menentang musuh baginda, baginda tidak akan menawarkan Kuala Kedah ataupun menandatangani sebarang kontrak.

Dengan bantuan Light, Monckton memperoleh draf perjanjian yang mengulangi permintaan Sultan untuk perikatan yang bersikap menentang. Namun begitu, Majlis Madras enggan berganjak daripada tawaran asal laitu perikatan yang bersikap bertahan. Lantaran itu, Sultan dengan kasarnya memberitahu Monckton supaya balik sahaja ke India.

BAB TIGA BELAS

KEDAH MENYERAHKAN PULAU PINANG

Selepas kegagalan misi Monckton ke Kedah, Kapten Light meninggalkan Pelabuhan Kedah untuk tinggal di Junk Ceylon (Phuket). Meramandangkan dia boleh bertutur bahasa Siam dan Melayu, serta menyesuaikan diri dengan adat resam tempatan dan cara hidup, dia disenangi oleh penduduk dan pihak berkuasa di situ.

Dia berasa amat kecewa dan hampa dengan kegagalan Monckton itu tetapi dia tidak mengetepikan tujuannya untuk mewujudkan pengaruh British di Selat Melaka. Akhirnya pada tahun 1780, dalam salah satu daripada pelayaran perdagangannya, dia mengemukakan sebuah rancangan menduduki Pulau Pinang kepada Warren Hastings (1732-1818) iaitu Gabenor Jeneral India yang pertama. Warren Hastings meluluskan rancangan tersebut pada dasarnya tetapi rancangan itu ditangguhkan kerana perang meletus antara Britain dengan Perancis.

Namun begitu, pada tahun 1784 apabila Belanda mendahului dua misi British yang cuba mewujudkan penempatan di Riau dan Aceh, Light memutuskan untuk merebut peluang lebih awal dan mendahului Belanda dengan mengadap Sultan Kedah, Abdullah I iaitu putera kepada Sultan Muhammad Jiwa Mu'azzam Shah II, yang dengan bagindalah Monckton berunding pada tahun 1771. Dengan menggunakan pengaruh dan minat terhadap Sultan dan menteri baginda, dia memperoleh Pulau Pinang dengan syarat-syarat yang tertentu.

Dalam rekod Pejabat India, surat Sultan kepada Pemangku Gabenor Jeneral bertarikh 20 Syawal 1109 Hijrah (bersamaan dengan 2 Mac 1786).

Terjemahan daripada versi Bahasa Inggerisnya adalah seperti berikut:

"Dengan nama Allah Yang Maha Berkuasa. Surat ini ditulis atas nama persahabatan yang tulus, yang diharapkan terus berpanjangan selagi adanya bulan dan matahari, daripada Sultan Paduka Seri Sultan Abdullah Mukarram Shah yang menerajui dan memerintah negeri Kedah berdasarkan perintah Allah Semesta Alam, kepada Sahabat kita, Gabenor-Jeneral dan Pemerintah Bengal, kalangan pengikut Jesus Christ yang utama, yang terkenal dengan kebijaksanaan dan pengetahuan yang tinggi dalam Seni Peperangan Darat dan Laut serta segenap ilmu yang diketahui berada di atas muka Bumi. Apabila Light Deva Raja datang ke sini dan memberitahu kami bahawa Sahabat kita meminta Pulau Pinang, kami dengan serta-merta memberikan keizinan kepada Wakil dan Sahabat kita Kapten Deva Raja untuk menaikkan bendera Syarikat Hindia Timur Inggeris di Pulau Pinang iaitu sebuah tempat untuk Perdagangan dan Pembaikan Kapal Perang anda dan juga untuk makanan dan minuman, kayu api dan air; tambahan pula kami telah menyatakan segala kehendak kami kepada Kapten, yang telah sampai ke pengetahuan Sahabat kita dan bersatuju

dengan menghantar orangnya secepat mungkin untuk menduduki dan tinggal di Pulau Pinang. Sebarang keperluan yang tidak dapat diadakan di Pulau Pinang akan dibekalkan oleh kami daripada Negeri Kedah."

Ringkasan syarat-syarat yang disebut dalam surat berkenaan ialah:

1. Bahawa Syarikat Hindia Timur akan menjaga pantai laut negeri Kedah. Sebarang musuh yang menyerang Sultan Kedah akan dianggap sebagai musuh kepada Syarikat dan perbelanjaan menentang musuh tersebut akan ditanggung oleh Syarikat;
2. Bahawa semua kapal, tongkang, perahu besar dan kecil yang datang ke pelabuhan Kedah tidak boleh ditahan atau diganggu oleh wakil Syarikat dan sebaliknya hendaklah dibiarkan sahaja mengikut kemahuan mereka sama ada hendak berjual beli dengan Kedah ataupun Syarikat di Pulau Pinang.
3. Bahawa pihak Syarikat mengambil alih perdagangan candu, timah dan rotan yang merupakan hasil utama Sultan Kedah, dan sebagai balasannya pihak Syarikat membayar 30 000 dolar Sepanyol setiap tahun kepada baginda. Sultan Kedah bimbang bahawa baginda akan kehilangan sejumlah besar hasil kerana barang-barang ini akan diseludup keluar daripada Pulau Pinang, Perai, Kerian dan tempat-tempat lain yang berhampiran dengan penempatan yang dicadangkan itu;
4. Bahawa Sultan Kedah tidak akan dipertangunjawabkan membayar hutang yang dibuat oleh kaum keluarga baginda, menteri-menteri, pegawai-pegawai atau rakyat jelata baginda.
5. Bahawa musuh baginda sama ada ia putera baginda atau saudara kandung baginda akan dianggap sebagai musuh kepada Syarikat juga; dan
6. Bahawa jika musuh datang menyerang Kedah, pihak Syarikat harus membantu Sultan dengan membekalkan senjata dan peluru dan segala perbelanjaan ini ditanggung oleh Sultan.

Ringkasan jawapan balas oleh Pernangku Gabenor Jeneral kepada setiap satu daripada syarat tersebut mengikut fasal demi fasal ialah seperti berikut:

1. Syarikat akan sentiasa memastikan bahawa sebuah kapal bersenjata mengawal Pulau Pinang dan juga pantai yang berhampiran;
2. Semua kapal yang datang ke pelabuhan Kedah tidak akan dihalang untuk berdagang dengan Sultan atau Syarikat;
3. Syarikat akan memastikan bahawa Sultan tidak menghadapi masalah disebabkan oleh

pewujudan penempatan orang Inggeris di Pulau Pinang;

4. Tiada tuntutan yang akan dibuat terhadap Sultan atas hutang yang dimaksudkan itu;
5. Musuh Sultan tidak akan dilindungi oleh pihak Inggeris; dan
6. Bekalan tentera, senjata dan peluru adalah tertakluk pada persetujuan Syarikat.

Jawapan balas di atas dikirim kepada Sultan bersama-sama dengan surat iringan berikut:

"Surat tuanku berkenaan penyerahan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur British dihantar kepada patik oleh Kapten Light pada 6 Februari 1786.

Kapten Light juga memberitahu patik tentang permintaan tuanku, sahabat dan saudara patik. Bahawa patik yang prihatin akan pertalian persahabatan dan kepentingan tuanku sebagai sahabat patik yang mulia telah pun mengirimkannya ke England dan ke Syarikat Hindia Timur British.

Sementara itu, patik telah melantik Kapten Light menjadi Wakil bagi Syarikat, dan telah mengarahkannya menaikkan bendera Syarikat di Pulau Pinang dan mempertahankan pulau tersebut jika diserang. Patik juga mengarahkannya menyediakan kapal perang untuk mempertahankan pulau tersebut dan untuk melindungi pantai negeri Kedah.

Bukanlah menjadi niat patik untuk mengenakan cukai atau halangan kepada kapal-kapal atau barang niaga yang datang ke Pulau Pinang serta mengganggu sesiapa yang datang dan pergi sesuka hati mereka dan jika tuanku menghadapi masalah disebabkan oleh penempatan Syarikat di Pulau Pinang maka patik akan membuat pertimbangan dan memberikan pampasan kepada tuanku, sahabat dan saudara patik yang mulia.

Kepada Kapten Light, patik telah memberikan arahan penuh dan berharap agar tuanku, sahabat patik yang mulia, akan benar-benar berpuas hati dengan persahabatan Syarikat Hindia Timur British dan tingkah laku kakitangannya yang baik."

BAB EMPAT BELAS

PERGESERAN LIGHT DENGAN SULTAN

Pada bulan Mei 1787, dalam tempoh kurang daripada satu tahun selepas Sultan Abdullah memberikan izin kepada Kapten Light untuk menduduki Pulau Pinang dengan syarat bahawa British membantu baginda menentang Burma dan Siam, Raja Siam meminta Kedah menyediakan 200 buah perahu, senjata, peluru dan bekalan makanan untuk 10 000 orang tentera.

Sekali ini, bersandarkan pada bantuan yang telah dijanjikan oleh Syarikat Hindia Timur, Sultan tidak menuruti permintaan tersebut dengan serta-merta. Baginda merujuk hal ini kepada Light yang kemudiannya menulis surat kepada Calcutta untuk mendapatkan arahan dengan menerangkan bahawa Sultan Kedah terus menerus digangu oleh Siam dan Burma, dan baginda ingin mendapatkan bantuan British untuk menentang mereka.

Jawapan daripada Gabenor-Jeneral yang baru ialah "... berkenaan perkara melindungi Sultan Kedah daripada gangguan Siam, Gabenor-Jeneral Majlis telah pun memutuskan menolak sebarang langkah yang boleh membabitkan Syarikat dalam tindakan ketenteraan menentang raja-raja Timur.

Lantaran itu, sebarang tindakan atau janji, yang boleh ditafsirkan sebagai kewajipan yang harus ditunaikan kepada Sultan Kedah hendaklah dielakkan. Walau bagaimanapun jika Light dapat menggunakan sokongan atau jaminan Sultan ataupun pengaruh Syarikat untuk Kedah sejarar dengan peraturan ini maka Gabenor-Jeneral Majlis tidak mempunyai bantahan terhadap tindakannya menggunakan langkah berkenaan, yang dengan tegas mengawasi sebarang tindakan atau pengisytiharan yang boleh membabitkan kehormatan, kepujian atau pasukan tentera Syarikat . . ."

Dengan jawapan yang jelas itu, Light mengambil jalan keluar dengan berdalih, dan Sultan yang berasa amat dukacita, menghantar balik utusan Siam dengan hadiah dan janji untuk memberi bantuan.

Enam bulan kemudian, datang satu lagi permintaan daripada Siam. Sekali ini, Siam meminta \$30 000, senjata dan bekalan makanan untuk 20 000 orang tentera.

Sultan berada dalam keadaan terdesak. Baginda meminta bantuan Perancis di

Pondicherry tetapi mereka menulis balik dengan mengatakan bahawa mereka tidak mahu terbabit dalam kancah perperangan dengan "Raja-raja Timur".

Maka Sultan Kedah beralih kepada Belanda yang bersetuju untuk menyingkirkan British daripada Pulau Pinang, dan mengusir kapal-kapal British daripada Selat Melaka. Untuk itu, mereka menghantar sebuah kapal jenis *frigate* ke Kedah dan menempatkan dua buah kapal jenis *cruiser* berhampiran dengan Pulau Pinang. Sultan mengenakan sekatan terhadap beras dan bekalan lain yang dibawa masuk ke Pulau Pinang. Tetapi Belanda mendapat bahawa bantuan kepada Kedah ini akan membabitkan mereka ke dalam kancah perperangan yang menelan belanja besar dengan Siam, dan setelah berfikir dua kali, Belanda melupakan hasrat untuk mengadakan perikatan dengan Kedah.

Ditinggal bersendirian dan berasa pedih dengan keputusan Syarikat yang tidak mahu memenuhi janji Light itu, Sultan Abdullah membuat perikatan dengan Sultan-sultan daripada Siak, Lingga, Terengganu, Rembau, Sulu, Johor, Indragiri, Kota Karang dan Siantar. Kesemua mereka ini telah ditolak permintaan mereka untuk mendapatkan bantuan oleh British, dan membuat persediaan untuk mengusir British daripada Pulau Pinang.

Armada Melayu mengandungi 400 buah perahu yang besar dan yang kecil, membawa 120 pucuk meriam dan dikendalikan oleh 8000 orang tentera. Armada Kedah yang mempunyai kekuatan yang sama menyertai pasukan yang baru tiba dekat Pulau Pinang. Pada masa yang sama, Sultan Kedah mengenakan sekatan terhadap barang dagangan British yang bernilai \$30 000, yang berada di Pelabuhan Kedah.

Bersandarkan pada kedudukan ini, baginda memberikan kata dua kepada Light, meminta bayaran tahunan yang tetap sebanyak \$10 000, perlindungan British untuk pantai laut Kedah atas perbelanjaan mereka sendiri, pinjaman wang dan kontinen tentera serta bekalan makanan dengan harga yang berpatutan bagi membolehkan baginda mempertahankan diri sendiri.

Light bertindak secara aman. Dia menghantar \$10 000 kepada Sultan dan berkata bahawa dia akan menulis surat kepada Calcutta sekali lagi. Sultan berpuas hati. Baginda memanggil pulang armada tersebut dan memberikan hadiah yang banyak kepada sekutu baginda dan menghantar mereka pulang.

Pada tahun 1791, apabila tiada jawapan diterima, Sultan berazam mengambil pulau tersebut secara paksa. Sebuah armada yang terdiri daripada 20 buah bot lanun dan 90 buah perahu Kedah memasuki Sungai Perai dan di sana mereka disertai oleh angkatan tentera darat. Dari sini, Sultan Abdullah menyeru Light supaya bersetuju dengan permintaan baginda atau

meninggalkan Pulau Pinang.

Light tidak berhasrat hendak berperang. Dia berjanji untuk menulis surat kepada Calcutta sekali lagi dan mengirim \$5000 kepada Sultan sebagai pampasan atas kelewatan yang berlaku. Sultan memulangkan wang tersebut, dan mengatakan bahawa British mesti mengikut permintaannya atau keluar daripada Pulau Pinang. Baginda tidak dapat lagi mempercayai janji-janji British dan bersedia mengusir mereka.

Dalam pertempuran yang berlaku berikutnya, angkatan Kedah berjuang dengan berani namun mereka tidak dapat bertahan daripada serangan pasukan meriam British; dan terpaksa berundur. Light memperoleh kemenangan dan pada 1 Jun 1791, dia membuat perjanjian dengan Sultan. Dalam perjanjian tersebut, Kedah bersetuju membenarkan bekalan makanan dieksport ke Pulau Pinang tanpa dikenakan cukai, menyerahkan penjenayah dan penghutang yang lari bersembunyi di Kedah, tidak membenarkan orang Eropah selain orang British tinggal di Kedah, dan membenarkan British menggunakan Pulau Pinang sebagai balasan kepada pemberian wang sebanyak \$6000 setahun selagi British menduduki pulau berkenaan.

Bayaran \$6000 itu dinaikkan daripada \$4000 kepada \$10 000 apabila Kedah menyerahkan Province Wellesley. Sungai dan suak dapat menjadi tempat persembunyian bagi lanun dan tanah besar pula terus menerus memberikan ancaman kerana menjadi tempat persinggahan untuk serangan dilancarkan terhadap British di Pulau Pinang.

Teks Perjanjian tersebut adalah kuno bentuknya dan menarik. Ia bermula,

"Dalam tahun Hijrah Rasulullah s.a.w. 1215, tahun Ha, hari kedua belas bulan Muharam, hari Rabu bersamaan dengan tanggal 6 Jun 1800; hari ini, tulisan menunjukkan bahawa Sir John Leith, Baronet, Leftenan-Gabenor Pulau Pinang, bagi pihak Inggeris, telah bersetuju dan memeterai persetiaan Persahabatan dan Perikatan dengan Duli Yang Dipertuan Raja Muda Perlis dan Kedah, dan kesemua Pembesar Negeri dan Ketua-ketua daripada kedua-dua buah negeri, berpanjangan baik dari laut mahupun dari darat, selagi Matahari dan Bulan beredar dan memancarkan sinarnya. Fasal Perjanjiannya adalah seperti berikut:

Fasal 1

Syarikat Hindia Timur Inggeris akan membayar 10 000 ringgit setiap tahun kepada Duli Yang Dipertuan Raja Muda Perlis dan Kedah, selagi Inggeris menguasai Pulau Pinang, dan negeri yang di seberang, yang akan disebutkan selepas ini.

Fasal 2

Duli Yang Dipertuan bersetuju menyerahkan, selama-lamanya, semua jajahan pinggir laut iaitu dari Kuala Kerian ke tebing sungai Kuala Muda dan ukurannya dari tepi laut ke darat 60 relung; (satu relung sama dengan 6400 ela persegi atau kira-kira satu suku ekar, dan ukuran linear ialah 80 ela, punca kuasa dua 6400). Jarak keseluruhan yang disebut di atas hendaklah diukur oleh orang yang dilantik oleh Yang Dipertuan bersama-sama dengan orang Syarikat. Syarikat Inggeris akan melindungi jajahan pinggir laut daripada semua musuh, perompak dan lanun yang mungkin menyerang dari laut, baik dari sebelah utara maupun dari sebelah selatan.

Fasal 3

Duli Yang Dipertuan bersetuju bahawa segala jenis makanan yang diperlukan untuk Pulau Pinang, kapal perang dan kapal Syarikat boleh dibeli di Perlis dan Kedah, tanpa halangan atau tertakluk pada sebarang cukai atau kastam; dan semua bot yang datang dari Pulau Pinang untuk mendapatkan barang keperluan di Perlis dan Kedah, dikehendaki mempunyai surat pas yang betul supaya tidak dikenakan cukai.

Fasal 4

Semua hamba yang lari dari Perlis dan Kedah ke Pulau Pinang, atau dari Pulau Pinang ke Perlis dan Kedah, mestilah diserahkan kepada tuannya.

Fasal 5

Semua orang yang berhutang yang lari daripada si piutang dari Perlis dan Kedah ke Pulau Pinang, atau dari Pulau Pinang ke Perlis dan Kedah, jika mereka tidak membayar hutang mereka, tubuh badan mereka hendaklah diserahkan kepada si piutang mereka.

Fasal 6

Duli Yang Dipertuan tidak akan membenarkan orang Eropah dari mana-mana negara untuk menetap di mana-mana jajahan takluknya.

Fasal 7

Pihak Syarikat bersetuju untuk tidak menerima orang yang telah melakukan penentangan atau penderhakaan terhadap Yang Dipertuan.

Fasal 8

Orang yang bersalah kerana melakukan pembunuhan, yang lari daripada Perlis dan Kedah ke Pulau Pinang, atau daripada Pulau Pinang ke Perlis dan Kedah, mestilah ditangkap dan dipulangkan dengan ikat jamin.

Fasal 9

Orang yang mencuri cap dan menipu hendaklah diserahkan juga.

Fasal 10

Bagi orang yang menjadi musuh atau yang mungkin menjadi musuh kepada Syarikat, Yang Dipertuan tidak boleh membantu mereka.

Fasal 11

Semua rakyat Yang Dipertuan, yang membawa hasil negeri turun ke sungai, tidak boleh diusik atau ditahan oleh orang Syarikat.

Fasal 12

Apa-apa jenis barang dari Pulau Pinang yang diperlukan oleh Yang Dipertuan akan disediakan oleh ejen Syarikat, dan harganya ditolak daripada bayaran saguhati tersebut.

Fasal 13

Sebaik sahaja selepas Perjanjian ini diperakui, tunggakan bayaran pajakan yang masih belum dibayar kepada Duli Yang Dipertuan, sejajar dengan Perjanjian dan Kaul terdahulu, mestilah dibayar.

Fasal 14

Setelah diperakui Perjanjian ini, semua Perjanjian dan Kaul antara kedua-dua buah Kerajaan terbatal dan tidak sah. Empat belas fasal ini disempurnakan dan diputuskan antara Duli Yang Dipertuan dengan Syarikat Inggeris, negeri Perlis dan Kedah dan Pulau Pinang menjadi satu negeri dan sesiapa yang mungkin menyimpang dan melenceng daripada salah satu daripada Kaul ini, Tuhan akan menghukum dan membinasakannya: hidupnya tidak akan sempurna.

Ini dibuat dan disempurnakan, dan kedua-dua Perjanjian yang mengandungi maksud dan tarikh yang sama, ditukar-tukarkan antara Yang Dipertuan dengan Gabenor Pulau Pinang, dan dicap dengan cap mohor Pegawai Negeri dengan segera di bawah Duli Yang Dipertuan, untuk mengelakkan berlakunya pertikaian selepas itu.

Ditulis oleh Hakim Ibrahim Ibni Seri Raja Muda, dengan perintah Duli Yang Dipertuan, yang masyhur dan mulia.

(terjemahan sah)

(ditandatangani) J. Swaine,

Penterjemah Melayu.

Diubahsuai daripada yang asal oleh John Anderson, Penterjemah Melayu kepada Kerajaan.

Diluluskan dan disahkan oleh Gabenor-Jeneral, November 1802.

BAB LIMA BELAS

EMPAT PULUH TAHUN PERSENGKETAAN

Selama 40 tahun selepas Kapten Light mengasaskan Pulau Pinang, Kedah dilanda perperangan dan desas-desus perperangan. Sultan sudah pasti menghalang negeri baginda daripada menjadi medan pertarungan.

Perjanjian menyerahkan Seberang Perai (Province Wellesley) kepada Syarikat Hindia Timur adalah berat sebelah dan jauh daripada menguntungkan. Duli Yang Teramat Mulia Yang Dipertuan Raja Muda Perlis dan Kedah yang memutuskan perjanjian tersebut ialah "Bakal Raja". Tunku Dhiauddin menjadi Pemangku Raja kepada bekanda beliau, Sultan Abdullah Mukarram Shah.

Baginda sultan berada dalam keadaan ditelan mati emak, diluh mati bapa. Syarikat Hindia Timur tidak berjanji untuk membantu baginda melalui darat, sedangkan serangan diramalkan datang dari darat; Siam memeras baginda supaya memberikan wang dan tenaga tentera; dan orang Burma hanya menunggu peluang untuk membalas dendam terhadap Siam.

Dalam keadaan ini, kemungkinan besar bahawa apa yang telah terjadi pada bulan Januari 1786 akan berulang. Pada bulan tersebut, armada Burma muncul di Kuala Kedah dan menuntut senjata dan peluru. Sultan tidak berdaya untuk menolak dan dipaksa untuk menuruti tuntutan mereka.

Di samping itu, pemerintahan baginda dicabar oleh putera Sultan Abdullah, yang dengan bantuan British, dilantik sebagai Sultan pada tahun 1804. Baginda menggunakan gelaran Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah dan memerintah Kedah selama 44 tahun.

Kemudian, masalah baginda bermula. Siam meminta baginda membantunya menghapuskan pemberontakan di Patani. Setelah ini dilaksanakan, pada tahun 1809, baginda diminta menyediakan perahu, tentera dan bekalan untuk menawan semula Thalang yang telah dirampas oleh Burma.

Permintaan tersebut membebankan lagi sumber Kedah tetapi Sultan tidak berupaya menolaknya. Lantaran itu, sepasukan perahu, tentera dan makanan dihantar ke Trang.

Dalam kempen tersebut, angkatan tentera Kedah berjuang dengan berani. Terutamanya Bendahara, keunggulannya terserah oleh keberanian dan kepimpinannya. Kejayaan Siam merampas kembali Thalang adalah kebanyakannya disebabkan oleh usaha Bendahara. Sebagai penghargaan kepada bantuan Sultan Kedah itu, Raja Siam mengurnia gelaran "Chau Phya" kepada baginda.

Menjelang akhir tahun tersebut, Siam membuat permintaan ketiga untuk mendapatkan perahu, tentera dan bekalan makanan. Sumber Sultan Ahmad Tajuddin kian kehabisan. Baginda

merayu Kerajaan Pulau Pinang supaya memberikan perlindungan dan menunaikan janji yang telah dibuat dengan ayahanda baginda tetapi Leftenan Gabenor tidak mempedulikan rayuan tersebut. Kemudian, baginda terpaksa menulis surat kepada Gabenor Jeneral Lord Minto di Calcutta. Dalam surat sepanjang 2000 patah perkataan itu (satu salinan tersimpan di Perpustakaan Pulau Pinang), baginda memperincikan seluruh sejarah tentang hubungan baginda dengan Syarikat Hindia Timur, tujuan baginda untuk mereka dan juga tentang penindasan Siam.

Malangnya, surat tersebut sampai selepas Minto bertolak untuk menyertai Ekspedisi Perang di Jawa. Baginda berusaha menemuiinya semasa dia berada di Pulau Pinang tetapi dia terlalu sibuk dengan persediaan untuk ekspedisi tersebut untuk memberikan jawapan yang pasti. Maka Kedah kekal menghantar uti kepada Siam.

Pada bulan November 1816, sekali lagi datang permintaan dari Siam. Siam menjalankan dasar peluasan kuasa dan mengarahkan Kedah menyerang Perak kerana pemerintahnya enggan tunduk kepada Siam.



Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah 1804-1843

Sultan Ahmad Tajuddin berada dalam keadaan serba salah. Baginda tidak mahu menyerang Perak tetapi jika baginda engkar, kesetiaan baginda akan dirugikan dan Siam akan datang dan menyerang Kedah dan Perak, dan negara baginda akan binasa akibat perang.

Baginda cuba mendapatkan British untuk campur tangan dan memujuk Perak supaya menyerah tetapi usaha baginda itu sia-sia. Masalah ini menjadi runcing pada bulan November 1816

apabila utusan yang dihantar oleh baginda ke Bangkok, kembali membawa sepucuk surat daripada Raja Siam yang mengarahkan baginda menyerang Perak dengan segera.

Lantaran itu, baginda menyiapkan angkatan tentera seramai 5000 orang yang dipimpin oleh Bendahara, dan armada yang mengandungi 200 buah kapal di bawah Laksamana untuk menyerang Perak.

Kempen tersebut tidak berakhir sehingga pada tahun 1818 apabila Perak menyerah kalah dan sebagai tanda penyerahan tersebut, Perak menghantar Bunga Mas dan Perak ke Bangkok.

Walau bagaimanapun, perperangan ini telah mengeringkan sumber Kedah, menghabiskan tenaga manusia, dan Kedah hanya berhenti sejenak; kerana tiga tahun kemudian, Siam datang dengan seluruh kekuatan untuk menakluki 'wilayah luar' itu dengan membawa kebuluran, pedang dan tembakan.

BAB ENAM BELAS

HUBUNGAN KEDAH - SIAM

Semasa perperangan yang tidak henti-henti antara Burma dengan Siam, yang bermula pada tahun 1785, Kedah mahu tidak mahu, terseret ke kancang pergelutan tersebut. Di bahagian utara, Kedah disempadani oleh Trang (garis lintang 7° 5' U.) dan dianggap oleh Siam sebagai sebahagian daripada wilayah Siam. Sultan Abdullah (1760-1797) melakukan apa jua yang boleh untuk menghindarkan negeri baginda daripada konflik tersebut dan menyelamatkannya daripada kebinasaan perang tetapi baginda tidak berupaya untuk berbuat demikian. Kedua-dua belah pihak meletakkan tekanan kepada baginda untuk mengakui pertuanan masing-masing.

Peperangan berlangsung sekejap-sekejap untuk selama lebih daripada seratus tahun, dan dalam tempoh itu, Phuket (Junk Ceylon) diserang oleh Burma tidak kurang daripada tiga kali.

Serangan pertama ialah pada tahun 1785 apabila Burma berhasrat hendak merampas Kedah dan Segenting Kra daripada tangan Siam. Mujur bagi tanah besar Kedah kerana serangan Burma itu ditangkis. Di bawah kepimpinan tegas oleh seorang wanita Kedah yang berani iaitu isteri Gabenor yang baru meninggal dunia, penduduk Phuket memberikan tentangan yang hebat sehingga pada bulan Januari 1786, Burma terpaksa meninggalkannya kerana bekalan mereka kehabisan.

Kelegaan daripada serangan tidak kekal lama. Pada akhir tahun yang sama, Raja Burma, Bodawpaya (1781-1819) mengancam untuk menyerang Siam sekali lagi. Lantaran itu, Raja Rama I (1782-1809) menghantar perintah kepada Sultan Abdullah bahawa baginda mestilah membantunya untuk mempertahankan Phuket.

Ancaman tersebut tidak berlaku sehingga tahun 1802 apabila Burma menyerang Phuket tetapi gagal mendudukinya. Sultan Ahmad Tajuddin (1804-1843) kemudiannya diminta oleh Siam untuk menyediakan tenaga tentera, bot dan bekalan makanan untuk mempertahankan Phuket daripada sebarang serangan pada masa depan. Serangan berlaku pada tahun 1810 apabila Burma menggempur dan menjarah bandar utama Phuket dan menduduki pulau itu selama hampir-hampir satu tahun sehinggalah sebuah pasukan tentera dari Kedah menawannya semula.

Pada tahun 1818, Burma melancarkan serangan yang ketiga terhadap Phuket yang menjadi 'wilayah utama' bagi barat daya Siam yang termasuk Kedah. Sekali ini, Siam bersiap sedia untuk menghadapi Burma, dan tentera Siam seramai 10 000 orang dengan dibantu oleh angkatan tentera Kedah seramai 2500 orang menangkis serangan mereka dengan memakan korban yang besar. Sebagai penghargaan atas bantuan yang telah diberikan itu, Sultan Ahmad Tajuddin dinaikkan taraf "Chau Phya" iaitu salah satu darjah kemuliaan Siam yang tertinggi.

Malangnya, dalam pergelutan kuasa yang terjadi berikutnya, Sultan Ahmad Tajuddin, yang bimbang akan tuntutan Siam yang tidak habis-habis, dilanda oleh persengketaan keluarga yang saling menghancurkan, dan memandangkan baginda bergantung pada sokongan yang dijanjikan oleh pihak Inggeris maka baginda tidak disenangi oleh Siam yang pada tahun 1821, menyerang Kedah dan membahagi-bahagikannya kepada empat bahagian - Setul, Perlis, Kubang Pasu dan Kedah dan meletakkan setiap satunya di bawah pemerintah yang berasingan.

Pembahagian seumpama ini telah pun berlaku sebelumnya; kerana pada tahun 1770, disebabkan usia lanjut, Sultan Muhammad Jiwa memecahbahagikan Kedah antara dua orang putera baginda, Tunku Abdullah dan Tunku Dhiauddin. Pada waktu itu, Kedah terbentang dari Trang (garis lintang 7°37' U.) ke Krian (garis lintang 5°18' U.) iaitu jarak kira-kira 150 batu.

Tunku Abdullah diberikan gelaran "Yang Dipertuan Muda", berkuasa dari Sungai Kedah hingga Sungai Krian termasuk Pulau Pinang dan kepulauan luar pantai. Tunku Dhiauddin pula dijadikan Raja Muda yang memerintah Setul, Perlis dan Kubang Pasu. Tunku Dhiauddin bersemayam di Kangar yang mendapat namanya daripada "kenanga" iaitu pokok yang mempunyai bunga berwarna hijau yang harum baunya.



Syair Sultan Maulana: Kisah Peperangan antara Siam dengan Burma pada tahun 1811 di Phuket diceritakan dalam kuplet Melayu

Apabila orang Bugis menyerang Kedah pada tahun 1771, dan menawan Alor Setar, Sultan Kedah berundur ke Kangar dan di sana baginda mangkat. Lantaran kemangkatan baginda (tarikh sebenar tidak diketahui), Tunku Abdullah menjadi Sultan; dan apabila baginda mangkat pada tahun

1790, Tunku Dhiauddin memerintah sebagai "Bakal Raja" (pewaris yang sah).

Sebagai "Raja Muda Perlis dan Kedah", beliau menandatangani persetiaan pada tahun 1801 dengan Leftenan Gabenor Pulau Pinang, Sir George Leith, memajak Province Wellesley kepada Syarikat Hindia Timur.

Perkara yang menarik untuk diketahui ialah dalam mukadimah kepada fasal perjanjian, perjanjian tersebut bukan sahaja diputuskan dengan Raja Muda tetapi juga dengan semua Menteri dan Dato' dari kedua-dua buah negeri iaitu Kedah dan Perlis. Perlis dianggap sebagai bahagian yang berasingan di bawah pemerintah yang sama seperti Kedah.

Pada tahun 1804 apabila Tunku Pangeran, putera Sultan Abdullah dengan isteri kedua, Wan Mas, menjadi Sultan dengan gelaran Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah, Tunku Dhiauddin iaitu 'Bakal Raja' berbalik kepada jawatan dahulu sebagai Raja Perlis.

BAB TUJUH BELAS

SERANGAN SIAM

Serangan Siam terhadap Kedah pada 12 November 1821 boleh dianggap sebagai kesan keadaan yang berlaku semenjak penawanan Melaka lagi oleh Portugis pada tahun 1511. Selepas tarikh tersebut, Kedah yang sebelum itu menganggap Melaka sebagai kuasa agung kini menjadi sebahagian daripada wilayah Siam.

Kebangkitan Melaka kemudiannya mengguncang kekuasaan Siam ke atas negeri Semenanjung Tanah Melayu itu. Peperangan antara Siam dengan Burma mengukur-kacirkan lagi Siam, dan Sultan Kedah dalam usaha baginda memastikan Kedah tidak terbabit, mengadakan hubungan dengan Syarikat Hindia Timur.

Perjanjian baginda dengan Syarikat Hindia Timur itu, memajak Pulau Pinang kepada British membangkitkan kemarahan Siam yang menganggap Kedah sebagai negara yang membayar uti kepada Siam. Walau bagaimanapun, Siam pada masa itu leka berperang dengan Burma dan tidak dapat mengambil sebarang tindakan menentang Kedah tetapi apabila peperangan tersebut tamat, armada Siam yang mengandungi seramai 7000 orang di bawah pimpinan putera sulung Raja Ligor iaitu Phya Buri Suknutun dihantar ke Kedah dari Trang.

Dengan berselindung di sebalik alasan bahawa mereka datang untuk mendapatkan bekalan untuk kempen menentang Burma, pihak Siam menyerang orang-orang Melayu yang tidak menaruh syak wasangka dan membunuh mereka.

Menurut cerita daripada pihak Kedah, seperti biasa Laksamana keluar menyambut tetamu tersebut yang diberikan sambutan diraja dan mengiringi mereka ke Balai Besar. Tetapi tiba-tiba di tengah-tengah kegirangan tersebut, menerusi isyarat, mereka menyerang orang-orang Melayu yang malang itu dan menjarah bandar tersebut.

Apabila mendapati bahawa Sultan Kedah berada di Pulau Tiga yang terletak di Sungai Merbok, Siam telah menghantar sepasukan orang menangkap baginda. Baginda berjaya melarikan diri ke Kota Kuala Muda. Siam mengejar baginda dan menggempur kota tersebut tetapi sebelum itu, baginda berserta kaum keluarga dan rombongan baginda, selepas lima hari keletihan dan terdedah kepada cuaca kerana merentasi paya dan hutan belantara sampai di Kota yang terletak di Sungai Perai, yang menjadi tempat bersemayam Tunku Sulaiman iaitu adinda baginda Sultan.


Dari sana, baginda menghilir sungai menuju ke George Town dan di situ baginda diberikan perlindungan. Leftenan Gabenor Encik W.E. Phillips menyediakan tempat tinggal, elau yang mencukupi untuk menanggung diri dan keluarga baginda, serta pengawal supai yang kuat untuk menyekat sebarang cubaan oleh Siam untuk melarikan baginda.

Beberapa hari kemudian, diburu dengan hebat, komander Siam menghantar sepucuk surat yang penuh dengan kesombongan dan keangkuhan kepada Phillips menuntut supaya Sultan dihantar kepadanya, dan Leftenan Gabenor itu datang ke Kuala Kedah untuk menegaskan kembali persahabatan dan perikatan British dengan Siam.

Phillips menolak kedua-dua tuntutan itu. Sepasukan askar Siam kemudiannya memasuki Seberang Perai untuk merampas baginda Sultan yang diagukkan berada di Perai tetapi di Penaga, mereka ditumpaskan oleh pasukan supai di bawah pimpinan Kapten Brooke.

Apabila cubaan ini gagal, pihak Siam menghantar pula 100 buah perahu ke pelabuhan Pulau Pinang. Perahu-perahu tersebut belayar dalam lingkungan jarak tembakan meriam di pantai dan komodor Siam mengulangi tuntutannya supaya Sultan Kedah diserahkan: jika tidak dia akan mendarat dan membawa baginda secara paksa.

Sebagai jawapan balas, Phillips menghantar sebuah kapal "Nautilus" yang mempunyai 12 pucuk meriam ke Bagan Luar di mana berlabuhnya kapal laksamana Siam. Apabila menghampiri kapal Siam tersebut, kapten "Nautilus" menerusi jurubasa, mengarahkan komodor Siam menarik sauh dan pergi dengan segera atau bersedia menghadapi tindakan. Siam beredar.



Pelabuhan Kuala Kedah yang Lama

Ramai keluarga Melayu melarikan diri daripada serangan hebat Siam terhadap kampung-kampung di Sungai Kedah, Sungai Merbok dan Sungai Muda. Kira-kira 11 000 orang tinggal di Telok Bahang dan Balik Pulau. Yang lain pergi ke Seberang Perai dan di sana mereka diberikan tanah percuma dan digalakkan menanam padi.

Sementara itu, Leftenan Gabenor tidak dapat membantu Sultan ataupun melindungi baginda untuk jangk masa yang lama kerana Britain menandatangani sebuah perjanjian dengan Siam yang dengan khususnya menetapkan kerjasama British-Siam dalam keadaan seumpamanya yang mungkin berlaku. Dia menahan wang pajakan (10 000 dolar Sepanyol) dan meminta Sultan supaya berhenti daripada merancang untuk menyerang Siam dan merampas kembali Kedah.

Dia juga enggan memberikan wang pajakan kepada Sultan yang telah dilantik secara rasminya oleh Siam memerintah Kedah ketika Siam memecah bahagikan "wilayah" tersebut kepada empat bahagian iaitu Kedah, Kubang Pasu, Setul dan Perlis, dan meletakkan setiap bahagian tersebut di bawah pemerintah yang berasingan.

Di sebalik peringatan Kerajaan Pulau Pinang itu untuk tidak melakukan percubaan untuk mendapatkan kembali Kedah, Sultan tetap meneruskan kegiatan baginda dan memalukan dasar keberkecualian Pulau Pinang itu. Maka pada tahun 1827, baginda dihantar ke Melaka.

BAB LAPAN BELAS

KOTA KUALA KEDAH

Pertempuran yang paling berdarah semasa serangan Siam tertumpu di sekitar kota yang bermandikan darah di Kuala Kedah (kemudiannya dikenali sebagai Kuala Bahang) yang kini hancur dimamah usia.

Kota tersebut dibina pada tahun 1782 bagi menggantikan kota lama, sebuah kubu, yang wujud pada tahun 1611. Pada tahun tersebut, Laksamana Portugis, Furtado "membinasakan bandar dan kota Kedah dengan tembakan dan pedang".

Kota tersebut dibina semula tetapi dibinasakan buat kali kedua apabila Sultan Iskandar Muda dari Aceh menjarah Kedah pada tahun 1619, memusnahkan ladang lada hitam supaya Kedah tidak menyaingi Aceh.

Selepas Aceh berundur, sebuah lagi kota dibina dengan tembok batu yang tebal. Dalam perlindungannya, Belanda membuka kilang untuk berdagang dengan Kedah antara tahun 1654 hingga 1657.

Pada tahun 1658, apabila orang-orang Kedah membunuh sebilangan kelasi kapal layar Belanda "Hoorn", dan Kedah gagal mengikuti syarat-syarat perjanjian perdagangan mereka, Belanda mengepung pantai Kedah. Pengepungan itu berjalan sekejap-sekejap sehingga tahun 1710. Pada tahun itu, Belanda menduduki kubu tersebut tetapi meninggalkannya sebelum meletusnya perbalahan tentang pewarisan takhta dan Muhammad Jiwa dengan bantuan orang Bugis telah melantik diri baginda menjadi Sultan. Pihak yang bersaing dalam menuntut takhta itu telah menerima bantuan Raja Kechil dari Siak yang mengukuhkan pertahanan. Pihak Bugis mengepung benteng tersebut selama dua tahun sebelum mereka dapat menawannya.

Pada tahun 1770-1771, satu lagi perperangan meletus dan askar upahan Bugis menyerang kota tersebut. Pahlawan Bugis yang terkenal, Raja Haji, berkunjung ke Kedah secara tiba-tiba dan menuntut bayaran bagi bantuan yang telah diberikan oleh nenek moyangnya pada tahun 1724 - hampir setengah abad sebelum itu!

Sultan menolak tuntutan berkenaan. Maka Raja Haji menawan kota tersebut, bergerak ke hulu dan menjarah Alor Setar.

Setakat ini, kota tersebut yang kini menjadi puing belum lagi dibina. Kapten Light tinggal di kota yang kemudiannya diganti, yang berdiri di tebing kanan muara Sungai Kedah. Dalam sepucuk surat kepada majikannya - firma Jourdain, Sullivan dan de Souza di Madras - bertarikh 25 November 1771, dia menyatakan,

"Saya kini tinggal di kota lama dan membina benteng untuk menghindar sebarang serangan mengejut; dan jika dilizinkan oleh tuan, saya akan membina benteng yang berbata. Kota ini mengawal jalan masuk ke sungai supaya tiada sampan yang dapat melaluinya tanpa dilihat. Semua orang diwajibkan berhenti dan menghantar barang . . ."

Yang Berhormat Edward Monckton yang menerajui misi yang gagal ke Kedah pada tahun berikutnya, dalam perutusan rasmi ke Majlis Madras, menyatakan hal ini,

"Apa yang dikatakan sebagai Kota itu ialah runtuhannya tembok nipis yang dibina di atas rawa tanpa sebarang dasar; tetapi saya pasti dapat mengukuhkannya jika diberi sedikit wang".

Memandangkan Kota itu nyata terlalu lemah untuk pertahanan, Sultan Kedah memerintahkan salah seorang daripada pembesar baginda iaitu Dato' Maharaja Kadzi untuk membina kota yang baru. Dia melukis pelan dan menulis surat kepada anak saudaranya, Maula Ibrahim Shah, yang berada di India, memintanya menghantar tukang batu yang mahir untuk membina kubu tersebut.

Kota tersebut mengambil masa sembilan tahun untuk dibina. Kerja bermula pada tahun 1782. Dua lapis tembok batu dibina dalam jarak enam kaki antara satu sama lain dan ruang antaranya diisi dengan tanah yang dikorek untuk membuat terusan.

Tiga pintu pagar, satu pintu pagar utama dan dua lagi yang kecil - berfungsi sebagai pintu masuk - dan seluruh binaan itu dikelilingi oleh parit. Meriam besar buatan Eropah dipasang, antaranya ialah meriam Portugis yang terukir dengan lencana *House of Braganza*. Pada hari ini, beberapa pucuk meriam tinggal terbiar dalam kawasan kota tersebut. Semasa serangan Siam, meriam ini kelihatan menggerunkan dan mengacu dengan cara yang mengancam daripada benteng tersebut.

BAB SEMBILAN BELAS

PERTEMPURAN DI SEKITAR KOTA KUALA KEDAH

Selama dua dekad selepas penawanannya oleh Siam pada tahun 1821, arus pertempuran berpusar (di benteng) Kota Kuala Kedah. Dalam tempoh ini, kubu tersebut terus menerus menyerang dan diserang balas.

Mengikut sumber Kedah, serangan yang pertama berlaku pada tahun 1823 tatkala Wizurai Siam tiada. Putera sulung Sultan, Tunku Abdullah dan adik Sultan, Tunku Kudin berserta 3000 orang lagi telah menawan kota tersebut. Kejayaan mereka itu tidaklah lama kerana tiga bulan kemudian, Wizurai tersebut kembali dengan pasukan yang lebih kuat dan mengusir mereka.

Pada tahun 1825, Tunku Kudin mengatur satu lagi serangan bersama-sama dengan Muhammad Jaafar iaitu anak saudara Sultan yang tinggal di Pulau Pinang. Hassan orang Culia bersetuju menanggung segala perbelanjaan dan Frederick Ruyter, orang Serani berketurunan Jerman secara sukarela menawarkan diri mengetuai serangan melalui laut. Tunku Kudin mara ke Kuala Kedah melalui darat tetapi apabila beliau tiba di sana, Muhammad Jaafar tidak muncul. Pihak berkuasa di Pulau Pinang menerima desas-desus rancangan serangan itu, dan memberkas ketua geng. Lantaran itu, Tunku Kudin berundur.

Siam berbantahan dengan British kerana melindungi dalam tersebut, dan lantaran itu, Persefiaan Burney (1826) ditandatangani. Melaluinya, British berjanji untuk tidak memberikan perlindungan kepada Sultan Kedah jika baginda diserang oleh Siam.

Pada tahun 1829, Tunku Kudin membuat cubaan yang ketiga untuk menawan semula kota tersebut. Dengan memakai pakaian seragam supai berwarna merah yang digaji oleh pihak Syarikat Hindia Timur, angkatan Kedah berjaya menembusi kota kara musuh dan menawan kota tersebut secara mengejut.

Siam meninggalkan kota tersebut dan berundur ke kubu mereka di Alor Ganu yang terletak dalam mukim Bukit Pinang dan di situ mereka berkumpul semula. Sementara itu, Jorasi, adik kepada Raja Siam mara ke Kuala Kedah dengan angkatan tentera seramai 7500 orang dan kor bergajah.

Terkepung di laut oleh British yang mengepung pantai selaras dengan syarat-syarat Persefiaan Burney, dan diserang oleh Siam melalui darat, Tunku Kudin dapat bertahan selama lima bulan sahaja.

Supaya tidak kehabisan makanan, beliau memerintahkan askar bukan penempur keluar daripada kota tersebut. Akhirnya, Siam memasang pelantar meriam dan dengan tembakan hebat

meriam, tembok kota musnah dan Siam menggempur pintu pagar sebelah timur. Memandangkan peluru beliau kehabisan dan kebuluran amat ketara, Tunku Kudin mengizinkan mereka yang hendak meninggalkan tempat itu supaya berbuat demikian. Kemudian beliau dan saki-baki pasukan seramai 60 orang berjuang hingga ke akhirnya. Dalam pertempuran ini, Kedah kehilangan seramai 1487 orang. Siam pula kehilangan seramai 700 orang.

Siam menduduki kota tersebut selama sembilan tahun berikutnya; tetapi pendudukan itu bukanlah merupakan perkara mudah. Mereka sentiasa digangu gugat oleh orang Kedah yang tidak pernah luntur keazaman mereka untuk merampas semula tanah air mereka, dan melancarkan serangan demi serangan.

Usaha terakhir untuk merampas kota tersebut daripada tangan Siam dilakukan pada tahun 1838 oleh Tunku Muhammad Saad iaitu anak saudara Sultan. "Biarkan semua ketua dan saudara mara baginda berkumpul di Sungai Merbok!" datangnya seruan daripada Sultan yang berada dalam buangan di Melaka.

Wang, senjata, peluru dan bekalan makanan dibekalkan secara rahsia oleh orang Eropah dan juga pedagang Asia di Pulau Pinang, dan armada yang mengandungi 40 buah perahu yang membawa seramai 2000 pejuang dilengkapkan di Batu Puteh dekat Aceh di Sumatera.

Operasi tersebut amat tepat pada masanya. Di kemuncak monsun barat daya pada bulan Ogos tatkala cuaca buruk melanda dan Siam tidak menjangkakan serangan, armada tersebut merentasi Selat Melaka dan berkumpul di Kuala Merbok. Dari sana, mereka menggempur.

Garison kota tersebut mengandungi 70 orang Siam dan 300 orang Melayu yang dikerah untuk menangkis serangan yang pertama. Serangan yang kedua berjaya. Orang Melayu yang dikerah lari meninggalkan kota itu dan orang Siam, yang kurang bilangan tenaganya, meninggalkan kota tersebut yang dengan segera diduduki oleh orang Melayu.

Pada waktu ini, Siam menuntut agar British menunaikan syarat-syarat Persetiaan Burney. Sebagai jawapan kepada tuntutan ini, Syarikat Hindia Timur menghantar Kapten Warren yang memerintah kapal "Hyacinth" ke Kuala Kedah. Di sana, dia melihat bendera merah Kedah berkibar-kibar di atas kota dengan Tunku Muhammad Saad memegang tumpuk kuasa. Tunku Abdullah turut berada di situ.

Sebagai jawapan kepada amaran Kapten Warren bahawa kemarahan Syarikat Hindia Timur akan menimpa mereka, Tunku Abdullah berkata, "Beritahu Syarikat tersebut, kami telah menawan semula Kedah yang merupakan hak kami sebenarnya. Tiada undang-undang boleh memansuhkannya; dan selagi kami dapat menghunuskan pedang atau memegang lembing, kami akan mengekalkan warisan yang diperturunkan daripada nenek moyang kami."

BAB DUA PULUH

PERTEMPURAN DI KEDAH - I

Selepas bertemu Tunku Muhammad Saad, Tunku Abdullah, Taib Itam dan ketua-ketua yang lain di kota Kuala Kedah (yang telah dirampas oleh mereka daripada Siam) dan memaafkan mereka (Siam) jika mereka menghentikan serangan, Kapten Warren kembali ke "Hyacinth" dan pergi mencari perahu perang.

Akhirnya, setelah begitu lama dan bersusah payah mencari perahu perang di suak dan alur sungai yang rumit dan berbahaya itu, dia menemui terapung-apung tenang di Trang iaitu di utara sempadan Kedah.

Armada tersebut menggerunkan. Ia mengandungi 50 buah perahu yang bersenjatakan meriam pusing dan meriam panjang, yang setiap satunya mempunyai seramai 20 hingga 50 orang anak kapal. Perahu tersebut terapung-apung dalam lingkungan pelabuhan yang dikubu dengan rapi, yang menjadi pintu masuk yang dibentengi dengan pasukan meriam.

Meskipun Warren tidak datang secara aman, dia disambut dengan sopan dan hormat. Kawalan kehormatan yang terdiri daripada 100 orang berarak menyambut kedatangannya di gigi air, dan mengiringinya dengan penuh adat istiadat menuju ke arah laksamana armada iaitu Datuk Muhammad Ali.

Datuk Muhammad Ali mendengar dengan penuh sopan akan amaran Warren bahawa Syarikat Hindia Timur menganggapnya sebagai lanun, dan malahan dia membenarkan orang Inggeris itu membuat pengumuman dengan menyeru "lanun-lanun" itu supaya bersurai atau menghadapi kemarahan Syarikat Hindia Timur yang gagah itu.

Kedua-dua pemimpin itu beredar setelah bertegang leher antara satu sama lain. Warren mencadangkan bahawa Datuk membawa keluar armadanya dari pelabuhan itu untuk bertempur. Datuk menempelak cabaran tersebut dengan mengajak "Hyacinth" sendiri masuk dan cuba membuat perhitungan.


Di Trang, Warren mendapat tahu bahawa serangan orang Melayu berjaya di mana-mana jua, dan bahawa setelah mengukuhkan kedudukan mereka, mereka berhasrat pula hendak menyerang musuh dengan segala kekuatan yang ada sehingga mereka tidak dapat lagi menghantar sebarang pasukan tentera untuk menakluki Kedah semula.

Sementara itu, pihak Siam tidak berdiam diri. Pada bulan November, mereka telah mengadakan pertemuan dengan British di Singapura dan membuat rancangan bahawa sebaik

saaja monsun timur laut berakhir, British harus mengepung pantai Kedah sementara tentera Siam dengan kekuatan 80 000 orang, harus mara melalui darat untuk merampas semula wilayah tersebut.

Sejajar dengan hal ini, "Hyacinth" kembali ke Kuala Kedah dan pada 7 Disember, berlabuh 200 elai di luar muara sungai. Benteng yang kukuh telah dibina di seberang saluran masuk sungai dengan meninggalkan hanya saluran masuk yang sempit, yang dikawal dengan rapi.

Siam menyeberang masuk ke Kedah seperti yang dirancangkan, membunuh lelaki, perempuan dan kanak-kanak serta membakar seluruh hutan untuk mewujudkan bumi hangus di antara perbatasan dengan kota tersebut. Tetapi sebelum mereka dapat sampai ke kota berkenaan, mereka disekat oleh sepasukan tentera yang dipimpin oleh Tunku Muhammad Saad dan Taib Itam.



Meriam kecil yang dipanggil 'meriam lutung' digunakan oleh wira-wira Melayu dalam perperangan menentang Siam (1821 – 1824)

Tunku Muhammad Saad mengundurkan pasukan musuh dan menawan benteng mereka di Alor Ganu. Didorong oleh kejayaan beliau itu, Tunku mara ke Singgora iaitu tempat kekuasaan Gabenor Ligor, yang mentadbir negeri-negeri yang memberi uti iaitu Patani, Kedah dan Kelantan. Ketika Tunku menawan Patani, beliau semakin memperoleh penyokong yang ramai. Singgora ditawan dan dijarah.

Sementara itu, pasukan tentera Siam seramai 10 000 orang yang dipimpin oleh Raja Ligor, merentasi sempadan, memperoleh kedudukan yang lebih baik untuk mengatasi pasukan tentera Kedah dan memutuskan saluran perhubungan Tunku Muhammad Saad. Kemudian pada bulan Mac 1839, dengan kemaraan yang gagah dan kepimpinan yang mengagumkan, dia mengejutkan kedudukan tentera yang penting di Alor Ganu, menggempur dua pasukan meriam dan membunuh seluruh garison seramai 600 orang di bawah pimpinan Syed Hussain.

Pasukan tentera yang malang di bawah pimpinan Tunku itu yang disekat di Singgora ditewaskan sedikit demi sedikit. Namun begitu, Tunku dan sesetengah orangnya dapat mengelakkan diri daripada musuh dan kembali melalui kedudukan Siam dan menyertai semula rakan seperjuangannya di kota Kuala Kedah sementara ketua-ketua yang lain pula lari ke Kota Bahru di Kelantan dan di sana mereka cuba mendapatkan bot untuk menyerang Singgora melalui laut dan dengan itu melencengkan perhatian musuh. Usaha tersebut terbantut kerana Siam menyerang Kota Bahru dan menyuraikan mereka.

Penawanan Alor Gusu itu merupakan halangan yang serius bagi pasukan tentera Kedah tetapi kemenangan yang besar bagi Siam yang sehingga itu tidak mempunyai meriam. Kini mereka mempunyai meriam besar dan mara ke Gunung Keriang. Dari sana mereka menghantar barisan hadapan berserta meriam perang untuk meninjau pertahanan orang Kedah. Pertempuran tercetus dengan kota kara Kedah dan setiap malam pada beberapa minggu berikutnya, tembak menembak terjadi antara kedua-dua pasukan yang bermusuhan itu.

Pihak Siam tidak berhasrat untuk melancarkan serangan berhadapan sehingga mereka mempunyai kekuatan yang mencukupi. Sebaliknya pihak yang bertahan yakin bahawa jika mereka bertahan dengan cukup lama, cuaca buruk akan memaksa penyerang berundur.

Pada waktu fajar, bedilan meriam berhenti dan Siam kembali ke Gunung Keriang dan datang lagi pada waktu senja dan mulakan pembedilan mereka.

Agar orangnya berjaga-jaga, Siam menggunakan kastanet (alat muzik) yang diperbuat daripada buluh yang digitar-getarkan secara berterusan. Bunyinya bermula dengan nada yang rendah dan beransur-ansur meninggi dengan kuat dan berpanjangan. Pengawal Melayu dari semasa ke semasa berteriak "Jaga!". Teriakan tersebut disambut oleh pengawal lain dan di sebalik bunyi bising tembakan meriam, timbul getaran kastanet yang berbaur itu berserta jeritan pengawal tersebut sambil mereka memerhatikan pergerakan musuh dengan rapi.

BAB DUA PULUH SATU

TENTERA KEDAH DIBURU HEBAT KE LANGKAWI

Setelah pertemuan yang diatur terlebih dahulu dengan Tunku Muhammad Saad, Tunku Abdullah dan Taib Itam di Sungai Jerlun berikutan usaha mereka melepaskan diri itu daripada kota Kuala Kedah, Datuk Muhammad Ali memutuskan untuk melepas kepungan British dan belayar menuju ke Langkawi. Maka dalam kegelapan malam dan pasang menyurut, perahunya yang rendah dan panjang dan mempunyai 20 pendayung itu, dengan disertai oleh dua buah perahu yang sarat dengan orang pelarian, menyusur keluar secara senyap-senyap daripada sungai itu.

Untuk mengukuhkan kepungan, Kapten Warren membentuk angkatan laut yang mengandungi tiga buah bot pembedil, sebuah bot bantu dan sebuah perahu layar, dengan "Hyacinth" sebagai kapal induk.

Apabila tiba waktu subuh, jurusemboyan di kepala tiang kapal "Hyacinth" ternampak bot Datuk Muhammad Ali di suatu jarak, sedang menuju ke Langkawi. Dia memberikan amaran. Kapten Warren menghantar bot ringan yang mempunyai lima pendayung memburu mereka tetapi meskipun begitu, bot tersebut tidak berupaya mengejar perahu Datuk Muhammad Ali yang mempunyai 20 pendayung itu; dan apabila perahu tersebut sampai di kepulauan yang berselirat, bot Inggeris tersebut terpaksa menghentikan perburuan mereka itu. Perahu itu menghilang sekelip mata. Kepulauan yang berselirat, serokan dan saluran air di situ mampu menyembunyikan beribu-ribu buah perahu.

Pada malam itu, "Hyacinth" dan kapal-kapal lain dalam angkatan laut tersebut berkumpul di luar Langkawi dan membuat rancangan yang teliti untuk menghapuskan armada Kedah yang diketahui berada dalam perairan Langkawi

Pada waktu fajar keesokannya, kapal wap "Diana" yang menyertai armada berkenaan, menundu bot pembedil. Berhampiran dengan pesisir, kapal wap itu tidak dapat menghampiri daratan kerana air tohor. Lantaran itu, bot pembedil dilepaskan dan bergerak ke darat. Mereka berharap dapat menemui skuadron tujuh buah perahu perang tetapi tidak menemui apa-apa kerana perahu tersebut telah pun bergerak ke arah utara. Bot pembedil itu berdayung ke arah utara dalam cuaca panas.

Mereka merentasi Pulau Terutau dan juga pulau besar pada waktu senja, dan setelah menyusur mengelilingi cenzuram pantai, mereka tiba di sebuah teluk. Mereka mencari-carinya tetapi hampa. Tetapi ketika mengelilingi tanjung tinggi yang berbatu itu, mereka ternampak cahaya di atas bot dan juga di darat.

Oleh itu, mereka meletakkan pendayung, memadamkan cahaya dan menyiapkan meriam


mereka untuk bertindak dan menunggu ketibaan kapal "Hyacinth" dan "Diana" yang telah belayar ke selatan dengan tujuan menyertai bot pembedil itu kemudiannya di luar Kampong Melaka.

Kira-kira pada waktu tengah malam, ribut petir melanda dan menerusi silauan kilat, anak kapal tersebut mengira jumlah angkatan perahu yang agak besar juga.

Menjelang subuh, kapal "Hyacinth" dan "Diana" muncul di selatan dan menyertai bot pembedil yang sepanjang masa mengawasi perahu yang tidak mengetahui akan kehadiran mereka. Pada masa itu, kekuatan armada Kedah dapat diukur.

Armada Kedah mengandungi dua buah kapal layar jenis skuner yang setiap satunya dilengkapi dengan 10 pucuk meriam kecil. Salah sebuah daripada bot tersebut membawa meriam yang pelurunya berisi 12 paun bahan letupan. Yang lain pula dilengkapi dengan meriam yang pelurunya berisi 3 dan 6 paun bahan letupan. Yang selebihnya terdiri daripada tiga buah perahu yang gagah dan besar serta sebuah *tope*.

Tope tersebut membawa meriam yang pelurunya berisi 32 paun bahan letupan. Sementara perahu itu pula mempunyai meriam yang pelurunya berisi tiga paun bahan letupan.



Tempat Mendarat di Kuah, Pulau Langkawi

Di darat, bateri lapan pucuk meriam ditempatkan di atas bukit berbentuk kun yang terletak di pintu masuk teluk. Meriam itu melindungi kapal. Beberapa tahun dahulu, bateri ini berjaya menangkis serangan yang dilancarkan oleh kapal Siam.

Wujud kegembiraan yang besar di kalangan mereka yang berada di darat apabila mereka ternampak bot British. Orang-orang yang bersenjata berkeliaran ke sana ke mari dengan pantasnya di celah-celah pokok nyior yang tumbuh menghiasi pantai. Bot-bot kecil berdayung ke depan ke

belakang.

Apabila dia menyertai unit yang lebih kecil dalam angkatan laut itu, Kapten Warren memeriksa bot tersebut untuk memastikan semuanya sudah sedia. Selepas itu, dia memberi kata dua kepada orang yang mengawal kubu tersebut, menyeru mereka supaya menyerah diri dalam masa lima minit.

Terkejut dengan angkatan British yang lebih besar itu, pihak yang bertahan meninggalkan bot dan juga kota mereka. Pihak British bergerak ke arah darat dan menaiki perahu itu lalu mencampak keluar meriam, dan membakarnya. Meriam di kubu tersebut dimusnahkan.

Di suak kecil yang berhampiran, mereka menemui dua buah perahu di luar kerangka penyangga dan juga beberapa pucuk meriam yang pelurunya berisi sembilan paun bahan letupan. Pihak yang bertahan telah pun lari ke Sumatera.

Di tanah besar, orang-orang Melayu melancarkan perang gerila menentang Siam. Siang malam mereka menyerbu musuh berkali-kali dan menyerang Alor Ganu yang menjadi tempat Phya Nuchit iaitu anak Raja Ligor yang mentadbir negeri.

Serangan yang tidak putus-putus itu memberikan tekanan hebat kepada Gabenor Phya Nuchit sehinggakan dia meminta ayahnya melepaskannya daripada jawatan tersebut. Pihak British berasa kurang senang dengan perkembangan tersebut kerana perdagangan mereka terjejas dengan teruk.

Apabila menyedari bahawa kedudukan mereka tidak dapat dipertahankan lagi, Raja Ligor menawarkan jawatan gabenor kepada Tunku Anum yang tinggal di Ligor. Beliau pada mulanya menolak jawatan itu tetapi apabila ditawarkan kali kedua pada satu dua bulan kemudian, beliau menerima dengan syarat kewajipan beliau hanyalah menghantar Bunga Mas dan Perak kepada Bangkok sekali dalam tempoh tiga tahun.

Di tengah-tengah kegirangan, Tunku Anum kembali ke Kedah untuk mengambil alih jawatan gabenor daripada Phya Nuchit yang telah pulang ke Ligor.

Tunku Anum kemudiannya menghantar utusan khas mengadap Sultan Ahmad Tajuddin di Melaka, untuk memberitahu tentang kejayaan beliau mendapatkan semula Kedah dan meminta baginda kembali dan memerintah Kedah.

Sultan pada mulanya enggan untuk berbuat demikian tetapi baginda menghantar putera bongsu, Tunku Zainul Rashid, yang diisytiharkan sebagai Pemangku Raja. Namun begitu pada tahun 1842, Sultan Ahmad Tajuddin dipujuk supaya kembali.

BAB DUA PULUH DUA

PERTEMPURAN DI KEDAH - II

Tatkala tentera Siam semakin merapati kota Kuala Kedah, berduyun-duyun orang pelarian dari hulu sungai melarikan diri ke hilir dengan menaiki bot; dan memandangkan kehadiran mereka itu akan menyekat gerakan penentangan maka Tunku Muhammad Saad menghantar utusan khas berjumpa dengan Kapten Warren untuk meminta British membawa orang pelarian yang tidak bersenjata ke tempat yang selamat di Pulau Pinang.

Warren bersetuju dengan permintaan tersebut. Sebuah jong, sebuah tope, lima buah perahu besar dan 155 buah bot yang lebih kecil kemudiannya berkumpul di sekeliling "Hyacinth" dan sebuah bot pembedil Angkatan Laut mengiringi kesemuanya ke Pulau Pinang. Lebih daripada 3000 orang - dua pertiga daripada mereka terdiri daripada kaum perempuan, kanak-kanak dan lelaki yang uzur - dipindahkan.

Sementara itu, Datuk Muhammad Ali yang beroperasi dari Perlis, cuba mengejutkan bahagian sayap tentera Siam. Cubaannya itu gagal, dan dia kehilangan banyak senjata dan peluru. Siam lebih baik dari segi perlengkapan senjata dan tidak menghadapi apa-apa kesukaran dalam mematahkan serangan tersebut.

Pada 16 Mac 1839, bahagian utama tentera Siam sampai di muara Sungai Jerlun. Bahagian tersebut mempunyai kekuatan 15 000 orang, dilengkapi dengan senapang lantak yang dibeli oleh Siam daripada Syarikat Hindia Timur, dan disokong oleh gajah.

Pada hari berikutnya, mereka melancarkan serangan secara berpasukan. Kota kara pihak yang bertahan terus menerus melepaskan tembakan yang hebat tetapi ditewaskan oleh bilangan senjata dan bilangan tentera Siam dan lantaran itu terpaksa berundur. Tatkala mereka berundur, meriam musuh membidik dan mulai membedil dinding kota tersebut. Meriam di benteng yang pelurnya berisi lapan belas paun bahan letupan menembak balas dengan sangat dan mencabar.

Pihak yang bertahan mengalami banyak kehilangan jiwa. Mereka berada di medan terbuka sedangkan Siam terlindung dan diselindungi oleh hutan. Tetapi jika tidak kerana pasukan meriam yang berkawal di pelantar, pertahanannya mungkin dapat ditewaskan. Meriam pusing mengawal kemaraan musuh dan di sebalik hujan tembakan senapang lantak, meriam tersebut terus membedil. Sebaik sahaja seorang terbunuh atau tercedera, seorang lagi akan datang mengambil alih tempatnya.

Akhirnya satu tembakan mengenai pasukan meriam itu dan mematikan tindakannya. Maka pihak yang bertahan berundur masuk ke kota dengan membawa sekali mereka yang tercedera. Meskipun mereka berada dalam kedudukan yang tidak ada harapan lagi, mereka terus menerus

berjuang dengan berani.


Bersorak dengan kuat dan mengetar-getarkan kastanet mereka, penyerang meluru ke hadapan tetapi meriam kota membedil mereka bertubi-tubi dan memaksa mereka berhenti dan berundur.

Pada sebelah petangnya, tembakan meriam berhenti. Pada malam itu, perahu yang terakhir dan kumpulan perempuan dan kanak-kanak yang terakhir dipindahkan, meninggalkan 200 orang pejuang di bawah pimpinan Tunku Muhammad Saad dan Taib Itam untuk mempertahankan kota tersebut.

Keesokan harinya, Siam mara lagi. Dengan menggunakan kelebihan daripada setiap perlindungan yang didapati oleh mereka, mereka hampir-hampir dapat memanjat dinding kota dan menduduki sebahagian daripada kubu tersebut tetapi menjelang senja, orang-orang Melayu bersatu dan dengan laungan perang, mereka berjaya mengusir musuh keluar.

Api dan kepulan asap hitam menyelubungi rumah yang terbakar. Pertempuran menular dengan pantas dan sengit sehingga pasukan bantuan Siam tiba dan memaksa orang-orang Kedah, yang mengalami banyak kehilangan jiwa, berpatah balik ke kota mereka.

Pada malam itu dan pada hari berikutnya, tembak menembak berterusan tetapi bedilan meriam musuh yang pelurunya berisi enam paun bahan letupan tidak dapat sampai ke dinding kota.



Meriam yang dijumpai di Padang Matsirat, Langkawi pada tahun 1975

Dua malam sebelum berakhirnya pertempuran itu, Tunku Muhammad Saad, Tunku Abdullah dan Taib Itam secara diam-diam meninggalkan kota tersebut bersama-sama dengan beberapa orang yang dipilih. Mereka berjalan di sepanjang paras air surut di tepian pantai dan menghala ke Sungai Jerlun. Di sana mereka disambut oleh Datuk Muhammad Ali dan Haji Long yang telah datang dengan beberapa ekor gajah untuk membantu mereka melepaskan diri supaya mereka dapat "hidup untuk berjuang pada masa lain".

Untuk melindungi usaha melepaskan diri itu, seorang ketua yang berani, yang namanya dirahsiakan, dengan sukarela mempertahankan kota tersebut selama 48 jam. Dia benar-benar berjaya melakukannya. Selepas serangan terdesak yang terakhir, dia dan orang-orangnya terjun ke sungai dan berenang menyeberanginya dan menuju ke tebing selatan, dengan meninggalkan 15 orang supai untuk mempertahankan kota untuk dua jam berikutnya.

Supai-supai tersebut benar-benar memikul tugas yang diberikan itu, dan akhirnya setelah melepaskan tembakan mereka yang terakhir, mereka terjun ke dalam sungai tetapi oleh sebab tidak pandai berenang, mereka dihanyutkan oleh arus berhampiran dengan kubu itu dan mati lemas. Maka berakhirlah pertempuran berdarah di Kota Kuala Kedah.

Hampir-hampir pada hari tersebut, 103 tahun kemudiannya sejarah berulang lagi. Warren tiba di luar Kuala Kedah untuk mengepung pantainya pada 7 Disember 1838; Jepun mendarat di Singgora untuk menyerang Kedah pada 8 Disember 1941. Mereka mara dari arah yang sama sepetimana Siam melakukannya pada seabad yang lalu.

Seperti Siam yang membedil Kota Kuala Kedah dari senja hingga subuh dalam serangan malamnya, Jepun juga mengebom Barisan Pertahanan Jitra apabila waktu malam menjelma, dan berhenti membedil apabila fajar menyingsing. Pengunduran dalam kedua-dua peristiwa tersebut dilindungi oleh askar India - Rajpoot pada tahun 1839, dan Punjabi pada tahun 1941.

Pada tahun 1944 tatkala Jepun menyerahkan Kedah'(dan Perlis, Kelantan dan Terengganu) kepada Siam (mereka memberikan nama lama bagi Kedah iaitu Syburi), askar pendudukan buat kali ketiga memasuki Kedah dari arah yang sama.

BAB DUA PULUH TIGA

PEMBAHAGIAN KEDAH OLEH SIAM

Apabila Siam menduduki Kedah pada tahun 1821, Siam membahagikannya kepada empat bahagian - Setul, Perlis, Kubang Pasu dan Kedah, meletakkan setiap satu daripada bahagian tersebut di bawah pemerintah yang berasingan.

Pembahagian sebegini rupa bukanlah sesuatu yang baru kerana pada tahun 1770, disebabkan oleh usia yang lanjut, Sultan Muhammad Jiwa telah membahagi-bahagikan Kedah kepada kedua-dua putera baginda iaitu Tunku Abdullah dan Tunku Dhiauddin.

Pada masa itu, wilayah Kedah merangkumi Trang pada garis lintang $7^{\circ} 37'U$. hingga ke Krian pada garis lintang $5^{\circ} 18'U$, iaitu jarak kira-kira 150 batu.

Tunku Abdullah dikurniakan gelaran "Yang Dipertuan Muda" yang memerintah dari Sungai Kedah hingga Sungai Krian termasuk Pulau Pinang dan pulau-pulau luar pesisir yang lain.

Tunku Dhiauddin dijadikan Raja Muda yang memerintah Setul, Perlis dan Kubang Pasu. Baginda bersemayam di Kangar yang mendapat namanya daripada perkataan "kenanga" iaitu sejenis pohon yang berbunga hijau yang harum baunya.

Apabila Bugis menyerang Kedah pada tahun 1771 dan menawan Alor Setar, Sultan berundur ke Kangar dan mangkat di sana. Lantaran kemangkatan baginda (tarikh sebenar tidak diketahui), Tunku Abdullah menjadi Sultan Kedah; dan apabila baginda mangkat pada tahun 1790, Tunku Dhiauddin menjadi "Bakal Raja" (pewaris yang sah).

Menarik untuk mengetahui bahawa dalam mukadimah kepada fasal Perjanjian (memjakkan Seberang Perai) dengan Sir George Leith, Perjanjian tersebut bukan sahaja diputuskan dengan Raja Muda tetapi juga dengan semua Menteri dan Dato' dari kedua-dua buah negeri iaitu Kedah dan Perlis yang disahkan sebagai wilayah yang berasingan meskipun terletak di bawah pemerintah yang sama seperti Kedah.

Pada tahun 1803 apabila Tunku Pangeran iaitu putera Sultan Abdullah dengan isteri kedua, Wan Mas, menjadi sultan bergelar Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah, Tunku Dhiauddin kembali kepada jawatan yang terdahulu iaitu sebagai Raja Perlis.

Mengikut jurai salasilah Sultan Kedah yang disusun oleh Tunku Fariduddin (sehingga ini menjadi Pegawai Daerah Kuala Muda), puteri Tunku Dhiauddin iaitu Tunku Sopiah,

berkahwin dengan Syed Abu Bakar yang juga dikenali dengan nama Syed Harun Jamalullail yang telah datang ke Perlis dari Palembang dan menetap di Arau. Anaknya Syed Hussain merupakan salah seorang daripada pemimpin gerakan penentangan semasa pendudukan Siam.

Pada masa 'Pengembalian Kuasa', apabila Sultan Ahmad Tajuddin kembali, baginda ditabalkan sebagai Raja Kayangan iaitu nama lama bagi Perlis. Sesetengah orang Cina masih memanggil Perlis dengan nama "Kayangan" sepertimana mereka memanggil Alor Setar dengan nama "Kedah".

Pada hari ini, ibu negeri Kayang merupakan kampung tinggal yang terletak di Sungai Perlis, kira-kira lima batu dari Kuala Perlis.

Pada zaman kegemilangannya, Kayang merupakan pelabuhan sungai yang makmur, yang berdagang dengan negeri-negeri yang berhampiran. Kemakmurannya nyata membangkitkan perasaan tamak haloba dan perrusuhan Siam yang menyerangnya buat kali pertama tetapi gagal.

Kegagalan ini hanya menaikkan kemarahan pihak musuh dan membuatkan Raja Siam lebih bertekad untuk menakluki bandar tersebut. Akhirnya Raja Siam menyiapkan angkatan tentera yang besar, yang dilengkapi senjata dan begitu menggerunkan sehingga penawanan Kota Kayang tidak dapat dielakkan lagi.

Meskipun rancangan serangan tersebut sepatutnya dirahsiakan namun salah seorang daripada menteri Raja Siam membocorkan rahsia tersebut.

Apabila baginda mengetahui tentang serangan yang akan dilancarkan itu, Raja Kayang iaitu Raja Marhum Tua mengarahkan penduduk Kota Kayang meninggalkannya serta-merta. Lantaran itu, apabila tentera Siam sampai di situ dua hari kemudiannya, mereka mendapati bahawa seluruh bandar tersebut kosong, tanpa tanda-tanda adanya orang. Mereka kemudiannya membakar setiap rumah dan membinasakan bandar tersebut sehinggakan tiada apa-apa yang menunjukkan bahawa Kota Kayang pernah wujud sebelum ini.

Beberapa tahun kemudiannya, apabila Raja Marhum mangkat kerana usia lanjut, atas permintaan baginda, baginda disemadikan di kaki Bukit Kayang yang terletak di pinggir bandar tersebut.

Selepas pembinaaan Kota Kayang, penduduk secara beransur-ansur berpindah ke Kangar yang menurut Kapten Light letaknya empat lima batu dari muara sungai sempit yang dalam (Sungai Perlis), di lembah yang lilitannya sebatu setengah. Di pintu masuk sungai tersebut terdapat sebuah pulau berpasir yang kecil dan di situ terletaknya kampung nelayan

yang dikawal oleh beberapa pucuk meriam. Beting pasir sungai itu amat panjang dan air pasang surut perbani hanya 10 kaki.

Bandar tersebut mempunyai sebatang jalan sempit yang menuju tepat ke arah sungai berkenaan, dan kedai-kedai dipenuhi dengan buah-buahan dan sayur-sayuran, kain kapas, sapu tangan merah dan kuning, tikar yang cantik, bertimbun-timbun beras serta berbalang-balang minyak sapi.

Di sinilah Light datang bersama-sama Yang Berhormat Edward Monckton pada tahun 1772 untuk menandatangani sebuah perjanjian dengan Sultan Muhammad Jiwa. Dalam perjanjian ini, Sultan bersetuju menyerahkan Kuala Bahang (Kuala Kedah) kepada Syarikat Hindia Timur dengan syarat Syarikat berkenaan membantu baginda mendapatkan semula kapal dan meriam yang telah dirampas oleh askar upahan Bugis dari Selangor.

Di sinilah juga Sultan Sulaiman (1602-1625) datang satu setengah abad terdahulu ketika orang Aceh menakluki Kuala Kedah dan menjarah Alor Setar.

BAB DUA PULUH EMPAT

SULTAN ZAINAL RASHID

Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (1804-1843) kembali ke Kedah, hancur luluh dan jatuh susah akibat perang. Baginda menjadikan Kota Kuala Muda sebagai ibu negeri tetapi apabila baginda mangkat, putera baginda iaitu Sultan Zainal Rashid mengubahnya ke Alor Setar.

Sultan Zainal Rashid (1843-1854) telah memberikan sumbangan yang amat besar untuk memperbaiki negeri Kedah. Baginda membina jalan dan terusan. Baginda sendiri menyelia projek tersebut. Buruh diperoleh melalui kerahan. Hasil diperoleh daripada cukai yang dikenakan terhadap tanah ditanami padi.

Pada masa itu, penduduk Kedah secara meluasnya terbahagi kepada dua golongan-golongan yang mempunyai hak istimewa dan golongan yang tidak mempunyai hak istimewa - dalam nisbah 1 kepada 50.

Golongan yang pertama terdiri daripada para pembesar Melayu, para pedagang Siam, Eropah dan India. Mereka kaya dan hanya membayar cukai yang sedikit sahaja.

Golongan kedua pula membayar cukai yang banyak dan boleh dipanggil untuk menjalankan perkhidmatan dalam negeri atau setempat. Mereka merupakan petani yang terbahagi kepada dua iaitu:

- (i) Mereka yang memiliki tanah dan memegang dokumen yang dikenali sebagai "surat putus". Mereka membayar hasil tanah.
- (ii) Mereka yang memajak tanah daripada tuan tanah mukim. Tanah tersebut merupakan anugerah Sultan kepada mereka. Mereka membayar sewa tanah kepada pemajak.

Kedua-dua golongan petani ini boleh dikerah. Apabila dikerah untuk peperangan, setiap orang terpaksa mengangkut 10 gantang beras bersama-sama mereka.

Sultan Zainal Rashid bersahabat dengan Siam dan mendapat kepercayaan daripada mereka. Tatkala baginda menjadi Pemangku Raja, sebelum ayahanda baginda kembali untuk menaiki semula takhta kerajaan, baginda telah berangkat ke Bangkok dan telah berjaya meminta Raja Siam mengembalikan jawatan kepada Sultan Ahmad. Apabila baginda berjaya menaiki takhta, baginda begitu akur dengan nasihat pihak Siam sehingga mereka memberikan kuasa bertindak yang banyak kepada baginda dan kurang mencampuri urusan baginda.

Putera baginda iaitu Sultan Ahmad Tajuddin Al-Mukarram Shah (1853-1879) terus mengelakkan hubungan baik dengan pihak Siam. Sultan Ahmad mendapatkan nasihat daripada mereka dan tidak pernah menyalahgunakan kuasa yang diberikan oleh mereka. Lantaran itu, Sultan Ahmad dibenarkan menjalankan pembaharuan yang banyak.

Salah satu daripada pembaharuan tersebut ialah peraturan pakaian seragam untuk para pegawai. Mereka dikehendaki memakai seluar pendek, kot putih yang longgar dan seluar gedoboh yang berwarna hitam berserta kain ikatan pinggang yang lebar. Pakaian mahkamah pula ialah ala Eropah dan terdiri daripada seluar hitam, kot frok dan kep tarbus.

Di Alor Setar, Sultan Ahmad membina jambatan kayu merentangi Sungai Kedah dan memperkenalkan penggunaan mata wang Selat; dan apabila Siam mengarahkan baginda menghentikan pemberontakan pelombong Cina di kawasan yang kaya dengan bijih timah iaitu Tongkah, baginda mengumpulkan bala tentera seramai 1000 orang melalui kerahan tenaga. Bala tentera tersebut yang diketuai oleh Tunku Yaakub (adinda baginda Sultan), Wan Awang (Syahbandar) dan Wan Taib bin Wan Musa (Datuk Temenggung) telah mengembalikan undang-undang dan ketenteraman dalam tempoh tiga bulan.

Sultan Ahmad Tajuddin juga merupakan penyokong perusahaan persendirian. Menyedari bahawa perdagangan merupakan "pemaju dunia yang paling besar", baginda menempah kapal layar bertiang tiga dari Eropah dan namakannya "Gratitude". Ejen baginda di Pulau Pinang ialah Nevins and de Luz. Kaptennya ialah orang Inggeris bernama Fowler.

Meskipun baginda Sultan, sebagai pemilik, memberikan arahan tegas bahawa kapal tersebut harus digunakan untuk menjalankan perdagangan antara India dengan Singapura namun ejen berkenaan melanggar peraturan tersebut dan membawanya belayar ke China kerana lebih banyak barang muatan dan untung yang dapat diraih daripada pantai China.

Oleh hal yang demikian, "Gratitude" menyusuri pantai antara Amoy, Foochow dengan Swatow. Di sana, kapal ini mengumpul barang muatan. Dimuat dengan muatan barang China yang kaya dan 300 orang emigran Cina yang memenuhi geladak, kapal tersebut singgah di Macao dan bersiap sedia untuk belayar pulang.

Walau bagaimanapun, sehari sebelum bertolak, ada kelasi yang menyedari sesuatu yang tidak kena. Mereka nampak seolah-olah anguk kapal layar berkenaan - wanita yang terdedah buah dadanya memegang obor yang menyala - memberikan petanda buruk. Wajahnya kelihatan sugul dan sebelah buah dadanya hilang.

Pada hari-hari pelayaran, kelasi kapal terlalu percaya kepada kepercayaan karut dan sangat mementingkan anguk tersebut. Kapten Inggeris enggan belayar dan anak kapal yang mendapat kesempatan, lari meninggalkan kapal tersebut. Keadaan menjadi begitu sukar

sehingga seorang Sepanyol ditugaskan menjadi juragan untuk kapal layar berkenaan.

Memang benar, di luar pantai Cochine-China (Vietnam) berhampiran dengan sebuah batu yang dipanggil "Pedra Branca" oleh pelayar Portugis, "Gratitude" terperangkap dalam ribut taufan. Pada mulanya, sebuah tiang tumbang dan kemudian dilanjut oleh tiang yang lain. Akhirnya tiang ketiga tumbang menimpa tepi kapal dan kapal tersebut putus dua dan karam.

Lantaran itu, Sultan Ahmad Tajuddin membuat tuntutan terhadap kemasuhan kapal tersebut kepada ejen berkenaan. Hasil keputusan tindakan guaman itu, kalaularah tidak kerana hilang ketika Pendudukan Jepun, akan barangkali tersimpan di dalam arkib Mahkamah Pulau Pinang.

BAB DUA PULUH LIMA

KEUNGGULAN WAN MAT SAMAN

Sultan Zainal Rashid (1843-1854) diganti oleh putera baginda iaitu Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854-1879).

Sepertimana yang telah dinyatakan, perperangan "Empat Puluh Tahun Berdarah" mengakibatkan Kedah jatuh miskin. Alor Setar hampir-hampir dililiti hutan belantara dan pemulihian terpaksa bermula tanpa sebarang asas.

Dalam tempoh beberapa dekad yang berikutnya, hasil untuk kegunaan kerja raya - jalan, jambatan dan terusan - diperoleh daripada hasil tanah atau sewa tanah. Tenaga buruh didapati melalui kerahan (buruh paksa).

Salah satu daripada jalan yang pertama dibina pada tahun 1859 iaitu dari Alor Setar ke Anak Bukit. Tujuh tahun kemudian iaitu pada tahun 1866, jalan tersebut diperbaiki dan dipanjangkan hingga ke Kepala Batas.

Sebuah jambatan yang merentangi Sungai Kedah, yang terdahulu daripada Jambatan Sultan Badlishah, didirikan pada tahun 1870 bagi menghubungkan Alor Setar dengan Seberang Perak. Jambatan tersebut diberi nama Jambatan Wan Mat Saman, sempena nama Wan Mat Saman iaitu bapa saudara kepada Sultan sebelah bonda baginda, dan Perdana Menteri.

Wan Mat Saman seorang yang unggul. Dia juga membina Terusan Wan Mat Saman dari Alor Setar ke kaki Gunung Jerai. Dia bukan jurutera tetapi dia memiliki akal yang panjang. Rakan senegerinya berasa ragu-ragu dan buruhnya melaikkan diri tetapi dia tetap tabah dan mengatasi segala kesukaran. Dia tidak mempunyai peralatan untuk mengukur tetapi dia memastikan penajaran yang betul dengan meletakkan orang-orangnya berselang seli dalam satu barisan lurus. Setiap seorang daripada mereka ini menjulang tinggi-tinggi obor damar. Dengan ini dia menentukan kedudukannya, dan akhirnya Terusan berkenaan bertemu dengan Sungai Kedah pada titik di mana terbinanya sebuah tugu peringatan bagi memperingatinya.

Kejayaan penyiapan Terusan tersebut telah membawa kepada pembinaan terusan-terusan yang lain. Hal ini meningkatkan keluasan tanah yang ada untuk penanaman padi; dan tatkala Siam memindahkan pertuanannya kepada British pada tahun 1909, Kedah membekalkan lebih daripada sejuta busyal beras ke Pulau Pinang setiap tahun.

Wan Mat Saman juga bertanggungjawab dalam penangkapan Raja Ismail daripada Perak selepas pembunuhan James Birch iaitu Residen British yang pertama di Perak pada tahun 1875.

Selepas pembunuhan tersebut, Raja Ismail berundur ke Kupang yang terletak dalam daerah Baling, Kedah berserta 300 orangnya dan 30 ekor gajah. Memandangkan tempat itu terletak dalam

wilayah Kedah maka pihak British meminta Sultan Kedah membantu untuk menangkapnya. Oleh hal yang demikian, Sultan Kedah menghantar Wan Mat Saman dan Penghulu Abdul Rahman daripada Kupang untuk menemui Raja Ismail.

Pada mulanya, Raja Ismail tidak mahu menerima kedatangan pegawai Kedah itu. Walau bagaimanapun kemudiannya Wan Mat Saman memujuk beliau untuk mengikut mereka ke Padang Gias untuk mengadap Sultan, yang memujuk beliau supaya pergi ke Kuala Muda. Di sana, Raja Ismail tinggal selama enam bulan dan kemudiannya sekali lagi atas nasihat Sultan, beliau menyerah diri kepada British.

Dalam usaha memulihkan negara, Sultan Zainal Rashid bekerja keras. Dia sendiri menyelia pembinaan jalan dan terusan. Apabila baginda mangkat, Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah mengikut jejak langkah ayahanda baginda. Baginda mematuhi nasihat Siam dengan jujur dan cermat, dan memperoleh keyakinan Raja Siam yang mempercayai baginda sepenuhnya dan tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman Kedah. Pengaruh Siam paling kuat dan undang-undang Kedah berdasarkan kanun Siam.



Wan Muhammad Saman bin Wan Ismail, Perdana Menteri Kedah 1870-1898

Dalam tindakan guaman awam, pihak menuntut (plaintif) mengemukakan kesnya melalui tulisan. Tulisan ini dengan kemasnya disalin oleh kerani mahkamah yang selepas itu, membacanya kepada plaintif bagi memastikan bahawa tiada terdapat apa-apa yang tidak tepat. Sekiranya plaintif mengesahkan bahawa dokumen yang dibaca itu merupakan salinan benar daripada yang asal maka dokumen itu dilipat dan dimeterai dengan sedikit liliu atau lumpur lembut, yang di atasnya ditera dengan ibu jarinya.

Ringkasan plaint tersebut kemudiannya dihantar ke defendant yang juga menjawab melalui tulisan, yang juga menjalani proses yang sama laitu disalin, dibaca dan dimeterai.

Sehari sebelum kes itu didengar, litigan dipanggil dengan hasrat untuk menyelesaikan tindakan guaman tersebut. Jika usaha yang diambil itu terbukti tidak berjaya maka keterangan sumpah dibaca di hadapan hakim rendah yang selepas mempertimbangkan kes itu, memberikan keputusan secara bertulis. Keputusan berkenaan kemudiannya dihantar ke Hakim Besar yang membaca keputusan tersebut.

Menurut salah seorang daripada bekas anak murid saya, Allahyarham Encik Mustafa bin Tam yang berasal dari Siam dan mempunyai pengetahuan luas dalam hal ehwal Siam, sumpah yang panjang dan teruk dijalankan dalam bahasa Siam. Sumpah berkenaan adalah seperti berikut:

Saya (nama) yang hadir untuk memberikan keterangan dalam perkara ini, dengan sesungguhnya mengesahkan bahawa saya tidak mempunyai prasangka terhadap mana-mana pihak dan tidak sama sekali terpengaruh oleh pendapat dan nasihat orang lain, dan bahawa tiada prospek kewangan atau kenaikan pangkat yang telah ditawarkan kepada saya”.

“Saya, dengan sesungguhnya juga mengesahkan bahawa saya tidak menerima sebarang sogokan dalam hal ini dan jika apa yang saya perkatakan sekarang adalah palsu, dan jika dalam keterangan saya, saya memutarbelitkan atau menghalang kebenaran untuk memesongkan pengadilan, saya boleh dihukum.”

“Jika saya mengatakan bahawa saya telah melihat apa yang saya tidak melihat, dan jika saya mengatakan bahawa saya tahu padahal saya tidak tahu, saya boleh juga dihukum. Biar saya ditimpa bahaya ke mana sahaja saya pergi, dan biar petir membelaht dua saya supaya jenayah saya diperlihatkan kepada orang”.

Golongan berikut dihalang daripada memberikan keterangan dalam mana-mana kes:

“Pemabuk, penghisap candu, petualang, tukang kasut, pengemis, perempuan yang berkahwin tiga kali, anak-anak yang derhaka, hamba, rakan mana-mana pihak, musuh mana-mana pihak”.

“Kecacatan fizikal tidak termasuk perempuan hamil yang tidak berkahwin, orang buta dan pekak, orang yang berusia lebih daripada 70 tahun dan kanak-kanak di bawah 7 tahun, dan orang yang mendapat penyakit yang menjijikkan”.

“Kecacatan akal tidak termasuk mereka yang tidak dapat mengira sehingga sepuluh”.

“Perhatian khas diberikan kepada testimoni orang yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dan mulia tingkah lakunya.”

BAB DUA PULUH ENAM

GELARAN YANG LUPUS

Pengurniaan bintang dan darjah kebesaran semasa hari keputeraan DYMM Sultan Kedah baru-baru ini mengingatkan kembali bahawa dalam pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1853-1879), telah diputuskan semua gelaran kecuali gelaran "Tunku" dan "Raja Muda" ditiadakan. Sejak dengan keputusan tersebut, jawatan utama Bendahara, Menteri dan Temenggong - dan sebilangan gelaran yang lain (kira-kira 100) tidak diisi apabila penjawat yang ada meninggal dunia.

Menurut satu sumber Kedah, gelaran sebelum waktu itu tergolong dalam tiga kelas iaitu (A) gelaran Diraja; (B) gelaran menteri kanan; dan (C) gelaran menteri bawahan.

Gelaran Diraja yang utama ialah:

1. "Permaisuri" - Raja Perempuan. Pemegang gelaran yang terakhir ialah Wan Hajar, bonda Sultan Abdul Hamid.
2. "Raja Muda". adinda Sultan yang tugasnya, menurut kata-kata Encik W.G. Maxwell, ialah "mentadbir negeri di bawah nama Sultan, dan memikul rutin pentadbiran yang sukar dan membosankan . . . Raja Muda hanyalah Timbalan Sultan, dan Sultan tidak pernah teragak-agak untuk menukar atau mengubah suai sebarang arahan yang telah diberikan oleh Raja Muda apabila Sultan tidak bersetuju."
3. "Bakal Raja" - Pewaris Sah. Pemegang gelaran ini yang terakhir ialah Tunku Zainul Rashid yang mengantikan ayahanda, Sultan Ahmad Tajuddin pada tahun 1879 dan memerintah sehingga baginda mangkat pada tahun 1881.
4. "Seri Paduka Maharaja Adinda" - adinda kedua.

Menteri kanan termasuklah Perdana Menteri. Pemegang gelaran ini yang terakhir ialah Wan Muhammad Saman yang membina Terusan Wan Mat Saman, yang kini dipenuhi kelodak dan tidak digunakan lagi kerana terdapatnya sistem pengairan yang moden dan ekstensif yang lebih sesuai dengan pembangunan masa kini.

Pada suatu masa, dalam pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (1804-1843), jawatan ini nampaknya diisi oleh anggota kerabat diraja yang membawa gelaran "Paduka Seri Perdana Menteri". Beliau memangku tugas Sultan semasa ketiadaan baginda atau dalam tempoh antara kemangkatan seseorang Sultan dengan pewaris takhta oleh seorang lagi.

"Bendahara Ikhwan Wazir Adzam" dan "Paduka Maharaja Menteri Tunggal" merupakan penasihat. Tugas orang yang pertama ialah mengatur orang yang berada di dalam Balai Besar dan tatkala Sultan berpergian. Dalam menjalankan tugas ini, dia mendapat bantuan daripada "bentara".

"Laksamana Paduka Seri Raja" - Laksamana Armada. Di lautan, beliau mengambil tempat Sultan dan boleh menghukum atau membunuh sesiapa sahaja yang dia mahu.

"Temenggung Paduka Maharaja" - Jeneral Angkatan Tentera. Tugas beliau ialah:

- (i) untuk menjaga undang-undang dan ketenteraman - untuk membina penjara dan menangkap pencuri, perompak, penyeludup, penghisap candu, kaki laga ayam dan kaki judi.
- (ii) untuk melantik jaga (pada satu-satu masa dia mempunyai seramai 60 orang), 20 orang menjaga penjara dan banduan serta memukul gong untuk menghalang orang awam daripada berkeliaran pada waktu malam tanpa memasang api dan melakukan jenayah di celah-celah malam gelap.

Beliau mempunyai hak untuk membunuh orang yang berkeliaran, yang tidak memasang api dan membunuhnya jika dia melawan tatkala ditangkap, meskipun dia seorang "Tunku".

- (iii) untuk menjalankan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim; dan
- (iv) mendesak defendan agar hadir ke mahkamah. Untuk ini, beliau dibayar elauan perjalanan yang bergantung pada jaraknya.

Antara Menteri Bawahan ialah:-

"Seri Paduka Tuan: Menteri-menteri yang menjaga di dalam Negeri (dua belas orang)". Mereka terdiri daripada Pegawai Daerah berjumlah 12 orang;

"Paduka Seri Wangsa Hakim Besar" - Ketua Hakim;
"Paduka Raja Menteri yang menjaga Khazanah Kerajaan" - Pegawai Kewangan Negeri;
"Maharaja Lela, Ketua yang menjaga Kota Istana" - Pengawal Keluarga Diraja;
"Raja Pahlawan Hulubalang Laut" - Laksamana Pertama Tentera Laut;
"Raja Lela Mahkota Syahbandar" - Datuk Bandar;
"Raja Lela Usaha yang memerintah kenaikan laut" - kapten kapal tentera;
"Raja Jaya Indra yang memerintah kenaikan darat" - Brigadier;
"Maharaja Kadi" - Ketua Pendaftar Perkahwinan dan Perceraian. Beliau "raja" dalam soal yang berkaitan dengan undang-undang syariah;
"Seri Indra Membang Negara" - Pentadbir Kepulauan yang berhampiran; dan
"Seri Raja di-Raja Imam" - Imam kepada Sultan.

Pada masa itu, jalan tidak wujud dan sungailah yang menjadi jalan raya. Apabila Sultan berangkat dengan menaiki bot, baginda mempunyai tiga jenis bendera pilihan - kuning, hitam dan merah. Jika bendera kuning dikibarkan, maka menteri yang mengiringi baginda mengibarkan bendera berwarna hitam yang berbiraikan warna merah yang terdapat di atas dan bawah.

Jika bendera hitam dikibarkan, wazir mengibarkan bendera putih yang berbiraikan merah.

Bendera kapten mempunyai lima warna iaitu putih, hitam, merah, hijau dan ungu, tanpa biraik.

Apabila Sultan berangkat ke muara sungai, Syahbandar mendahului baginda dengan pedang yang terhunus, seolah-olah sebagai pengiring Kedaulatan sama seperti pedang terhunus yang mengiringi Yang Dipertuan Agong dalam majlis Negeri masa kini.

Apabila Laksamana keluar menuju ke laut atas perintah Sultan, beliau mengibarkan bendera merah dan hitam tetapi sebaik sahaja beliau masuk semula ke sungai, dia menurunkannya dan mengibarkan pula bendera yang berwarna merah.



DYMM Sultan Abdul Hamid Shah Ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah,
1881-1943



Wan Hajar binti Wan Ismail, Permaisuri Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah

BAB DUA PULUH TUJUH

BANGUNAN LAMA DI KEDAH

Pembukaan rasmi air pancut hiasan pada bulan Januari 1973 sempena pertabalan DYMM Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah sebagai Yang Dipertuan Agong Malaysia ke-5 menggamit perhatian kepada sesetengah bangunan awam yang paling tua di ibu negeri Kedah.

Hal tentang Balai Nobat telah pun disentuh. Tarikh sebenar pembinaannya tidak diketahui tetapi ada tercatat bahawa semasa pemerintahan Sultan Zainul Rashid (1877-1879), menara atap setinggi 40 kaki dibaiki seperti juga dengan bumbung atap Masjid Negeri yang terletak berhampiran dengannya yang kini berdirinya Mahkamah Agung.

Bahawa Balai tersebut sudah pun wujud pada awal abad ini diperihatkan dengan kenyataan yang dibuat oleh Encik W.W. Skeat yang mengetuai Ekspedisi Universiti Cambridge ke Negeri Melayu Timur Laut dan Hulu Perak pada tahun 1899.

Pada bulan Disember tahun tersebut, Skeat berada di Alor Setar. Dia tiba di Kuala Kedah dengan bot dari Pulau Pinang pada 27 Disember kira-kira puluk 4 petang, dan dari sana dia menuju ke Alor Setar dengan sejenis kenderaan beroda India yang usang ("Kling Gharry"). Di Alor Setar, dia tinggal di rumah rehat, yang kini diduduki oleh Jabatan Penyiasatan Jenayah Polis.

Sebagai pertolongan khas, seorang penglipur lara Sultan ditugaskan menjadi jurubahasa untuknya.

Pada keesokan paginya, sedang dia melintasi Balai Besar, dia terdengar bunyi muzik dari arah bangunan yang berbentuk menara kecil. Dia berjalan mendekatinya, lalu menaiki tangga yang curam (kini digantikan dengan tangga berpilin) dan mendapat dirinya berada dalam bilik seperti loteng. Di situ, bersama-sama dengan pemain, terdapat alat muzik kebesaran Sultan iaitu "Nobat". Nama tersebut berasal daripada perkataan Parsi "Naubat" bermaksud "sembilan". Nama itu diberikan kepada pancaragam itu kerana terdapatnya sembilan jenis alat muzik - sejenis semambu yang dikenali sebagai "maha guru", sebuah tabuh atau "negara", dua buah seruling India dan dua buah gong Jawa.

Skeat menemu ramah para pemain tentang sejarah dan kepentingan alat muzik kebesaran tersebut dan kemudiannya dijemput untuk menikmati kari dan nasi kunyit.

Bangunan Masjid Negeri - salah sebuah bangunan yang bersimetri dan tercantik di Asia Tenggara - dibina pada bulan Mac 1912, daripada pelan yang dilakarkan oleh Jurubina Kerajaan yang pada masa itu ialah Encik C.G. Boucher. Dia merekanya mengikut bentuk masjid di Langkat, Sumatera, yang dilawatinya sebelum melukis pelan tersebut. Pembinaannya memakan masa selama tiga tahun, dan apabila masjid itu siap pada tahun 1915, Sultan Abdul Hamid dengan rasminya membukanya, dan menjadi imam dalam solat berjemaah.

Orang Perancis yang berkunjung ke Alor Setar pada tahun 1890, menceritakan bahawa masjid tersebut dibina di atas lantai batu, berbentuk segi empat dengan dinding kayu dan berbungkus atap.

Balai Besar yang lebih tua usianya daripada Masjid Negeri, barangkali dibina pada masa yang sama dengan Balai Nobat. Beberapa gambar foto yang diambil di hadapannya sewaktu lawatan putera Siam ke Kedah pada tahun 1895, menunjukkan bahawa Balai tersebut dibina daripada kayu.

Bungkus atapnya (kini digantikan dengan genting) disokong oleh sebilangan besar tiang kayu. Balai itu kebanyakannya masih kelihatan seperti yang ada sekarang tetapi lantai atasnya lebih rendah. Dua tangga kayu menuju ke balai tingkat atas.



Balai Besar di Alor Setar

Balai tersebut didirikan untuk menggantikan Balai Besar yang lama, seperti yang diceritakan oleh seorang mualigh Perancis yang mengunjungi Kedah pada tahun 1822 sebagai "sebuah balai yang amat besar dengan 62 batang tiang kayu" yang mempunyai senibina Siam.

Untuk lebih daripada seabad, Balai Besar tersebut berfungsi sebagai balai mengadap dan

pusat majlis Negeri. Umapamanya Balai itu digunakan semasa perkahwinan putera sulung Sultan Abdul Hamid iaitu Tunku Ibrahim ("Tunku Sulong") pada tahun 1904. Raja Siam menghadiri majlis perkahwinan tersebut berserta rombongan yang besar dan tinggal di Istana Anak Bukit yang lama, yang dibina oleh Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1853).

Selepas Kedah diserahkan kepada British oleh Siam, Istana Anak Bukit itu tidak diduduki dan beransur-ansur menjadi usang kerana sudah tidak digunakan lagi. Bangunan yang ada sekarang dibina pada tahun 1927 sebagai penggantinya. Istana berkenaan akan diperbesarkan tidak beberapa lama lagi dan "kolam bersimen yang hebat, yang dindingnya berkerawang, dan di situ hidupnya ikan yang besar-besaran melompat-lompat ke permukaan untuk menelan bunga-bungaan yang ditaburkan oleh pengunjung" akan diruntuhkan dan tidak akan dibina lagi.

BAB DUA PULUH LAPAN

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Untuk pemeliharaan ketenteraman dan penguatkuasaan undang-undang pada separuh kedua abad ke-17, Kedah mempunyai kanun bertulis yang bertarikh 1650 Masihi. Pada masa itu, Kuala Kedah menjadi pelabuhan yang penting kerana kedudukannya yang strategik di saluran masuk sebelah utara Selat Melaka dan juga kerana Kedah menghasilkan banyak lada hitam yang terbaik.

Orang Portugis bernama Barbosa, pada tahun 1516 menulis, "Tidak terhingga banyaknya kapal yang datang memperdagangkan segala macam dagangan. Di sini, banyak kapal Moorish datang dari segala sudut. Di sini juga, tumbuhnya banyak lada hitam, amat baik dan halus, yang dibawa ke Melaka dan kemudian ke China."

Tambahan kepada tugasnya sebagai Syahbandar seperti mana yang diterangkan dalam bab terdahulu, dia mengawal bandar. Pada siang hari, dia berserta orang-orangnya mengawal pasar untuk mencegah perjudian, laga ayam, hisap cандu, minum minuman keras, perkelahian dan jual beli haram.

Pada sebelah malam pula, dengan para pengawas Panglima Bandar, mereka membuat rondaan di bandar untuk memastikan bahawa semua orang yang mundar-mandir membawa obor dan tidak bersenjata.

Undang-undang mengawal penggunaan kuasa secara sewenang-wenangnya. Syahbandar umpamanya tidak dibenarkan bertindak sembarangan. Dia harus berunding terlebih dahulu dengan bentara Panglima Bandar sebelum dia boleh menangkap sesiapa jua yang melanggar undang-undang Islam atau merampas harta benda yang diperoleh secara haram.

Walau bagaimanapun, hukuman terletak di tangan Raja. Bagi pencuri kerbau, kepala kerbau akan digantung pada lehernya. Dia kemudianya dibawa keliling bandar dengan paluan gong, dengan berteriak, "Aku pencuri kerbau! Lihatlah aku!"

Pada bulan Ramadan, sesiapa yang tidak berpuasa akan dipaksa makan rumput di hadapan mahkamah atau disebut di khalayak ramai.


Di peringkat kampung, penghulu menegakkan undang-undang dan menjaga ketenteraman dengan bantuan penduduk kampung yang lebih tua. Mereka diwajibkan melaporkan orang yang mencuri, merompak, melaga ayam, menghisap cандu, menyeludup cандu, berjudi, mabuk dan memuja pokok dan batu kepadanya.

Pada umumnya, pihak berkuasa dapat mengekalkan undang-undang dan ketenteraman tetapi sekali-sekala seperti dalam kes perompak yang terkenal Sang Sema Devi, bantuan Siam diperlukan.

Sang Sema Devi ialah ketua geng perompak yang menimbulkan ketakutan di kalangan penduduk Alor Setar pada pertengahan abad ke-19. Dia tinggal di tengah-tengah rawa di sebelah selatan Sungai Kedah. Berkali-kali dia dan gengnya menyeberangi sungai untuk melakukan penjarahan dan perompakan di bandar tersebut. Tidak ada pasukan yang cukup kuat untuk memberkasnya.

Akhirnya, kekejamannya itu tidak dapat dibendung lagi dan Sultan terpaksa meminta pertolongan Raja Siam. Sepasukan askar Siam seramai 200 orang dihantar untuk menangkapnya tetapi dia menyekat serangan mereka dengan melakukan serangan hendap di liku sungai itu, bertentangan dengan Tanjung Chali di mana sekarang terletaknya dermaga.

Askar Siam menyeberangi sungai dengan bot tetapi tatkala mereka berada dalam lingkungan tembakan senapang lantak pengganas, kesemuanya mati terbunuh.



Pasukan Polis Kedah Tahun 1900

Kejayaan serang hendap itu menambahkan ketakutan penduduk tetapi mereka berasib baik kerana setahun kemudian Sang Sema Devi mati kerana sakit dan gengnya berpecah.

Pada tahun-tahun kemudiannya, Kedah berhadapan dengan beberapa orang penjahat yang lain yang sentiasa berjaya melepaskan diri dengan menyeberang masuk ke sempadan Siam kerana di situ mereka tidak dapat diberkas. Salah seorang daripada mereka yang terkenal kerana kekejaman yang gagal melepaskan diri ialah Nayan. Dia yang mati di tali gantung di Penjara Alor Setar, menyumpah pegawai penjara yang enggan memberinya minuman keras!

Pada masa ini, pasukan polis tersusun. Anggota pasukan ini kebanyakannya terdiri daripada konstabel Melayu dan inspektor Melayu yang diletakkan di bawah seorang Pengguna Polis.

Beberapa tahun kemudian, tatkala Tunku Bahadur iaitu ipar Sultan dilantik selaku Pengguna Polis, kontinen Sikh diwujudkan dan dipimpin oleh Encik Ben Mitchell. Kontinen ini merupakan unit separa tentera dengan kekuatan 200 orang. Unit ini dibubarkan ketika berlakunya penyerahan Kedah oleh Siam tetapi beberapa orang daripada mereka menyertai semula pasukan yang baru.

Balai polis yang pertama merupakan rumah kedai yang terletak di Jalan Pekan Melayu berhampiran dengan Pejabat JKR yang ada sekarang. Sebuah balai polis kecil dibina bertentangan dengan Kediaman Penasihat British di Bakar Bata tetapi dirobohkan pada tahun 1910 apabila Penjara dipindahkan ke tapak yang ada sekarang berhampiran dengan hospital dan balai polis didirikan di tapak tersebut.

Pada peringkat awal, pakaian seragam polis kelihatan buruk dan anggotanya selekeh. Konstabel polis dibayar \$10 sebulan (kuasa beli ringgit pada masa itu amat tinggi). Korporal pula mendapat \$15 sebulan. Tiada lalu lintas yang harus dikawal dan anggota polis kebanyakannya menjalankan tugas rondaan. Senjata mereka dibeli di Pulau Pinang tetapi mereka tidak menerima sebarang latihan menembak sehingga padang tembak dibina 60 tahun lalu.

Selepas Kedah diserahkan oleh Siam, pasukan polis disusun semula. Encik N.A.M. Griffin mengambil alih tugas tersebut dan dari Pulau Pinang datang pegawai Irish seperti W.E. Speers, D. Hillary dan P. Joyce serta pegawai polis Melayu seperti Ali Baba dan Abusman.

Tetapi Pasukan Polis Kedah kekal berasingan daripada Pasukan Polis Persekutuan Melayu dan mengembangkan pasukannya sendiri sehingga pasukan itu disatukan dengan Pasukan Polis Malaysia selepas Perang Dunia ke-2.

BAB DUA PULUH SEMBILAN

PERKHIDMATAN POS

Antara pembaharuan dan perbaikan yang diperkenalkan kepada Kedah semasa pemerintahan Sultan Abdul Halim Shah ialah talian telefon dari Alor Setar ke Kuala Kedah. Talian ini yang panjangnya tujuh batu siap dipasang pada tahun 1887. Talian ini amat penting memandangkan Kuala Kedah merupakan pintu masuk utama ke Kedah dan hampir-hampir semua perdagangan negeri tersebut melaluiinya.

Dua belas tahun kemudian, pada tahun 1899, dengan bantuan Siam, sebuah pejabat pos dibuka di Alor Setar. Ketua Pos ialah Haji Arshad (jangan terkejiru dengan Haji Muhammad Arshad bin Osman yang dilantik menjadi Penguasa Pos dan Telegraf pada tahun 1925). Setem pos Siam digunakan.

Kemudian, pejabat pos kecil dibuka di Kuala Muda, Kulim dan Bandar Bahru. Mel ke Pulau Pinang dikirim melalui kapal api kecil tetapi surat ke kawasan lain di Kedah dibawa secara berganti-ganti oleh posmen dengan bot, berjalan kaki atau menunggang basikal.

Malahan Sultan Abdul Hamid sendiri menunggang basikal. Seorang berbangsa Eropah yang melawat Alor Setar pada masa itu berkata, "Saya melihat Sultan meluncur lalu secepat kilat dengan menunggang basikal dan diikuti rapat oleh pembantu baginda".

Pada masa itu, seseorang itu akan melalui Terusan Wan Mat Saman jika air pasang dan terus ke Guar Chempedak tanpa berlengah-lengah. Dari sini, terdapat satu laluan kecil yang mengikuti Sungai Gurun, melintasi dusun buah-buahan. Dua batu selepas Gurun, laluan kecil ini berpecah dua, melalui belakang Bukit Ayer Nasi ke Semeling. Dari Semeling, perjalanan diteruskan dengan bot yang menyusuri ke hilir Sungai Merbok dan melalui Sungai Trus ke Kota Kuala Muda. Di Permatang Bendahari, di seberang sungai, jalan Province Wellesley bermula.

Meskipun anjing yang garang tidak membahayakan posmen pada masa itu namun mereka terdedah kepada bahaya yang lebih besar.

Ada seorang posmen yang mengalami satu pengalaman yang menggerunkan. Tatkala dia menapak di kaki Gunung Jerai dengan beg surat tersandang di bahunya, dia terdengar ngeuanan yang menakutkan dan ternampak seekor harimau meluru ke arahnya.

Dengan tenang, dia tiba-tiba membuka payung yang dibawanya di hadapan harimau itu. Harimau itu begitu terkejut lalu melompat masuk ke dalam hutan di tepi laluan tersebut. Orang itu mengambil masa suku jam sebelum dia cukup berani untuk berlutut mengucap syukur kepada Tuhan kerana nasib baiknya terselamat daripada nahtas, dan meneruskan perjalanannya ke Semeling.

Apabila Britain mengambil alih pentadbiran daripada Siam pada tahun 1909, Encik W.G. Maxwell iaitu Penasihat British yang pertama, memilih Encik S. Asirvadam dari Pulau Pinang menjadi Ketua Pos. Perkhidmatan pos kemudiannya dipertingkat, dan Asirvadam menjadi Pengusaha Pos dan Telegraf yang pertama. Dalam menjalankan tugasnya dan kerja persiapan, dia mempunyai pembantu Ketua Pos iaitu M. Thambusamy dan kerani yang cekap seperti Abishegam.

Selepas pemindahan pertuanan dilaksanakan, setem Negeri-negeri Selat digunakan. Setem ini terus digunakan sehingga tahun 1912, yang pada tahun itu Kedah mengeluarkan setemnya sendiri buat kali pertama.

Setem ini mempunyai tiga reka bentuk. Nilai yang paling rendah ialah 1, 3, 4, 5 dan 8 sen, menggambarkan seberkas padi dengan perkataan "Kedah" dalam tulisan Jawi tertera di bahagian atas dan nama itu dirumikan di bahagian bawah. Di sebelah kanan dan kiri, tertera perkataan "Post and Revenue" (Pos dan Hasil).



Keluaran Setem Kedah dalam tahun 1912



Pejabat Pos Lama di Alor Setar

Setem yang bernilai 10, 20, 30, 40 dan 50 sen, menunjukkan gambar seorang pesawah padi Melayu. Dia memakai baju, seluar dan sarung serta memakai topi yang dibuat daripada daun nipah. Dia kelihatan sedang membajak dengan dua ekor lembu jantan. Pada hari ini, hanya seekor lembu jantan sahaja digunakan untuk menarik bajak.

Orang itu ialah Penghulu Mat Jaafar dari Anak Bukit. Gambar foto yang asal diambil oleh Encik Bodom yang memiliki studio gambar yang terkenal di Northern Road, Pulau Pinang pada awal tahun 1900-an.

Apabila Encik Maxwell melepaskan jawatannya sebagai Penasihat British dan mengucapkan selamat tinggal kepada Penghulu Mat Jaafar, dia meyakinkannya bahawa dia akan sentiasa mengingatinya selagi wujudnya setem Kedah.

Setem yang bernilai paling tinggi laitu \$1, \$2, \$3 dan \$5 mempunyai gambar Balai Besar. Potret Sultan Abdul Hamid tidak muncul di setem sehingga tahun 1937 kerana terdapat tentangan bahawa setem yang telah digunakan berkemungkinan dipijak secara tidak sengaja dan dibuang ke tanah dan hal ini menghina Sultan.

Pada tahun 1919, disebabkan oleh kekurangan setem Kedah, setem Negeri-negeri Selat digunakan. Beberapa orang ahli filateli (Pengumpul Setem) pada masa itu mendakwa bahawa tatkala setem tersebut dicetak dua kali dengan perkataan "Kedah" oleh sebuah firma di Pulau Pinang, seorang yang pandai mengambil kesempatan akan menerbalikkan helaian setem tersebut. Jika benar cerita ini, hal ini akan menjadikan helaian setem berkenaan bernilai tinggi.

Pejabat Pos Besar pada masa itu merupakan bangunan kayu dua tingkat yang terletak di sebelah Sungai Kedah, antara Jambatan Sultan Badlishah yang ada sekarang dengan Mahkamah Majistret.

Dengan siapnya cawangan landasan kereta api ke Alor Setar pada tahun 1915, pengangkutan mel menjadi cepat dan Sistem Pos Kedah memasuki era baru.

BAB TIGA PULUH

IBU NEGERI KEDAH YANG BERUBAH-UBAH

Ibu negeri Kedah telah bertukar tidak kurang daripada enam kali.

Mengikut "Hikayat Merong Mahawangsa" yang dicampur aduk dengan fakta dan cerita rekaan, Raja Hindu yang pertama telah mendirikan ibu negeri baginda di tebing Sungai Bujang laitu cawang Sungai Merbok.

Kewujudan sebuah bandar besar di situ diperkuatkan oleh bukti arkeologi. Akan tetapi sesiapa yang menjadikan tempat itu sebagai ibu negeri semestinya telah dipengaruhi oleh faktor-faktor pelayaran dan fisiografi. Tempat tersebut cukup tinggi dan oleh hal yang demikian terselamat daripada banjir, bekalan air mencukupi, tanah yang bersempadan adalah sesuai untuk ditanam padi, sungainya boleh dimudiki dan sumber kayu-kayan dan batu-batan untuk pembinaan adalah banyak sekali.

Apa yang paling penting ialah ibu negeri tersebut terletak di tempat yang strategik. Sungai Bujang menyusuri tanah yang berpaya. Hanya sungai itulah merupakan satu-satunya laluan untuk sampai ke penempatan tersebut dan oleh hal yang demikian, tempat itu senang dipertahankan. Atas faktor keselamatan ini, ramai orang dari negeri India telah datang menetap di situ dan bandar berkenaan berkembang menjadi entrepot. Bandar itu menjadi padat dengan penduduk sehingga orang yang tinggal di kampung, di sebelah selatan Gunung Jerai mengatakan bahawa kawasan tersebut begitu sesak dengan rumah sehingga kucing dapat berjalan dari kaki bukit ke laut tanpa menjejak tanah.

Kemakmuran yang dinikmati oleh "Langkasuka", begitulah nama ibu negeri tersebut, telah beransur-ansur terjejas dan lenyap selepas kemangkatan Merong Mahawangsa. Putera bongsu baginda, Raja Merong Mahapodisat, mewarisi takhta baginda. Raja Merong Mahapodisat telah menjadi pemangku raja semasa ketiadaan ayahanda baginda di Timur tetapi hak baginda mewaris takhta tersebut dipertikaikan oleh kekanda-kekanda dan adinda baginda. Raja Merong Mahapodisat dapat menenangkan mereka tetapi anakanda baginda, Raja Seri Mahawangsa tidak bernasib baik. Kebanyakan rakyat Raja Seri Mahawangsa ialah orang Melayu yang menganggap baginda sebagai orang asing. Untuk menenangkan mereka ini, baginda telah berkahwin dengan seorang gadis Melayu. Di samping itu, baginda telah memutuskan untuk membina kota di Kuala Muda kerana Langkasuka terletak terlalu jauh daripada laut.

Anakanda baginda iaitu Raja Ong Maha Perita Deria (Raja Bersiong) tidak mahu bersemayam di Kuala Muda. Baginda merasakan bahawa tempat berkenaan terlalu hampir dengan laut. Maka baginda telah mendirikan sebuah kubu di Kota Aur (Tikam Batu), yang kira-kira dua puluh tahun yang lalu, sebuah pasukan daripada Persatuan Arkeologi Universiti Malaya telah menjumpai sebuah kekaki batu yang besar yang kini dikenali sebagai "Tapak Tiang Bendera Raja Bersiong".

Batu tersebut kini berada di Muzium Alor Setar. Pada masa dahulu, batu tersebut berada di puncak sebuah guar yang sebahagian besarnya telah dimusnahkan untuk mendapatkan batu-batan bagi membina Jambatan Merdeka yang terletak sebatu jauhnya daripada tempat itu. Pada hari ini, tiada apa lagi yang tinggal di Kota Aur kecuali saki-baki laterit dan tapak bata di pinggir sebelah selatan yang diratakan untuk tapak perindustrian.

Disebabkan oleh kezaliman Raja Bersiong, rakyat jelata telah memberontak dan baginda terpaksa melarikan diri ke Siam.

Kemudian muncul Raja Phra Ong Mahapodisat, Raja Hindu yang terakhir, yang telah memeluk Islam pada tahun 1474. Baginda mengambil nama Islam iaitu Sultan Mudzaffar Shah dan bersemayam di Kuala Muda. Putera baginda, Sultan Muhammad Shah telah membaiki kota di Kuala Muda, yang telah rosak teruk semasa pemberontakan, dan bersemayam di situ.

Kuala Muda kekal menjadi ibu negeri sehingga pemerintahan Sultan Sulaiman Shah (1621 - 1628). Baginda memindahkan ibu negeri baginda ke Siputeh di Kubang Pasu mungkin kerana Kota Kuala Muda terlalu terdedah kepada serangan dari laut.



Tempat mendarat di Alor Star, 1922

Siputeh menjadi ibu negeri kepada empat orang Sultan sehingga Sultan Mahkota Alam dari Aceh menakluki Pahang, Perak dan Johor serta memusnahkan ladang lada hitam negeri Kedah supaya baginda dapat menjual lada hitam sendiri. Sultan Dhiauddin Mukarram Shah (1681-1687) memindahkan ibu negeri baginda ke Bukit Pinang, berhampiran dengan Pangkalan Udara RMAF. Namun begitu, Bukit Pinang terbukti sukar untuk keluar masuk. Oleh hal yang demikian, Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazzam Shah (1710 - 1760) berpindah ke Alor Setar, yang semenjak itu terus menjadi ibu negeri Kedah sehingga kini.

Nama "Alor Setar" dikatakan berasal daripada perkataan "alur" iaitu alur sesebuah sungai; dan "setar" pula merupakan sejenis pohon yang dipanggil oleh orang Melayu sebagai "pokok setar". Pohon ini tumbuh di tebing alur sungai yang kini merupakan parit besar di belakang balai polis.

Setiap kali orang Melayu daripada desa datang ke bandar, mereka akan duduk berehat di bawah teduhan pohon tersebut. Apabila ditanya di manakah mereka berhenti, biasanya mereka menjawab "Kami berhenti di alur bawah pokok setar", Daripada sinilah bandar Alor Setar mendapat namanya.

Walau bagaimanapun, menjadi suatu hal yang menarik untuk diketahui bahawa nama tersebut tidak digunakan oleh kebanyakan orang Cina yang sehingga kini masih memanggil bandar berkenaan dengan nama "Kedah".

BAB TIGA PULUH SATU

PENGUASAAN ORANG SIAM

Tunku Fariduddin Haji bin Tunku Mansur Haji yang menyusun Salasilah Kerabat Diraja Kedah semasa Hari Merdeka telah menjelaskan bahawa Jalan Telok Wan Jah di mana terletaknya Air Pancut Mahkota, dinamakan mengikut nama Wan Jah binti Luang Nik Abidin iaitu isteri kedua kepada Sultan Ahmad Tajuddin, dan bukannya nama isteri baginda yang pertama iaitu Wan Hajar binti Wan Ismail. Wan Jah berketurunan Siam.

Pengaruh Siam begitu kuat di Kedah pada masa tersebut. Pada 21 Januari 1882, Raja Chulalongkorn (Rama V) sebagai Yang Dipertuan telah mengiktiraf pelantikan Sultan Abdul Hamid sebagai Sultan Kedah. Tidak lama selepas itu, Sultan Abdul Hamid telah membuat kunjungan hormat kepada Raja Chulalongkorn di Bangkok. Raja Siam tersebut telah menganugerahi baginda Darjah Kebesaran Gajah Putih Kelas Pertama dan mengurniakan gelaran Chao Phya Saiburi kepada baginda.

Sultan Abdul Hamid mempunyai hubungan yang mesra dan ikatan persahabatan yang akrab dengan Raja Siam tersebut, yang sangat menghormati dan mengasihi baginda Sultan. Kemudian, Raja Siam tersebut mengurniakan satu lagi gelaran kepada baginda iaitu Chao Phya Riddisongkran Bakhti serta melantik baginda menjadi Pesuruhjaya Tinggi untuk Seluruh Perlis.

Raja Siam ini juga telah menghantar dua daripada putera Sultan Abdul Hamid iaitu Tunku Yusuf dan Tunku Badlishah (yang kemudiannya menjadi Sultan Kedah) ke Eropah untuk belajar. Tunku Yusuf kembali ke Bangkok setelah lulus dan meninggal dunia di sana semasa berkhidmat dengan Raja Siam tersebut. Tunku Badlishah juga kembali ke negeri Siam apabila tiba masanya, selepas menamatkan pelajaran dalam bidang ekonomi di Oxford.

Memandangkan keperluan negeri Kedah semakin besar, Tunku Badlishah berangkat pulang ke Kedah untuk berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negeri Kedah. Sayugia dimaklumkan bahawa Kedah membayar balik semua wang yang telah dibelanjakan untuk pelajaran baginda kepada Siam.

Sebagaimana yang telah dinyatakan terdahulu, selagi Kedah mengakui pertuanan negeri Siam dan sebagai tandanya, menghantar Bunga Mas dan Perak ke Bangkok sekali dalam tempoh tiga tahun, Siam tidak akan campur tangan dalam urusan pentadbiran negeri Kedah. Walau bagaimanapun, pada tahun 1905, Kedah terpaksa berbuat demikian kerana Kedah telah meminjam sebanyak \$2 500 000 dan sebagai syarat pinjaman tersebut, Siam menetapkan bahawa Kedah harus menerima penasihat kewangan.

Orang yang dilantik sebagai penasihat kewangan tersebut ialah En. W.J.F. Williamson iaitu seorang pegawai British yang berkhidmat dengan Raja Siam. Raja Chulalongkorn yang

memerintah negeri Siam selama 42 tahun (1868-1910) memimpin negeri Siam dengan kemahiran diplomatik yang amat tinggi dalam tempoh berkenaan (1890-1900) ketika Britain dan Perancis berusaha keras untuk menguasai Semenanjung Asia Tenggara.

Raja Siam ini mengimbangi kuasa Britain dengan Perancis serta menerima nasihat Barat tetapi bukan kekuasaan Barat. Dalam soal memilih penasihat, Raja tersebut amat berhati-hati untuk mengekalkan prinsip keseimbangan tadi. Ketua Penasihat atau Penasihat Utama selalunya berbangsa Amerika, Penasihat Kewangan dan Kehakiman biasanya orang British, dan Penasihat Perundungan berbangsa Perancis. Orang Denmark pula menerajui pasukan polis bersenjata, orang Jerman diambil bekerja dalam sektor kereta api, pos dan telegraf sementara orang Itali dan Perancis bekerja dalam sektor Kerja Raya.

Kesemua orang asing ini merupakan pekerja yang bergerak secara bersendirian di bawah Kerajaan Siam dan bukannya ejen-ejen Kuasa Barat. Maka, negeri Siam muncul sebagai satu-satunya negeri di Asia Tenggara yang kekal kemerdekaannya.

Williamson menjadi Penasihat Kewangan bagi tempoh pengambilalihan sahaja. Dia digantikan oleh En. G.C. Hart yang dilantik menjadi salah seorang daripada anggota Majlis Negeri yang dibentuk oleh Sultan Kedah menerusi perisytiharan Undang-undang yang bertarikh 23 Julai 1905 iaitu tidak lama selepas Pelaksanaan Kontrak Pinjaman Negeri Siam.



Majlis Negeri Kedah pertama dibentuk pada tahun 1905

Perisytiharan tersebut dilaksanakan pada 29 Julai 1905, dalam satu perhimpunan besar di Balai Besar, Alor Setar dan pada masa itulah sepucuk surat daripada Raja Siam dibaca. Ini disusuli dengan perisytiharan oleh Sultan Kedah, mengesahkan pembentukan Majlis Negeri untuk membantu baginda dalam "pentadbiran semua hal ehwal awam".

Di samping Penasihat Kewangan, anggota lain dalam Majlis tersebut ialah Raja Muda (selaku Presiden), Ketua Hakim, Haji Ahmad, *ex officio*, Syed Abdullah Shahabudin dan Haji

Muhammad Ariffin.

Pada masa ini, Britain mengamalkan dasar kuasa luar wilayah berikut dengan Perseitan Bowring tahun 1855. Salah satu daripada fasal menetapkan bahawa seorang Konsul British ditempatkan di Bangkok dan menjalankan bidang kuasa sivil dan jenayah dengan penuh kebijaksanaan terhadap semua Konsul British dan beberapa situasi yang sukar.

Dalam satu peristiwa, semua buruh lelaki India (rakyat British) di sebuah ladang di Jitra ditangkap kerana merusuh, kemudian dibicara di mahkamah Konsul dan dipenjarakan. Akibatnya, kaum wanita dan anak-anak mereka yang berjumlah lebih daripada 100 orang, telah mengerumuni kawasan pejabat Konsul di hadapan Hospital Besar. Di sana, mereka duduk dan enggan pergi sambil menangis dan meraung-raung, memaksa Konsul memberi makanan kepada mereka meramandangkan Konsul telah menangkap pencari rezeki mereka. Kebuntuan tersebut diselesaikan apabila Konsul membenarkan semua buruh yang ditangkap itu kembali ke ladang dengan ikat jamin.

Satu lagi kejadian yang diingati, yang bersangkutan dengan pejabat Konsul ialah penggalian mayat Lt. R.N. Walter Thorburn daripada H.M.S. Hyacinth, yang mati lemas di Sungai Kedah pada tahun 1906 dan dikebumikan di kawasan pejabat Konsul.

Apabila Tunku Sulong membeli tanah tersebut untuk mendirikan rumah untuk dua daripada putera beliau, mayat itu terpaksa dipindahkan. Disebabkan oleh faktor masa iaitu 20 tahun, maka tidak terdapat sebarang cebisan mayat yang dapat dikenal pasti.



Yang Teramat Mulia Tunku Ibrahim Ibni Sultan Abdul Hamid Shah,
Pemangku Sultan Kedah, 1913-1934

Seorang pakar penggali kubur berbangsa Cina, yang pernah menjadi banduan dalam sebuah penjara, didesak untuk memberikan khidmatnya. Di bawah pengawasan Penolong Penasihat British iaitu En. J. S.W. Arthur, dia mengenal pasti tulang yang belum lagi hancur sepenuhnya, mengumpulkan cebisan-cebisian tulang tersebut dan meletakkannya ke dalam sebuah kotak kecil. Kemudian, cebisan-cebisian itu dibalut dengan kain bendera Union Jack dan dikebumikan sekali lagi di kubur Kristian yang digenangi air. Paderi Anglican bagi negeri Kedah dan Seberang Perai, Rev. John H. Smith menjalankan upacara pengebumian tersebut.

Tanda peringatan yang diperbuat daripada loyang bagi memperingati Lt. Thorburn, yang diletakkan di dinding sebelah timur Gereja St. George, Pulau Pinang telah diambil untuk dibuat senjata oleh orang Jepun semasa Pendudukan Jepun.

Dasar luar wilayah - bagaikan duri dalam daging kepada Pentadbiran Kedah - secara automatik berakhir pada tahun 1909 apabila En. W.G. Maxwell mengambil alih tugas sebagai Penasihat British. Pada hari yang sama, Encik Meadows Frost memulakan tugasnya sebagai Penasihat British di Perlis. Selepas itu, pejabat Konsul bertukar menjadi Kelab Kedah, yang berpindah memasuki premis tersebut pada tahun 1917.

BAB TIGA PULUH DUA

ALOR SETAR DALAM TAHUN 1880-AN

Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854-1879) merupakan pemerintah yang bijak dan berkebolehan. Dalam hal ehwal luar, baginda tidak sekali-kali merenggangkan perhubungan dengan orang Siam. Baginda menerima nasihat mereka dan tidak menyalahgunakan kebebasan inisiatif yang diberikan oleh mereka kepada baginda.

Oleh sebab itu, mereka menaruh kepercayaan penuh kepada baginda dan sangat menghormati baginda sehingga apabila baginda mangkat, mereka telah mendirikan kubah marmar yang indah dan berseni di makam baginda. Hal ini merupakan tanda penghormatan atas persahabatan dan juga kesetiaan baginda kerana pada tahun 1872, baginda telah menghantar seramai 1000 orang tentera Kedah untuk membantu kerajaan Siam menghapuskan pemberontakan orang Cina di Tongkah.

Dengan British, baginda mewujudkan hubungan yang baik. Lebih-lebih lagi selepas baginda berjaya memujuk Raja Ismail supaya menyerah diri kepada pihak British pada tahun 1875. Oleh hal yang demikian, baginda dan Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir Henry Ord mempunyai perhubungan yang paling baik.

Tanpa mempunyai perasaan takut akan jiran baginda, baginda menjalankan urusan di negeri sendiri.

Sepertimana yang telah disebutkan terdahulu, semasa pemerintahan baginda, jalan yang pertama iaitu dari Alor Setar ke Anak Bukit telah dibina, Sungai Kedah direntangi jambatan dan terusan dibuat. Dalam melaksanakan projek-projek ini, baginda mendapat bantuan dan nasihat daripada abang ipar baginda dan juga Perdana Menteri, Wan Muhammad Saman.

Pembinaan Terusan Wan Mat Saman telah membawa kepada terlaksananya projek pengairan yang serupa di wilayah lain di Kedah. Faktor ini menyebabkan bertambahnya keluasan tanah untuk bercucuk tanam dan menjadikan Kedah sebuah negeri yang kaya-raya.

Di bandar Alor Setar sendiri, baginda mendirikan sebuah balai besar dan menara setinggi 40 kaki untuk nobat. Kedua-dua binaan ini berbungkungkan atap.

Baginda juga merupakan seorang budayawan. Baginda telah membuka sekolah untuk anak-anak kerabat diraja pada tahun 1861, dan mencipta syair yang menceritakan pelayaran dari Kedah melalui Mergui Archipelago ke bahagian selatan negeri Burma. Pada masa ini,

syair tersebut sedang dikaji dan diterjemahkan oleh Profesor C. Skinner, laitu profesor dalam bidang Pengajian Indonesia dan Melayu di Universiti Monash di Melbourne.

Sultan Zainal Rashid (1879-1881) meneruskan pembaharuan yang diusahakan oleh ayahanda baginda tetapi sehingga pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1881-1943) barulah Kedah membangun menjadi sebuah negeri yang moden.

Catatan yang berikut tentang Alor Setar oleh seorang mualigh Perancis bernama Father Page, yang melawat bandar tersebut pada tahun 1883, memberikan gambaran yang baik tentang Alor Setar pada masa itu.

"Kami menaiki kapal di Pulau Pinang pada pukul 9 pagi dan sampai di muara Sungai Kedah pada kira-kira pukul 4 petang. Di situ, kami melabuhkan sauh untuk diperiksa oleh pihak kastam."

"Setelah pemeriksaan pihak kastam selesai, kami berlayar ke hulu ketika air pasang, dan berlabuh di pelabuhan Alor Setar laitu ibu negeri Kerajaan Kedah, tempat Sultan bersemayam."

"Seorang berbangsa India dihantar oleh Encik Kus telah sedia menunggu kami di jeti dan menunjukkan jalan kepada kami. Dengan panduan yang diberi, kami tidak perlu berasa bimbang tentang bagasi kami dan dalam masa lima minit, kami tiba di rumah tuan rumah kami. Encik Kus lahir di Amerika tetapi ibu bapanya berbangsa Perancis. Dialah satu-satunya bangsa Eropah yang menetap di Kedah."

"Sebaik sahaja kami sampai, Encik Kus membawa kami melihat-lihat bandar tersebut, dan dalam tempoh lima belas minit, kami telah melihat enam batang jalan kecil. Saya menjangkakan hampir-hampir dua jam diperlukan untuk melawat kesemua kawasan berpenduduk."

"Pada hari Selasa, kami mempelajari sedapat mungkin tentang semua kebudayaan dan hasil keluaran negeri Kedah. Acara kunjungan kami yang pertama sepatutnya ialah mengunjungi Sultan. Akan tetapi oleh sebab baginda tidak ada maka kami memanggil seorang Cina (kapitan Cina) yang menghidangkan minuman teh dan curut kepada kami."

"Kami telah banyak mendengar tentang istana baginda yang terletak di pinggir bandar tersebut dan oleh hal yang demikian kami pun ke sana berjalan kaki untuk melihatnya."

"Kira-kira tiga batu daripada bandar tersebut, kami tiba di sebuah lorong sempit yang tidak berjaga, yang terletak di sebelah kanan jalan tersebut. Lorong itu kira-kira 100 ela panjangnya dan mengarah ke sebuah taman yang luasnya kira-kira 100 ela persegi. Taman

itu dipagari tembok bata yang tingginya sekurang-kurangnya 100 kaki. Sebuah istana besar yang dibina dengan baik terletak di tengah-tengah kawasan tersebut, dengan sebuah taman bunga antara pintu hadapan dengan pintu pagar taman. Kawasan selebihnya dipenuhi lalang."

"Dinding istana tersebut tidak berhias. Setimbunan tilam tersusun di sudut sebuah bilik. Di dewan yang luas, terdapat meja bulat dan kerusi berhias. (Bangunan ini kemudiannya telah dijadikan kediaman Penasihat British)."

"Semasa berjalan keluar, saya bertemu dengan beberapa orang Melayu dan kepada mereka lah kami menyatakan rasa kekecewaan kami. Mereka memberitahu kami bahawa Sultan mempunyai istana hinggap yang lebih indah, yang terletak lebih jauh di jalan yang sama. Kami dengan segera berjalan ke arah tempat yang dikatakan itu dan tidak lama kemudian kami tiba di pintu pagar sebuah taman di belakang sebuah tembok yang luar biasa tingginya. Kami diberitahu bahawa itulah istana Pemangku Raja".

"Taman ini adalah lebih besar daripada yang pertama. Bahagian belakangnya dipagari dengan kayu, bersempadan dengan sungai, dan di tebingnya, berdiri sebuah astaka yang cantik. Namun begitu, tanah di sekelilingnya merupakan pasir gersang dan mustahil tumbuhan dapat tumbuh di atasnya".

"Maka Pemangku Raja telah mencantikkannya dengan menjadikannya 'hutan' bunga-bunga dalam pasu bunga Cina".

"Pada sebelah malamnya, selepas Encik Kus mengajar putera-putera yang masih kecil (adinda Sultan), dia membawa kami dengan kereta kuda diraja ke istana hinggap yang terkenal, sejauh kira-kira lima batu di jalan yang kami lalui pada pagi tadi."

"Selepas bergerak sejauh empat batu, kami tiba di sebuah dataran sawah padi yang amat luas. Di sana-sini terdapat kelompok pepohon yang memecah kebosanan pemandangan di situ, dan di kejauhan, berdiri rangkaian gunung-ganang yang membentuk latar belakang lanskap tersebut, dan ini merupakan pemandangan yang paling cantik yang pernah kami saksikan".

"Istana desa itu terletak di sebuah pulau yang dikelilingi oleh dua cawang sungai kepada sebatang sungai yang besar. Istana tersebut berdiri di sebuah bukit kecil di tengah-tengah pulau itu. Bangunan itu disaluti marmor dan kedudukannya dibuat sedemikian rupa supaya kenyamanan yang berterusan dapat dinikmati".

"Dari istana tersebut, dapat dilihat pemandangan keseluruhan dataran tadi tetapi yang paling mengagumkan ialah tamannya. Jalan yang diberisi pepohon buah-buahan dan tumbuhan bunga mengelilingi bukit yang kecil itu. Buah-buahan yang utama ialah oren, manggis, ciku,

limau bali dan banyak lagi jenis buah yang saya tidak ketahui namanya. Kesemuanya benar-benar enak".

RENGSHIAT BRITISH ARMY REEF LAKE

"Di kaki bukit, kami mengagumi sebuah kolam yang hebat, yang dinding simennya berkerawang. Di dalam kolam tersebut, ikan besar melompat-lompat ke permukaan dan menelan bunga-bungaan yang ditabur oleh para pengunjung. Saya tidak fikir ada tempat lain yang lebih indah di Selat ini".



Istana Pemangku Raja di Alor Merah: dikelilingi "hutan bunga-bungaan di dalam pasu bunga Cina"

BAB TIGA PULUH TIGA

PENASIHAT BRITISH YANG PERTAMA

Setelah En. W.G. Maxwell tiba di Alor Setar pada tahun 1909 untuk menjalankan tugas sebagai Penasihat British yang pertama, rumah Sultan di Bakar Bata diberikan kepadanya untuk dijadikan kediaman rasmi. Rumah tersebut telah diruntuhkan selepas Perang Dunia ke-2 untuk pembinaan Stadium Darulaman. Semasa Maxwell datang untuk mendiami rumah itu, "Kediaman Rasmi" tersebut berada dalam keadaan usang. Rumah itu telah ditinggalkan begitu lama. Seorang Perancis yang melihatnya pada tahun 1883 berkata:

"Kira-kira tiga batu daripada bandar, di sebatang jalan diraja (yang dibina oleh Sultan Ahmad Tajuddin bagi menghubungi Istana Anak Bukit dengan bandar), kami menemui sebuah lorong sempit yang panjangnya kira-kira 100 ela di sebelah kiri, disempadani dengan rumput yang panjang, yang tertanam dengan baik seperti pokok berduri di Perancis!"

"Di hujung lorong itu, kami memasuki sebuah taman yang luasnya kira-kira 100 ela persegi, dikelilingi oleh tembok bata yang tingginya sekurang-kurangnya 10 kaki. Sebuah rumah yang besar, yang terbina dengan baik, terletak di tengah-tengah, dengan sebuah taman bunga yang kecil memisahkan pintu hadapan dengan pintu masuk taman tersebut. Kawasan selebihnya dipenuhi rumput-rumput liar".

"Rumah tersebut tidak mempunyai perhiasan. Dindingnya yang besar itu tidak berhias dan selongkok tilam tersusun di satu sudut. Di dalam dewan yang luas, terdapat sebuah meja bulat dan kerusi tangan dengan alas kain yang lusuh".

Maxwell mengubahsuai rumah dan kawasan di sekitarnya. "Saya mempunyai rumah yang cantik," dia kemudian menulis, "dan memberikan perhatian yang istimewa kepada kerja menyusun atur kawasan sekitarnya yang luas itu di sekeliling . . . Dengan menggunakan buruh banduan, saya telah membina kolam hiasan dengan menggali tanah hingga mencapai kedalaman yang tertentu dan menggunakan peralatan untuk meninggikan paras tanah di sekeliling".

"Buruh banduan juga telah membina padang golf sembilan lubang. Padang ini direka sebegitu rupa supaya tidak mengganggu padang lumba kuda, yang turut dibina di sekitar rumah tersebut . . ."

(Kolam hiasan itu masih wujud di situ. Kolam tersebut dalam dan dalam dua atau tiga kejadian, kedi golf terpaksa diselamatkan daripada mati lemas tatkala mereka memasuki kolam tersebut ketika hendak mencari bola golf milik pemain golf yang tidak menentu pukulannya).

Dalam soal pentadbiran, Maxwell terpaksa bermula dari awal dan menghapuskan banyak prasangka. Dengan kemahiran diplomasi yang amat tinggi dan perhatian yang teliti terhadap perincian ("dia mahu terlibat dalam semua hal"), dia menyusun jentera kerajaan dan dalam tempoh dua tahun (pada tahun 1911), dia berjaya memodenkan pentadbiran.

Mahkamah Tinggi, Pejabat Penasihat, Perbendaharaan, Pejabat Audit dan Pejabat Tanah ditempatkan di dalam bangunan yang pada masa sekarang menjadi tempat Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Parit dan Talair, menghadap Padang Court. Penjara masih berada di Jalan Penjara Lama. Jabatan Kerja Raya terletak di satu sudut Jalan Raja dan Jalan Pengkalau Kapal. Bertentangan dengannya, di seberang jalan, di hujung sebelah utara Jambatan Sultan Abdul Hamid, terletak Pejabat Pos dan Telegraf.

Pejabat Veterinar dan Pejabat Ukur terletak di rumah kedai di sebelah selatan Jalan Langgar. Pejabat Lembaga Kebersihan terletak bersebelahan dengan Jabatan Kerja Raya. Pada tahun 1917, Pejabat tersebut telah diduduki oleh Chartered Bank iaitu bank yang pertama dibuka di Kedah.

Dengan tertubuhnya sistem kerajaan yang moden, Maxwell mengalihkan perhatiannya kepada pengawalan wabak taun yang menimpa penduduk di situ berdekad-dekad lamanya. Sehingga masa itu, sungai dan perigi telah membekalkan satu-satunya air minum. Cubaan pertama untuk menghapuskan penyakit itu dibuat dengan mengumpul air hujan. Sebuah kawasan luas yang berbumbung ringkas didirikan di Seberang Perak dan air hujan yang jatuh menimpanya terkumpul ke dalam enam buah tangki yang berukuran 80 kaki panjang, 20 kaki lebar dan enam kaki dalam.

Air tersebut diberikan percuma kepada semua orang yang mahu menggunakan. Walau bagaimanapun, bekalan air tersebut terbukti tidak mencukupi. Disedari bahawa bekalan air yang lebih banyak diperlukan untuk mengelak penyakit itu daripada berulang. Maka, kerja-kerja dijalankan pada tahun 1912 untuk membina sebuah takungan air di Bukit Wang iaitu sembilan batu daripada Jitra. Kerja air tersebut selesai pada tahun 1914 dan air dapat dibekalkan ke Alor Setar. Pada mulanya, penduduk enggan meminumnya kerana air tersebut tidak mempunyai rasa dan bau! Mereka agak air tersebut tidak sesuai untuk diminum. Selepas beberapa lama, mereka dipujuk untuk menggunakan dan, kecuali sekali-sekala penyakit itu terjadi, wabak taun tidak berulang lagi.

Jalan raya juga diberikan tumpuan oleh Maxwell. Dalam sektor ini, dia mendapat khidmat En. J.G. Gorman, Jurutera Negeri, yang memanjangkan jalan dan membina jambatan di sungai-sungai.

Jalan yang dilapisi batu lada dari bandar ke Anak Bukit dipanjangkan ke Kepala Batas, dan di situ sebuah jambatan keluli iaitu "Titi Gajah" dibina merentangi Sungai Padang Terap.

Pembukaan rasmi jambatan tersebut menjadi upacara Negeri Kedah. Semua orang kenamaan hadir. Selepas Ketua Kadi membaca doa, Tunku Mahmud dengan sopannya mermandang

ke arah Maxwell dan bertanya sama ada dia juga mahu berdoa. Penasihat itu lalu menjawab "belum sedia".

Pada tahun siapnya jambatan tersebut (1911), sebatang jalan yang dilapisi batu lada ke Jitra sedang dibina. Dari situ, jalan yang lebih jauh menuju sempadan Perlis, yang sebahagiannya dilapisi batu lada, juga sedang dibina. Di samping itu, dari Jitra juga, sebatang jalan tanah yang amat baik sepanjang 12 belas batu panjangnya, yang mengarah ke sempadan negeri Siam, turut dibina. Jalan tersebut mengikut laluan perdagangan lama Siam antara Singgora dengan Pelabuhan Kedah, dan tempat-tempat di sepanjang laluan tersebut masih mengekalkan nama Slamnya.

Sebagai contoh, perkataan "Jitra" berasal daripada bahasa Siam "Jutra" iaitu tempat berhenti. Jitra terletak di persimpangan ke Perlis dan Changloon, dan menjadi tempat berhenti bagi orang Siam yang datang ke Kedah dari utara dan timur.

Satu lagi tempat bertemu ialah Kodiang, kira-kira 10 batu daripada Jitra. Perkataan Siamnya ialah "Kok Deng" atau "bukit merah", barangkali disebabkan oleh bukit laterit yang berwarna merah yang terdapat di sekelilingnya.

Changloon yang terletak di sempadan Kedah-Siam, seperti Kupang di selatan Kedah, merupakan pekan di mana orang membela gajah. "Chang" merupakan perkataan Siam yang bererti "gajah", dan "Len" bermaksud "jatuh". Kebanyakan perjalanan pada zaman dahulu dilakukan dengan menaiki gajah. Orang Siam menamakan tempat tersebut "Chang Len" (Changloon) kerana salah seekor daripada gajah mereka telah terjatuh ke dalam parit atau lubang di situ.

BAB TIGA PULUH EMPAT

MENETAPKAN SEMPADAN

Pengumuman yang dibuat pada 23 Februari 1973 bahawa Malaysia dan Thailand bersetuju dengan penandaan tanah sempadan sepanjang 500 batu, yang memisahkan dua buah negara, mengingatkan kita kembali akan garis sempadan antara Kedah (dan Perlis dan Kelantan) dengan Thailand ditandakan apabila pihak Siam menyerahkan Negeri-negeri Melayu Utara kepada Britain pada tahun 1909.

Penandaan sempadan telah dibuat oleh sebuah pasukan bersama British dan Siam, termasuk beberapa orang pegawai tentera laut berbangsa Eropah yang sedang berkhidmat dengan kerajaan Siam. Pegawai tentera laut tersebut dilibatkan ke dalam pasukan ukur itu kerana sempadan laut juga harus dipiagamkan.

Juruukur-juruukur tersebut telah memisahkan Pulau Tarutau daripada Pulau Langkawi, dan meletakkan Pulau Adang, yang berada di sebelah Pulau Langkawi, ke dalam wilayah Siam. Pulau tersebut merupakan tempat tinggal puak Mawken iaitu salah satu daripada beberapa puak gipsi laut yang masih wujud di dunia. Mereka bertutur dialek Melayu yang serupa dengan bahasa Melayu yang dituturkan oleh kaum nelayan Kuala Kedah.

Mengikut cerita, berkenaan dengan tanah sempadan yang melalui Kroh di Perak, Kapten R.N. Berkeley telah mengalihkan beberapa batu tanda sempadan pada satu malam dan menambahkan beberapa batu persegi wilayah Siam ke dalam wilayah Tanah Melayu ketika dia menjadi Pegawai Daerah di Grik pada awal tahun 1900-an dan menunjuk ajar kesemua kawasan yang diukurnya.

Pemindahan pertuanan merupakan kesan segera daripada pinjaman yang dibuat oleh Kedah sebanyak \$2 600 000 dengan Siam pada tahun 1905.

Punca yang tidak berkaitan ialah dasar peluasan yang diamalkan oleh pihak Britain dan Perancis terhadap tanah besar Asia Tenggara.

Dari tahun 1858 dan seterusnya, pihak Perancis beransur-ansur meluaskan kekuasaannya terhadap Indo-China, dan pada awal abad ke-20, sebagaimana yang berlaku di Tanah Melayu, wujud suatu sistem campuran antara pemerintahan langsung dengan negeri naungan. Anggota pengundi "Indo-Chinese Union" (Kesatuan Indo-China) Perancis ialah Cochinchina dan Tonkin, yang diperintah secara langsung sebagai tanah jajahan Perancis. Sementara Cambodia, Annam dan Laos menjadi negeri naungan Perancis.

Dalam hal yang sama, Negeri-negeri Selat merupakan tanah jajahan British sementara Negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang) ialah negeri naungan British.

Dalam usaha mengukuhkan kedudukan politik ini, pihak British bertembung dengan pihak Perancis dalam tempoh persaingan tanah jajahan Inggeris-Perancis. Kedua-dua pihak ini menyelesaikan perbezaan mereka pada tahun 1896 apabila mereka bersetuju menjadikan negeri Siam sebagai zon berkecuali. Perjanjian tambahan yang dibuat pada tahun 1904 menyatakan bahawa Siam Barat menjadi lingkungan pengaruh British dan Siam Timur pula menjadi lingkungan pengaruh Perancis.

Dalam usaha mencapai dasar peluasan, sesetengah Gabenor dan pegawai British di Tanah Melayu membuat desakan supaya British meluaskan kekuasaannya ke atas Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu.

Siam berasa terlalu kesal kerana memberikan hak luar wilayah kepada British apabila pada tahun 1855, Raja Mongkut membuka negaranya untuk perdagangan Barat dan menandatangani satu perjanjian persahabatan dan perdagangan dengan Britain.

Kesempatan untuk membebaskan diri daripada halangan dasar luar wilayah tersebut setelah Perjanjian Pinjaman Siam dengan Kedah terlaksana. Kemudian, Siam bersedia memindahkan hak pertuanannya kepada Britain sebagai balasan kepada penghapusan hak luar wilayah British di Siam, dan pinjaman untuk pembinaan jalan kereta api.

Kedah tidak dimaklumkan secara rasmi tentang cadangan tersebut. Hanya dalam tahun 1908, Kedah yang berasa tidak senang tentang hal tersebut dengan segera membuat bantahan kepada Bangkok. Kedah juga mendapatkan khidmat firma guaman Adams & Allan di Pulau Pinang untuk mengajukan pandangannya kepada Kerajaan British tentang cadangan pengambilalihan berkenaan.

Dengan itu, Encik (yang kemudiannya Sir) Arthur Adams menyerahkan sebuah memorandum kepada Kerajaan British, menyatakan bahawa Kedah akan menerima pertuanan British dengan syarat Kedah dibawa berunding; bahawa meskipun Kedah membayar ufti kepada Siam, tanahaimya bukan merupakan "sebahagian daripada Kerajaan Siam"; bahawa Kedah buat sementara waktu mempunyai "pembayaran balik pinjaman yang belum selesai" menerima seorang penasihat kewangan dari Siam kerana pinjaman tersebut; bahawa Britain telah mengiktiraf status negeri Kedah dalam erti kata Britain telah pun menandatangani perjanjian dengan Kedah pada tahun 1800 dan 1869; dan bahawa pentadbiran Kedah yang aman itu tidak mewajarkan pelaksanaan bidang kuasa Britain seperti mana halnya dengan Perak dan Selangor.

Kerajaan British menerima memorandum tersebut tetapi tidak mengambil apa-apa tindakan.

Maka pada bulan Mac 1909, Encik Allan menulis sepucuk surat kepada Perdana Menteri Britain yang dikenalinya.

Apabila tiada jawapan balas diterima, seorang peguam cara dari London, Encik Charles Russel yang bertindak mewakili Kerajaan Kedah telah membuat temu bual dengan Pejabat Tanah Jajahan dan diberitahu bahawa Kedah merupakan bahagian Siam yang penting.

Di Tanah Melayu, Allan membuat temu bual dengan Gabenor Sir John Anderson sementara Adams gagal mendapatkan temu bual di London. Dia terpaksa berpuas hati dengan meninggalkan memorandum di Pejabat Tanah Jajahan dan Luar Negeri; dan dalam bulan Julai, Anderson telah menghantar Penasihat British yang pertama iaitu Encik (yang kemudiannya Sir) George Maxwell untuk bertugas di Kedah berdasarkan Perjanjian Inggeris-Siam yang telah ditandatangani pada 10 Mac 1909.

BAB TIGA PULUH LIMA

KEHADIRAN BRITISH

Selepas pengisytiharan perlombagaan yang baru pada 29 Julai 1905, yang Sultan Abdul Hamid mengesahkan pembentukan Majlis Negeri untuk membantu baginda dalam "pentadbiran semua hal ehwal awam", para pegawai Eropah mulai datang dan berkhidmat di Kedah.

Mereka bukanlah golongan yang pertama yang berbuat demikian kerana pada tahun 1883, mengikut langkah yang diambil oleh Istana Siam yang mengambil Puan Leowens sebagai pengasuh kepada putera-putera Siam yang masih kecil, Sultan Kedah telah mengambil seorang rakyat Amerika berketurunan Perancis iaitu Encik Quays untuk mengajar putera-putera Kerabat Diraja Kedah.

Salah seorang daripada pegawai yang pertama tiba semasa pemerintahan yang baru ini ialah Dr. A. L. Hoops, Pemangku Pakar Bedah Tanah Jajahan, Pulau Pinang, yang membantu negeri Kedah untuk mengurus Jabatan Perubatan dan Penjara.

Hoops pernah berjuang dalam Perang Boer dan telah tercedera. Apabila Pegawai Kewangan, Encik G. C. Hart cuti sakit pada tahun 1907, Hoops mengambil tugas Hart. Hoops mula memberikan arahan kepada ketua-ketua jabatan dan berusaha menguatkuaskan peraturan datang kerja tepat pada waktunya di kalangan pegawai Kerajaan.

Tunku Mahmud, yang pada tahun itu dilantik apabila kekandanya Raja Muda Tunku Abdul Aziz pulang ke rahmatullah, memarahi Hoops dan memberitahunya bahawa dia hanya boleh memberi nasihat dalam hal ehwal kewangan sahaja. Hal ini telah mencetuskan pertengkaran di peringkat paling tinggi tentang apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan oleh penasihat. Akibat daripada pertikaian ini, Hoops tidak disukai oleh golongan atasan.

Di samping peristiwa ini, Hoops berjaya dalam tugas yang diberikan kepadanya apabila dia meletakkan Jabatan Perubatan dan Penjara dalam kedudukan yang baik.

Semasa dia tiba di Alor Setar pada tahun 1905, penduduk bandar tersebut dan persekitarannya ditimpa wabak taun yang mengorbankan beratus-ratus nyawa setiap tahun. Punca utamanya ialah saliran yang kotor yang mengakibatkan pencemaran perigi dan sungai.

Untuk mengatasi masalah yang serius ini dan mencegah penyakit tersebut daripada merebak, air hujan dikumpulkan dalam tangki sepanjang 80 kaki. Sedikit demi sedikit, kadar kematian menurun dan sehingga takungan air yang sempurna dibina di Bukit Wang, dekat Jitra pada tahun 1912, barulah taun benar-benar dapat dikawal.

Sementara itu, dengan bantuan pembantu hospital (ketika itu dipanggil "dreser") Srinivasagam dan Weerakutty, serta inspektor kesihatan (yang dipanggil "sanitary inspector" pada masa itu) iaitu Oliveiro dan Arunasalam, Hoops melancarkan kempen yang memakan masa yang lama dan sukar untuk memerangi taun sebelum dia mencapai kejayaan.

Tidak lama selepas dia tiba di Alor Setar, Hoops mendirikan sebuah hospital yang mempunyai empat buah wad, sebuah dispensari dan sebuah pejabat di simpang jalan utama dan jalan tersebut kini dinamakan Jalan Sultanah. Salah sebuah daripada wad tersebut dikhaskan untuk wanita tetapi sehingga kedatangan Dr. (Puan) M.G. Brodie ke Kedah sebagai "Lady Medical Officer" (Puan Pegawai Perubatan) pada tahun 1920-an, barulah kaum wanita mahu datang ke hospital.

Pada masa itu, tidak terdapat kereta ambulan. Pesakit dari kawasan yang jauh dibawa dengan kereta lembu, dan pengusung diperbuat daripada kain sarung dan karung guni. Dispensari bergerak juga merupakan sebuah kereta lembu. Dispensari ini bergerak di sepanjang jalan yang baik keadaannya, yang jauhnya sehingga ke Jitra. Dispensari Alor Setar terletak di rumah kedai di Jalan Pengkalan Kapal.

Pesuruhjaya Tinggi, Sir John Anderson melawat Kedah pada tahun 1909 dan menyatakan keagumannya terhadap pentadbiran Kedah, terutamanya penjara dan hospital (kedua-duanya ditadbir oleh Hoops) serta Jabatan Audit di bawah Encik George Ward, adik kepada Encik Willie Ward dan Encik Bertie Ward dari Pulau Pinang. Di sebalik segala langkah berjaga-jaga yang diambil, George Ward meninggal dunia akibat taun dan dikebumikan di Kubur Kristian Alor Setar.

Selepas pemindahan pertuanan, Hoops mendapat bantuan daripada Dr. J. Hall-Tennant, yang dihantar bertugas ke Kulim pada tahun 1918. Dr. C.J.S. Nicholas dari Taiping pula diambil untuk mengisi kekosongan tersebut. Pada tahun 1928, Dr. P.T.K. Nayar dan Dr. M. Bhandari datang dari India untuk memperkuuh Perkhidmatan Perubatan Kedah.

Jururawat terlatih yang pertama, Puan Grace Eliathamby dilantik pada tahun 1921. Apabila Hoops ke Singapura pada tahun 1920 untuk menjadi Ketua Pegawai Perubatan, Negeri-negeri Selat, di samping Hospital Besar Alor Setar, terdapat hospital daerah Sungai Petani dan Kulim, yang mempunyai 400 buah katil.

Hoops yang berasal dari Ireland merupakan seorang penunggang kuda yang cekap, sama seperti Tunku Mahmud dan beberapa orang lagi yang menunggang kuda untuk tujuan latihan. Mereka mempunyai minat yang sama. En. J.J. Fleury, seorang lagi bangsa Ireland yang merupakan Pakar Bed Veteranar Negeri dan Setiausaha kepada Lembaga Kebersihan, Alor Setar, juga merupakan penunggang kuda yang cekap.

Dengan bantuan buruh banduan, dia dan Hoops membina balapan lumba kuda "Ballymena" Alor Setar, dan menjadi teraju utama dalam usaha menganjurkan gimkhana (pertunjukan olahraga)

secara berkala, yang para pesertanya datang dari Pulau Pinang berserta kuda padi mereka.

Dalam setiap pertemuan, tambahan kepada acara perlumbaan kuda jarak jauh, terdapat acara gimkhana - 'musical chairs' (permainan merebut kerusi mengikut muzik), 'tent-peggings' (sukan membawa pancang khemah dengan hanya menggunakan hujung tombak sambil menunggang kuda dengan pantas), 'thread-the-needle' (sejenis permainan yang para pemainnya berpegangan tangan dan pemain yang di hujung barisan melalui di antara dua orang pemain yang di hujung satu lagi) - tetapi acara yang paling mencabar ialah lumba kuda berhalangan secara merentas desa, yang bermula dari Estet Perumahan United Garden yang ada sekarang.

Permulaan perlumbaan tersebut tidak dapat dilihat dari garis permulaan. Kuda dan penunggang dapat dilihat hanya apabila mereka sampai di balapan perlumbaan, berhampiran dengan lintasan kereta api. Kerap kali seorang atau dua orang penunggang kuda akan terjatuh di tepi balapan sebelum mereka tiba di tempat tersebut.

Jika dia tidak melepas pancang penamat, Hoops selalunya dengan sengaja menjatuhkan dirinya dari tunggangan. Hal ini merupakan pertunjukan untuk berseronok-seronok. Dia pernah menaiki 15 anak tangga batu rumah banglonya, yang setinggi 10 kaki dengan menunggang kuda kerana bertaruh.

Sekali-sekala, dia dan Fleury mengadakan parti melembing babi. Terdapat banyak babi hutan di kawasan sekitarnya. Pada satu hari, Fleury mencatatkan sejarah dengan melembing seekor babi hutan semasa kejar-mengejar di sawah padi. Aksi yang mengagumkan itu tidak pernah dapat diulangi dengan menunggang kuda tetapi semasa Pendudukan Jepun, apabila pemilikan senjata api diharamkan, sekumpulan buruh estet India, tangkas dan benar-benar sihat dari segi fizikal, pergi melembing babi hutan dengan berjalan kaki untuk mendapatkan bekalan makanan tambahan mereka. Usaha mengejar babi pada masa itu adalah menyeronokkan kerana keterukannya.

BAB TIGA PULUH ENAM

BERMULANYA PENDIDIKAN FORMAL

Selepas pemindahan pertuanan pada tahun 1909, pendidikan di Kedah berkembang dengan pesat. Di bawah rejim pemerintahan yang baru, Bahasa Inggeris menjadi amat penting kerana bahasa tersebut menjadi "pintu" untuk mendapatkan pekerjaan.

Akan tetapi sebelum menjelangnya abad ke-20, penduduk Kedah telah pun menyedari akan kepentingan dan keperluan untuk celik huruf. Seperti yang telah diterangkan dalam bab terdahulu, Sultan Kedah pada tahun 1880-an mengambil seorang rakyat Amerika berbangsa Perancis bernama Encik Quays untuk mengajar putera-putera baginda sama seperti Puan Leonowens yang menjadi pengasuh kepada putera-putera Raja Mongkut dari Siam.

Walau bagaimanapun, lama sebelum ini, sedang Kedah mengorak keluar daripada menjadi negeri yang primitif, raja-raja Mahawangsa telah pun memperkenalkan kesenian, falsafah dan agama Hindu. Sanskrit menjadi bahasa rasmi. Apabila Raja Mahawangsa yang kelima iaitu Phra Ong Maha Podisat memeluk Islam pada pertengahan kedua abad ke-15, bahasa Arab menggantikan bahasa Sanskrit tetapi hanya sedikit orang sahaja yang boleh membaca atau menulisnya.

Dalam tempoh pertuanan Siam, bahasa Siam menjadi bahasa utama tetapi tidak terdapat sekolah yang didirikan untuk rakyat biasa. Sesetengah daripada orang Siam boleh membaca dan menulis bahasa Melayu kerana mereka mempelajarinya daripada para pedagang dari Pulau Pinang atau para kelasi yang bekerja di atas kapal perdagangan.

Mereka yang celik huruf amat dihormati. Mereka membantu membaca dan menulis surat dan sering kali dipanggil untuk menyelesaikan pertikaian terutamanya yang berkaitan dengan soal wang.

Masalah buta huruf berleluasa di kalangan rakyat sehingga akhirnya penduduk Changloon, di sempadan Kedah-Siam, memutuskan untuk membuka sebuah sekolah Melayu. Mereka tinggal di salah satu laluan gajah yang utama antara pantai barat dengan pantai timur dan dengan adanya perhubungan dengan para pedagang telah menyebabkan mereka mempunyai kesedaran tentang pendidikan.

Oleh hal yang demikian, menjadi suatu penghargaan buat mereka untuk membuka sekolah Melayu yang pertama di Kedah. Mereka membukanya pada tahun 1892.

Lima tahun kemudian iaitu pada tahun 1897, sekolah Melayu yang pertama di Alor Setar dibuka di Jalan Bahru. Sekolah itu dibuka atas minat yang ditunjukkan oleh Wan Abdullah, seorang

Menteri Negeri. Guru yang pertama ialah Che Ahmad bin Kerani Maidin.

Semasa sambutan perkahwinan Tunku Sulong pada tahun 1904, segala perlengkapan yang digunakan sempena perkahwinan tersebut disimpan di dalam sekolah berkenaan. Oleh sebab kuantiti barang-barang tersebut terlalu banyak dan berat, bangunan sekolah tersebut runtuh. Sebuah bangunan baru dibina pada tahun berikutnya. Pada tahun sebelum itu, sebuah sekolah telah dibuka di Kulim (1896).

Apabila tiba masanya, lebih banyak lagi sekolah dibina dan semasa pemindahan pertuanan (1909), tambahan kepada tiga buah sekolah Melayu di Changloon dan Alor Setar, terdapat lapan buah lagi sekolah Melayu iaitu di Yan (1900), Simpang Empat (1906), Junjung (1906), Sungai Seluang (1906), Guar Lobak (1906), Alor Merah (1907), Kota Kuala Muda (1907) dan Sungai Kob (1908).

Pertambahan bilangan sekolah Melayu kebanyakannya adalah disebabkan oleh usaha Syeikh Ahmad bin Muhammad Sheriff iaitu Penguasa Pendidikan yang beribu pejabat di Alor Setar. Di Kedah Selatan, timbalannya ialah Tunku Yahya.

Selepas pertukaran pentadbiran, pendidikan yang menggunakan bahasa Melayu berkembang dengan perlahan. Hal ini disebabkan oleh kekurangan teruk perabut, peralatan, bangunan sekolah dan kakitangan yang terlatih.

Yang paling utama, dalam tempoh empat tahun sebaik sahaja terlaksananya pemindahan pertuanan, dari tahun 1909 ke 1913, terdapat tiga orang penguasa pendidikan iaitu En. J. Richey (1909), Encik J. McDonough (1910-1913), dan Encik A. Cavendish (1914). McDonough yang pernah berkhidmat dalam Royal Irish Constabulary (Pasukan Konstabel Diraja Ireland) telah memilih sebuah tapak untuk pembinaan *Government English School* (Sekolah Inggeris Kerajaan), yang kini dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid.

Pada tahun 1914, pendidikan di sekolah-sekolah Melayu Kedah melonjak ke hadapan. En. E.A.G. Stuart yang menjadi kakitangan Kolej Melayu Kuala Kangsar, dilantik sebagai Penguasa Pendidikan dan Guru Besar Sekolah Inggeris Kerajaan. Seorang cendiakawan Melayu dan yang mempunyai pengetahuan yang amat luas, dia dengan segera bertindak mengatasi kekurangan yang ada. Pembinaan bangunan baru atau bangunan tambahan untuk dijadikann tempat tinggal kepada lebih ramai pelajar disiapkan sebagai pengganti atau tambahan kepada bangunan yang telah sedia ada di kawasan bandar dan luar bandar.

Guru-guru diambil dari Pulau Pinang. Antara mereka ialah Encik Ahmad bin Muhammad Saman, Encik Chik bin Abdul Rahman, Encik Abdul Rahman bin Ahmad dan Encik Muhammad Saman bin Yusoff. Secara beransur-ansur, sekolah baru dibuka di daerah-daerah, yang sebelum itu tidak ada sekolah, dan rumah guru dibina.

Guru-guru dihantar ke *Sultan Idris Training College* (Maktab Perguruan Sultan Idris) untuk diberikan latihan, dan apabila Stuart meninggal dunia pada tahun 1927, bilangan sekolah Melayu di Kedah bertambah sepuluh kali ganda, dan bilangan guru-guru pula meningkat daripada 30 orang kepada kira-kira 300 orang tetapi pendaftaran murid baru gagal menyaingi pertambahan ini.

Sebab utamanya ialah sikap tidak ambil peduli di kalangan pesawah padi tentang kebaikan bersekolah. Tujuan sekolah luar bandar ialah memberikan pendidikan asas dan amali yang baik kepada budak-budak lelaki yang akan kekal tinggal di situ dan mencari pekerjaan dalam bidang pertanian tempatan.

Hal ini tidak begitu menarik minat mereka. Oleh hal yang demikian, kehadiran diwajibkan untuk budak-budak lelaki yang tinggal dalam lingkungan 1.5 batu mengikut lorong atau jalan yang terdekat dari sekolah. Had jarak tersebut kemudiannya ditambah menjadi dua batu.

Satu lagi sebab pendaftaran masuk murid yang agak rendah ialah kemiskinan pesawah padi. Anak-anak mereka diperlukan untuk membantu kerja-kerja di sawah dan semasa musim menuai dan bulan puasa, semua sekolah ditutup supaya murid-murid dapat membantu kerja-kerja menuai.

BAB TIGA PULUH TUJUH

SEKOLAH INGGERIS YANG PERTAMA

Dalam tempoh 14 tahun (1914-1927) ketika menjadi Pengusaha Pendidikan di Kedah dan Perlis, mendiang Encik E.A.G. Stuart telah mentadbir dan mengukuhkan pendidikan di kedua-dua buah negeri tersebut. Tetapi orang yang memulakan sekolah Inggeris ialah Allahyarham Encik Muhammad Iskandar, yang Stuart menyifatkannya sebagai "buah oak yang menumbuhkan pohon oak".

Muhammad Iskandar yang dilahirkan di Pulau Pinang mula mengajar di Penang Free School pada tahun 1899. Pada tahun 1908, dia memperoleh Sijil Perguruan, Kelas Biasa yang diwujudkan pada tahun 1906 untuk melatih guru-guru sekolah Inggeris. Pada separuh kedua tahun berkenaan, setahun sebelum pemindahan pertuanan, dia meninggalkan Penang Free School untuk menjadi Guru Besar di Sekolah Inggeris di Alor Setar, yang dirancang dibuka oleh Pengusaha Pendidikan (Syeikh Ahmad bin Sheriff) dan Nazir Sekolah, Encik J.G. Richey.

Upacara pembukaan ditetapkan pada tarikh 8 Disember 1908 tetapi tidak seorang pun murid atau ibu bapa yang hadir untuk majlis jamuan teh dan pendaftaran. Hal ini amat berbeza dengan ledakan pendidikan yang berlaku semasa penjajahan Jepun (1941-1945).

Tidak serik dengan sambutan yang dingin itu, Muhammad Iskandar ke sekolah Melayu di Jalan Bahru dan mengatur supaya 15 orang murid lelaki Melayu datang ke sekolahnya selepas sekolah Melayu tamat pada pukul 11 pagi. Sekolahnya bermula pada pukul 11 pagi hingga 4 petang.

Selepas usaha ini, dia mendapatkan bantuan Kapitan Cina, Tauke Choon Tow (dia dikurniakan gelaran "Phya" oleh Raja Siam, dan telah dilantik sebagai "Datuk Vijaya Setia" oleh Sultan Kedah). Dengan kerjasama Kapitan Cina ini, seramai 25 orang budak lelaki Cina, berusia antara 7 hingga 16 tahun, didaftarkan di sekolah itu.

Pada mulanya, Muhammad Iskandar menghadapi kesukaran untuk mendaftarkan budak-budak lelaki Melayu kerana ibu bapa mereka mempunyai prasangka terhadap pendidikan Inggeris. Mereka mempersoalkan nilai mempelajari bahasa Inggeris. Mereka berada di bawah pertuanan Siam dan merasakan bahawa mempelajari bahasa Siam adalah lebih baik. Golongan haji lebih menyukai bahasa Arab. Yang paling utama ialah mereka bimbang pendidikan Inggeris akan menjadikan anak-anak mereka Kristian.

Untuk mengatasi bangkangan yang terakhir ini, Muhammad Iskandar telah mendapat pertolongan Syeikh-ul-Islam (Haji Wan Sulaiman) yang meyakinkan ibu bapa bahawa kebimbangan mereka itu tidak berasas kerana bukankah dia sendiri mendapat pendidikan Inggeris tetapi tetap

menjadi seorang Muslim yang baik?

Lojik hujah ini terbukti meyakinkan dan dengan bantuan seorang imam iaitu Haji Jaafar, Muhammad Iskandar pergi dari rumah ke rumah dan berusaha mendapatkan murid.

Pendaftaran masuk ke sekolahnya menerima rangsangan yang besar apabila dua daripada putera Sultan iaitu Tunku Abdul Rahman dan Tunku Ya'acob dihantar ke situ. Muhammad Iskandar yang mempunyai kepekaan yang tinggi dalam menjaga maruah, sentiasa gemar mengingati kembali akan peristiwa yang berlaku. Dia berkata, mengikut adat diraja, kedua-dua Tunku yang masih kecil itu sampai di sekolah dengan sekumpulan pengiring. Sesetengah daripada mereka membawa nasi kunyit dan makanan yang lain.

Dia dengan gembiranya menerima mereka dan juga nasi kunyit tersebut. Selepas itu, bonda Tunku Abdul Rahman iaitu Ma' Che Manjalara menghantar puteranya itu ke sekolah setiap hari dengan digendong oleh seorang pengiring bernama Idris. Pada masa itu tidak ada kereta.

Kesannya, pendaftaran masuk ke sekolahnya meningkat. Salah seorang daripada murid sekolah tersebut ialah seorang budak perempuan berbangsa India, anak perempuan kepada seorang pembantu hospital. Dia murid perempuan yang pertama berdaftar di Kolej tersebut (dahulunya sekolah). Tetapi oleh sebab dia memakai baju dan seluar pendek, jantinanya tidak disedari. Murid perempuan yang kedua diterima masuk ialah anak saudara kepada seorang guru bernama Encik G.M. Khan, yang pada ketika itu Encik E.C. Hicks menjadi Guru Besarnya pada tahun 1930.

Pembukaan sekolah tersebut mencetuskan satu lagi kejadian. Sekolah tersebut dibuka tanpa persetujuan Majlis Negeri. Oleh hal yang demikian, Syeikh Ahmad dan Richey dimarahi kerana tidak mendapatkan terlebih dahulu kebenaran Kerajaan. Kedua-dua mereka terpaksa memberikan penjelasan yang berasas dan diberitahu supaya tidak mengulanginya lagi!

Pada akhir tahun yang pertama, pendaftaran masuk meningkat daripada 15 kepada 97 orang - terlalu ramai untuk satu orang guru. Oleh hal yang demikian, seorang pembantu guru iaitu Encik Muhammad Salleh dilantik untuk mengajar kelas rendah. Bangunan sekolah tersebut merupakan bangunan berbentuk binaan Melayu yang dibina di atas kaki bajang, berhampiran dengan Balai Nobat di mana Mahkamah Tinggi berada sekarang. Oleh sebab sekolah itu tidak mampu menampung 60 orang murid, sebuah kelas terpaksa belajar di bawah sebatang pokok besar di dalam kawasan sekolah.

Selepas pemindahan pertuanan, sekolah berkenaan terus berfungsi tetapi pada tahun 1910, Muhammad Iskandar meninggalkan sekolah itu untuk menjadi Guru Besar di sebuah sekolah Inggeris di Pekan, Pahang. Sekolah ini berfungsi sebagai sekolah persediaan untuk Kolej Melayu Kuala Kangsar. Dia kemudiannya digantikan oleh Encik Salleh yang digantikan pula oleh Encik Ismail Merican yang merupakan seorang lagi bekas penuntut Penang Free School. Pendaftaran masuk

pada masa itu menjangkau 97 orang murid dan yuran sekolah ialah \$1 sebulan. Bangunan kayu itu jelas tidak memadai; maka sebuah rumah di Jalan Penjara Lama disewa.

Apabila Ismail Merican memasuki Perkhidmatan Awam Kedah pada tahun 1913, Encik Abdul Manaff, seorang lagi bekas penuntut Penang Free School telah dilantik sebagai Guru Besar. Dalam tempoh setahun, dia juga meninggalkan sekolah tersebut untuk memasuki Perkhidmatan Awam Kedah dan Encik Syed Jan menjadi Guru Besar sehingga Stuart tiba pada tahun 1914.

Sementara itu, bilangan murid yang mendaftar masuk ke sekolah tersebut telah meningkat ke angka 196 orang. Bilangan murid bertambah sehingga sebuah lagi bangunan yang lebih sesuai terpaksa didirikan. Tapak untuknya diperoleh. Pembinaan bangunan tersebut bermula pada tahun 1914 dan siap pada tahun 1916. Seorang murid mengatakan bentuknya menyerupai kapal terbang. Bangunan berkenaan mempunyai dua tingkat di bahagian tengahnya dan dari sinilah tiga buah bilik darjah mengunjur di kedua-dua belah bangunan. Bentuk ini menjadi teras kepada kompleks yang berselerak masa kini.

Pada tahun 1917, Peperiksaan Darjah Tujuh diadakan buat kali pertama. Kelulusan dalam peperiksaan ini memberikan kelayakan untuk memasuki Perkhidmatan Perkeranian Kerajaan. Selepas ini, Kedah berupaya mengambil tenaga kerani dari dalam negeri. Sebelum ini, kerani-kerani datang dari Pulau Pinang dan Perak.

Pada tahun 1919, sekolah berkenaan memasukkan calon-calonnya untuk menghadapi *Junior Cambridge Local Examination*. Mereka yang lulus pergi ke Pulau Pinang untuk membuat persediaan bagi menghadapi *Senior Cambridge* kerana kemudahan untuk ini tidak ada di Alor Setar. Pelajar lelaki Melayu yang datang daripada keluarga kaya telah pun bersekolah di Pulau Pinang pada masa ini. Mereka tinggal bersama-sama Encik Frank Hawkins yang bertugas di Penang Free School buat beberapa lama. Tetapi selepas itu, apabila bilangan mereka ini bertambah, pihak Kerajaan membuka sebuah asrama untuk mereka di Pulau Pinang dan meletakkannya di bawah jagaan Encik Osman.

Pada masa dahulu, tidak terdapat batasan atau larangan tentang apa yang boleh dipakai oleh murid-murid lelaki. Ada sesetengah murid berkahwin. Murid Melayu, Cina, India dan Siam memakai segala jenis pakalan dan kepelbagaiannya kelihatan aneh. Dua orang murid Cina mempunyai tocang dan sering disakat. Hampir kesemua murid datang ke sekolah berkaki ayam.

BAB TIGA PULUH Lapan

PENYEBARAN PENDIDIKAN

Asas pendidikan di Kedah yang begitu baik dan benar-benar disediakan oleh mendiang Encik E.A.G. Stuart, menempuh zaman Pendudukan Jepun dan pihak Nippon dengan tegas dan semangat membara berusaha mengikis Bahasa Inggeris.

Pada masa ini, terdapat tiga buah sekolah Inggeris Kerajaan di Kedah dengan bilangan 563 orang murid dan 33 orang guru. Sekolah Inggeris Kerajaan (kini dinamakan Kolej Sultan Abdul Hamid) dan Sekolah Perempuan Kampong Bahru (kini dikenali sebagai Sekolah Sultanah Asma) terletak di Alor Setar. Sekolah yang ketiga ialah Sekolah Inggeris Kerajaan (kini dikenali sebagai Sekolah Ibrahim) berada di Sungai Petani. Sekolah ini dibuka pada bulan Ogos tahun 1919 iaitu selepas 10 tahun Kolej Sultan Abdul Hamid dibuka.

Tuan Syed Jan dari Alor Setar telah dilantik menjadi "master-in-charge" (guru petugas). Dia mempunyai seorang pembantu iaitu Encik Muhammad bin Mann, salah seorang daripada kumpulan pelajar yang pertama yang lulus Peperiksaan Darjah Tujuh Kerajaan di Alor Setar pada tahun 1917, dan satu-satunya orang yang memilih untuk menjadi guru.

Sekolah Inggeris Kerajaan di Sungai Petani yang dibuka mempunyai bangunan kayu yang letaknya di hadapan masjid di Jalan Pengkalan. Pada hari pertama, lima orang murid mendaftarkan diri dan pada akhir tahun tersebut, bilangan murid yang mendaftar meningkat kepada 60 orang murid lelaki dan terdapat empat buah kelas daripada Darjah Satu hingga Darjah Dua.

Apabila bilangan murid bertambah, tempat berkurangan. Maka sebuah rumah kedai disewa. Tidak lama kemudian, rumah kedai ini terbukti tidak mencukupi dan sebuah lagi rumah kedai di Jalan Petri terpaksa disewa. Sekolah tersebut berubah ke sana sini dan pada tahun 1928, sekolah tersebut menduduki bangunan berbumbung atap di mana sekarang menjadi Pejabat Telekom. Bangunan berkenaan telah digunakan sebagai Pejabat Daerah dan Mahkamah Majistret. Sehingga tahun 1936, barulah sekolah tersebut mendapat bangunan tetapnya sendiri.

Di samping tiga buah sekolah Kerajaan, terdapat juga sekolah Inggeris persendirian yang telah dibuka oleh Misi Roman Katolik, Sekolah Convent untuk pelajar perempuan di Alor Setar dan Sungai Petani serta Sekolah St. Theresa, Sungai Petani (1929), Sekolah St. Patrick, Kulim (1933) dan Sekolah St. Michael, Alor Setar (1939). Sekolah yang terakhir ini mempunyai guru besar berbangsa Jepun yang dilahirkan di Pulau Pinang iaitu En. K. Nishikawa, yang sesetengah orang secara menyindir menganggap bahawa dia digunakan untuk menentang British. Tanah yang menjadi tapak sekolah di Kulim dihadiahkan kepada Misi tersebut oleh seorang Cina yang bukan beragama Kristian iaitu En. Tan Ah Choy.

Sekolah vernakular Melayu semasa meletusnya Perang Dunia Ke-2 berjumlah 111 buah dengan bilangan murid seramai 18 143 orang dan 538 orang guru. Ciri sekolah ini ialah pengajaran amali tentang kebersihan. Sebaik sahaja murid-murid tiba di sekolah pada awal-awal pagi, mereka secara bergilir-gilir ditugaskan menyapu bilik darjah dan kawasan sekitar bangunan sekolah, membilas lantai tandas serta longkang sekolah, dan selepas itu membersihkan tangan dan kaki mereka di pergi sekolah.

Kemudian mereka beratur untuk diperiksa rambut, gigi, kuku dan pakaian sebelum mereka dibenarkan masuk ke bilik darjah untuk memulakan kerja sekolah mereka.

Walau bagaimanapun, pelajaran agama bukan terletak dalam bidang kuasa jabatan Pendidikan. Kelas mengajai Al-Quran diadakan sebelah petang di dalam bangunan sekolah dan diajar oleh guru-guru yang dilantik oleh Syeikh-ul-Islam.

Hari yang sangat menggembirakan dalam sejarah pendidikan Islam di Kedah ialah pada tanggal 13.5.1355 Hijrah (1936 Masihi). Pada hari tersebut, Sultan Kedah membuka Kolej Mahmud. Almarhum Tunku Mahmud yang mempunyai kecenderungan yang mendalam terhadap agama telah berkenan meletakkan batu asas pada tahun 1934, dan Kolej berkenaan telah dinamakan mengikut nama Almarhum. Pembukaan kolej tersebut merupakan salah satu perkara yang tersemat di hati Almarhum - kewujudan institusi untuk pengajian Islam peringkat tinggi.



Encik E.A.G. Stuart (kanan) dan En. R.P.S. Walker daripada Jabatan Pendidikan di Kedah

Pada mulanya, Kolej tersebut diselia oleh Syeikh Muhammad Salleh. Kemudian, Syeikh Abdul Halim pulang dari Universiti Al-Azhar, Kaherah dan memulakan tugas sebagai guru besar. Kolej tersebut kini bergabung dengan Universiti al-Azhar.

Bila sekolah Cina yang pertama dibuka tidak diketahui tetapi barangkali pada permulaan

abad ke-19. Sebelum masa itu, amat sedikit cerita yang didengar tentang orang Cina di Kedah. Salah satu daripada rujukan yang terawal tentang mereka dibuat oleh Thomas Forrest yang berkunjung ke Kedah pada tahun 1783.

Dia berkata: "Kerajaan tersebut diperintah oleh raja Melayu beragama Islam, yang seperti raja-raja Melayu yang lain, asyik dengan hampir keseluruhan perdagangan asing di pelabuhan, kecuali jong China yang datang setiap tahun, yang membayar jumlah wang tertentu hanya sebagai cukai, dan kemudian pergi berdagang secara bebas dengan para penduduk. Jong ini mengimport barang dalam kuantiti yang amat besar seperti barang tembikar biasa, kuali leper besi dan banyak lagi barang yang lain dari negeri tersebut, dan mengeksport lintah laut, sirip ikan yu, sarang burung yang boleh dimakan, rotan, damar, cangkerang kura-kura, kulit rusa dan urat rusa, lembu jantan kembiri dan belulang kerbau serta tanduk kerbau dan barang biasa yang lain."

Daripada di atas, boleh disimpulkan bahawa perdagangan Cina melalui laut terhad kepada sebuah jong setahun tetapi sebilangan besar orang Cina datang menyeberangi segenting dari Songkhla dan menetap di bahagian Pekan Cina di Alor Setar dan seperti orang Cina yang tinggal di mana-mana jua di dunia, mereka mengekalkan sekolah Cina.

Menjelang abad ke-20, sebuah sekolah Cina wujud di kawasan tokong Cina di Jalan Penjara Lama dan orang yang lalu lalang di situ akan sering kali terdengar pekikan kanak-kanak ketika mereka mempelajari pelajaran mereka dengan menghafaz.

Di satu sudut, duduk seorang guru, bergaun dan berkaca mata, mendengar muridnya membaca buku. Murid tersebut membelakangi gurunya agar guru itu dapat melihat buku tersebut!

Sekolah Tamil yang pertama telah dibuka oleh kaum India yang datang ke Alor Setar dari Nibong Tebal, lebih daripada seabad yang lalu untuk membuat batu-bata. Mereka menetap di kedua-dua belah sungai dekat Merdeka Garden dan menamakan tempat itu sebagai "Kala-Wai" yang bererti "Bakar Bata".

Malang bagi mereka memandangkan tempat tersebut padat dengan penduduk dan apabila taun merebak, rumah mereka terpaksa dibakar bagi mencegah wabak itu daripada merebak, dan penduduk berpindah ke Jalan Bahru. Mereka telah membina tokong di bawah sebatang pokok besar di situ dan tokong ini terpaksa ditinggalkan buat sementara waktu. Tokong ini dikunjungi oleh para penganut dari semasa ke semasa dan pada hari ini, sebuah kuil baru yang cantik telah dibina menyerupai burung *phoenix* dari runtuhannya masa lalu untuk menduduki tapak tersebut.

Di kampung-kampung, berhampiran dengan sempadan Siam, terdapat sekolah Siam di tempat-tempat seperti Padang Sera di sebelah utara dan Naka di sebelah timur.

BAB TIGA PULUH SEMBILAN

PENDIDIKAN UNTUK ANAK-ANAK PEREMPUAN

Pelantikan Datin (Dr.) Salma binti Ismail sebagai salah seorang daripada dua orang anggota wanita dalam Majlis Penasihat Pendidikan Tertinggi pada tahun 1973 mengingatkan kembali tentang detik permulaan sekolah beliau iaitu Sekolah Perempuan Kampung Bahru (kini dikenali sebagai Sekolah Perempuan Sultanah Asma), Alor Setar. Sekolah tersebut telah dibuka pada tahun 1924.

Sebelum ini, tidak wujud sekolah untuk budak perempuan Melayu di Kedah. Di kalangan ibu bapa Melayu mengatakan bahawa tempat perempuan ialah di dapur, dan banyak prasangka yang berakar umbi terpaksa diatasi sebelum "pembebasan".

Dua tahun sebelum ini, dengan niat untuk menukarkannya menjadi sebuah sekolah, kerajaan Kedah telah membeli istana tiga tingkat yang terletak di belakang Istana Kampung Bahru, yang pernah dimiliki oleh Cik Spachendra iaitu isteri pertama kepada Sultan Abdul Hamid.

Tempoh masa selama dua tahun terpaksa diambil untuk memujuk dan menggalakkan ibu bapa Melayu menghantar anak perempuan mereka ke sekolah. Bertahun-tahun lamanya mereka ini telah, semenjak dahulu lagi, dikurung, disembunyikan di belakang, jarang-jarang dilihat dan tidak dibenarkan membuat segala hubungan yang menjadikan hidup bermakna.

Walau bagaimanapun, akhirnya pada tahun 1924, dengan sokongan Tunku Sulong (Tunku Ibrahim, Pemangku Raja) dan adindanya Tunku Yaacob, lulusan Cambridge, yang mempunyai pandangan yang amat liberal, pihak Kerajaan memutuskan untuk membuka sebuah sekolah untuk anak perempuan kepada anggota Kerabat Diraja dan juga orang atasan di kalangan pegawai Kerajaan.

Murid-murid dipilih oleh sebuah lembaga yang terdiri daripada Syed Muhammad Jitra (bapa kepada isteri Gabenor Pulau Pinang sekarang), Syed Muhammad Idid (Ketua Majistret dan kemudian menjadi Hakim), Penguasa Pendidikan (Encik E.A.G. Stuart) dan Encik Ismail bin Haji Puteh (bapa Dr. Salma) yang menjadi Setiausaha Bahagian kepada Kerajaan.

Guru Besar wanita yang pertama ialah Cik M.C. Waddell. Dia mempunyai dua orang pembantu berbangsa Melayu iaitu Cik Rahmah dan Cik Intan. Bilangan murid yang datang mendaftar ialah 30 orang. Antara murid yang pertama ialah Tunku Lat dan Tunku Habsah (puteri Sultan), Tunku Kutam binti Tunku Abdullah (cucuanda Sultan), Tunku Rodziah dan Tunku Mariam (puteri Tunku Yaakob) dan Cik Salma.

Pada bulan Jun 1929, Cik M.B. Lewis menggantikan Cik Waddell sebagai Guru Besar, dan

dalam bulan Disember tahun yang sama, apabila Cik Intan bersara maka Cik Tom binti Datuk Abdul Razak daripada Selangor, salah seorang daripada wanita Melayu yang berkelayakan menjadi guru, telah dilantik untuk membantu Cik Lewis.

Cik Tom datang ke Kedah apabila dia berkahwin dengan Encik Muhammad Zain Ariffin, yang baru kembali dari England setelah bertahun-tahun belajar di Kolej Wadham, Oxford, bersama-sama dengan Tunku (selepas itu menjadi Sultan) Badlishah.

Bagi Cik Lewis, dengan sokongan sepenuh hati oleh Cik Tom, menjadi suatu penghargaan untuk "membebaskan" kaum wanita Kedah daripada tabir. Dia terpaksa berjuang keras menentang prasangka lapuk dan konservatisme. Murid-murid datang ke sekolah dengan lanca bertutup dan kereta berlangsir. Dianggap tidak manis dan memerlukan bagi mereka muncul di khalayak ramai, dan banyak orang akan mengangkat kening dan berketuk-ketak apabila Tunku Habsah memandu kereta Baby Austin yang berwarna kuning. Segala-galanya kini telah berubah, dan anak-anak perempuan Melayu masa kini amat berbeza daripada anak-anak perempuan zaman dahulu.

Cik Lewis yang berbangsa Wales, kecil tubuh badan tetapi besar semangatnya, secara beransur-ansur mengatasi segala rintangan. Dia memperkenalkan kaedah pengajaran yang terkini. Murid-murid yang tidak pandai dalam bidang akademik diberikan pelajaran amali seperti memasak, menjahit dan kerja tangan. Kejayaan luaran yang pertama terserlah apabila sijil diberikan kepada Cik Salma dan Cik Asiah binti Laedin kerana hasil kerja tangan mereka yang dihantar untuk suatu pameran di Kuala Lumpur.

Sepanjang waktu Cik Lewis meneruskan perjuangannya menentang prasangka dan birokrasi.

Dia membawa anak muridnya keluar bersiar-siar dan berkelah. Dalam konsert yang pertama, murid-murid perempuan yang berusia 14 tahun ke atas tidak dibenarkan mengambil bahagian dan penonton yang terpilih diselindungkan sedikit kerana bimbang mereka (murid-murid tersebut) mungkin naik takut.

Pada tahun 1934, Cik Lewis meminta Kerajaan membuka sekolah tersebut kepada orang awam. Pihak berkuasa merujuk perkara itu kepada Jabatan Kerja Raya dan para juruteranya mendapati bahawa bangunan itu sudah terlalu uzur dan tidak sesuai lagi digunakan sebagai sekolah. Bangunan itu hanya boleh menampung seramai 60 orang murid sahaja. Walau bagaimanapun, sekolah itu diputuskan untuk diperbesarkan dan menerima masuk anak-anak pegawai Melayu yang lain.

Dua tahun kemudian, satu lagi masalah timbul - sama ada mengajar pelajaran bahasa Melayu lebih daripada bahasa Inggeris. Penguasa Pendidikan pada masa itu, Encik Stowell, dengan keizinan Pemangku Raja, Tunku Mahmud, memutuskan untuk membenarkan hanya 30 peratus bahasa Inggeris. Ibu bapa menuntut supaya dilebihkan pelajaran bahasa Inggeris tetapi pihak

Kerajaan tidak mempedulikan mereka. Salah seorang daripada pegawai sanggup mengatakan, "Sedikit pelajaran sudah memadai. Tempat wanita ialah di dapur".

Surat menyurat yang berlarutan antara Cik Lewis dengan Kerajaan menyusul. Setelah banyak kali meluluskan dan meluluskan semula kertas minit dilakukan, wanita Wales yang cilik itu akhirnya berjaya. Dipersetujui bahawa pelajaran bahasa Melayu hanya diajar setakat Darjah Dua.

Semenjak itu, sekolah tersebut tidak pernah menoleh ke belakang. Sekolah itu mengorak langkah dengan gagahnya dan pada tahun 1947, sekolah itu berjaya menghasilkan doktor wanita Melayu yang pertama di Malaysia. Bangkangan disuarakan apabila Dr. Salma ke Singapura untuk mempelajari bidang perubatan. Akan tetapi atas kejayaannya, dia memperoleh kemenangan yang bermakna dan membuka laluan kepada kaum wanita di Kedah untuk mengambil bahagian yang bertanggungjawab dalam dunia yang berkembang di sekeliling mereka.

Selepas Perang Dunia Ke-2, pada tahun 1954, Sultan Badlishah meletakkan batu asas bagi bangunan baru Sekolah berkenaan dan dinamakan Sultanah Asma, permaisuri Sultan Badlishah (kini bergelar Tunku Ampuan).

Sementara itu, menghargai keperluan bagi menyekolahkan anak-anak perempuan yang tidak dapat memasuki Sekolah Perempuan Kampung Bahru, Reverend Mother Tarcius dari Convent Pulau Pinang telah menerima pelawaan Ma' Che Manjalara iaitu bonda Tunku Abdul Rahman, untuk membuka sebuah sekolah untuk budak-budak perempuan di Alor Setar. Akhirnya, pada tahun 1934, Sekolah Convent St. Nicholas dibuka dan bangunannya kini menjadi Sekolah St. Michael.

Sekolah tersebut bermula dengan 48 orang murid. Namun begitu, sekolah itu bukanlah merupakan Sekolah Convent yang pertama dibuka di negeri Kedah. Pada 15 Februari 1933, Sisters of the Holy Infant Jesus telah membuka Sekolah Convent Father Barre di Sungai Petani. Guru Besar wanita yang pertama ialah Puan Hendriks. Di Alor Setar, Puan Bentley menjadi Guru Besar.

BAB EMPAT PULUH

KECENDERUNGAN KEDAH TERHADAP GETAH

Dalam tahun pertamanya sebagai Penasihat British, Encik W.G. Maxwell mengorak pembaharuan yang jauh jangkauannya. Perkara paling utama ialah undang-undang untuk memberikan elauan kepada Anggota Kerabat Diraja, mentafsir kuasa Mahkamah Kadi dan menghapuskan perhambaan kepada hutang dan buruh paksa.

Undang-undang lain yang penting termasuklah Undang-undang Chandu, Undang-undang Wang Kertas Persendirian, Undang-undang Lembaga Kebersihan, Undang-undang Konsesi dan Undang-undang Hasil Tanah. Duti import di Langkawi dihapuskan dan gaji dibayar kepada para penghulu. Di samping itu, terdapat keputusan penting yang berkaitan dengan pusat perjudian, ladang candu dan monopoli yang lain.

Dalam memperkenalkan semua langkah ini, dia terpaksa mengatasi prasangka dan tentangan yang amat banyak. Dia tidak disukai oleh sesetengah pihak tetapi semasa dia bercuti pada tahun 1911, Kedah sedang menuju ke arah kemajuan. Kerja-kerja mengukur untuk pembinaan jalan kereta api yang dicadangkan antara Kedah dengan Perlis sudah dimulakan, dan lebih daripada 30 buah estet getah yang sederhana besarnya telah pun dibuka. Kedah menjadi negeri yang mementingkan penanaman getah.

Malahan sebelum Perjanjian Inggeris-Siam tahun 1909, getah telah pun ditanam di Kedah. Pada tahun 1905, tanahnya didapati amat sesuai dan Kerajaan telah memberikan 10 konsesi untuk penanaman getah. Tiga tahun kemudian iaitu pada tahun 1908, hasil kajian mengesahkan bahawa tanah di situ subur dan baik pengairannya. Empat buah ladang getah telah dibuka di Daerah Kubang Pasu. Ladang-ladang tersebut dimiliki oleh Sindiket Getah Kedah (4224 ekar), Tunku Ibrahim (2250 ekar), Encik C.L Rode (603 ekar) dan Encik Ibrahim (500 ekar). Di Daerah Kota Setar, Encik Lim Eow Hong memiliki 1634 ekar ladang tebu.

Pada mulanya, kebanyakan estet ditanam ubi kayu dan kelapa tetapi apabila harga getah melambung tinggi, getah beransur-ansur menggantikan ubi kayu. Di daerah Kulim, sebagai contoh, Encik J.C. Pasqual mulai menanam getah di Estet Victoria (12 746 ekar). Dia menamakan estet tersebut mengikut nama Ratu Victoria. Apabila Estet Victoria dipecah bahagikan, dia menanam getah di Estet Henrietta. Pemberian nama estet ini mengikut nama isterinya, Henrietta. Pada masa kini, Estet Henrietta (3477 ekar) telah ditanam kelapa sawit iaitu tanaman yang lebih menguntungkan.

Para pemilik estet yang lain di kawasan Kulim ialah Sandilands, Butterly & Co. (8379

ekar), Encik Loke Chow Thye (6305 ekar), Encik Lim Eow Hong (5588 ekar), Encik Tan Teik Huat dan rakan-rakan (4823 ekar) dan Estet Poh Huat (4662 ekar).

Di Daerah Kuala Muda, pemilik estet yang utama ialah Encik Kong Hong An (7887 ekar), Encik Khoo Seng Khoo (5000 ekar), Encik J.C. Pasqual (4714 ekar), Encik Fok Peng (3834 ekar), Encik Chong Ah Phe dan lain-lain (3624 ekar), Encik R. Young dan Shona Rawten (3030 ekar), Encik Chua Teng Cheng (2660 ekar), Encik Hock Lye (1383 ekar), Encik Mathieu dan Schubert (1167 ekar), Encik B. Purdy (960 ekar) dan Encik Pek Yam (917 ekar).

Di Daerah Bandar Bahru, Cik Tan Weng Cheng memiliki 2996 ekar; Kedah Rubber Plantation, 2000 ekar; dan Hamburger Gummi Gesellschaft, 695 ekar.

Undang-undang Tanah yang baru itu menawarkan syarat-syarat yang menguntungkan kepada para penanam getah, dan dalam laporannya pada tahun 1909, Encik Maxwell berkata:

"Ledakan Getah' ini membawa hasil yang amat besar dalam urusan di estet-estet getah dan juga dalam permohonan mendapatkan tanah untuk penanaman getah. Lebih daripada separuh estet di negeri ini bertukar tangan, dan syarikat-syarikat ditubuh di London, Shanghai, Singapura dan Pulau Pinang untuk memperoleh estet. Kemasukan modal dan buruh dengan banyaknya ke Kedah Selatan amat berfaedah dari segenap segi kepada Kedah".

Pada tahun 1910, Persatuan Penanam Kedah ditubuhkan dan Encik E.A. Watson selaku Pengurusnya, dan Encik Kennedy & Co. sebagai Setiausaha. Beberapa mesyuarat diadakan terutamanya yang bersangkutan dengan pengenalan imigrasi orang Tamil dan buruh. Maxwell melakukan segala apa yang boleh untuk memenuhi kehendak masyarakat penanam, dan pada tahun 1910, dia melaporkan:

"Menjadi suatu hal yang menarik bagi para penanam di Semenanjung amnya, apabila mendapat bahawa Kedah menjadi hidup dalam soal penggubalan undang-undang yang ada kaitannya dengan imigran India . . . Telah agak lama, hal ini menjadi punca rungutan yang sebenar di kalangan penanam dan kontraktor di Kedah bahawa mereka dihalang daripada mengambil buruh Tamil dari Pulau Pinang untuk bekerja".

Di Daerah Kuala Muda pada tahun itu juga, berlaku kegiatan menanam getah yang menggilir, dan lebih daripada suku juta batang pokok ditanam. Kegilaan ini turut terjadi di Daerah Kulim, yang sesetengah orang secara semberono menebang pokok kelapa dan pokok pinang kerana hendak menanam pokok getah. Punca tindakan tergesa-gesa ini untuk cepat kaya adalah disebabkan oleh malapnya prospek Kedah menjadi pengeluar timah".

Menjelang tahun 1913, penanaman getah telah mengalami kemajuan yang amat besar tetapi Maxwell meramalkan, "Getah telah menjelma dan getah barangkali akan tumbuh; kelapa telah muncul dan kelapa akan mungkin lenyap; tetapi selagi nasi dimakan di benua Asia, padi akan tetap menjadi tanaman utama Kedah".

Walau bagaimanapun, keluasan tanah untuk penanaman getah terus meningkat dengan pesatnya. Estet yang besar terus meluas. Tauke-tauke Cina bertambah yakin dan para pekebun kecil Cina menanam getah dengan semangat yang tidak luntur. Kebun kecil milik orang Cina menjadi salah satu ciri bagi Daerah Kulim dan Kuala Muda; dan apabila Perang Dunia Pertama meletus pada tahun 1914, 58 000 ekar tanah ditanami getah dan eksport hasil getah bernilai \$1 323 600.

BAB EMPAT PULUH SATU

JELAPANG PADI MALAYSIA

Dalam laporannya untuk tahun 1913, Encik W. G. Maxwell, Penasihat British yang pertama, menulis, "selagi nasi dimakan di benua Asia, padi akan tetap menjadi tanaman asasi Kedah".

Pada hari ini, padi bukan sahaja merupakan tanaman utamanya tetapi Kedah juga telah menjadi "Jelapang Padi Malaysia".

Kesan besar yang membanggakan ini adalah disebabkan oleh dasar kesedaran dan progresif yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri dan dilaksanakan oleh orang seperti Tunku Yaakob, putera Sultan Abdul Hamid. Selepas lulus daripada Cambridge, Tunku Yaakob menyertai Jabatan Pertanian Kedah yang pada masa itu diketuai oleh Encik W.H. Sands. Kemudian, Tunku Yaakob menjadi Ketua Pegawai Pertanian dan berusaha menjadikan Kedah mampu diri dari segi hasil beras. Kedah bergerak lancar ke arah mencapai matlamat ini apabila Perang Dunia ke-2 meletus.

Padi telah pun ditanam di Kedah berkurun-kurun lamanya. Menurut Sir Richard Winstedt dalam bukunya "Malaya and its History", "dataran subur mungkin telah diairi ketika berlangsungnya pemerintahan Raja-raja Langkasuka (nama lama bagi Kedah) iaitu negara Hindu yang kecil, yang pernah disebut oleh periyat Cina pada abad pertama lagi".

"Sudah tentu Kedah, Kelantan dan Patani seharusnya telah menanam padi basah di bawah pemerintahan Sri Vijaya dan apabila empayar Buddha Melayu dan tanah jajahannya itu jatuh ke tangan Raja Hindu Majapahit pada abad ke-14, Negeri Melayu Utara mula-mula menerima pengaruh Jawa dan kemudian Thai, atau Siam moden, kedua-duanya pakar dari segi pengairan sawah padi".

"Atas sebab-musabab sejarah inilah penanaman padi mencapai tahap yang begitu tinggi di utara kerana di sana dataran luas yang boleh diairi telah menarik penduduk yang cukup besar bagi membolehkan padi ditanam walaupun untuk tujuan komersil".

Hal ini ada kaitannya dalam banyak aspek dengan apa yang pernah dicatatkan dalam "Hikayat Merong Mahawangsa". Lembah Bujang dijadikan sebagai tapak penempatan orang Hindu. Di kawasan paya di sekelilingnya, padi yang subur tumbuh dengan mudah; dan apabila jumlah penduduk bertambah, tanah sawah secara beransur-ansur meluas sehingga mencakupi dataran Kedah dan Perlis.

Seorang paderi Jesuit bernama Father Tallandier, yang melawat Kedah pada tahun 1709 berkata, "Datarannya direntasi banyak batang sungai kecil yang menyuburkan spesies padi yang berlainan". Dua ratus tahun sebelum ini iaitu pada tahun 1517, Tome Pires, seorang pelaut Portugis

menyebut tempat tersebut menjangkau dari Brrias di sebelah selatan hingga ke Trang di sebelah utara dan mempunyai bekalan beras yang mencukupi untuk keperluannya.

Walau bagaimanapun, pertanian tidak teratur sehingga tahun 1921 apabila Jabatan Pertanian ditubuhkan. Pada tahun tersebut, Raja Mahmud bin Raja Aman Shah dilantik sebagai Pegawai Pertanian. Pejabat beliau terletak di satu sudut Pejabat Dermaga di Tanjung Chali; kakitangan beliau terdiri daripada seorang budak pembantu pejabat. Kemudian, beliau mempunyai beberapa orang pegawai lapangan yang dikenali sebagai "pemeriksa kelapa", diambil bekerja untuk menangani urusan benci kelapa dan mengawal serangga perosak.

Raja Mahmud merupakan seorang ahli pertanian yang berdedikasi. Beliau merupakan penuntut keluaran Sekolah Pertanian, Serdang. Ketika beliau memberikan ucapan kepada Kesatuan Sekolah Inggeris Kerajaan, beliau dengan sebulat hati percaya dengan pernyataan Swift bahawa "sesiapa yang dapat menumbuhkan dua tongkol jagung ataupun dua helai rumput di atas sekeping tanah, yang merupakan satu-satunya tempat dia bercucuk tanam, layak menjadi insan yang lebih baik, dan mencurahkan khidmat yang lebih penting kepada tanahairnya".

Pada masa itu, Jabatan berkenaan terutamanya tertumpu pada pokok kelapa, yang ditanam di kampung dalam lingkungan kawasan pantai dan industri kelapa menjadi industri pertanian utama di Tanah Melayu. Padi atau padi basah ditanam di tebing sungai dan di sepanjang jalan utama di Kedah Utara.

Untuk memperbaiki penanaman padi, beberapa buah stesen ujikaji padi diwujudkan dan oleh sebab padi tidak dapat tumbuh tanpa air, sebuah jabatan yang mengurus soal saliran dan pengairan ditubuhkan di bawah Encik H.M. Butterfield. Jabatan ini telah memperbaiki Terusan Wan Mat Saman dan terusan-terusan yang lain serta memastikan bekalan air yang mencukupi untuk sawah padi yang bersebelahan.

Jabatan Parit dan Talair dengan itu menumpukan perhatiannya pada tanaman padi. Ditubuhkan dalam Persekutuan pada tahun 1906 untuk menghalang kemerosotan kawasan yang sedia ada dan menjadikan tanah terbiar supaya dapat ditanam semula, di Kedah jabatan ini mengalihkan tumpuannya pada perbaikan dan perkembangan penanaman padi. Salah satu daripada kejayaannya yang pertama ialah bahagian besar yang dimainkan olehnya dalam usaha mengubah kawasan Hutan Gelam di Kubang Pasu menjadi kawasan tanah yang sesuai untuk bercucuk tanam. Semasa Perang Dunia ke-2 meletus, lebih daripada 250 000 ekar tanah di Kedah ditanam padi basah.

Satu ciri musim menuai padi di Kedah sehingga baru-baru ini ialah kedatangan penuai padi dari Patani dengan banyaknya. Para pesawah Kedah tidak mempunyai tenaga manusia yang mencukupi untuk menuai jumlah padi yang amat besar itu, dan sebelum jalan kereta api melalui Padang Besar dan Sungai Golok (Kelantan) dibina, sekumpulan besar penuai datang berjalan kaki

dari Patani.

Mereka merentasi sempadan di Durian Burong dan dari sinilah mereka menuju ke Kuala Nerang iaitu jalan utama. Perjalanan tersebut sungguh berbahaya. Laluan tersebut penuh dengan harimau dan dalam satu kejadian, seekor harimau mengheret salah seorang daripada mereka.

Satu lagi ciri yang berkaitan dengan penonjolan Kedah sebagai negeri yang menanam padi diperlihatkan apabila setem pos dan setem hasil yang pertama dikeluarkan pada tahun 1912. Nilai setem yang rendah (iaitu 1, 3, 4, 5 dan 8 sen) mempunyai gambar seberkas padi. Nilai setem yang sederhana (iaitu 10, 20, 30, 40 dan 50 sen) memperlihatkan seorang pesawah Melayu (Penghulu Mat Jaafar) yang memakai baju, seluar dan sarung berserta topi nipah berbentuk kon dan kerbau bajak.

BAB EMPAT PULUH DUA

HOSPITAL DAN PENJARA

Sebelum Dr. A.L. Hoops datang ke Kedah untuk mengendalikan Jabatan Perubatan dan Penjara, Ku Din memikul tanggungjawab di penjara yang terletak di Jalan Penjara Lama, yang kini menjadi Balai Polis. To' Ali Penjara merupakan ketua penjaga penjara.

Ku Din boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu dan Siam. Beliau mendapat kepercayaan penuh daripada orang Siam, yang pada tahun 1898 telah menghantar beliau ke Setul menjadi Gabenor.

Setul memang menjadi sebahagian daripada Kedah sehingga tahun 1821. Pada tahun itu, Siam memecahkan "wilayah" tersebut menjadi empat bahagian iaitu Kedah, Kubang Pasu, Perlis dan Setul.

Ku Din terbukti seorang Gabenor yang berkeupayaan sehingga apabila Raja Setul mangkat dan Raja Muda dihantar ke Bangkok untuk latihan, beliau dilantik menjadi Pemangku Raja.

Salah satu perkara yang tidak kena, yang terpaksa dihadapi oleh pihak berkuasa sebelum sistem penjara diubah ialah 'kekebalan' daripada ditangkap yang dinikmati oleh orang gaji dan hamba kepada anggota Kerabat Diraja. Pesalah bangsa Cina juga boleh dibebaskan atas "sandaran" apabila sesiapa sahaja yang dapat ditemui untuk menjamin mereka.

Tidak lama selepas dia tiba dan mendirikan hospital yang pertama, Hoops membina sebuah penjara baru di sebelah hospital. Dalam zaman penjajahan, doktor juga menjalankan tanggungjawab di penjara. Oleh hal yang demikian, penjara-penjara seperti Penjara Pulau Pinang dan Penjara Jalan Outram di Singapura biasanya terletak berhampiran dengan hospital. Hal ini memudahkan pentadbiran di bawah seorang pegawai.

Dinding penjara yang baru itu diperbuat daripada batu-bata yang tingginya kira-kira 18 kaki, dan di bahagian atas dinding tersebut batu-batanya longgar dan ini memudahkan sesiapa sahaja yang cuba melepaskan diri menanggalkannya.

Hoops bertugas sebagai Pakar Bedah Negeri dan juga Penguasa Penjara. Wan Muhammad Amin pula pegawai penjara dan To' Ali Penjara kekal sebagai ketua penjaga penjara dan sekali-sekala bertugas sebagai tukang gantung. Seorang lagi penjaga penjara kanan ialah To' Chin.

Satu pembaharuan besar-besaran selepas pelantikan Hoops ialah penghapusan penggunaan keris semasa pelaksanaan hukuman mati terhadap banduan yang bersalah. Tempat

gantung yang berkesan didirikan dan pada tahun-tahun berikutnya, khidmat seorang pegawai penjara yang cekap dari Taiping diambil pada bila-bila masa diperlukan.

Pembaharuan lain termasuklah pengenalan bengkel untuk pertukangan kayu, kerja tangan, pengisaran beras, pertukangan besi, pertukangan timah dan penganyaman. Tukang dobi membasuh pakaian seragam dan pakaian kakitangan hospital dan kakitangan penjara.

Sebelum pembaharuan dikuatkuasa, banduan-banduan yang telah menjalani separuh daripada tempoh hukuman mereka dan yang berkelakuan baik, dibenarkan keluar pada hari Jumaat. Amalan ini diberhentikan. Banduan yang menjalani tempoh hukuman yang lama biasanya tidak dibenarkan berada di luar tembok. Jika pun dibenarkan, mereka dibelenggu dengan dua rantai, dililit dari buku lali hingga ke pinggang. Hal ini menghadkan kebebasan untuk bergerak dan meminimumkan peluang untuk melepaskan diri.

Banduan yang menghadapi hukuman singkat melakukan kerja mural tambahan. Mereka meratakan tanah, membersih dan menyapu taman, membawa air untuk tempat kediaman kakitangan hospital dan kerajaan serta membersih bandar. Mereka juga diambil bekerja dalam projek pembinaan dan penyelenggaraan balapan lumba kuda dan padang golf. Semasa wabak taun merebak dengan seriusnya pada tahun 1913, mereka dihantar keluar secara berkumpulan bersama-sama dengan inspektor kebersihan dan dreser untuk membasmikan jangkitan di rumah-rumah.



Hospital Besar Alor Setar, 1922

Banduan yang berkelakuan baik dijadikan pembantu kepada penjaga penjara untuk membantu penjaga penjara yang biasanya berbangsa Sikh dan Punjabi.

Pada tahun 1923, kira-kira pukul 5.30 pagi, sedang makanan dihidangkan, sembilan orang banduan menyerbu ke arah pagar dalam, merampas senjata dan sangkur daripada

gedung senjata, merentap kunci pagarluar daripada penjaga pintu yang dipukul dengan teruk oleh mereka, dan lari melepaskan diri. Tujuh orang daripada mereka dapat ditangkap semula pada pagi yang sama tetapi yang dua lagi lepas begitu sahaja.

Akibat daripada kejadian lepas lari ini, Sistem penjara disusun semula. Penjara tersebut diletakkan di bawah seorang pegawai penjara berbangsa Eropah, Encik E.C. Thomas, Encik S.E. Dennys, bekas Pegawai Perkhidmatan Awam Tanah Melayu, Juruaudit Negeri menjadi Penguasa Penjara.

Banduan yang tidak dapat ditangkap semula barangkali berjaya menyeberangi sempadan. Pada masa itu, tidak wujud perjanjian penyerahan balik dan agak mudah bagi penjahat melakukan rompakan di Kedah dan meyusup masuk ke Siam di mana dia tidak dapat diberkas. Tempat lintasan yang utama ialah Durian Burong (beberapa batu daripada Kuala Nerang), Sintok (di utara) dan Baling (di selatan).

Sekali-sekala, perbuatan melepaskan diri menjadi terbalik. To' Poh, seorang pemberontak Siam, menyeberangi sempadan dari Siam untuk mendapatkan perlindungan di Baling. Siam meminta Kedah membantu menangkapnya. Melalui pujuhan dan tipu muslihat, Che Mat, Pegawai Daerah Kuala Muda, memujuk pemberontak tersebut untuk mengadap Sultan Kedah sebagai pelawat kehormat.

Seluruh penduduk Baling memberikan sambutan selamat datang diraja kepada ketua pemberontak tersebut dan pasukannya yang kuat itu. Di Alor Setar, kawalan kehormatan bersiap sedia di dermaga untuk menantikan kedatangannya. Ketika menghampiri Alor Setar, To' Poh dan orang-orangnya dipujuk meletakkan lembing, keris dan senjata api sebagai menghormati Sultan.

Apabila mereka mendarat, mereka disambut oleh kawalan kehormatan dan dikawal masuk ke Penjara Negeri dan bukannya ke Balai Besar. Mereka kemudiannya dihantar ke Siam. Atas tangkapan yang dibuat, Siam menganugerahi Che Mat sebutir pingat.

Setengah abad kemudian, Baling menjadi tempat perundingan kedamaian sementara yang terbantut antara Tunku Abdul Rahman dengan Chin Peng.

BAB EMPAT PULUH TIGA

KERBAU UNTUK BERCUKUK TANAM DAN DILAGAKAN

Encik J.J. Fleury merupakan salah seorang daripada pegawai Eropah yang pertama datang ke Kedah dan satu-satunya yang memiliki kerbau laga. Beliau dilantik sebagai Pegawai Veterinar Negeri pada tahun 1903, dan apabila dia bersara pada tahun 1936, industri ternakan di Kedah berada pada asas kukuh.

Negeri Kedah membekalkan bekalan daging segar yang mencukupi ke bahagian lain di Semenanjung Tanah Melayu, dan bernilai \$500 000 setiap tahun. Kebanyakan binatang hidup adalah untuk disembelih - lembu jantan, kerbau dan kambing - diimport dari Siam menerusi stesen sempadan di Padang Besar.

Kerbau adalah dari jenis Siam atau Tanah Melayu yang bertanduk panjang. Para pesawah padi Kedah telah turun temurun bergantung pada haiwan ini untuk bercucuk tanam. Kerbau ini serupalah dengan kuda bagi para peladang di ladang gandum di bahagian lain dunia, dan kekayaan seseorang itu diukur berdasarkan bilangan kerbau yang dimiliki.

Sesungguhnya, haiwan tersebut begitu berharga hingga pada tahun 1667, undang-undang Datuk Sri Paduka Tuan telah membuat peruntukan untuk jagaan dan penyelenggaraan haiwan ini.

Sebagai contoh, tiada siapa dibenarkan menjual kerbau atau lembu tanpa sijil yang dikeluarkan oleh ketua kampung dan jika dia berbuat demikian, dia akan ditangkap. Pembeli dan penjual terpaksa membayar cukai belian sebanyak tiga 'mas'. Cukai jualan ialah dua 'mas'; dan jika pemilik haiwan itu berhasrat melakukan penyembelihan, dia harus mendapatkan permit daripada ketua kampung yang berhak mendapat tanduk dan kulit haiwan yang disembelih itu.

Kanun tersebut juga membuat peruntukan terhadap kerbau yang merayau-rayau. Selepas membajak, seseorang pemilik itu dimestikan menghantar kerbaunya ke tanah awam ataupun mengawasinya siang dan malam bagi memastikan haiwan itu tidak melakukan apa-apa kerosakan. Jika haiwan itu terlepas daripada tambatannya dan merosakkan sawah padi maka halwan itu boleh dibunuh, ditikam hingga mati oleh pemilik sawah yang rosak tadi tanpa sebarang hukuman.

Turut dilarang ialah menambat kerbau separuh liar di tepi jalan. Jika peraturan ini dilanggar dan haiwan tersebut mencederakan seseorang maka pemiliknya terpaksa membayar pampasan; dan jika orang itu meninggal dunia, seperti yang baru berlaku di Kuala Lumpur, pemiliknya dihukum mati. Begitu juga dengan kerbau yang diketahui suka mengejar orang, diletakkan palang kayu di tanduknya. Amalan ini masih wujud sehingga ke hari ini.

Oleh hal yang demikian, kerbau merupakan haiwan yang penting dalam kehidupan petani dan laga kerbau menjadi kegiatan masa lapang yang digemari ramai. Sehingga diharamkan pada tahun 1930-an, pertandingan laga kerbau ini diadakan setiap tahun di Anak Bukit, iaitu di padang berhadapan dengan pintu masuk Istana.

Dalam pertandingan tersebut, semua penduduk Kedah berkumpul dalam kumpulan orang ramai yang tidak keruan. Raja dan rakyat menjadi sama sahaja dek minat yang sama, berselisih bahu antara satu sama lain sambil mereka mengamat-amati kerbau yang menjadi pilihan.

Setiap kerbau yang bertanding dikawal dengan tali yang dimasukkan menerusi anting-anting pada hidungnya. Badannya yang keras itu berkilat kerana basah dengan air cili yang dicurahkan ke atasnya, dan hasil daripada tiga bulan pemakanan yang terkawal dan urutan yang sistematik, kerbau itu terjelma kecergasannya dari domol hingga ke ekor. Mata kecilnya yang tajam itu bersinar di kepalanya yang besar di mana terletaknya sepasang tanduk yang melengkung, yang dihiasi dengan jaluran kertas berwarna.

Di sekelilingnya, berdiri pelatihnya dan pembantunya yang memalu kompong, melambai-lambaikan ranting pokok dan dari semasa ke semasa, secara serentak bersorak-sorai.

Selepas membayar satu ringgit di tempat tiket, para penonton dengan berhati-hati menaiki astaka besar yang berbumbung atap, yang diperbuat daripada tiang kukuh yang menyokong pelantar yang mendatar kira-kira 12 kaki di atas tanah. Struktur tersebut berbentuk empat segi dengan bahagian tepinya 100 ela panjang.

Satu bukaan kira-kira empat ela lebar terdapat pada setiap sudut untuk laluan masuk dan keluar bagi kerbau yang bertarung. Kawasan berumput yang dilingungi oleh pelantar ini ialah gelanggang. Dua tiang bendera yang kecil dicacahkan di kedua-dua belah yang bertentangan. Tiang ini membezakan antara 'kampung' dengan 'padang' - tanda lazim bagi kerbau yang bertarung, dan bendera merah menandakan 'kampung' sementara bendera hijau menandakan 'padang'.

Ramai orang yang datang untuk melihatnya setiap pagi. Sultan dan rombongan pengiring baginda ditempatkan di kotak diraja yang di atasnya terdapat lambang kebesaran baginda. Pelantar yang lain penuh sesak dengan orang ramai yang berpakaian amat berwarna-warni. Kaum wanita duduk di bahagian yang dikhaskan untuk mereka dan memakai pakaian sutera yang paling cantik.

Pakaian mereka berkilauan dengan selendang berwarna terang dan kain sarung yang sangat cantik. Kaum lelaki juga berseluas dan berbaju serta bersarung yang warnanya tidak kurang terangnya. Terdapat warna dan warna di mana-mana sahaja.

Apabila pertarungan itu hendak dimulakan, bendera hijau dan merah dinaikkan. Orang ramai yang ternanti-nanti berpusu-pusu apabila dua ekor kerbau dibawa masuk ke dalam gelanggang dan kemudian disemukakan antara satu sama lain. Kepala kedua-dua ekor kerbau itu direndahkan dan tanduk terhunus. Saat itu merupakan saat yang genting; kerana kadang kala salah seekor daripada kerbau itu tidak sanggup untuk menghadapi pertarungan dan akan cabut lari dan ini mengecewakan orang ramai.

Sebaliknya, jikalau kedua-dua haiwan itu mahu bertarung (seperti yang berlaku semasa pengarang menyaksikan sebuah pertarungan), tali sawar dilepaskan pada hentaman kuat yang pertama dan tanduk kerbau itu terkunci. Ia bagaikan perlawanan gusti. Kedua-dua haiwan itu meletakkan sepenuh berat badannya ke atas lawannya, dan menyelang-nyelikan sondolannya dengan tusukan yang dahsyat.

Kedua-duanya berterusan dalam gaya tersebut buat beberapa minit, mencari kesempatan untuk menyudahkan pertarungan. Pada masa yang sama, setiap pelatih cuba menunjukkan kewibawaan masing-masing dengan menolak-nolak dari belakang dan menjerit-jerit untuk memberikan semangat dan nasihat.

Keseronokan yang hebat bermaharajalela. Tidak satupun pergerakan yang terlepas perhatian oleh para penonton yang teruja, yang terkinja-kinja dan menjerit-jerit dengan penuh semangat seolah-olah mereka yang sedang bertarung.

Akhirnya, salah seekor daripada kerbau yang lebih handal dan gagah berjaya menghunuskan hujung tanduk kanannya ke leher pihak lawan. Dengan sondolan yang amat kuat, menggunakan segenap tenaganya, kerbau itu mengangkat pihak lawannya sehingga terangkat kaki belakangnya, menjatuhkannya secara tiba-tiba dan keletihan dek menggunakan tenaganya, membuat tusukan pantas ke tubuh lawannya yang tidak berdaya.

Kerbau yang kecundang pada ketika ini sudah tidak tertahan lagi dengan pertarungan tersebut. Kerbau itu menyedari bahawa berhati-hati lebih baik daripada bertindak berani dan meluru keluar meninggalkan gelanggang melalui pintu keluar yang terhampir, dengan dikejar oleh pihak yang menang. Rasa gentar menguatkan kakinya untuk berlari meninggalkan pengejarnya.

Apabila keputusan pertarungan itu dibuat, hiruk-pikuk kedengaran. Para penyokong kepada kerbau yang menang, yang membawa wang mereka menjerit-jerit sehingga serak, melambai-lambai kayu, membaling payung ke udara, dan terkinja-kinja kegembiraan. Emosi sesetengah orang yang terpendam, diluahkan menerusi gerak tari dan gerak silat.



Laga Kerbau dalam tahun 1929

BAB EMPAT PULUH EMPAT

LUMBA KUDA

Perjumpuan baru-baru ini yang diadakan oleh Kelab Gimkhana Kedah yang berjaya itu, mengingatkan kembali bahawa Kelab tersebut telah ditubuhkan setengah abad yang lalu. Kelab tersebut mengadakan pertemuannya yang pertama pada tahun 1921, yang kadangkala dipanggil oleh kalangan peminat lumba kuda sebagai "Alor Setar's Ballymenia Course". Ia dinamakan sebegitu kerana Encik J.J. Fleury dan Dr. A.L. Hoops mencontohi balapan lumba kuda yang terdapat di Ballymenia di Ireland Utara.

Kedua-duanya orang Ireland. Hoops adalah lulusan Kolej Trinity, Dublin dan Fleury pula daripada Killarney dan di sana, dia sama-sama bersekolah dengan Very Rev. Brother Barnitus Kennedy yang pernah pada satu masa menjadi Pelawat bagi *Schools of the Christian Brothers* di Timur.

Sebelum ini, tidak lama selepas Encik W.G. Maxwell memulakan tugasnya sebagai Penasihat British yang pertama, sebuah balapan lumba kuda dan rangkaian padang golf telah dibina di sekitar Kediaman Rasmi di Bakar Bata.

Mengenang perkara ini, dia menulis dalam bukunya "Malaya in History":

"Buruh banduan juga membina padang golf sembilan lubang yang direka sebegitu rupa supaya tidak mengganggu sebuah balapan lumba kuda yang turut dibina berhampiran dengan rumah . . . Setiap tahun, acara gimkhana diadakan dan para pelawat datang dari Pulau Pinang (dengan bot) bersama-sama dengan kuda padi mereka.

Tunku Mahmud dan beberapa orang Melayu lagi merupakan penunggang kuda yang cekap. Mereka selalu menunggang kuda kerana menjalani latihan pada waktu petang. Dr. A.L. Hoops, Pakar Bedah Negeri, dan Encik J.J. Fleury, Pegawai Veterinar Negeri merupakan peminat kuda. Pada setiap pertemuan, di kemuncak acara di sebalik acara dan pertandingan biasa gimkhana, terdapat acara lumba kuda berhalangan secara merentas desa.

Balapan tersebut, yang dibina oleh Dr. Hoops dan Encik Fleury, meliputi tanah seluas beberapa batu dan merentasi sawah padi yang ditrap dengan simen supaya menjadi keras, dan disilang dengan kerap oleh longkang yang berbagai-bagai saiz. Balapan itu benar-benar merupakan balapan yang berbahaya. Oleh sebab para pelumba tidak dapat dilihat oleh para penonton sehingga mereka membuat larian masuk yang terakhir ke tiang penamat, isteri-isteri mereka kadangkala diselubungi oleh perasaan bimbang sehingga suami mereka, yang dalam keadaan luka-luka dan lebam-lebam, barangkali akibat terjatuh, muncul di depan mata mereka . . ."

Beberapa tahun sebelum pertuanan dipindahkan daripada Siam kepada Great Britain pada tahun 1909, acara gimkhana telah diadakan di Anak Bukit Garden. Acara tersebut melibatkan perlumbaan kuda padi, melompat dan perlumbaan kerbau. Fleury yang menyertai Perkhidmatan Awam Kedah pada tahun 1903, merupakan terajunya. Malahan dia memiliki dan melatih beberapa ekor kerbau untuk dimasukkan ke dalam pertandingan laga kerbau. Pertandingan ini diharamkan pada tahun 1935 dan begitu juga dengan sabung ayam, yang diadakan secara curi-curi di sesetengah kampung sehingga ke hari ini.

Selepas balapan lumba kuda itu disiapkan sebaik sahaja sebelum meletusnya Perang Dunia Pertama pada tahun 1914, acara lumba kuda berhalangan kurang berbahaya. Acara ini bermula dari tempat di mana terletaknya United Garden sekarang, melintasi beberapa longkang dan terus ke balapan lumba kuda dan masuk di suatu penjuru berhampiran dengan lintasan kereta api.

Kemenangan nampaknya berada di tangan Tunku Mahmud tetapi malang bagi beliau kerana tiba-tiba beliau teringat bahawa beliau belum lagi melompat satu pagar. Maka beliau berpatah balik untuk melompat pagar tersebut dan para penonton berasa terkejut. Sementara itu, kuda "Marie Dresslar" yang ditunggang oleh Puan Wilkinson memotong kuda "Babz II".



Tunku Mahmud menunggang kuda kegemarannya

Kejadian terjatuh daripada kuda sering kali berlaku. Encik Harry Pearson, seorang penunggang kuda yang terkenal pada zamannya, yang datang ke Kedah untuk membuka *West Coast Contracting Company* pernah terjatuh pada satu hari. Dia amat terkejut tetapi tidak cedera

dengan serius. Yang juga tidak berasas baik ialah Puan Bridges, isteri Dr. D. Bridges, Pakar Bedah Negeri. Pada satu pagi, dia terhumban daripada kudanya "Cremor", seekor kuda jantan Mesir yang marah-marah, kepunyaan Pemangku Raja Tunku Ibrahim. Tulang belakangnya patah dan dia tidak dapat berjalan lagi.

Pertandingan pertama yang diadakan di Alor Setar diserikan dengan kehadiran Sultan Abdul Hamid (Kedah) dan Sultan Iskandar Shah dari Perak. Sokongan kedua-dua orang Sultan ini memberikan sumbangan yang besar kepada kejayaan pertandingan tersebut. Kejayaan yang dicapai sungguh besar sehingga apabila ahli jawatankuasa menjemput peserta untuk menyertai pertandingan itu pada tahun berikutnya, ia menggunakan ruangan iklan dalam "Pinang Gazatte" dan menganggapnya sebagai "howling success" (kejayaan yang besar).

Seperti pada masa dahulu di Pulau Pinang, hari perlumbaan di Alor Setar diisyiharkan sebagai cuti separuh hari supaya orang ramai berpeluang pergi menyaksikan perlumbaan itu.

Lantaran kegiatan lumba kuda berkembang di Pulau Pinang dan kewujudan kereta api memudahkan perjalanan, para pemilik kuda di Kedah mengalihkan perhatian mereka ke Pulau Pinang dan lebih jauh lagi. Sultan Kedah menghadiahkan piala untuk satu acara yang masih tertera nama baginda, dan pada tahun 1923, Pemangku Sultan Kedah iaitu Tunku Ibrahim, mencatatkan kemenangannya yang pertama di balapan lumba kuda apabila kudanya "Fair Dinkum" memenangi Piala Selangor pada hari pertama pertandingan Kelab Lumba Kuda Selangor.

Di Kedah, para pemilik kuda memasuki "Penang Races" (Lumba Kuda Pulau Pinang) di balapan lumba kuda lama yang terletak di Sepoy Lines, yang kini tempatnya diduduki oleh Sekolah Perempuan St. George dan Hospital Bersalin. Seekor kuda yang berjaya ialah "Desmendette" yang dimiliki dan dilatih oleh Fleury. Dia bukanlah kaki kuda dan hanya pernah bertaruh sekali sahaja.

Apabila lebih banyak kuda diimport, balapan lumba kuda yang sedia ada didapati tidak mencukupi dan balapan yang baru dibina di Batu Gantong. Selepas upacara memberi hadiah pada pertandingan terakhir di Sepoy Lines pada 7 Januari 1939, Encik J.P. Souter naik ke pentas pemimpin pancaragam dan alunan muzik "Auld Lang Syne" berkumandang melabuhkan tirai di balapan yang telah menjadi tempat bagi kaki kuda di Pulau Pinang (dan Kedah) selama 70 tahun.

BAB EMPAT PULUH LIMA

PENGANGKUTAN MASA DAHULU

Tepat setahun sebelum kereta api sampai di Alor Setar (pada bulan Oktober, 1915), jalan kereta api dari persimpangan Bukit Mertajam ke Pinang Tunggal di Sungai Muda iaitu sempadan antara Kedah dengan Seberang Perai telah dibuka. Lima bulan kemudian, jalan kereta api ini dipanjangkan dari Pinang Tunggal ke Gurun, yang lantaran itu, meningkatkan pertumbuhan Sungai Petani dan Bedong yang nama lamanya ialah "Pengkalan Ayam" yakni pengkalan untuk hasil temakan ayam dipunggah masuk ke perahu untuk dieksport ke Pulau Pinang. Banyak ternakan ini diternak di kampung di sekitarnya.



Stesen Keretapi Api Alor Setar mula-mula dibuka pada tahun 1915

Sebaik sahaja jalan kereta api sampai ke Bedong, pihak Kerajaan Kedah menjual 45 lot tanah bersebelahan dengan jalan kereta api pada harga yang memerlukan iaitu \$25 setiap relong, dengan syarat bahawa sebuah rumah harus didirikan di atas lot tersebut dalam tempoh 12 bulan selepas dijual. Pada masa ini, Tunku Muhammad Abaidah yang tinggal di Kulim (yang ayahandanya, Tunku Muhammad Saad dikenali ramai dengan gelaran "Raja Kulim") menjadi Penolong Pengarah Tanah di Kedah Selatan. Dari segi bidang kuasa rasmi, beliau bertanggungjawab terhadap pentadbiran tanah sehingga menjangkau jauh ke utara seperti Gurun. Pejabat Tanah, Kedah Tengah belum lagi wujud.

Setelah jalan kereta api ke Alor Setar siap, berlaku sedikit kelewatan pembinaan sebelum jalan kereta api ini diteruskan pembinaannya hingga ke Bukit Ketri di Perlis, berhampiran dengan tempat terjumpanya medalion tanah liat yang tertera imej Buddha dan tertulis dengan huruf Siam pada beberapa tahun sebelumnya.

Pada tahun 1918, jalan kereta api ini akhirnya bersambung dengan Jalan Kereta Api Diraja Siam di Padang Besar. Lantaran itu, wujud laluan kereta api dari Singapura ke Bangkok. Sehingga waktu itu, satu jalan untuk sampai ke Bangkok dari pantai timur Semenanjung Tanah Melayu ialah melalui jalan gajah dari Alor Setar menerusi Changloon dan Sadao ke Singgora, yang lebih kurang sama dengan jalan yang diambil oleh para pengembara dari Haadyai pada hari ini.

Perjalanan tersebut berbahaya, seperti mana yang dapat diketahui menerusi surat berikutnya daripada seorang mualigh Kristian berbangsa Perancis yang bernama Father Pecot di Kedah, yang ditujukan kepada *Superior of the Seminary* (Pengetua Sekolah Paderi) di Pulau Pinang, bertarikh 17 April 1822.

"Telah diputuskan bahawa saya akan ke Siam menerusi Kedah. Saya baru terdengar bahawa Wizurai Kerajaan ini terpaksa ke Ligor. Saya tidak mengenalinya tetapi walau bagaimanapun, saya akan terus berjumpa dengannya supaya dia akan menjadikan saya sebagai rakan seperjalanannya, tidak kira hal jawatan apa akan diberikannya kepada saya - paderi, mualigh atau askar biasa.

Kami terpaksa tidur di luar selama sekurang-kurangnya lima malam semasa merentasi hutan rimba. Makanan kami tidaklah seenak mana, kebanyakannya ialah biskut dan ikan masin. Kami akan berasa gembira jika penyamun tidak menyamun bekalan kami yang tidak seberapa. Kami terpaksa menaiki gajah. Malahan Baginda Raja Perancis pun tidak boleh bermegah dengan keistimewaan yang dinikmati oleh kami itu! Sudah tentu menaiki gajah tidaklah selesa seperti menaiki kereta kuda diraja kerana haiwan ini tahu caranya untuk membuatkan penunggangnya berasa gementar! . . ."

Sebagai jawapan balasnya, Superior tersebut cuba menasihati Father Pecot supaya jangan melakukan perjalanan itu dan berkata:

"Saya rasa, Father, bahawa saya membazirkan tinta dan kertas saya sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah hal yang tidak dapat didiamkan oleh kita. Kelmarin, saya bercakap dengan Encik Ferrao tentang Kedah. Dia tidak bersetuju dengan cadangan anda hendak ke Timur. Dia tidak mengerti mengapa Gabenor tersebut harus berpergian. (Dia mendapati kedudukannya tidak dapat dipertahankan kerana orang Melayu sedang melancarkan perang gerila terhadap Siam dan dia telah pun meminta bapanya, Raja Ligor, dilepaskan daripada jawatannya - J. F. A)

Lagipun, jalan itu penuh dengan orang Melayu yang menanti-nantikan orang Siam dan malahan mereka masuk terus ke Kedah untuk menyerang orang Siam di kubu kota. Negeri ini bukanlah seperti Perañcis buat anda. Anda akan terpaksa menahan panas terik pada siang hari, sementara pada waktu malam pula, anda akan seringkali terpaksa tidur di atas tanah yang lembap, terdedah kepada belas kasihan cuaca.

"Anda terpaksa bersenjata dari hujung rambut hingga ke hujung kaki, dan berjaga-jaga malam dan siang, kerana harimau berkeliaran di sekitar. Meramandangkan tidak lama lagi kapal yang dimiliki oleh Encik Ferrao akan sampai ke sini, saya menggalakkan anda menaikinya".

Nampaknya Father Pecot tidak menerima surat ini kerana dia pergi ke Siam "di sebalik ribuan bahan yang terpaksa ditempuhinya, kerana laluannya yang melintasi Kedah itu dipenuhi dengan lanun dan perompak. Seperti pengembara yang lain pada zamannya, dia bertolak dengan menaiki bot di Singgora dan sampai ke Bangkok melalui jalan laut.

Satu laluan lain ke Bangkok ialah sepenuhnya melalui laut dan juga berbahaya. Lanun menjarah bot-bot yang berlayar pergi dan balik di Selat Melaka, dan laluan "di timur adalah menerusi laut, yang pada musim tengkujuh, ribut (taufan) datang melanda".

Perjalanan dalam Negeri Kedah juga adalah dengan menaiki gajah. Pada tahun 1899 dan 1900, apabila Ekspedisi Universiti Cambridge ke Negeri-negeri Melayu Timur Laut dan Hulu Perak datang melawat Kedah, ketuanya, mendiang Encik W.W. Skeat telah menyewa dua ekor gajah, sesekor gajah jantan bernama "Chaping" dan seekor lagi betina bernama "Kupang" - untuk membawanya ke Baling di mana dia berhasrat hendak mengkaji orang Negrito di kawasan tersebut.

Dia bertolak dari Alor Setar pada 6 Januari 1900, dan sampai di destinasinya lima hari kemudian dengan mengikuti jalan tanah ke Langgar dan kemudian menuju ke Jeneri menerusi laluan gajah.

Apabila dia sampai di Baling, sebuah tempat yang kelihatan menjelikkan, yang mempunyai 15 buah rumah kedai, dia diberitahu bahawa orang Negrito berada di Siong. Maka diapun menuju ke Siong dan dengan bantuan Penghulu, dia dapat menemui mereka.

Dia menghabiskan masa selama dua minggu dengan Orang Asli itu, mengambil gambar dan membuat catatan dan ukuran, dan kembali ke Alor Setar menerusi Sik.

Di Alor Setar sendiri, corak pengangkutan adalah primitif. Di bandar itu, sangat sedikit orang yang memiliki kereta kuda dan lanca yang goyah berkeliaran untuk disewa. Untuk jarak yang lebih jauh, kereta lembu digunakan. Sekali-sekala, pedati boleh disewa. Hal ini diterangkan oleh seorang pelawat yang berkunjung ke Anak Bukit Garden.

"Sepatutnya ada kusyen di tempat duduknya," dia menulis, "tetapi hanya terdapat kantung buruk yang koyak dan yang sudah lusuh. Sepatutnya ada lapisan varnis tetapi dinding kayunya itu dilitupi lumpur dan mempunyai beberapa lubang. Sepatutnya ada tombol pada pintunya tetapi apa yang ada ialah wayar yang dibengkokkan untuk mengelakkannya daripada mudah terbuka".

Pada masa itu, Pendaftar Kenderaan belum wujud!

BAB EMPAT PULUH ENAM

SUNGAI PETANI

Seperti yang dinyatakan di bab yang lalu, jalan kereta api dibina sampai ke Alor Setar pada bulan Oktober 1915. Sehingga waktu itu, perjalanan antara Pulau Pinang dengan Kedah dilakukan dengan menaiki kapal api yang mengambil masa kira-kira enam hingga lapan jam. Seorang mualigh Perancis yang melawat Alor Setar pada tahun 1883, mengatakan bahawa perjalanan tersebut menempuh gelora, dan ramai penumpang yang mabuk laut.

"Pada pukul 9," dia menulis, "kami menaiki kapal api "The Fly" yang berukuran kira-kira 15 kali 3.5 meter. Kami tiba di muara Sungai Kedah pada kira-kira pukul 4 petang. Di situ, kami melabuhkan sauh dan menunggu kedatangan Pegawai Kastam.

"Ketika menjalani pemeriksaan yang diperlukan, kami meninjau-ninjau kubu yang mengawal pintu masuk ke sungai. Kubu itu dibina secara sembarangan. Saya tidak dapat mengangak saiz meriam yang ada di situ kerana meriam tersebut betul-betul berdepan dengan kami.

Kami belayar ke hulu selama kira-kira sejam. Air pasang cukup baik dan kami berlabuh di Pelabuhan Alor Setar, ibu negeri kerajaan tersebut yang menjadi tempat bersemayamnya Sultan".

Pada tahun 1911, bentuk laluan yang lain ialah jalan darat. Pengembala bertolak dari Alor Setar dengan kereta kuda padi dan menuju Kota Sarang Semut, kira-kira 12 batu ke arah selatan, dan bergerak di sepanjang jalan yang dilapisi batu lada yang melintasi Sungai Pendang melalui sebuah jambatan keluli. Jika air pasang bolehlah pergi dengan perahu melalui Terusan Wan Mat Saman ke Guar Chempedak, lebih kurang lapan batu jauhnya dari situ. Dari sana, terdapat sebatang lorong jalan kaki yang mengikut Sungai Gurun melalui dusun.

Di Gurun (yang namanya berasal daripada bahasa Siam "Kurun" yang bermaksud parit luas yang melingkungi pohon pisang atau kampung untuk menghalang haiwan terutamanya gajah liar daripada merosakkan tanaman dan rumah serta membahayakan manusia), biasanya pengembala bermalam di lokap kerana tiada tempat lain yang lebih baik.

Dari Gurun, lorong jalan kaki menyusuri jalan yang dibina kemudiannya sejaoh dua batu sebelum menyimpang ke laluan lain di sebalik Bukit Ayer Nasi ke Semeling di mana terdapatnya lombong bijih timah.

Perjalanan dari Semeling diteruskan dengan menaiki perahu atau bot menuju ke hilir

Sungai Merbok dan menerusi Sungai Trus ke Kota Kuala Muda. Sebuah sampan kemudiannya membawa seseorang itu menyeberangi sungai hingga sampai di tebing seberang di Permatang Bendahari, di mana bermulanya sistem jalan Seberang Perai. Kulim yang diberi nama mengikut nama pohon "kulim" yang banyak terdapat di situ, dihubungkan dengan sistem jalan ini oleh jalan singkat dan berliku-liku. Laluan pedati berjalin dengan ladang getah yang ketika itu sedang dimajukan.

Pada masa itu, pekan Sungai Petani belum lagi wujud. Orang Cina tinggal di sebuah himpunan pondok di tanah tinggi, yang kini dipanggil Pekan Lama. Sementara orang Melayu pula tinggal di Penghulu Him iaitu sebuah kampung yang mendapat namanya daripada seorang penghulu yang bernama Ibrahim. Kota Kuala Muda merupakan pekan utama di Daerah Kuala Muda tetapi kedudukan pekan ini tidak baik dan tidak dapat dimajukan.

Encik Maxwell memutuskan bahawa sebuah pekan pasar dan pusat pentadbiran antara Alor Setar dengan Kulim diperlukan. Oleh hal yang demikian, dia merancang sebuah pekan yang baru dan pada tahun 1912 setelah memperoleh tanah di situ dan memberi pampasan kepada pemilik tanah, dia menghantar para jurutera untuk membuat susun atur. Kini, bandar Sungai Petani berusia 60 tahun (1972).

Ketika industri getah berkembang maju, pekan tersebut meningkat dari segi saiz dan kepentingan. Pada suatu ketika, wujud cadangan bahawa pekan itu harus menjadi pusat pentadbiran bagi negeri Kedah. Satu tanda kemakmurannya barangkali boleh dilihat pada hakikat bahawa Hongkong and Shanghai Bank mendirikan bangunannya yang mempunyai senibina Moor yang mengagumkan di situ, dan memulakan operasinya pada tahun 1923. Walau bagaimanapun, bank tersebut bukanlah bank yang pertama didirikan di Kedah kerana Chartered Bank mendahuluiinya secara senyap-senyap dan membuka cawangannya di Alor Setar pada tahun 1921.

Nama "Sungai Petani" dikatakan berasal daripada kedudukan geofizikalnya antara dua batang sungai iaitu Sungai Petani dan Sungai Pasir, yang mengalir selari antara satu sama lain, dan ini dipanggil "bertanding" dalam bahasa Melayu. Dialek tempatan mengubahnya daripada "bertanding" menjadi "petaning" yang kemudiannya menjadi "patani" lama kelamaan.

Satu lagi versi tentang asal-usul nama tersebut dikemukakan oleh Encik Anker Rentse lama dahulu. Dia merasakan bahawa nama itu mungkin merujuk sebuah laluan perdagangan yang lama dari Patani di sebelah timur Semenanjung Tanah Melayu, naik di sepanjang Sungai Patani menerusi kawasan yang mengandungi emas, dan kemudian turun merentasi Kedah di sebuah tempat di tepi Sungai Ketil mengarah ke Kuala Merbok. Dia berkata, laluan ini akan melalui Sungai Petani Kedah yang ada sekarang.

Oleh hal yang demikian, ada kemungkinan bahawa pekan tersebut mendapat namanya

daripada sungai yang menjadi lauan bagi para pedagang Patani untuk sampai ke Kedah bersama-sama dengan barang mereka. Emas, rempah-ratus dan barang dagangan mudah dibawa dengan gajah yang biasa digunakan sebagai satu bentuk pengangkutan di Thailand Selatan dan Hulu Perak.

Teori ini mungkin ada kebenarannya. Bijih timah dari *Rahman Tin Mines* (Lombong Bijih Timah Rahman) di Klian Intan diangkut dari Pulau Pinang melalui sungai menerusi Kuala Muda, seperti yang disebutkan oleh Michael Topping dalam buku "Dalrymple's Oriented Repertory" pada tahun 1800 atau di sekitarnya.

"Kuala Merbok," dia menulis, "merupakan sungai yang dalam dan deras airnya. Airnya di sini sentiasa tawar hingga ke laut. Tanahnya tinggi dan tebingnya berpasir. Ombak kuat yang menghempas pesisir di sini semasa monsun barat daya, dengan melawan arus dari sungai telah membentuk tebing pasir yang berbahaya, yang menganjur ke laut sepanjang tiga batu, dan kedalaman airnya ialah satu fathom."

Tebing ini hampir-hampir menjangkau sehingga Kuala Muda. Air Kuala Muda tohor dan deras tetapi sesuai dari segi perhubungannya dengan lombong bijih timah.

Pengeluaran tahunan bijih timah di sini ialah 1000 pikul. Walau bagaimanapun, kuantiti yang kecil ini bukanlah disebabkan oleh kekurangan bijih tetapi oleh kekurangan pekerja, dan juga bayaran kecil yang diberikan kepada sedikit orang yang diambil bekerja."

Dalam perenggan yang lain, Topping menulis, "Bilangan orang Patani yang amat besar berjumlah 15 000 orang telah berhijrah dan menuju Kuala Muda. Jika orang-orang ini menetap di sana, mereka akan meningkatkan penanaman dengan amat banyak sekali dan memberikan faedah kepada Pinang. Sudah tentulah Raja Kedah telah dinasihatkan tentang kebaikan yang akan diperoleh jika mempunyai negeri yang tanahnya dikerjakan dengan baik, yang terletak bertentangan dengan Pinang. Tanahnya amat subur sekali".

BAB EMPAT PULUH TUJUH

PERTUBUHAN SUKAN

Apabila pengaruh British tersebar, lebih banyak sukan diperkenalkan.

Permainan hoki diperkenalkan oleh Encik J.S.W. Arthur pada tahun 1917. Dia seorang kakitangan kerajaan British yang baik. Dalam sepucuk surat yang dihantar kepada pengarang, dia berkata, "Menggembirakan hidup orang lain merupakan kewajipan sosial". Dia berpegang pada ideal ini terutamanya dalam bidang sukan. Dia seorang pemain golf yang bagus, pemain polo yang cekap dan seorang pelayar perahu layar.

Dia menggalakkan permainan hoki dengan membekalkan kayu hoki, bola dan minuman shandy. Kawasan tempat kediamannya di Jalan Maxwell (kini Jalan Bendahara) cukup besar untuk gelanggang hoki, dan setiap Rabu, dia akan mengumpulkan dua pasukan hoki yang setiap satunya mengandungi 11 orang pemain. Salah seorang daripada pemainnya ialah budak suruhannya bernama Enam. Pemain yang lain terdiri daripada kerani dan pegawai kerajaan yang lain, yang pernah bermain di Pulau Pinang dan Perak sebelum mereka menyertai Perkhidmatan Awam Kedah.

Selepas beberapa lama, Arthur memutuskan untuk beradu kekuatan pasukannya menentang pasukan luar. Maka mereka berhadapan dengan pasukan Penang Free School yang sedang mengadakan lawatan ke Alor Setar pada tahun 1918. Sebelum permainan tersebut bermula, Arthur mengumpulkan anggota pasukannya di dalam bilik rehat dan memberikan sepatih dua kata tentang taktik dan petua permainan. Maka tidak hairanlah mereka menang.

Selepas kejayaan yang pertama ini, Arthur membawa pasukan Kedah untuk bermain menentang Kelab Kriket Pulau Pinang (P.C.C.) di Pulau Pinang. P.C. C. merupakan kelab hoki yang utama dan mempunyai beberapa orang pemain hoki yang bagus seperti W.H. Lee-Warner. Pasukan Kedah terdiri daripada Arthur, H.W. Rickeard, Saaid dan Mustapha (kedua-duanya adik-beradik), dan begitu juga dengan A.V. Perrin dan B. Perrin yang pernah mewakili pasukan hoki di Ireland, F.C.D. Labrooy, Abdul Rashid Pilus, Abdul Rahman Haji Samaudin dan pengarang sendiri.

Pasukan Arthur bermain dengan baik dan berjaya menewaskan P.C.C. dengan kelebihan dua gol berbalas kosong. Kedua-dua adik-beradik Perrins yang merupakan pengurus ladang di Kedah Selatan terserlah dalam permainan ini.

Selepas Arthur dipindahkan dari Kedah (dia kemudiannya menjadi *Resident Councillor*, Pulau Pinang), permainan hoki menjadi lembap sehingga ia dihidupkan kembali oleh *Kedah Warders Recreation Club* (Kelab Rekreasi Penjaga Penjara Kedah). Penjaga penjara tersebut mempunyai padang mereka sendiri dan pegawai penjara, Encik A.E. Watson merupakan pemain

hoki yang gigih. Maka dia membawa penjaga penjara itu bermalin bersama-sama sehingga para penggemar hoki di bandar itu mewujudkan sebuah pasukan untuk bermain dengan mereka sekali seminggu.

Mereka meneruskan sukan tersebut sehingga Tunku Yaakub pulang dari Cambridge dan *Kedah Hockey Association* (Persatuan Hoki Kedah) dibentuk. Beliau menjadi Presidennya dan pengarang sendiri menjadi Setiausaha Kehormat yang pertama. Selepas itu, pertandingan Liga Hoki diadakan setiap tahun dan Kedah mulai menewaskan negeri-negeri yang lain.

Mereka berjaya mempertahankan pasukan mereka ketika menentang Pulau Pinang tetapi tidak dapat mara ketika menentang pasukan Perak yang kuat itu, yang pemainnya terdiri daripada lima atau enam pemain Sekolah Clifford. Sehinggalah pada satu hari hujan apabila keadaan menghalang permainan pantas pasukan Perak, Kedah berjaya mengalahkan mereka dengan satu gol berbalas kosong.

Permainan kriket dimulakan di Sekolah Inggeris Kerajaan, Alor Setar oleh pengarang sendiri pada tahun 1920, dengan sokongan Encik Abdul Rashid Pilus.

Selepas menghadapi masalah awal seperti kekurangan dari segi peralatan, padang yang sempurna dan kemudahan-kemudahan yang lain, sukan tersebut berkembang secara beransur-ansur dan sekolah berkenaan berupaya mengadakan sendiri permainan menentang Penang Free School dan Sekolah St. Xavier.

Pada tahun 1921, *Alor Setar Cricket Club* (Kelab Kriket Alor Setar) ditubuhkan. Encik Oswald Watson, seorang Juruukur Kerajaan Australia, menjadi Presiden dan pengarang sendiri selaku Setiausaha Kehormat.

Salah satu matlamat Kelab itu ialah untuk berhubung dengan Bahagian Kriket dari Kelab Sungai Petani. Perang Dunia Pertama berakhir dan para pengurus ladang British dari sekolah awam keluar untuk bekerja di estet getah di sekitar Sungai Petani dan Kulim. Hal ini menyebabkan tertubuhnya *Kedah Cricket Association*, dan perlawanan antara negeri diadakan. Encik C.O. Tyndale-Powell, pengurus *Sungai Tukang Estate* merupakan pemain kriket yang bersemangat dan mencurahkan usaha yang amat besar untuk memastikan sukan tersebut terus hidup di Kedah Tengah.

Lima puluh tahun yang lalu, sukan tenis berkembang di semua kelab. *Kedah Lawn Tennis Association* (Persatuan Tenis Kedah) ditubuhkan pada tahun 1922. Encik Muhammad Zain Ariffin merupakan Setiausaha Kehormat yang pertama. Encik J.H. Spowers, orang Australia yang bekerja dengan Pejabat Ukur, Kulim, mengekalkan kejuaraan bertahun-tahun lamanya sehinggalah kejuaraan ini dirampas daripadanya oleh Encik Sim Boo Jeong, seorang kerani di Jabatan Kerja Raya, Alor Setar. Sultan Badlishah ialah seorang pemain tenis yang gigih dan berserta Zain Ariffin, yang pernah menuntut di Kolej Wadham, Oxford, bersama-sama baginda, selalunya mermenangi acara beregu.

Sukan ragbi yang kadangkala digambarkan sebagai "tindakan yang dibenarkan untuk menyerang dan memukul" buat julung-julung kalinya dimainkan di Sekolah Inggeris Kerajaan, Alor Setar apabila Zain Ariffin kembali dari England. Dia telah bermain ragbi di Dulwich. Encik Salleh bin Hussain, seorang staf tutorial lulusan Kolej Raffles, meneruskan tugas membimbing pemain setelah Zain Ariffin pergi, sehingga seorang pakar berbangsa Eropah iaitu Encik R.A. Goodchild, mengambil alih tugasnya dan menjadikan pasukan sekolah yang mengandungi 15 orang pemain salah sebuah pasukan yang terhadal di Tanah Melayu.

Di Kedah Tengah, para bekas pelajar sekolah awam Inggeris bertanggungjawab menaikkan permainan tersebut. Mereka menjadi teras sebuah pasukan Negeri yang mengandungi 15 orang pemain, yang mengambil bahagian dalam perlawanan antara negeri.

Sukan olahraga tidak teratur sehingga baru-baru ini. Pihak sekolah mengadakan sukan tahunan masing-masing. Tetapi oleh sebab murid-murid tidak mempunyai surat beranak maka untuk mengelaskan mereka mengikut umur adalah mustahil. Membuat pengelasan mengikut ketinggian terbukti tidak adil kerana budak yang rendah, yang mempunyai kekuatan dengan mudah mengalahkan rakan sekolahnya yang lebih tinggi tetapi tidak begitu tangkas.

Perkara ini menjadi begitu teruk apabila pada satu peringkat, mereka yang bertanggungjawab hampir-hampir dengan serius memutuskan untuk mencuba dan mengagak usia dengan melihat gigi para peserta!

BAB EMPAT PULUH LAPAN

MELETUSNYA PERANG DUNIA KEDUA

Perang yang mengubah kehidupan kita datang melanda Tanah Melayu pada 8 Disember 1941. Pihak Jepun memutuskan untuk menyerang bahagian utara, dan Kedah dan Kelantan menerima bahagian yang paling hebat daripada serangan pertama yang dilakukan secara besar-besaran.

Serangan tersebut dilakukan secara mengejut dan berlawanan dengan jangkaan pihak Pemerintah Tertinggi Tentera British. Pada bulan September 1941, sebagai contoh, Panglima Besar Timur Jauh Britain iaitu Marsyal Besar Udara, Sir Robert Brooke Popham melaporkan bahawa mengikut pandangannya, amat sukar untuk dipercayai bahawa pihak Jepun boleh terfikir untuk meletuskan perperangan di selatan untuk beberapa bulan.

Dari pandangan orang awam, Gabenor Singapura, Sir Shenton Thomas, mahukan keseluruhan konsep pertahanan di Tanah Melayu tidak dipentingkan berbanding dengan sumbangan ekonomi (melalui industri timah dan getah) kerana Tanah Melayu dapat bertahan ketika perang meletus di Eropah pada tahun 1941.

Meskipun orang awam mempercayai bahawa kedudukan British kukuh namun persiapan dilakukan untuk menghadapi perperangan yang kelihatan jauh atau mungkin tidak akan berlaku.

Di Alor Setar, orang awam didaftarkan sebagai Pengawas Pencegahan Serangan Udara, Ahli Bomba Simpanan dan Pembantu Perubatan. Pasukan Sukarela Kedah juga ditubuhkan.

Dari pihak ketenteraan, "Barisan Pertahanan Jitra" diwujudkan untuk melindungi simpang jalan di mana jalan ke Perlis menyimpang dari jalan utama ke Thailand.

Untuk beberapa bulan sebelum meletusnya perperangan, perintah berkurung sekejap-sekejap pada waktu malam dikuatkuasakan ke atas penduduk sedang persenjataan dan peluru dibawa dalam kegelapan malam untuk menguatkan Barisan tersebut.

Apabila perang berada di ambang, Jeneral Wavell yang dilantik selaku Panglima Besar di Timur Jauh, datang ke Alor Setar untuk melihat sendiri keadaan pertahanan. Dia mengatakan bahawa pertahanan yang ada itu tidak kukuh.

Di Alor Setar, kecuali dengan kehadiran askar dan unit-unit ketenteraan, kehidupan berjalan seperti biasa. Dari semasa ke semasa, arahan ditayangkan di layar pawagam memanggil askar kembali ke tangsi; tetapi orang mengakas bahawa itu cuma latihan.

Tanda pertama yang tidak menyenangkan menjelma pada 22 Oktober 1941 apabila kelihatan pintalan awan yang berbentuk ganjil berada amat tinggi di langit sebelah utara. Orang yang berpegang pada kepercayaan karut mengatakan awan itu merupakan petanda tidak baik; yang lain pula mengatakan bahawa awan itu disebabkan oleh pesawat British yang terbang terlalu tinggi. Pihak yang kedua betul tekaannya apabila mengatakan pesawat tetapi salah apabila menganggap ia "baik". Awan tersebut terbentuk oleh asap yang dilepaskan oleh pesawat Jepun yang sedang membuat peninjauan ke atas barat laut Tanah Melayu di mana terletaknya lapangan terbang kecil British di Alor Setar, Sungai Petani, Mata Kuching (Butterworth) dan Taiping di samping lapangan terbang yang lebih kecil berhampiran dengannya.

Dalam tempoh kurang daripada tiga minggu, segala kesangsian lenyap. Pada subuh 8 Disember, Jepun menge bom lapangan terbang kecil Alor Setar dan Sungai Petani, benar-benar mengejutkan pihak British. Tidak lama selepas itu, sebuah siaran berita ke udara, melaporkan bahawa pasukan tentera Jepun telah mendarat di Bachok, Kelantan dan tentera British di situ menembak ke arah pantai dengan mesin-gan.

Reaksi pertama penduduk Alor Setar ialah terkejut dan terperanjat. Mereka terperanjat tetapi tidak panik kerana yakin bahawa pihak berkuasa berupaya mengawal keadaan.



Mejar Jeneral Sukigawa Seiji, Gabenor Kedah 1942-43

Kenyataan pertama menjelma pada malam berikutnya apabila kira-kira 60 buah pesawat Jepun berterbang di atas bandar tersebut.

Barisan penangkis pesawat udara dengan segera bergerak ke arah Alor Setar. Dari kedudukan yang diambil oleh mereka di Alor Setar, mereka membedil musuh yang berterbangan dengan gahnya di udara tanpa terkena tembakan.

Kepada ramai orang yang tidak pernah mendengar bunyi tembakan meriam besar dan melihat pesawat musuh di udara sebelum ini, pengalaman yang dilalui sungguh menggerarkan. Anak-anak meraung, orang dewasa berdoa, semuanya menunggu saat kemusnahan melanda mereka pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, pihak Jepun tidak membuat cubaan untuk menggugurkan bom dan selepas setengah jam, mereka terbang pergi daripada situ.

Sementara itu, meskipun mereka telah pun diberi amaran oleh Perisik British bahawa konvoi Jepun dilihat bergerak menuju ke Singgora, pasukan tentera British telah diarah bahawa walau apapun keadaan, mereka tidak boleh menyeberangi sempadan sehingga Jepun melancarkan serangan yang pertama. Terbelenggu, Komander British tidak dapat mengambil sebarang tindakan sebelum Jepun mula mendarat di Singgora.

Pihak Jepun bertindak secara berselindung-selindung dengan sempurna sekali. Pada pagi 7 Disember, selepas melalui Cape Cambodia di sebelah selatan hujung Indo-China, konvoi tersebut mengubah laluannya seolah-olah menuju ke Bangkok. Pada tengah hari, konvoi ini mengubah laluan dan menghala ke arah pantai timur Semenanjung Tanah Melayu. Menjelang fajar 8 Disember, bahagian tentera yang mara mendarat. Matlamat utama mereka ialah menawan lapangan terbang tersebut, dan mereka melakukan tanpa banyak tantangan.

Selepas itu, artileri Siam menerus membedil lapangan terbang untuk menghalang pesawat Jepun daripada menggunakan. Akan tetapi pada sebelah tengah hari, dalam menghadapi bedilan artileri yang lebih baik daripada meriam yang telah dibawa ke darat pada lewat pagi, serangan pihak Siam dihentikan atas perintah Perdana Menteri Pibul.

Setelah tertumpu di pantai, pihak Jepun dengan pantas menyusun pasukan tenteranya untuk memecah masuk menerusi sempadan tanpa membuang masa, bagi menghalang serangan balas British.

BAB EMPAT PULUH SEMBILAN

KEMARAAN JEPUN KE TANAH MELAYU

Di ambang kemaraan Jepun, fungsi cawangan kereta api Kedah terhenti pada 13 Disember 1941. Empat hari kemudiannya, pasukan tentera yang terdiri daripada dua briged Divisyen India ke-11 berundur daripada Sungai Kerian.

Pertempuran pertama mereka dengan Jepun terjadi 10 hari sebelumnya, di Sadao iaitu 10 batu di dalam lingkungan wilayah Thai.

Seperti yang dinyatakan tadi, jajaran tentera yang mara telah sampai di Sadao pada waktu senja 8 Disember. Mereka mengambil kedudukan di sepanjang satu-satunya jalan yang menembusi kawasan itu supaya mereka dapat menembak pasukan musuh yang bergerak ke arah perbatasan.

Mereka tidak perlu menunggu lebih lama. Dalam tempoh kurang daripada tiga jam, sebuah detasmen Jepun muncul, dengan tiga buah kereta kebal yang lampunya menyinar dalam malam kelam menjadi penggempur.

Detasmen ini telah dibentuk sebelum habisnya pendaratan lagi. Kepantasan penting untuk menghalang tentera British sebelum mereka dapat sampai ke pantai pendaratan di Singgora dan menyerang balas. Tambahan pula, laporan tengah hari melaporkan bahawa pesawat pengintip memaklumi mereka bahawa jajaran tentera British sedang mara ke utara dari Changloon.

Dalam pertembungan yang pertama, dua buah daripada kereta kebal Jepun ditewaskan tetapi askar-askar yang mengekori dengan trak, turun dan mulai membuat gerakan mengepung dalam kawasan tanaman getah.

Selepas bertempur selama sejam, pasukan tentera British mengundur diri dengan sebuah kereta perisai dan meninggalkan sekeping peta yang menunjukkan kecenderungan pasukan tentera di sekitar Changloon dan Barisan Pertahanan Jitra. Peta ini ternyata amat berharga kepada penyerang dalam tempoh 10 hari yang berikutnya.

Pihak Jepun kemudiannya berhenti dan menantikan tenaga bantuan. Maka berakhirlah hari pertama peperangan.

Sementara itu, pihak British telah hilang kekuasaannya di udara. Pengemboman secara mengejut ke atas lapangan terbang Alor Setar dan Sungai Petani pada subuh 8 Disember, telah memusnahkan peralatan mereka dan melumpuhkan mereka tetapi skuadron R.A.F (Pasukan Tentera Udara) yang berpangkalan di Mata Kuching, Butterworth dapat berlepas dan menyerbu Singgora dan mereka menyerang musuh dengan tembakan dan mengenai sasarannya. Kesemua pesawat udara tersebut pulang dengan selamatnya.

Pada waktu pagi berikutnya, sedang mereka menikmati sarapan sebelum berlepas, pesawat pengebom dan pesawat pejuang Jepun datang dengan sepenuh kekuatan dan memusnahkan kesemua pesawat udara, kecuali sebuah pesawat, di darat.

Dikendalikan oleh Ketua Skuadron Arthur Scarf, satu-satunya pesawat udara yang tinggal itu berlepas dan menentang "berbondong-bondong" pesawat pejuang musuh dalam perjalannya ke arah Singgora dan dia telah mengebom dan mara menyerang kedudukan Jepun.

Apabila misinya selesai, Scarf mula berpatah balik. Lengannya ditembak sehingga rabik. Peluru Jepun hinggap berdetap-detup ke belakangnya. Dia tahu dia akan mati. Ketika menghampiri Alor Setar, dia berkata, "Aku tahu tempat ini, inilah Alor Setar," dan pesawat udaranya jatuh terhempas di sawah padi yang berair di timur balapan lumba kuda.

Anak kapalnya, tidak cedera, mengheretnya keluar daripada pesawat udara tersebut dan ketika itu doktor dan jururawat dari hospital tentera berhampiran bergegas datang. Mereka sedang bertugas dalam kawasan yang disempadani oleh jalan utama, Jalan Hospital dan jalan kereta api di mana semua orang Eropah telah dipindahkan demi keselamatan.

Scarf mempunyai sebab yang munasabah apabila dia mengecam Alor Setar. Isterinya menjadi jururawat di situ. Mereka berdua telah berkahwin di Pulau Pinang enam bulan sebelum meletusnya perang.

Dari hospital tentera, dia dipindahkan ke Hospital Besar Alor Setar.

Kemudiannya, dalam tulisannya, Puan Scarf, yang nama keluarganya sebelum berkahwin Scarfe berkata:

"Enam bulan selepas perkahwinan kami di Pulau Pinang, saya sedang bertugas di hospital apabila saya terdengar bahawa seorang pegawai R.A.F. telah dimasukkan ke hospital kerana cedera. Saya pergi melihatnya. Rupanya dia Pongo".

"Dia cedera teruk. Belakangnya berlubang-lubang dek tembakan peluru. Lengan kirinya begitu teruk ditembak sehingga terpaksa dipotong. Di sebalik semuanya ini, Pongo tetap menawan. Dia tidak pernah pengsan semasa saya berada di sampingnya".

Dia memberikan dua pain darah dalam cubaan untuk menyelamatkan nyawa suaminya itu tetapi suaminya itu meninggal dunia sebelum dia dimasukkan darah.

Atas keberaniannya itu, Scarf dianugerahkan Pingat Victoria, iaitu Pingat Victoria yang pertama dianugerahkan dalam Kempen Tanah Melayu. Dia disemadikan di Tanah Perkuburan Kristian yang digenangi air di Alor Setar tetapi selepas perang, mayatnya dipindahkan ke Tanah Perkuburan Perang di Taiping.

BAB LIMA PULUH

PENGUNDURAN KERETA API

Terbelenggu oleh arahan bahawa tentera British, tidak sekali-sekali dibenarkan menyeberangi perbatasan sehingga pihak Jepun melancarkan serangannya yang pertama, mereka kehilangan inisiatif apabila pasukan tentera Jepun mara ke pantai Singgora pada awal pagi 8 Disember 1941.

Sehinggalah pukul 5.30 petang pada hari yang sama, pasukan pertama daripada Divisyen India ke-11 di bawah pimpinan Mejar Jeneral Murray Lyon menyeberangi sempadan Kedah-Siam di Bukit Kayu Hitam. Pada waktu senja kira-kira pukul 6.30 petang, jajaran tentera tersebut tiba di Sadao, 10 batu dalam wilayah Siam, dan berhenti untuk menunggu perkembangan selanjutnya.

Sementara itu, sebuah kereta api berperisai yang dipandu oleh abang pengarang, mendiang Sarjan Eddie Augustin daripada "Railway Operating Maintenance Company" (ROMC), "Federated Malay States Volunteer Force" (FMSVF) mara sejauh 10 batu masuk ke wilayah Siam dan meletupkan jambatan Haadyai-Padang Besar dan kemudian berundur ke Padang Besar.

Catatan diari berikutnya yang disimpan oleh Sarjan Augustin, memberikan kisah langsung tentang pertempuran yang berlaku di sekitar kereta api di Kedah dalam Perang Tanah Melayu (Battle of Malaya) pada hari permulaan peperangan tahun 1941:

Jumaat, 5 Disember: Unit kami (terdiri daripada kakitangan berbangsa Cina, Eurasian, India dan Melayu daripada F.M.S. Railways di bawah pimpinan Kapten H.P. Yates, yang dia sendiri ialah pekerja kereta api) diarahkan bergerak dari Dewan Latihan Tentera Sukarela Kedah di Alor Setar ke Asrama Kolej Sultan Abdul Hamid yang terletak berhampiran.

Sabtu, 6 Disember - jam 1700: O.C., Kapten Yates, mengarahkan aku ke bangsal lokomatif untuk menyediakan kepala kereta api (lokomatif) berperisai.

Selepas menghidupkan stim, pembantu pemandu kereta api yang pertama, Sapir Donald U'Ren (sekarang Penasihat kepada "Asian Transport Workers" di pelbagai bahagian di Asia yang berkaitan dengan "Trade Union Administration, Finance and Negotiations"), pembantu pemandu kereta api yang kedua, Sapir Megat Zakariah, dan aku sendiri mengangkut

peluru dan makanan selama dua hari.

Jam 2200: Diarahkan ke Bukit Ketri dan menantikan isyarat untuk ke Bukit Ketri, mengambil pasukan tentera, dan meneruskan perjalanan ke Padang Besar. Dua buah kereta api yang mengangkut tentera mengekor di belakang dalam jarak 400 elai.

Jam 2400: Tiba di Arau.

Ahad, 7 Disember - jam 0200: Dua buah kereta api yang yang mengekor di belakang sampai. Semuanya bersemangat. Sebagai NCO (pegawai yang tidak bertauliah) kanan, aku memastikan mereka tidak berbuat nakal.

Isnin, 8 Disember - jam 0800: Terdengar suatu letusan yang kuat berhampiran dan ternampak banyak pesawat udara. Ambil tindakan. Tidak pasti berapa jauh lagi kami harus pergi, dan berasa ragu-ragu tentang sama ada arang batu mencukupi atau tidak, aku menelefon Kodiang untuk mendapatkan bekalan lebih. Pada jam 1000, sebuah kereta api rosak tiba membawanya.

Jam 1600: Terima arahan untuk pergi ke Bukit Ketri dan di sana, kami mengambil beberapa orang askar Punjabi di bawah pimpinan Kapten Burns. Detasmen ini melibatkan sapir dan pelombong.

Jam 1900: Mara dengan berhati-hati ke wilayah Thai. Sampai di jambatan Haadyai-Padang Besar yang besar itu, sapir tadi bersedia meletupkannya.

Diarahkan mengundurkan kereta api sejauh sebatu. Sementara menanti letusan tersebut, terdengar konvoi musuh berderam-derum di atas jalan setengah batu dari situ.

Pemusnahan jambatan itu selesai, kami bergegas kembali ke Kodiang.

Selasa, 9 Disember - jam 0530: Tiba di Kodiang. Berehat di sana untuk sejam dua dan kemudian kembali ke Bukit Ketri dan di sana kami berjaga-jaga siang malam.

Rabu, 10 Disember - jam 0600: Undur sedikit kerana artileri musuh membidik meriam mereka.

Jam 1800: Diarahkan berundur.

Di Kodiang, berteru dua tong minyak enjin dan minyak silinder. Mengisi kotak kami

hingga penuh dan kemudian menuang semua baki minyak yang tinggal ke tanah supaya musuh tidak dapat.

Sehingga diarah berundur pada jam 2300, menjalankan rondaan di landasan antara Kodiang dengan Arau.

Khamis, 11 Disember - jam 1800: diarahkan berundur ke Tunjang. Dalam hujan yang turun mencurah-curah, sapir dan pelombong meletupkan jambatan tersebut. Selepas itu, kami mengangkat mereka ke Anak Bukit. Pada malam itu, kami membuat rondaan di terusan antara Anak Bukit dengan Tunjang.

Jumaat, 12 Disember - jam 1300: beberapa orang daripada East Surreys muncul dari hutan di sebelah kanan kami. Kami agak terperanjat apabila melihat seorang rakan di kalangan mereka membawa mesin-gan ringan. Untuk merayakan pertemuan semula kami, kami berkongsi sebotol jus limau.

Ketika kami berbual-bual, kami ternampak suatu pergerakan yang diragui di sawah padi bersebelahan. Berjalan sejauh sebatu sehingga seorang askar berbangsa India datang memberitahu kami bahawa pihak musuh cuba mengepung kami. Hantar maklumat tersebut ke ibu pejabat, beri amaran kepada semua pasukan yang berdekatan, dan menantikan arahan, dalam tempoh beberapa minit, datang arahan untuk berundur. Sebuah kereta api dengan gerabak sampai di tempat kejadian. Mengambil pasukan tentera dan membawa mereka kembali ke Anak Bukit. Lima minit kemudian, pihak Jepun membuat serangan.

Sabtu, 13 Disember - jam 0800: Mengambil air di Alor Setar selepas membuat rondaan di seksyen Alor Setar - Anak Bukit sepanjang malam.

Diarahkan berundur. Semasa kami hendak bertolak, suatu letupan dahsyat menggegarkan kawasan sekeliling - sapir telah meletupkan jambatan kereta api Alor Setar.

Namun begitu, sebahagian sahaja daripada jambatan tersebut yang berjaya dimusnahkan. Landasannya masih berada di galang. Arahan diterima untuk membrarkan kepala kereta api diluncurkan di atas jambatan dan dibiarkan jatuh terbenam ke dalam sungai.

Baru sahaja aku hendak melakukannya, Kapten Burns datang dan meminta aku menunjukkannya bagaimana mengendalikan pengumpil. Aku secara sukarela menawarkan diri melakukannya sendiri tetapi dia mengarahkan aku turun daripada kepala kereta api itu kerana kakiku kembang dek air dan dalam keadaan yang teruk.

Maka, aku berserta pembantu permandu kereta api memunggah barang kepunyaan kami dan melihat kepala kereta api itu meluncur pergi. Kami hairan apabila melihat ia meloncat naik ke landasan yang terputus itu, membentulkan kedudukannya, dan terus meluncur. Kami lantas mengekorinya. Ketika kami berbuat demikian, tembakan kedengaran di belakang kami.

Untuk memintas kepala kereta api itu, aku cuba menumpang naik sebuah trak yang lalu tetapi tiada tempat untuk aku. Namun begitu, 1.5 batu jauh ke hadapan, pasukan Artilleri Diraja membawa aku sejauh satu batu sehingga mereka menerima arahan supaya berpatah balik. Dalam kesakitan yang amat sangat, aku menapak sejauh 12 batu sebelum sebuah trak mengambilku. Memandangkan aku tidak tidur selama lima hari, aku terlena dan terjaga apabila kami tiba di Sungai Petani.

Pergi stesen kereta api untuk melaporkan diri kepada O.C. dan diberitahu bahawa Sapir U'Ren sedang membawa balik kepala kereta api itu yang disambungkan kepada kereta api Palang Merah. Aku diarahkan untuk mengambil alih kereta api tersebut. Aku melakukannya dan memandunya ke Bukit Mertajam dan di sana kakitangan bantuan mengambil alih tugas tersebut.

Maka berakhirlah kisah pengunduran kereta api dari Kedah.

BAB LIMA PULUH SATU

KEADAAN TIDAK KERUAN DI ALOR SETAR

Dalam tempoh enam hari berlalunya kejadian antara pendaratan Jepun di Singgora pada 8 Disember 1941 dengan pendudukan di Alor Setar pada 13 Disember 1941, bandar tersebut menjadi kucar-kacir.

Pada pagi meletusnya perang, polis menghimpunkan kesemua lelaki Jepun, dan Perkhidmatan Pertahanan Awam - Pengawas Serangan Udara, Pasukan Bomba Simpanan dan Atendan Perubatan - menjalankan tugas yang diberikan kepada mereka. Tidak seorang pun di kalangan penduduk awam yang menyedari betapa seriusnya keadaan pada ketika itu. Mereka cenderung menganggapnya sebagai satu keseronokan.

Seperti beribu-ribu orang yang lain di Semenanjung Tanah Melayu, mereka tidak menyedari bahawa hutannya boleh ditembusi - bahawa Shebbeare yang pernah menjadi anggota Ekspedisi Gunung Everest, telah menjelajah hutan itu sebulan dua sebelum itu dan mendapati bahawa hutan itu boleh ditembusi dengan mudah sama seperti estet getah. Rasa tidak selamat dirasai.

Di Kolej Sultan Abdul Hamid, peperiksaan *Cambridge School Certificate* dan peperiksaan *Junior Local Certificate* sedang berlangsung. Kertas jawapan bagi Sijil Rendah sampai ke Cambridge dengan selamatnya dan keputusannya diumumkan semasa hari Pembebasan pada tahun 1945. Namun begitu, calon-calon *Cambridge School Certificate* tidak bernasib baik. Hanya sebahagian sahaja daripada kertas jawapan yang dapat sampai ke Cambridge. Kertas jawapan tersebut disemak dan keputusan terperinci dihantar pada tahun 1945.

Malam-malam dingerikan oleh balasan tembakan meriam. Pembedilan berterusan tanpa henti dari senja hingga fajar menyingsing. Tembakan ini hanya berhenti pada siang hari.

Di belakang barisan pertahanan, pengkhianat dan ejen Jepun yang lain cuba mengganggu perhubungan. Contohnya dalam satu kejadian, seorang lelaki yang kelihatan seperti pengemis Cina, secara tiba-tiba menghentak belakang seorang penghantar cepat berbangsa Punjabi dan menjatuhkannya ke jalan di hadapan Kolej tersebut.

Dalam contoh yang lain, gambar-gambar yang bertujuan melemahkan semangat perjuangan askar India telah digugurkan oleh pesawat udara yang juga menembak kereta-kereta di Jalan Alor Setar - Pokok Sena. Isteri pengarang, dalam perjalanan menuju sebuah tempat yang agak selamat di Jabi Estate, kira-kira lapan batu di luar bandar, mengalami pengalaman yang menggerunkan apabila sebuah pesawat udara terbang di atas pokok dan menembak kereta yang dinaikinya.

Dalam ketakutan, kelima-lima orang yang menaiki kereta itu, yang dimiliki oleh mendiang Dr. M. Sundrarajan, melompat keluar dan terjun masuk ke parit yang terletak di tepi jalan. Mereka semuanya basah lecun.

Di sepanjang jalan inilah, seramai 500 orang Jepun, kesemuanya menunggang basikal yang terpimpin, datang ke Alor Setar, selepas mereka menyerang kem East Surreys di Tanjung Pauh Estate, Jitra. Mereka mengamalkan taktik yang dimulakan oleh mereka di Sadao, dan taktik ini digunakan di Semenanjung untuk menyerang pihak British dari belakang. Penunggang basikal itu berpakaian ringkas, hanya bersinglet dan berseluar pendek serta berkasut getah.

Hal ini membolehkan mereka bergerak dengan pantas. Mereka berjaya menduduki Kolej tersebut.

Mereka bukanlah orang Jepun yang pertama sampai di Alor Setar; kerana pada hari Rabu sebelumnya, seorang penunggang motosikal yang membawa tempat duduk pembombeng telah datang ke bandar berkenaan. Semasa dia melepassi pulau pembahagi lalu lintas, di depan Pejabat Pos Besar, dia ditembak dari arah balai polis. Dia tidak dapat mengawal kenderaannya lalu melanggar sebuah kedai membuat kasut di mana berdirinya Hotel Mahawangsa sekarang, dan terus terbakar. Rumah kedai itu dan yang berada bersebelahan terbakar hingga menjadi abu.

Menjelang hari Jumaat, segala optimistik lenyap. Mereka yang memiliki kereta telah menukar kupon petrol dan berpindah keluar. Kebanyakannya menuju ke selatan. Menyedari akan keseriusan keadaan, pihak Kerajaan memutuskan untuk membayar sebulan gaji kepada semua kakitangan kerajaan sebelum Bendahari Negeri, Encik F.E. Ivory dan kakitangannya memindahkan semua wang ke Kulim. Di sana, mereka yang belum lagi menerima gaji, dibayar.

Dalam bandar itu sendiri, keadaan tidak keruan bermaharajalela. Beribu-ribu orang pelarian, orang awam dan juga tentera, tergopoh-gapah lari ke arah tebing sungai, lalu memanggil pemilik bot untuk membawa mereka menyeberangi sungai. Sesetengah askar British selamat sampai di tebing seberang dengan menggunakan papan dan tangan sebagai pendayung. Tetapi ramai juga yang gagal. Oleh sebab dibebani oleh peralatan mereka yang berat-berat, mereka mati lemas; dan buat beberapa hari yang berikutnya, mayat-mayat yang kembung terapung-apung di sungai berserta air pasang. Pemandangan tersebut sungguh mengerikan.

Pertempuran di jalanan berterusan sepanjang masa ketika pihak Jepun menjalankan operasi sapu bersih. Seorang saksi temampak empat orang askar British ditembak di Jalan Raja dekat Pejabat Pos.

Bekalan air dan elektrik terputus. Stesen kuasa Huttonbach telah dihentikan operasinya oleh pasukan tentera yang berundur. Perbuatan mencuri berlaku di mana-mana sahaja kecuali di Pekan China kerana para pemilik kedai bersenjatakan kayu, cangkul dan kapak, mengawal harta

benda mereka. Tetapi mereka tidak mampu menentang askar Jepun untuk jangka masa yang lama. Dengan diacukan sangkur, mereka dipaksa menyerahkan harta benda mereka.

Jeneral Yamashita, Komander Tentera Jepun ke-25 tiba di Alor Setar pada 14 Disember, dan mendirikan ibu pejabatnya di situ. Dua hari kemudian, gerakan sapu bersih selesai dan semua orang di bandar itu diperintahkan berkumpul di hadapan balai polis.

Di sini, Encik K. Shiba, seorang penduduk lama dan penting di Alor Setar, yang memiliki sebuah kedai di Jalan Raja bersebelahan dengan "Pawagam Royal" telah ditugaskan oleh Pentadbiran Tentera Jepun untuk mengisyiharkan:

"Kami, anak Matahari Terbit, telah merampas Tanah Melayu daripada tangan British. Kami menyelamat anda dari akar umbinya. Maka anda tidak perlu berasa takut sebaliknya kembalilah dengan gembira dari tempat persembunyian anda dan teruskan urusan anda seperti biasa. Pada masa yang sama, akurilah peraturan Kerajaan Nippon".

Maka, menurut kata-kata Tennyson, setelah order lama berubah, tempat diberi kepada yang baru.

BAB LIMA PULUH DUA

MUSNAHNYA BARISAN PERTAHANAN JITRA

Pihak Jepun menawan Kedah dalam masa 10 hari walaupun wujudnya Barisan Pertahanan Jitra yang diharapkan dapat bertahan sekurang-kurangnya tiga bulan.

Pertahanan Tanah Melayu Utara terletak pada Barisan tersebut. Barisan ini meliputi simpang jalan di Jitra, di mana jalan dari Perlis bertembung dengan jalan utama ke Thailand. Barisan ini terdiri daripada tiga barisan kubu.

Barisan yang pertama ialah barisan Asun yang terletak di belakang sebuah paya. Di bahagian belakang merupakan barisan kedua dan paling kukuh. Barisan ini sebahagian besarnya dalam hutan dan dilengkapi dengan wayar berbelit, tanah lombong dan parit anti-kereta kebal. Barisan ketiga pula jauh ke belakang. Namun, apabila perang meletus, barisan tersebut masih belum siap.

Selepas pertempuran pertama pada malam 8 Disember 1941, jajaran tentera mara Jepun yang berjumlah kira-kira 300 orang, berhenti di Sadao iaitu lebih kurang 10 batu di dalam wilayah Thai. Di sana, mereka menantikan tenaga bantuan sementara pasukan tentera British berundur menyeberangi perbatasan Kedah-Thai.

Pada 9 Disember, tiada pertempuran berlaku tetapi pesawat udara Jepun mengebom lapangan terbang kecil Alor Setar untuk kali kedua dan lapangan itu telah dikosongkan.

Pada malam 10 hingga 11 Disember, pertempuran diteruskan semula. Pihak Jepun yang kini diperkuat, mara ke arah jambatan besar di sebelah wilayah Thai, yang telah dimusnahkan sebelum itu. Oleh sebab kenderaan mereka tidak dapat menyeberangi sungai dan membuang masa, pasukan tersebut turun, menyeberangi sungai itu dengan bot dan berjalan masuk ke wilayah Kedah tanpa melepaskan sebarang das tembakan.

Walau bagaimanapun, sebelum mereka mara lebih jauh, tembakan peluru meriam pihak British mula jatuh di belakang dan di hadapan mereka. Namun begitu, mereka meneruskan kemaraan mereka dan di selatan persimpangan jalan di Changloon, mereka menempuh tembakan mesingan yang hebat. Dalam pertempuran kecil yang berlaku berikutnya, mereka menawan seorang tawanan yang pertama. Daripadanya, mereka mendapat tahu bahawa pasukan tentera British yang utama mempunyai kedudukan yang kuat antara Changloon dengan Jitra.

Pada sebelah pagi berikutnya iaitu 11 Disember, dengan diterajui oleh 10 buah kereta kebal yang sederhana besarnya, mereka meneruskan serangan di sepanjang jalan utama, dan dalam hujan yang turun mencurah-curah itu dan dengan penglihatan yang kurang jelas, mereka bertempur

dengan 20 buah kereta berperisai British. Sebelum kedua-dua belah pihak reda daripada kejutan, mereka bertarung dalam satu pertempuran berdarah yang ternyata membawa kecelakaan kepada pihak British. Lantaran gagal membendung kemaraan Jepun, British berundur ke barisan pertahanan pertama mereka di Asun.

Tidak lama selepas tengah malam, setelah membuat rondaan dengan rapi, pihak Jepun melancarkan serangan mereka terhadap Barisan Pertahanan Jitra. Mereka menyusup menerusi jurang dawai berbelit dan kedudukan British tidak dapat dipertahankan lagi. Lantaran itu, arahan diberi untuk berundur ke arah tebing selatan Sungai Kedah di Alor Setar. Oleh sebab tidak bersedia, Barisan Pertahanan yang sepatutnya menahan serangan untuk selama tiga bulan ditembusi dalam tempoh 15 jam!

Pasukan tentera Jepun yang mara itu menghimpit kuat pasukan British, sehingga sesetengah daripada mereka lambat untuk melepaskan diri. Lantaran itu, pertempuran sekejap-sekejap berlaku di bandar itu. Tembak menembak daripada tingkap tingkat atas berterusan sepanjang hari ketika Jepun menjalankan operasi sапу bersih. Hari itu 13 Disember, tidak sampai enam hari selepas pendaratan mereka di Singgora.

Di dalam bandar, Mejar Jeneral Kawamura, yang memerintah pasukan penyerang, berdiri di atas tangga balai polis dan tidak henti-henti menggesa orang-orangnya, dengan teriakan "Mara ke selatan! Mara ke selatan".

Di seberang tebing Sungai Kedah, Mejar Jeneral Murray Lyon, yang memerintah Divisyen India ke-11, berdiri di atas jambatan, memandang orang-orangnya yang keletihan kerana perang menyeberangi sungai. Tiba-tiba dia ternampak seorang penunggang motosikal diikuti oleh dua orang lagi dari arah bandar menghampiri jambatan itu, sambil memotong beberapa buah kenderaan British. Ketika dia melepas Jeneral tersebut dengan laju, dia melambai-lambai dan mengetawakannya. Jeneral itu sendiri merupakan orang yang pertama berteriak, "Oh Tuhanku, itu orang Jepun!".

Orang Jepun itu ialah Letenan Hajima Asai. Yang dua orang lagi ialah Korporal Kaneko dan Nakayama. Atas keberanian mereka itu, Jeneral Yamashita menganugerahkan sijil penghargaan kepada rejimen mereka, Rejimen Infantri Kesebelas pada hari kejatuhan Singapura. Sijil penghargaan dianugerahkan kepada unit dan bukannya orang perseorangan. Sijil ini jarang-jarang diberi. Sepanjang Kempen Tanah Melayu, hanya lima sijil penghargaan dianugerahkan.

Terjemahan sijil penghargaan itu seperti berikut:

"Selepas menembusi kedudukan berkubu Jitra oleh Divisyen ke-5, pasukan Asai menerima arahan untuk merampas jambatan yang terletak di sempadan selatan Alor Setar. Semasa serangan yang dilancarkan oleh pasukan utama kita, mereka menyerbu musuh yang kecundang itu dan tiba di jambatan yang pertama pada pukul 10.10 pagi 13 Disember."

"Di celah-celah tembakan yang hebat daripada pihak musuh di sebelah selatan jambatan itu, Komander Platin Asai, dengan sebuah motosikal, tiba-tiba meluru ke arah tersebut, dengan meninggalkan dua orang korporal beliau iaitu Kaneko dan Nakayama, untuk merampas teras jambatan sebelah utara dan memutuskan wayar bom pemusnah pihak musuh."

"Baru sahaja Leftenan Asai hendak memutuskan wayar tersebut di bahagian selatan jambatan itu, bom itu meletup dan membunuhnya. Koperal Kaneko dan Nakayama melawan dengan sangkur menentang keadaan yang tidak mungkin ditewaskan, dan membunuh beberapa orang musuh. Koperal Nakayama menjadi orang yang pertama gugur dan Koperal Kaneko tercedera."

Tembakan berani yang bertalu-talu yang dilepaskan oleh mereka yang berada di bawah komander berkenaan menimbulkan perasaan panik dan kebingungan pada barisan musuh, dan dengan mudah kekuasaan jambatan kereta api di bahagian timur jambatan berkenaan dirampas. Mulai saat itu, rampasan tersebut ternyata amat berharga untuk operasi Divisyen ke-5 yang seterusnya."

Tindakan yang sungguh berani dan rasa tanggungjawab Leftenan Asai dan orang-orang beliau yang mengagumkan itu harus menjadi contoh kepada semua tentera, dan saya mengakui bahawa kecemerlangan perkhidmatan tentera sebegini tidak ada tandingannya. Maka saya menganugerahkan sijil penghargaan ini."

BAB LIMA PULUH TIGA

TUNKU MENCOLEK AYAHANDANYA

Meskipun baginda suka menyendiri pada hari-hari tua baginda namun Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943) mengetahui apa yang sedang berlaku dan tidak pernah hilang martabatnya.

Pertama sekali, baginda alim orangnya. Sesiapa yang kebetulan lalu di Istana Kampung Bahru pada waktu pagi akan melihat baginda bersiar-siar berhampiran dengan Istana tersebut atau menaiki lanca yang ditarik oleh seorang pembantu Melayu. Kadangkala baginda berjalan mendahului lanca tersebut, dengan penarik dan lanca tadi di belakang. Pada masa itu, baginda berzikir sambil jari-jari baginda membilang butir-butir tasbih.

Setiausaha Peribadi Sultan yang berkhidmat selama bertahun-tahun, Encik Muhammad Zain Ariffin, lulusan Universiti Oxford, ada kalanya menceritakan bagaimana Sultan bersiap untuk makan malam. Makan malam disediakan oleh seorang tukang masak Cina bernama Ah Phum. Sultan santap sedikit makanan dan dalam keseorangan. Di meja biliard, baginda handal dan hampir setiap hari baginda bermain biliard di bilik biliard.

Kecuali apabila baginda ke masjid untuk menuaikan solat Jumaat atau merandu kereta jenis Victoria, yang kemudiannya ditukarkan kepada kereta jenis Rolls Royce berwarna kuning, baginda jarang-jarang sekali muncul di khalayak ramai.

Pada Hari Raya, sudah menjadi resam bagi anggota-anggota Kerabat Diraja dan juga Pegawai Kanan Kerajaan untuk melakukan kunjungan hormat kepada baginda Sultan di Istana Kampung Bahru. Para tetamu ditunjukkan tempat duduk mereka di bilik tamu yang berada di tingkat atas. Di sana, mereka duduk dalam barisan menghadap kerusi yang disediakan untuk Sultan. Curut diberikan kepada tetamu dan minyak wangi direnjiskan ke sapu tangan sementara hadirin menantikan kemunculan Sultan.

Apabila baginda memasuki bilik tersebut, semua orang berdiri dan tunduk. Pada sebelah malam Hari Keputeraan baginda, jamuan laman (garden party) diadakan di perkarangan Istana tersebut. Kehadiran baginda Sultan menyerikan majlis tersebut dan baginda berjalan-jalan di situ dengan dipayungi oleh payung kuning.

Tanda kebesaran diraja terserlah dalam satu peristiwa semasa Kelab Gimkhana Kedah mengadakan pertemuannya yang pertama di Alor Setar. Semasa Sultan Perak iaitu Sultan Iskandar sedang berjalan-jalan di laman dengan dipayungi oleh payung diraja, tanpa diduga Sultan Abdul Hamid muncul. Baginda turun daripada tempat diraja untuk berjalan-jalan, dan bentara memayungi baginda. Dengan segera, Sultan Iskandar memerintahkan bentara baginda sendiri supaya

menurunkan payung tersebut. Peristiwa ini merupakan contoh tentang rasa hormat dan protokol yang menarik perhatian.

Kisah bagaimana baginda Sultan "dicolek" telah pun disentuh tetapi ada baiknya diulangi.

Semasa Jepun menyerang negeri itu pada bulan Disember 1941, Tunku Abdul Rahman merupakan Pegawai Daerah di Kulim. Pada malam sebelum 'pencolekan' itu berlaku, Tunku sedang bertugas di Ibu Pejabat A.R.P. dan menerima mesej daripada abang iparnya iaitu Allahyarham Dato' Sri Syed Omar Shahabuddin bahawa British hendak memindahkan Sultan pada waktu subuh.

Pada malam yang sama, Tunku memutuskan bahawa ayahandanya wajar berada bersama-sama rakyat pada waktu gawat. Oleh hal yang demikian, Tunku memutuskan untuk menghalang pihak berkuasa daripada membawa baginda Sultan pergi. Maka, Tunku memperlengkapi dirinya dengan senjata, dan, bersama-sama dengan rakannya iaitu Syed Abu Bakar Al-Idrus, menunggu baginda Sultan di simpang Kepala Batas.

Kereta pertama dengan iringan polis bertolak pergi dan dua minit kemudian muncul Sultan berserta kereta Rolls Royce. Tunku Abdul Rahman menahannya, melompat masuk ke dalam kereta, dan memaksa permandunya menghalau ke arah Kulim. Hanya apabila tiba di Pulau Pinang barulah mereka yang turut serta sedar bahawa mereka tiba tanpa Sultan Kedah.

Selepas tergopoh-gapah membuat pertanyaan dan panggilan telefon, mereka mendapat kepastian bahawa baginda Sultan berada bersama-sama dengan Tunku di Kulim. Tunku berjaya membuat tindakan yang cemerlang itu kerana kereta yang bergerak dalam konvoi, berjalan dalam selang masa dua minit bagi mengelakkan debu. Tempoh dua minit tersebut memberikannya cukup masa untuk melencongkan kereta Sultan. Pada malam itu, Pulau Pinang dibom.

Tunku membawa ayahandanya ke tempat kediamannya di Kulim, dan apabila pihak Jepun kian hampir, Tunku meminta baginda dan Pemangku Raja ke tempat perlindungan yang disediakan khas di Estet Bukit Sidim iaitu di luar garis kemaraan Jepun. Mereka kekal berada di situ sehingga Jepun menghantar rombongan untuk mengiringi mereka kembali ke Alor Setar.

Apabila mereka sampai di ibu negeri Kedah itu, baginda Sultan, tidak tanpa meluahkan sebarang bantahan bagi pihak diri baginda, tidak dibenarkan bersemayam di Istana Kampung Baharu kerana Tentera Jepun mahu merampasnya. Maka, Pemangku Raja membawa baginda Sultan tinggal di Istana Anak Bukit dan di sutilah baginda mangkat pada tahun 1943, setelah memerintah selama 62 tahun. Persediaan untuk menyambut Jubli Intan baginda sedang berjalan apabila Jepun menyerang Kedah dan segala-galanya terbantut.

Secara kebetulan, tidak lama selepas askar Jepun menduduki Istana Kampung Baharu, petir menyambar tiang bendera Istana, membelahnya dari atas ke bawah, dan bendera Jepun jatuh menyembah bumi.

BAB LIMA PULUH EMPAT

PERTEMPURAN DI GURUN

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, jambatan kereta api di Alor Setar dimusnahkan sebahagiannya sahaja oleh pihak British. Sebaik sahaja Jepun tiba pada 13 Disember 1941, tanpa membuang masa, mereka merampas jambatan tersebut dan membaikinya.

Mereka mengumpulkan sekumpulan besar buruh tempatan dan dengan sangkur dihalakan kepada mereka, mereka dipaksa meletakkan galang kayu yang besar merintangi yang rosak. Menjelang malam, jambatan itu boleh dilalui. Kereta, trak, kereta perisai, kereta kebal dan kenderaan lain dapat menggunakan, bukan sahaja pada peringkat awal serangan malah untuk masa yang lama selepas itu.

Pembaikan tersebut membolehkan Jepun membawa perisai mereka dan pada malam yang sama juga, tentera British, bosan dengan peperangan dan keletihan, berundur ke Gurun yang terletak di kaki Gunung Jerai.

Kedudukan Gurun secara semula jadinya kukuh. Pintu air di kawasan itu - kawasan sawah padi yang paling luas di Kedah - dibuka untuk membanjiri sawah. Satu-satunya laluan tembus ke tasik besar ini ialah menerusi jalan utama utara-selatan.

Kubu barisan pertahanan sepatutnya dapat bertahan untuk beberapa lama tetapi kepantasan kemaraan tentera Jepun menghalang mereka daripada terus menggali. Mereka hanya siap sedia dalam tempoh tidak sampai tiga jam sebelum pesawat udara Jepun mengebom persimpangan jalan Guar Chempedak, bagi melindungi kemaraan lori yang membawa infantri, yang dibantu pula oleh kereta kebal.

Dua hari berikutnya merupakan hari yang paling berdarah. Dalam serangan dan serangan balas yang sengit di jalan antara Guar Chempedak dengan Gurun, beratus-ratus orang daripada kedua-dua belah pihak terbunuh. Bau busuk mayat mereka itu kekal untuk selama lebih daripada seminggu. Beberapa penduduk tempatan telah menaiki Gunung Jerai untuk mendapatkan pandangan jelas akan pertempuran tersebut.

Di Sungai Petani, pada pagi yang membawa maut 8 Disember 1941, semasa serangan udara Jepun yang bertubi-tubi itu, secara kiasan atau benar-benar, datang dengan mengejut, Encik Muhammad bin Man, Pengetua Kanan di Sekolah Ibrahim berserta seorang pengawas Serangan Udara, sedang memakai butnya apabila dua letusan hebat menggegarkan tempat kediamannya.

Pengawas Serangan Udara dijadualkan menjalankan latihan Pertahanan Awam pada pukul

9 pagi itu dan pada mulanya dia menganggap bahawa itu hanyalah sebahagian daripada latihan. Tetapi apabila melihat ke arah luar rumahnya, dia ternampak dua gumpalan asap yang amat besar naik berkepul-kepul di atas lapangan terbang kecil. Diketuai oleh juruterbang utama mereka, Kato, yang kemudiannya diagung-agungkan sebagai seorang "Dewa Udara Jepun", pihak Jepun telah mengenai sasaran kawasan simpanan petrol dan mengkibatkannya terbakar.

Lalu bergegas ke bandar, dia mendapati jalan-jalan dipenuhi orang ramai. Kebanyakan daripada mereka menganggapnya sebagai sebahagian daripada latihan yang dibuat seakan-akan benar. Mereka fikir pesawat udara tersebut ialah pesawat udara British. Sekumpulan budak kecil menjerit-jerit keseronokan apabila melihat pesawat itu berlebar-lebar di udara seperti helang.

Para pengawas tersebut dengan segera bertindak dan memberitahu orang ramai untuk mencari perlindungan. Nasihat mereka diperkuatkan apabila sebuah pesawat pejuang Jepun terbang rendah dan menembak jalan. Mujurlah tiada yang cedera.

Dua hari berikutnya, Sungai Petani dilanda kebingungan dan panik. Di mana-mana jua, keluarga menyumbatkan barang-barang mereka ke dalam kereta dan pedati dan berduyun-duyun keluar daripada bandar tersebut. Pejabat-pejabat kerajaan berfungsi sehingga hari Khamis, sebelum berpindah ke Kulim.

Pada hari Jumaat, dari segi ketenteraan, kedudukan British tidak dapat dipertahankan lagi dan pasukan tentera pada mulanya berundur ke Sungai Lalang dan kemudiannya ke Sungai Muda.

Beratus-ratus orang tentera Jepun, yang mengekori dengan rapat, kesemuanya berpakaian ringkas dan menyamarkan diri dengan daun palma dan daun-daun hijau yang lain. Sasaran utama mereka ialah lapangan terbang kecil yang ditawan oleh mereka tanpa terjejas, berserta dengan bekalan peralatan, peluru, bahan api dan bahan makanan yang amat banyak. Kesemuanya jatuh ke tangan mereka dalam keadaan baik dan ternyata amat berharga untuk operasi selanjutnya. Lapangan Terbang Sungai Petani ialah pangkalan pesawat pejuang untuk Tanah Melayu Utara dan kehilangannya merupakan tampanan yang sangat hebat kepada pihak British.

Dalam tempoh yang singkat, askar Jepun menduduki setiap ceruk bandar. Ibu pejabat tentera ditempatkan di bangunan Hongkong Bank sementara rumah rehat lama yang terletak di seberang jalan menjadi pejabat Kempeitai atau Gestapo Jepun yang digeruni.

Sementara itu, Kulim telah menjadi pusat pentadbiran bagi Kedah. Pihak kerajaan telah memindahkan wang ke situ. Sultan Kedah dan rombongan pengiring baginda berada di tempat kediaman Pegawai Daerah. Tunku Abdul Rahman dan Pemangku Raja serta kaum keluarganya berada di Rumah Rehat itu. Pekan tersebut berada di luar kawasan perperangan.

Pasukan tentera dari kawasan Baling, menghadapi ancaman dari Kroh dan Betong di Thai-

land, berundur ke Selama dan dari situ, mereka menyeberangi masuk ke Perak dengan melalui Kulim, yang dengan itu terselamat daripada kedahsyatan perang.

Untuk merapatkan jurang antara pasukan tentera di sempadan Kedah-Seberang Perai dengan yang ada di kawasan Baling yang bertindak sebagai barisan belakang di Titi Karangan sebelum berundur ke Selama, pihak British menghantar pasukan tenteranya untuk mengawal jambatan Batu Pekaka di Merbau Pulas, dekat Kuala Ketil. Hal ini merupakan peristiwa serangan Jepun yang berlanjutan, yang berkali-kali ditangkis pada 16 Disember.

Untuk sampai ke tempat itu, pihak Jepun dipandu oleh seorang Jerman yang kelihatan seperti pengurus getah British. Tatkala dia menghampiri jambatan yang musnah secara sebahagian, pengurus samaran itu memanggil pengawal Punjabi yang berada di sebelah hujung jambatan, yang mengisyaratkannya supaya menyeberang. Sebaik sahaja dia menghampiri pengawal tersebut, orang Jerman itu menerkamnya. Pengawal yang berwaspada itu sempat mempertahankan dirinya dengan mesin-gan ringan lalu menembak mati orang Jerman itu.

BAB LIMA PULUH LIMA

WAKTU AWAL PENDUDUKAN JEPUN

Pada hari pertama Pemerintahan Tentera Jepun, Alor Setar berada di bawah Kolonel Ohyama yang memakai gelaran "Choken" yakni Gabenor. Dia telah berkhidmat di Indo-China dan boleh bertutur bahasa Perancis dan Inggeris tetapi enggan bercakap bahasa Inggeris kerana bahasa tersebut ialah bahasa musuh. Hal ini menyukarkan urusan kerana dia tidak boleh bertutur bahasa Melayu.

Oleh hal yang demikian, seorang wanita yang telah berusia, Ohba San, yang telah lama menetap di Alor Setar dan berkahwin dengan penduduk tempatan, bertindak selaku jurubahasa. Tidak seperti kebanyakan jurubahasa lain, terutamanya mereka yang berbangsa Taiwan, yang amat sompong, dia bertimbang rasa dan suka menolong.

Salah satu daripada tindakan yang diambil oleh Jepun ialah menghantar perutusan ke Bukit Sidim, dekat Kulim, untuk membawa balik Sultan Kedah dan Pemangku Raja Kedah ke Anak Bukit. Sultan Kedah telah dijadikan Ketua Hal Ehwal Agama yang mengendalikan masjid, kadi, imam, arahan agama, sekolah agama dan perayaan agama.

Dalam bidang lain, pihak Pentadbiran berusaha mewujudkan semula corak Kerajaan British iaitu pegawai Jepun menduduki jawatan penting sementara pegawai Melayu dalam Perkhidmatan Awam Kedah menduduki jawatan eksekutif atasan. Sebagai contoh, Tuan Haji Muhammad Sheriff yang menjadi ketua Perkhidmatan Awam Kedah, dipertanggungjawabkan menerajui Jabatan Pentadbiran Am yang menguruskan pegawai daerah, lembaga kebersihan dan jabatan audit.

Adiknya, Tuan Haji Muhammad Arshad harus dipuji kerana memulihkan perkhidmatan pos dalam tempoh yang amat singkat. Bas mini digunakan untuk menghantar surat antara Alor Setar, Kulim dengan Sungai Petani.

Adiknya yang ketiga, Dr. Mustapha bin Osman bertindak menghentikan buat sementara Jabatan Perubatan dan seorang pembantu hospital bertindak sebagai pakar bedah negeri. Sebagai ketua Jabatan Kebajikan Masyarakat yang baru, dia dipertanggungjawabkan mentadbir perkhidmatan hospital, dispensari, kesihatan dan kebajikan masyarakat.

Dalam beberapa minggu pertama Pendudukan Jepun, dia bekerja hampir-hampir berseorangan diri menghadapi segala kesulitan yang hanya berkurangan selepas Tahun Baru apabila doktor dan kakitangan perubatan lain yang telah berpindah ke Kuala Lumpur semasa serangan hebat Jepun, kembali dan memulakan semula tugas. Mereka telah ke Kulim dan kemudian ke

Taiping, dan akhirnya ke Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur, mereka diberi pilihan sama ada hendak ke Singapura atau kembali ke Kedah.

Pentadbiran Jepun di Kedah, begitu juga di Tanah Melayu, mempunyai tiga matlamat utama - mengembalikan ekonomi negara kepada tahapnya sebelum perang, menggantikan pengaruh budaya Barat dengan pengaruh budaya Jepun, dan menghapuskan Komunis.

Dalam aspek kebudayaan, sasaran pertamanya ialah Bahasa Inggeris. Dasar pendidikan Jepun mempunyai tiga matlamat utama iaitu 1) memupuk *Nippon-Go* (bahasa Jepun) sebagai bahasa perantaraan Asia Tenggara; 2) menyemai *Nippon-Seishin* (semangat Jepun) ke dalam diri setiap orang, yang bermaksud, secara ringkasnya, disiplin keras, mematuhi pihak berkuasa secara membabi buta dan memberikan taat setia yang tidak kunjung padam kepada *Tenno Heika* (Maharaja); dan 3) melatih generasi muda menjadi rakyat Empayar Jepun yang berguna, cergas dari segi spiritual dan fizikal, untuk dikerahkan ke dalam sebarang bentuk perkhidmatan tentera atau negara.

Dalam usaha mencapai matlamat yang pertama ini, semua guru sekolah Inggeris dibuang, dan sekolah *Nippon-Go* dibuka. Tanda hormat cara Jepun, adab sopan dan resam Jepun, dan lagu-lagu Jepun diajar. Kemajuan *Nippon-Go* akan dianugerahkan kenaikan pangkat atau kenaikan gaji. Hal ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Jepun menjadi "pintu masuk" ke arah prospek hidup yang lebih baik.



Tuan Haji Muhammad Sheriff bin Osman menerajui Jabatan Pentadbiran Am di Alor Setar semasa Pendudukan Jepun

Ketua Jabatan Pendidikan atau "Bunkyo-ka", pada mulanya ialah Tuan Syed Mahathir Fada'ak iaitu seorang majistret yang tidak lama kemudiannya digantikan oleh seorang majistret Jepun. Sekolah Melayu tidak ditutup. Sekolah Melayu tidak mengajar bahasa musuh dan dibenarkan berjalan seperti biasa.

Pada mulanya, standard dikekalkan tetapi beransur-ansur terjejas apabila bekalan buku teks dan alat tulis kehabisan dan tidak dapat ditambah lagi.

Stok juga kehabisan. Di samping itu, semangat guru-guru jatuh disebabkan oleh kekurangan makanan, pakaian dan barang asas yang lain.

Dalam sektor ekonomi, semua estet getah yang milik orang Eropah diurus oleh *Syonan Gomu Kumiai* di bawah kuasa Pentadbiran Tentera Jepun. Tidak lama kemudian, kerja menoreh dan mengilang dimulakan semula oleh kakitangan yang kembali ke estet. Industri di Kedah bernasib baik kerana pegawai Jepun yang bertanggungjawab merupakan orang yang pernah menanam getah di Sumatera dan boleh bertutur bahasa Melayu.

Mereka memahami kesulitan yang dihadapi oleh para pemilik ladang getah dan Pengusaha Estet di Kedah iaitu mendiang Encik C.A. Panicker dan Penolong Pengusaha, mendiang Encik R.J. Augustin, secara perbandingannya menghadapi sedikit masalah untuk berhubung dengan mereka.

Kesemua getah yang dihasilkan di Kedah dibawa ke Pulau Pinang untuk dihantar dengan kapal ke Jepun. Penghantaran yang pertama dimusnahkan oleh suatu kebakaran yang berlangsung selama beberapa hari. Hal ini melewatkkan penghantaran yang selanjutnya dan getah dijual kepada orang awam yang menggunakan untuk mendapatkan minyak gred rendah sebagai menggantikan petrol yang semakin berkurangan lantaran meletusnya perang.

Minyak ini mudah terbakar tetapi perlu digunakan sedikit petrol untuk menghidupkan enjin. Minyak ini digunakan dengan meluas oleh para pemilik kereta dan bas tetapi dalam jangkama panjang, minyak ini merosakkan enjin terutamanya enjin pembakaran dalaman. Akan tetapi buat sementara, minyak ini dapat digunakan dan kenderaan dapat bergerak.

BAB LIMA PULUH ENAM

MEREKRUT I.N.A DAN LANDASAN KERETA API MAUT

Bertentangan dengan sikap bermusuhan dengan orang Cina kerana kecondongan mereka terhadap fahaman komunis yang dibenci dan ditakuti oleh mereka, orang Jepun berusaha memenangi hati dan fikiran kaum India. Sebab mereka berbuat demikian tidaklah sukar untuk diketahui.

Selepas kejatuhan Singapura pada bulan Februari 1942, Rash Behari Bose, dengan sokongan pihak Jepun, membentuk Liga Kemerdekaan India (Indian Independence League atau I.I.L.). Salah satu daripada matlamat utamanya ialah untuk melahirkan Tentera Kebangsaan India (Indian National Army atau I.N.A), yang kemudiannya dinamakan "Azad Hind Fauj", untuk berjuang demi kebebasan India.

Di Kedah, anggota-anggota penting masyarakat India menjadi pemimpin Liga tersebut, dan sebuah cawangan Negeri ditubuhkan dan beribu pejabat di Alor Setar.

Pergerakan mereka di Kedah mendapat galakan yang besar pada bulan Ogos 1942 apabila Subhas Chandra Bose datang ke Kedah untuk menaikkan sokongan kepada kedua-dua buah organisasi tersebut. Dia tiba di Singapura pada bulan terdahulu dengan menaiki kapal selam Jerman yang diberikan oleh Hitler untuk penggunaannya pada bila-bila masa.

Tiga bulan berikutnya iaitu pada bulan Oktober 1942, adiknya, Rash Behari Bose, mengadakan perhimpunan di padang sekolah Melayu di Sungai Petani. Disebabkan oleh ucapannya yang hangat dan propagandanya, ramai orang India menyertai I.I.L. dan I.N.A.

Slogan mereka ialah "Jai Hind!" (Semuga India Maju); dan setiap masa apabila mereka bertemu antara satu sama lain atau bercakap menerusi telefon, mereka memulakan perbualan mereka dengan slogan ini, yang seolah-olah seperti "Heil Hitler!" dalam bahasa Jerman Nazi. Setiap anggota Liga itu, lelaki atau perempuan, dikehendaki mengangkat sumpah taat setia, yang dijalankan oleh pegawai Liga tersebut.

Seperti yang telah diketahui, pihak Jepun menghantar sebilangan besar tawanan perang Eropah dari Singapura ke Thailand untuk membina "Landasan Kereta Api Maut" yang terkenal itu, dari Bangkok ke Rangoon. Di sebalik keadaan mereka yang mengaibkan, tawanan perang ini pandai membawa diri. Beberapa orang daripada mereka yang pernah menjadi ketua jabatan dan pegawai kanan di Kedah, disambut dengan hormat oleh bekas orang bawahan mereka tatkala kereta api yang membawa mereka ke utara, berhenti di Sungai Petani, Alor Setar dan Padang Besar.

Di stesen kereta api Padang Besar, seorang Penolong Pegawai Veterinar secara curi-curi

dapat menghulurkan sekeping dua wang \$100 (mata wang Selat) kepada bekas ketuanya. Pegawai British itu merupakan salah orang daripada mereka yang kembali dengan selamatnya.

Walau bagaimanapun, bilangan tawanan perang tidak mencukupi. Maka I.I.L. mengambil sebilangan besar buruh India yang bekerja dengan kereta api dan estet getah dan membawa mereka ke Thailand. Antara mereka ini ialah beberapa orang daripada Jabi Estate, Alor Setar, yang pengurusnya ialah sendiri. Hanya dua daripada 40 orang pulang dengan selamat.

Kisah yang diceritakan kepada saya oleh salah seorang daripada mereka baik untuk dipaparkan jika hanya untuk mendedahkan keadaan semasa mereka bekerja.

Dari Kedah, dia berkata, dia dibawa dengan gerabak barang Kereta Api Negeri-negeri Melayu Bersekutu (F.M.S.R.), yang diletakkan 32 orang ke dalam satu gerabak. Gerabak itu diperbuat daripada keluli, membakar mereka pada siang hari dan mendinginkan mereka pada waktu malam.

Perjalanan ke Bangkok mengambil masa selama 5 hari 5 malam. Mereka melalui Haadyai, Bandon, Chumphorn dan akhirnya sampai di sebuah tempat bernama Bampong. Dari situ, mereka bergerak melalui hutan tebal ke Kanchanaburi.

Keadaan di Kanchanaburi dan di kem kerja di landasan teruk sekali. Makanan yang diberi ialah bubur oat cair, sayur dan ikan kering; persekitaran tidak bersih; dan bekalan makanan dan jagaan kesihatan kurang dan menyediakan. Beratus-ratus orang menghidapi malaria, disenteri dan taun. Orang mati setiap hari dan kadar kematian adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar kematian tawanan perang. Anggaran kasar bilangan buruh yang mati semasa membina landasan tersebut ialah lebih kurang 80 000 orang.

Sebagai tanda timbang rasa kepada I.I.L., perlu dinyatakan bahawa senarai nama kesemua mereka yang pergi dari Kedah disimpan di pejabat I.I.L. di Alor Setar dan isteri serta tanggungan mereka dibayar eluan secara tetap yang diperoleh daripada tabung yang disediakan oleh Jepun.

Dari segi ketenteraan, anggota I.N.A. dilatih di bandar dan di estet sebelum mereka berjuang di barisan hadapan. Mereka tidak mempunyai senjata api dan berlatih dengan palang. Tetapi apabila mereka menjadi bertambah handal, mereka diberikan senjata, dan mengambil bahagian dalam gerakan kemaraan di Imphal yang berakhir dengan kemasuhan bagi pihak Jepun.

Di Kedah, kehidupan ramai orang India (begitu juga dengan orang lain) menjadi bertambah buruk. Kebanyakan daripada mereka hidup di estet. Pada hari-hari awal perpeperangan, pihak *Syonan Gomu Kumiai*, yang ditugaskan menjaga estet mempunyai simpanan beras, gula dan garam yang mencukupi. Tetapi apabila hari berganti minggu, dan minggu berganti bulan, bekalan menjadi semakin berkurangan.

Bekalan beras terutamanya dipotong dengan drastik dan buruh-buruh menambah makanan mereka dengan menanam sayur-sayuran untuk dimakan. Sekali-sekala, sekumpulan lelaki akan keluar melembing babi hutan untuk dijadikan makanan sebagai tambahan kepada diet mereka. Haiwan ini hidup di dalam hutan dan berkeliaran di estet serta mecabut pokok getah yang muda.

Dilengkapi dengan lembing dan anjing yang diikat dengan tali cawak, kumpulan itu menuju ke kawasan di mana babi liar dilihat. Tatkala sampai di tempat tersebut, anjing mereka dilepaskan. Sambil menyalak, anjing-anjing itu mengejar mangsa daripada persembunyiannya. Apabila babi hutan itu muncul di tempat terbuka, mereka lincah dan tangkas mengejarnya. Mengatasi babi itu, anjing-anjing tersebut meletihkannya sehingga babi itu terpaksa berhadapan untuk melawan anjing-anjing itu. Pada masa inilah, mereka sampai di tempat itu dan menikamnya.

Babi itu diselinap kulitnya dan dipotong di situ juga. Hasilnya diagih-agihkan sesama mereka. Sebagai balasan, buah zakar babi itu diberikan kepada anjing-anjing tadi.

Mengadakan sendiri sumber makanan merupakan cara buruh-buruh di estet mengekalkan kesihatan mereka semasa Pendudukan Jepun. Disertai dengan todi yang tidak digemari oleh I.I.L. selepas usaha mengharamkannya gagal, minuman ini menguatkan mereka untuk melawan penyakit kurang zat tatkala beratus-ratus orang rakan mereka yang menjadi buruh mati seperti lalat di "Landasan Kereta Api Maut".

BAB LIMA PULUH TUJUH

KEMPETAI YANG DIGERUNI

Seperti yang telah dinyatakan, Pentadbiran Tentera Jepun di Tanah Melayu mempunyai tiga matlamat utama iaitu memulihkan ekonomi Tanah Melayu sehingga mencapai tahap sebelum perang dalam konsep "Lingkaran Kesemakmuran Asia Timur Raya"; menggantikan budaya Barat dengan budaya Jepun seperti yang diperlihatkan dengan menunduk kepala dan bukannya berjabat tangan; dan menghapuskan Komunis.

Bagi Jepun, komunisme sama seperti kain merah kepada seekor seladang. Kebencian dan kebimbangan mereka terhadap komunisme berpunca daripada pengalaman kempen mereka di China. Mereka mendapati golongan Komunis merupakan musuh mereka yang paling ketat dan paling baik aturannya.

Lantaran itu, matlamat pertama Kempetai atau Polis Tentera ialah menghapuskan semua komunis atau sesiapa sahaja yang disyaki bersimpati dengan komunis, dan dengan itu anti-Jepun.

Untuk tujuan ini, mereka telah menggunakan beratus-ratus orang ampama (informer) daripada semua bangsa dan daripada semua jenis pekerjaan. Ampama ini "menghantui" setiap tempat dan mengakibatkan kesengsaraan beribu-ribu orang yang tidak terceritakan.

Bukti tidak perlu - syak wasangka sudah mencukupi. Sesiapa yang menaruh dendam terhadap seseorang boleh memberikan maklumat palsu, dan yang dituduh akan ditahan dan diseksa. Ramai musuh dalam selimut seperti ini mengkhianati kawan dan rakan kenalan.

Pengintip Jepun berada di mana-mana dan tidak selamat bagi sesiapa untuk mengatakan sesuatu kerana tiada siapa yang mengetahui siapa yang boleh dipercayai dan siapa yang tidak. Orang ramai sentiasa hidup dalam ketakutan.

Sebaik sahaja mereka datang, mereka mulai berkeliaran mencari sesiapa yang mempunyai tatu, yang menandakan keanggotaan pertubuhan rahsia. Selanjutnya, tanpa pertimbangan, mereka akan memberkas setiap orang Cina yang disyaki secara sembarangan.

Tindakan anti-Komunis yang paling digeruni berbanding dengan tindakan-tindakan lain ialah perbarisan pengecaman. Tanpa sebarang amaran langsung, seluruh penduduk Cina di sebuah kawasan akan diarahkan berkumpul di tempat terbuka yang tertentu. Ramai yang diheret tanpa sebarang alasan yang diberikan, dan mereka hilang begitu sahaja. Salah seorang daripada mereka yang malang ialah Encik Tan Liam Kee, seorang kerani kerajaan di Alor Setar.

Di Sungai Petani, sekumpulan besar guru di Sekolah Cina dan pelajar, pencuri serta penjarah, dikumpulkan dan ditahan di Bukit Kapor, berhampiran dengan padang awam. Dari semasa ke semasa, mereka dibawa secara berkumpulan dan dipenggal kepala mereka. Mayat mereka dikebumikan di tempat itu juga tetapi selepas perang, mayat mereka dikebumikan dengan cara yang sepatutnya di jirat Cina di Sungai Pasir.

Dalam satu lagi kejadian, di Estet Harvard, terdapat garison yang diperintah oleh seorang pegawai yang boleh bertutur bahasa Inggeris dengan fasih kerana dia telah bertahun-tahun tinggal di California. Di situ, dua orang lelaki telah ditembak mati di khalayak ramai kerana dituduh terlibat dalam kegiatan anti-Jepun. Penghulu yang mewakili Kerajaan tempatan, dipaksa hadir di tempat hukuman tersebut tetapi sempat mengalihkan pandangannya daripada melihat hukuman yang dahsyat itu.

Dalam menghadapi kekejaman seumpama ini, ramai pemuda Cina menuju ke gunung dan hutan rimba untuk menyertai gerila yang kemudiannya menjadi MPAJA (Tentera Anti-Jepun Penduduk Tanah Melayu). Mereka lebih menggemari kesusahan hidup dalam hutan daripada hidup selesa di bandar, dan daripada berada dalam cengkaman pihak Jepun. Mereka secara beransur-ansur meningkatkan gerakan penentangan dan ternyata menjadi duri dalam daging kepada Jepun.

Mereka yang tinggal di bandar tertakluk pada pengawalan yang ketat. Setiap orang didaftarkan di tempat masing-masing. Semua pergerakan dikawal. Seseorang yang berhasrat hendak keluar daripada rumah untuk satu malam, terpaksa memperoleh kebenaran dari penghulu dan juga dari penghulu di tempat yang ditunjunka.

Memiliki gambar Jeneral Chiang Kai-shek, radio, bendera Union Jack, dan bersekutu dengan orang yang disyaki mempunyai sentimen anti-Jepun dan mereka, yang dengan apa cara juu, yang mungkin menjelaskan usaha peperangan merupakan perbuatan jenayah.

Salah seorang daripada mereka yang ditangkap ialah mendiang Encik Ooi Ah Kow, yang bertahun-tahun lamanya menjadi wartawan akhbar "Straits Echo" di Alor Setar. Dia dituduh menulis sesuatu yang menjelaskan pihak Jepun. Ditahan untuk disoal siasat, dia diterajang, ditumbuk, ditampar dan digasak dengan teruk sekali.

Dia berasib baik kerana dia terlepas daripada menjalani seksaan "minum wain Tokyo" selain seksaan "minum air". Dia dibebaskan terutamanya menerusi jasa baik seorang pegawai tempatan yang disenangi dan dihormati oleh pihak Jepun dan dia pulang ke rumah dalam keadaan tidak bermaya dan tidak bersemangat, dengan syarat dia menulis untuk akhbar "Penang Shimbun", iaitu sebuah akhbar bahasa Inggeris yang diterbitkan di Pulau Pinang.

Pengarang sendiri lebih berasib baik berbanding dengan Ah Kow dalam menghadapi Kempetai. Apabila dia kembali ke Alor Setar tidak lama selepas Hari Tahun Baru 1942, Ketua

Kempetai mengarahnya datang ke pejabatnya. Tatkala soal siasat baru sahaja hendak dimulakan, masuk seorang pegawai perhubungan iaitu Leftenan Toda.

Toda mengenali Tunku Abdul Rahman dengan baik, dan sudah menjadi suratan takdir, pengarang dan isterinya pernah tinggal bersama-sama dengan saudara kandung Tunku iaitu Tunku Habsah serta abang ipar Tunku iaitu Syed Sheh Shahabuddin di Kulim pada hari pertama serangan Jepun. Daripada mereka, dia dapat tahu bagaimana Jepun telah merampas kereta Tunku dan bagaimana Toda, yang mempunyai kelulusan Universiti, telah mencarinya dan mengembalikannya kepada Tunku.

Semasa Ketua Kempetai keluar kerana sesuatu hal, pengarang menceritakan kisah tersebut kepada Toda yang kemudiannya mengatakan "Sayang sekali".

Apabila Ketua Kempetai itu masuk semula, Toda bercakap dengannya dalam bahasa Jepun. Pengarang tidak mengetahui apa yang diperkatakan tetapi dia mungkin telah menjamin pengarang kerana selepas bercakap dengan Ketua itu, Toda memberitahu penulis bahawa dia boleh pulang.

Dengan rasa amat terkejut dan amat bersyukur kepada Tuhan, pengarang yang menyangkakan bahawa dia akan ditakut-takutkan, dibelasah dan malahan disumbat ke dalam penjara kembali ke rumah menemui keluarga yang sedang menanti dengan gelisah.

BAB LIMA PULUH LAPAN

MENYESUAIKAN DIRI DENGAN PENDUDUKAN JEPUN

Dalam meramalkan perperangan akan meletus, pihak Kerajaan Tanah Melayu pada tahun 1940 mula menyimpan stok beras di Kilang Beras Kerajaan yang terletak di Anak Bukit. Beras tersebut dibubuh kapur supaya boleh disimpan lama. Apabila bekalan beras berkurangan semasa perang kerana hasil yang menurun serta ketiadaan beras import, pihak berkuasa Jepun mengeluarkan beras yang dibubuh kapur itu untuk kegunaan tempat-tempat lain di Semenanjung Tanah Melayu.

Beras tersebut boleh dimakan tetapi segala kesan kapur terpaksa dibersihkan sepenuhnya sebelum ditanak. Ramai orang tidak mengetahui hal ini. Akibatnya, mereka mengalami sakit perut yang teruk tetapi mereka membelinya pada bila-bila yang boleh kerana mereka terpaksa makan ubi kayu dan keledek. Hal ini terjadi dalam sebuah negara yang penggunaan beras puratanya ialah 16 auns setiap orang setiap hari.

Oleh sebab hidup di negeri jelapang padi, penduduk Kedah lebih bermasib baik dalam hal ini. Ini kerana Jabatan Pertanian atau "Nomu-ka", yang ketua eksekutifnya ialah Tunku Yaakub, beras yang baik sentiasa boleh diperoleh di Kedah Utara. Penduduk yang tinggal di desa dapat menyimpan secara curi-curi (stok lebihan akan dirampas oleh pihak tentera) dan mereka menumbuk padi menjadi beras apabila diperlukan.

Kesulitan yang paling besar ialah ketiadaan pengangkutan. Kereta sukar didapati dan pengayuh beca tidak dapat membawa banyak barang. Reverend Father Paul Vong menyelesaikan masalah ini dengan cara yang lurus dan unik. Dia ada mengendalikan rumah anak yatim di Pagar Tras di Seberang Perai iaitu hanya di seberang sempadan selatan Kedah. Dia terpaksa memberi makan kepada ramai orang.

Maka dia mendapatkan sebuah lanca usang, memasangkannya dengan batang yang panjang, memasang abah-abah kepadanya, dan melatih kuda padi untuk menghelanya. Dia bertanggungjawab menjaga orang Cina Katolik di Kedah dan secara berperingkat-peringkat, dia perlahan-lahan bergerak ke pedalaman, berhenti di pertengahan perjalanan di beberapa tempat untuk melihat-lihat kudanya itu.

Dengan kasoknya (jubahnya) yang dibasahi peluh dan topi pelindung panas, dia seorang yang disegani dan dilayan dengan penuh hormat. Perjalanan pergi dan baliknya itu mengambil masa selama 10 hari tetapi dia sentiasa pulang dengan beras yang mencukupi untuk memberi

makan anak yatimnya dan ibu yang tua.

Pihak Jepun memberikan perhatian yang besar kepada penanaman beras dan menguji jenis padi yang berbuah dalam jangka masa singkat. Dari semasa ke semasa, seluruh kakitangan pejabat dibawa keluar pada waktu pejabat dan disuruh menanam padi di sawah yang terdapat di sekitar Alor Setar. Hal ini mengingatkan kisah guru Inggeris yang terkenal bernama John Ruskin (1819-1900) yang menyuruh anak muridnya membuat kerja kasar untuk memberikan penekanan kepada mereka tentang maruah buruh.

Satu lagi hasil pertanian, tambahan kepada ubi kayu, keledek, kacang soya dan tanaman makanan yang lain, ialah kapas. Ujikajinya tidak berjaya.

Di samping pengeluaran beras, Jabatan Pertanian mengendalikan hal ehwal persatuan koperasi, pesta ria mingguan, perparitan dan pengairan serta urusan veterinar. Berkurangnya binatang temak, terutamanya kerbau dan lembu, menjadikan penanaman padi dengan teruk. Banyak kawasan tidak dapat mengeluarkan hasil sama sekali lantaran lembu dibawa ke arah selatan untuk dijadikan makanan oleh tentera.

Dalam keadaan yang berubah ini, tidaklah menjadi sesuatu yang pelik apabila seseorang itu diberikan tugas yang tidak secocok dengannya. Sebagai contoh, seorang guru Inggeris dipertanggungjawab mengendalikan bekalan elektrik di Sungai Petani, Ketua Jabatan Kerja Raya di Kedah diletakkan di bawah orang yang langsung tidak mempunyai pengetahuan tentang kejuruteraan awam, dan Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai juruaudit. Beliau kemudiannya berkata "Tetapi saya langsung tidak melihat walau sebuah buku akaun pun".

Walau bagaimanapun, jentera kerajaan tidaklah berhenti sepenuhnya. Dalam separuh pertama tahun 1943, sebelum Jepun menyerahkan Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu kepada Siam, "Chokan" atau Gabenorinya ialah Mejor Jeneral Sukegawa. Pentadbirannya terbahagi kepada tiga biro utama iaitu Biro Pentadbiran Am atau "Somu-bu", Biro Industri atau "Sango-bu" dan Biro Kewangan dan Industri atau "Zaimu-bu". Biro keempat iaitu Biro Agama atau "Shamuin" diletakkan di bawah Sultan dan tidak dicampuri urusannya.

Dalam hal ehwal agama di Kedah, pihak Jepun tidak campur tangan. Kuil dan gereja berjalan seperti biasa di tempatnya yang dahulu kecuali di Sungai Petani kerana kawasan gereja Katolik diambil alih oleh Tentera Udara. Pada mulanya, para penganutnya menjalankan upacara sembahyang di Dewan Freemason tetapi kemudian di kilang air berudara yang tidak digunakan.

Pada waktu-waktu awal perang, sebelum tanah gereja tersebut diambil alih, paderinya,

Reverend Father (sekarang Ketua Biskop) Vendargon mengalami pengalaman yang mengganggu perasaan.

Pada satu malam, sebuah pesawat udara British mengebom lapangan terbang berhampiran. Pihak Jepun dengan segera bertindak memburu askar payung terjun. Dalam pencarian mereka itu, mereka ternampak api daripada sebuah pelita minyak yang kecil di tempat kediaman orang gaji di gereja tersebut. Dengan segera mereka menangkap Father Vendargon dan mengheretnya ke ibu pejabat mereka. Di situ, dia telah disepak dan ditampar, dibelasah dan juga diperlakukan dengan kasar. Seksaan ini berjalan terus hingga keesokan hari sehingga dia dapat meyakinkan Pegawai Pemerintah bahawa dia tidak melakukan apa-apa kesalahan. Dia seorang paderi dan menjadi kewajipannya untuk akur dan menghormati pihak berkuasa seperti yang disuruh oleh ajaran Petrine. Akhirnya, dengan lebam-lebam dan luka-luka, dia dibenarkan pulang.

BAB LIMA PULUH SEMBILAN

HARI PEMBEBAAN

"Hari Pernbebasan" Kedah selepas Jepun menyerah diri pada 15 Ogos 1945 ialah pada 17 September. Pada hari tersebut, pasukan tentera British yang pertama kembali selepas mengundurkan diri mereka pada bulan Disember 1941. Mereka ialah tentera Regimen Diraja Sussex. Mereka datang dengan trak tentera dan selepas menurunkan pasukan pendudukan di Sungai Petani, mereka bergerak ke Alor Setar dan sampai pada waktu senja. Bendera dinaikkan di setiap rumah di kedua-dua buah bandar tersebut dan jalan-jalan dipenuhi orang ramai yang menunjukkan perasaan gembira yang amat sangat dan menyatakan kesyukuran.

Pendudukan semula tersebut boleh dibahagikan secara umumnya kepada dua segi iaitu ketenteraan dan awam.

Dari segi ketenteraan, pasukan tentera British mengambil alih pos pengawal yang dikendalikan oleh Jepun sementara menunggu ketibaan mereka. *British Field Security* (Pasukan Polis British) menggantikan Polis Tentera Jepun tetapi dilarang oleh Laksamana Lord Louis Mountbatten iaiti Komander Tertinggi Bersekutu bagi Ketumbukan Asia Tenggara (SEAC) yang berkelakuan kebudak-budakan dan mendatangkan rasa malu kerana kalah.

Penyerahan diri secara rasmi oleh Jepun berlangsung di lapangan terbang Sungai Petani dalam dua peringkat.

Dalam peringkat pertama iaitu pada 6 Oktober, lebih daripada 4000 orang Tentera Laut Jepun dan 400 orang awam Jepun yang sudah berusia menyerah diri. Mereka telah ditugasi di Pulau Pinang dan selepas penyerahan tersebut, mereka ditahan di Bedong.

Mereka bergerak, di bawah kawalan, sejauh kira-kira 10 batu dari kem mereka ke lapangan terbang, di sepanjang jalan utama. Pihak Jepun telah menerangkan kedua-dua belah jalan tersebut yang ditumbuh pokok getah untuk membolehkan kapal terbang mendarat jika berlaku kecemasan.

Upacara penyerahan diri diadakan di bawah sinaran matahari yang terang-benderang dan berlangsung selama dua setengah jam. Askar-askar daripada Regimen Diraja Sussex ke-9, Gurkha ke-3, Baluchi 14/10 dan Punjabi 7/15 berbaris di padang perbarisan. Panjangnya pasukan tentera yang menyerah diri di padang itu ialah kira-kira suku batu.

Penyerahan diri itu diterima oleh Brigadier A.C.W. Cargill, Pegawai Pemerintah Briged Infantri India ke-74. Dia diapit oleh detasmen kecil askar yang sedia bersenjata dan sangkur yang terpasang, yang dikatakan oleh seorang bekas pejuang Perang Dunia Pertama sebagai "penyungkil gigi" kerana sangkur (benet) tersebut, secara perbandingannya, begitu kecil.

Perjalanan upacara itu bermula apabila teriakan perintah "Divisyen Tentera Laut Jepun akan menyerahkan pedang!" kedengaran.

Sebaik sahaja selepas itu, datang perintah yang kedua, "Pasukan pemeriksa mulakan pemeriksaan!"

Setelah pasukan pemeriksa memeriksa tawanan tersebut dengan cekap dan menyeluruh, datang perintah ketiga, "Divisyen Tentera Laut Jepun akan menyerahkan pedang!"

Lantaran itu, seorang demi seorang pegawai Jepun berjalan ala "goose-step" ke arah pangkalan tersebut, menanggalkan pedang mereka dan meletakkannya di atas tanah.

Kesemua 400 orang pegawai tersebut melakukannya. Antara mereka ialah Laksamana Uzumi iaitu bekas Komander Tentera Laut Jepun di Pulau Pinang. Dua orang Pegawai Tentera Laut Jepun berpangkat tinggi pengsan semasa berlangsungnya upacara tersebut.

Dalam upacara penyerahan diri secara rasmi yang kedua di tempat yang sama, yang berlangsung dua hari berikutnya, seramai 9000 orang Tentera Jepun daripada Divisyen ke-94 dan 800 orang awam, diketuai oleh Jeneral Inouye, menyerahkan pedang mereka di hadapan Mejar Jeneral G.N. Wood iaitu Komander Divisyen India ke-25. Sekali ini, pedang tersebut diletakkan di atas meja dan upacara tersebut mengambil masa dua kali lebih lama daripada upacara yang pertama.

Selepas ini, tawanan perang bergerak ke kem tahanan dan menunggu untuk dihantar balik. Kebanyakan mereka ditempatkan di berek yang terletak di lapangan terbang tersebut. Di sana, sekumpulan daripada mereka ini ditugaskan setiap pagi untuk membersihkan kekotoran akibat perang.

Salah satu daripada tugas yang diuntukkan kepada mereka ialah menggali tulang mangsa seramai 130 orang Cina yang telah ditahan pada bulan Mac 1942 dan dipenggal kepala mereka di Bukit Kapor, berhampiran dengan padang Sungai Petani.

Semasa menjalankan pemeriksaan, pihak *British Military Security* telah menemui sebuah kubur besar yang tertanam tulang dan tengkorak mangsa yang telah diseksa dengan kejamnya

dalam suatu tempoh. Saki-baki mayat mangsa tersebut dikumpulkan dalam bakul dan disemadikan semula dengan cara terhormat di perkuburan Cina di Sungai Pasir.

Satu lagi penemuan yang "mengerikan" ialah sebuah kem buruh Jawa yang pulang dari "Landasan Kereta Api Maut" di Thailand. Mereka menjadi buruh paksa di lombong kawasan Gurun. Lapan puluh orang mati dalam tempoh tiga bulan dan sebahagian besar daripada mereka yang hidup menghadapi pemakanan yang tidak seimbang pada peringkat yang teruk.

Walau bagaimanapun, tawanan perang Jepun tersebut membawa diri mereka dengan semangat berani dan kawalan kendiri sepertimana yang dilakukan oleh rakan British mereka semasa berada dalam keadaan yang sama.

BAB ENAM PULUH

KEGAGALAN PENGAMBILALIHAN OLEH MPAJA

Cubaan mengambil alih Alor Setar oleh Tentera Anti-Jepun Penduduk Tanah Melayu (MPAJA) semasa penyerahan diri tentera Jepun pada bulan Ogos 1945 telah digagalkan. Sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh tindakan tegas dan berjaga-jaga yang diambil oleh Tuan Haji Muhammad Sheriff iaitu Setiausaha Kerajaan.

Pihak MPAJA berancang untuk memasuki Alor Setar dari utara dan mengambil alih pentadbiran. Untuk tujuan ini, mereka telah pun menyediakan senarai nama orang yang akan dilantik oleh mereka menduduki jawatan penting.

Bahagian penduduk yang tidak fikir banyak dengan terburu-buru mengumpulkan lori dan bertolak ke Jitra untuk menemui dan mengiringi pasukan yang bakal tiba. Apabila merka sampai di Jitra, mereka berkumpul di padang sekolah Melayu.

Sementara itu Tuan Haji Muhammad Sheriff yang telah mendapat khabar tentang cubaan pengambilalihan tersebut, menghubungi pihak berkuasa Tentera British melalui telefon. Mereka pula menghubungi pihak Jepun dan seorang pegawai *Force 136* (Pasukan 136) ditugaskan untuk menghalang perarakan dari Jitra tersebut sementara pihak Jepun mengadakan sekatan jalan di Jalan Alor Setar-Jitra.

Hasil daripada langkah segera yang diambil, kemasukan MPAJA ke bandar Alor Setar dihalang dari awal-awal lagi. Orang ramai yang berkumpul di Jitra, menunggu sehingga pukul 10 malam sebelum mereka bersurau akhirnya. Mereka yang kembali ke Alor Setar diarahkan meletakkan tangan di kepala apabila mereka melepassi sekatan jalan.

Pasukan tentera British yang pertama tiba pada bulan September. Pasukan ini merupakan sebahagian daripada pasukan yang telah mendarat di Pulau Pinang pada 3 September. Mereka disambut dengan tangan terbuka. Suasana mesra amat terasa dan keluaran British seperti rokok, bir, wiski, brandi, cokelat dan barang mewah lain muncul kembali. Semasa Pendudukan Jepun, perokok terpaksa menghisap rokok yang diperbuat daripada daun betik yang kering. Sementara orang yang kuat minum, minum arak tempatan. Sebagai menggantikan gula, mereka menggunakan gula kabung.

Kemaraan kumpulan tentera itu diikuti rapat oleh para pegawai Pentadbiran Tentera British

(BMA), yang kebanyakannya daripada mereka adalah kawan lama. "Pegawai Kanan Hal Ehwal Awam" ialah Kolonel E.V.G. Day yang pada masa serangan Jepun menjadi Penasihat British di Perlis. Sewaktu dia menjadi kadet (1923-1925), dia berkhidmat di Alor Setar dan di sana dia menjawat tiga jawatan sekali gus - "Setiausaha kepada Penasihat British", "Setiausaha Lembaga Bandar Alor Setar" dan "Pegawai Pelesenan Kenderaan".

Dia kembali dan berikrar, "untuk mengembalikan kegembiraan yang telah dirampas oleh Jepun kepada rakyat".

Salah satu daripada tindakan pertama BMA ialah mengisi tabung Perbendaharaan. Bagaikan gerobok si ibu tua yang terdapat dalam puisi kanak-kanak karya Hubbard, pihak Jepun mendapatinya kosong tatkala mereka sampai. Mereka telah memerintahkan masyarakat Cina mengumpulkan wang sebanyak \$20 juta dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam menghadapi ancaman langsung ini, Dewan Perniagaan Cina Kedah telah mendapatkan wang tunai dan barang kemas yang dinilai olehnya.

Walau bagaimanapun sebelum British masuk kembali, Tuan Haji Muhammad Sheriff telah memanggil Encik Lee Ewe Boon (kemudian menjadi Pegawai Kewangan Negeri Kedah yang pertama) untuk menyediakan satu senarai lengkap tentang segala pelaburan Kerajaan Kedah di seberang laut.

Encik Lee Ewe Boon merupakan orang penting dalam Perbendaharaan Kedah sebelum meletusnya perang. Dia telah menyimpan segala butir dan oleh itu, dia dapat menunjukkan bahawa Kedah mempunyai pelaburan yang berjumlah \$20 juta dalam bentuk sekuriti yang kukuh di seberang laut. Maka, Tuan Haji Muhammad Sheriff menyediakan sebuah memorandum dan menyerahkannya kepada pihak berkuasa British.

Tindak balas segera diterima. Wang kertas bank dalam peti dibawa masuk. Peti-peti tersebut sungguh banyak sekali sehingga bilik kebal yang terdapat di Perbendaharaan tidak dapat menempatkan kesemuanya. Oleh hal yang demikian, Overseas Chinese Bank, yang pengurusnya ialah Encik Lim Cheng Chye, diminta menyimpan sebahagiannya. Malah bilik kebal Bank itu pun tidak dapat menyimpan kesemuanya, dan dua tiga peti terpaksa disimpan di dalam pejabat yang dikawal oleh pengawal.

Sesetengah optimis yang memiliki wang 'pokok pisang' dan menganggap bahawa wang itu ada nilai, sekalipun sedikit, amat kecewa kerana pihak BMA dengan segera menurunkan nilai mata wang Jepun itu hingga ke paras sifar.

Tidak lama kemudiannya wang sah laku yang dibawa oleh BMA berada dalam peredaran dan ekonomi Kedah mula bermasalah kembali dengan cepat. Kecuali beberapa buah estet getah seperti Jabi (yang pengeluarannya diteruskan oleh pengarang sendiri sepanjang Pendudukan Jepun dan sebagai penghargaan, Pengarah estet telah memberinya bonus apabila mereka kembali), pengeluaran hasil getah telah merosot dengan banyaknya semasa perang. Ladang getah kini mula kembali mengeluarkan hasil dan berserta pengeluaran beras tempatan yang turut meningkat, pembinaan semula ekonomi maju ke hadapan dan menjelang tahun 1947, memecah semua rekod.

Penurunan nilai mata wang Jepun dihalang oleh beberapa orang pegawai kerajaan yang berhutang wang dengan Kerajaan kerana membuat pinjaman. Mereka mengambil kesempatan untuk menyelesaikan hutang yang dibuat dengan dewan perniagaan di Pulau Pinang semasa sebelum perang. Semasa Pendudukan Jepun, mereka membayar hutang-piutang mereka itu kepada Penyimpan Harta Musuh Jepun di sana.

BAB ENAM PULUH SATU

KEGIATAN SOROK BARANG DAN PENCATUTAN

Sebagai tanda kejayaan Pihak Berikat dan merayakan pendudukan semula tersebut, sebuah jamuan makan malam besar-besaran diadakan di Istana Anak Bukit. Seratus lima puluh tahun sebelum ini, juga di Anak Bukit, sebuah jamuan telah diadakan untuk merayakan pembebasan Kedah daripada pemerintahan Thai.

Serangan gerila yang hebat telah mengakibatkan pendudukan Thai tidak boleh dipertahankan dan Gabenor Thai di Kedah iaitu Phya Nuchit telah menulis surat kepada bapanya, Raja Ligor untuk mengatakan bahawa dia tidak dapat mempertahankan lagi Kedah. Oleh sebab tidak dapat menghantar tenaga bantuan ke Kedah kerana berperang dengan Burma, Raja Ligor telah menawarkan jawatan gabenor kepada Tunku Anum iaitu cucuanda Sultan Ahmad Tajuddin, yang menjadi orang yang disenangi dan dihormati oleh pihak Thai yang telah menjadikannya Raja Kubang Pasu. Tunku Anum menerima jawatan tersebut untuk membuka jalan bagi kepulangan nenekandanya.

Perasaan girang yang sama seperti yang menyelubungi mereka yang menyambut Tunku Anum berulang apabila British kembali pada tahun 1945. Tunku Abdul Rahman mengadakan jamuan makan malam sebagai penghormatan kepada gerila Melayu di Kota Che Menjelara. Para Pegawai Pentadbiran Tentera British (BMA) termasuk beberapa orang daripada Force 136 turut hadir di majlis berkenaan. Masyarakat Ceti menjamu seramai antara 2500 hingga 3000 orang di kuil mereka yang terletak di Jalan Bahru.

Namun begitu, kegirangan tersebut tidak lama. Akibat perperangan, makanan dan barang keperluan lain amat kekurangan. Dalam keadaan ini, pencatutan dengan menyorok barang dan rasuah bermaharajalela, sehingga tempoh ini yang diletak di bawah BMA dikenali sebagai "Black Market Association" (Persatuan Pasaran Gelap)

Hal ini telah menyebabkan pihak BMA memperkenalkan kawalan makanan. BMA menyenaraikan lebih daripada 100 jenis barang yang tidak boleh dijual melebihi harga tertentu. Harga beras, sebagai contoh, ditetapkan pada harga 45 sen segantang, gula pada harga 12 sen sekati dan minyak kelapa pada harga 15 sen sebotol. Walau bagaimanapun, senarai harga itu lebih banyak dilanggar daripada dipatuhi kerana pihak berkuasa tidak berupaya menguatkuasakan kawalan.

Beras terutamanya amat diperlukan. Kelengkapan telah hilang, kerbau telah dikorbankan untuk dijadikan makanan Tentera Jepun, kenderaan telah dimusnahkan dan banyak kawasan telah terhenti pengeluarannya dan mengakibatkan kemerosotan dari segi hasil. Lantaran itu, harga beras melambung tinggi pada harga \$2 segantang dan kakitangan Kerajaan terpaksa menghantar satu

petisyen kepada Pegawai Kanan Hal Ehwal Awam (SCAO). Mereka merungut kos sara hidup yang tinggi dan meminta catuan diadakan. Untuk mengatasi keadaan ini, pihak BMA mengimport beras dari India dan Burma dan mengagih-agihkannya secara percuma. Tetapi kuantitinya tidak mencukupi dan terpaksa ditambah dengan cara membelinya di pasar gelap.

Kakitangan bukan kerajaan menderita teruk akibat kuantiti beras yang tidak mencukupi dan harga beras yang tinggi. Badan awam seperti Persatuan Cina Seberang Laut Kedah mewujudkan pusat bantuan di Alor Setar. Persatuan ini membentuk "The People's Self-Help Society" (Persatuan Bantuan Diri Rakyat) yang mewujudkan pusat untuk orang susah daripada berbilang bangsa mendapat makanan percuma dua kali sehari. Di samping itu, BMA membekalkan beras kepada gerai makan tertentu dengan harga yang terkawal supaya makanan murah dapat diperoleh daripada gerai tersebut.

Pihak BMA juga menempatkan dan memberi makan kepada 100 orang miskin di Tongkang Yard di Seberang Perak. Di Tanjung Pauh, Jitra, BMA mewujudkan kem penerimaan untuk 3000 orang pelarian dari Thailand.

Di Sungai Petani, 2500 orang miskin India dikumpulkan dan ditempatkan di Hospital Kumpulan Sungai Petani. Mereka ini diberi makan setiap hari. Kira-kira sepertiga dijangkiti ulser dan dirawat oleh Mejaz A.G. Dumoulin, Kor Perubatan Tentera Diraja (RAMC) dan Dr. L.S. Abraham.

Di Kulim, di mana Naib Lettenan Udara Logan menjadi Pegawai Hal Ehwal Awam dan Syed Abdul Rahman menjadi Pegawai Daerah, dapur dan klinik dibuka di setiap kampung untuk orang sakit dan memberi makan orang miskin. Untuk menggalakkan pesawah padi menanam padi, pihak BMA memberikan pinjaman kecil kepada mereka dan menubuhkan persatuan koperasi.

Meskipun usaha giat diambil untuk membendung kos sara hidup yang melambung tinggi, namun pihak berkuasa tidak dapat mengawal harga. Maka pada penghujung bulan Oktober, seperti juga di bahagian-bahagian lain di Tanah Melayu, Kedah menghapuskan kawalan harga kecuali beras pada harga 48 sen segantang, gula pada harga 12 sen sekati dan garam pada harga 5 sen sekati.

Meskipun begitu, mereka tidak dapat melaksanakan kawalan yang berkesan. Para pemeriksa barang makanan terkawal secara tetap memeriksa kilang beras dan memeriksa stok beras tetapi mereka mendapatinya mustahil untuk menyekat kegiatan sorok dan penyeludupan. Mereka tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi dan sebaliknya harga beras naik 50 peratus iaitu 72 sen segantang.

BAB ENAM PULUH DUA

KOLEJ SULTAN ABDUL HAMID KEMBALI BERFUNGSI

Salah sebuah sekolah Inggeris yang pertama dibuka selepas Pembebasan tersebut ialah Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar. Sekolah ini mula berfungsi semula pada 15 Oktober 1945 - dalam tempoh enam minggu setelah kembalinya pasukan tentera British.

Pemulihian sekolah tersebut dalam tempoh masa yang singkat, yang mengagumkan dan luar biasa itu diabadikan dalam majalah kolej tersebut. "Darulaman" muncul semula pada Hari Natal, 1945.

Dalam mesej kepada majalah tersebut, Almarhum DYMM Sultan Badlishah antara lain bertitah:

"Beta kagum akan usaha Pentadbiran Tentera British dalam menghidupkan semula Kolej Sultan Abdul Hamid begitu cepat selepas penyerahan diri dan penyerahan senjata oleh pasukan tentera Jepun yang menduduki Kedah.

Hura-hara yang dibawa oleh Perang dan padahnya yang menimpa kehidupan dan harta benda sama ada orang perseorangan atau awam, dirasai di seluruh Negeri Kedah; kesan-kesan kemusnahan dan penjarahan dapat dilihat di mana-mana sahaja, dan Kolej ini tidak terkecuali.

Tambahan pula apabila diingati bahawa Kolej ini diduduki oleh Jepun secara berterusan selama hampir empat tahun maka tidak hairanlah apabila melihat banyaknya kemusnahan yang terjadi dan keadaan yang sangat kotor yang ditinggalkan di Kolej ini.

Beta mengerti bahawa Kolej ini kini tidak mempunyai perabut, buku teks dan kemudahan moden lain yang mencukupi; sedikit masa diperlukan untuk memulihkan keadaan. Di samping itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang cenderung membantunkan pemulihian Kolej ini. Kemiskinan yang berleluasa dan peningkatan kos sara hidup yang bermaharajalela kini akan menghalang ramai ibu bapa daripada menghantar anak mereka ke Kolej ini.

Pemberhentian selama hampir empat tahun dalam usia persekolahan membawa perubahan terhadap sikap pelajar terhadap pembelajaran dan disiplin Kolej. Di samping mereka mungkin telah lupa akan apa yang telah dipelajari pada masa lalu dan sedikit masa diperlukan untuk membolehkan Kolej ini bernafas dan bertenaga kembali. . ."

Sesungguhnya Kolej tersebut berada dalam keadaan yang sangat kotor. Tunku Abdul Rahman yang menjadi Pengusaha Pendidikan membawa Kapten P. Whitworth, Pegawai Petugas

Pendidikan BMA untuk melihat premis Kolej tersebut. Penduduk tempatan telah 'menyerang' tempat tersebut selepas ditinggalkan oleh Jepun dan mereka mencoretkan segala bentuk kata-kata lucu di dinding.

Apabila Kapten Whitworth bertanya kepada Tunku tentang maksud kata-kata itu, Tunku menjawab bahawa kata-kata itu 'sangat teruk" tetapi tidak menjelaskan lebih lanjut!

Rasa waswas yang dinyatakan oleh Sultan Badlishah dalam bahagian mesej baginda yang satu lagi (yang memberikan gambaran yang amat jelas tentang keadaan di Kedah pada masa penyerahan diri tentera Jepun) tidak menjadi begitu buruk. Sebaik sahaja Kolej tersebut dibuka semula, kebanyakannya daripada pelajar lamanya dan yang baru kembali ke kelas masing-masing untuk mengantikkan "tahun-tahun yang dimamah kesusahan dan kemiskinan".

Beberapa orang daripada mereka telah pun berkahwin semasa Pendudukan Jepun tetapi hal ini tidak menjadi batu penghalang kepada mereka untuk mendaftar diri kerana semasa pengarang sendiri mula mengajar di Kedah pada tahun 1917, dua orang pelajar sudah berkahwin - salah seorang daripada mereka telah mempunyai dua orang isteri!

Di samping itu, kawat dari Sindiket Peperiksaan di Cambridge ke Pegawai Pendidikan BMA (Encik D. Roper) di Ibu Pejabat Singapura menyebut:

"Semua kertas jawapan peperiksaan *Cambridge School Certificate* (Sijil Persekolahan Cambridge) Disember 1941 kecuali Kedah, Pulau Pinang, Terengganu, sampai ke Cambridge dengan selamat dan Senarai Lulus dikeluarkan pada bulan September 1942. Keputusan peperiksaan *Junior Cambridge* Kedah juga dikeluarkan. Penyataan Pengesahan Khas akan dikeluarkan untuk calon-calon Kedah dan Pulau Pinang yang menunjukkan lulus dalam mana-mana subjek berdasarkan kertas jawapan yang diterima. Calon-calon dari Terengganu yang kertas jawapan mereka tidak diterima dibenarkan menduduki peperiksaan dengan sempurna tanpa perlu membayar yuran lagi..."

Salah seorang daripada calon yang berjaya dalam Peperiksaan *Junior Cambridge* ialah Mahathir bin Mohamad (kini Perdana Menteri Malaysia).

"Memandangkan anak muda ini merupakan pemimpin rakyat", menjadi satu perkara yang menarik untuk membaca apa yang dikatakannya sebagai Editor Majalah Sekolah hampir 40 tahun yang lalu.

"Hampir empat tahun berlalu," dia menulis, "tahun-tahun yang membosankan, yang dipenuhi dugaan dan kesusahan, kekejaman dan perbuatan durjana, pembunuhan dan penyeksaan. Perang tersebut seolah-olah berlarutan. Perang tersebut cukup meletihkan. Ia meletihkan askar di barisan hadapan, ibu di rumah, dan budak sekolah di sekolahnya. Ia memerah kekuatan kita, ketahanan

kita, ketenangan kita dan membuatkan kita hancur dan tidak bermaya.

"Tetapi Keamanan dengan segala yang dimaksudkan oleh kata itu, telah datang. Syukur kepada Tuhan kerana Keamanan yang diperoleh oleh kita sekarang. Kemungkinan ada "Keamanan" yang lain, yang Kuasa Kejahatan menang. Tetapi tidak. Keamanan yang ada ialah keamanan yang bermakna kepada kehidupan; kerana bukankah Kuasa Kebenaran dan Keadilan telah menang? Meskipun di ceruk tertentu dunia masih dilanda persengketaan namun ini hanya merupakan padah semula jadi daripada pergolakan hebat dan nanti ini juga akan lenyap. Dan moga-moga Tuhan yang Maha Kuasa melanjutkan keamanan sehingga Hari Kiamat."

"Kemanusiaan berada di ambang Zaman yang paling agung - Zaman Tenaga Atom, dan kita, sebagai anak bangsa manusia berdoa dan berharap agar tenaga revolusioner ini akan digunakan untuk tujuan keamanan. Kita berharap agar penemuan gemilang ini akan meningkatkan kemajuan manusia sejagat, menaikkan taraf hidup dan mengekalkan Keamanan, malahan menghentikan Perang."

BAB ENAM PULUH TIGA

MALAYAN UNION YANG MALANG

Meskipun ramai orang yang menghadiri perhimpunan apabila Pandit Nehru berkunjung ke Kedah pada bulan Mac 1946, bilangan mereka itu kecil jika dibandingkan dengan beribu-ribu orang yang berkumpul apabila Dato' Onn bin Jaafar datang ke Kedah kemudiannya pada tahun yang sama untuk meningkatkan sokongan menentang Malayan Union.

Semasa saya menghadiri perhimpunan di Alor Setar, Dato' Onn, yang pernah saya jumpa di Singapura beberapa tahun sebelum itu, menyatakan kepada saya bahawa segala-galanya ini sebenarnya tidak perlu (penghasutan). Peristiwa-peristiwa yang berlaku kemudiannya membuktikan bahawa dia benar. Kebanyakan gagasan Malayan Union yang mengandungi niat buruk telah pun diketahui semenjak itu dan pengisytiharan Sir Harold MacMichael bahawa Tanah Melayu harus menjadi "Satu Negara Dengan Satu Nasib" kian mencapai kenyataan.

Seorang lagi tokoh yang mempunyai pendapat yang sama seperti Dato' Onn ialah Very Reverend Brother James Provincial daripada *Schools of the Christian Brothers* di Asia Timur. Dia membaktikan seluruh hayatnya di Tanah Melayu dan dia mengulas bahawa pengenaan Malayan Union tidak kena pada masanya - iaitu selepas mengukuhkan semula kawalan, Kerajaan British sepatutnya membenarkan pembaharuan secara beransur-ansur menjadi matang.

Walau apapun, kenyataannya ialah Malayan Union "diranapkan". Malayan Union amat dibenci dan ditentang oleh orang Melayu yang menubuhkan UMNO (United Malayan National Organisation) yang diterajui oleh Dato' Onn.

Malahan sebelum UMNO ditubuhkan, pesawah Kedah mengadakan demonstrasi menentang Malayan Union. Mereka sekali gus berusaha menyelam sambil minum air. Mereka turut meminta BMA menaikkan harga beras dan menegaskan bahawa harganya terlalu rendah sedangkan kos sara hidup terlalu tinggi.

Demonstrasi diadakan dalam bentuk perarakan secara besar-besaran di Alor Setar. Para peserta membawa sepanduk yang mengandungi slogan. Dalam keadaan yang teratur, mereka beramai-ramai berjalan menuju Padang Court dan di sana menunggu Pegawai Kanan Hal Ehwal Awam, Kedah dan Perlis (Kolonel E.V.G. Day). Dia sampai tidak lama kemudiannya, diiringi oleh Tunku Abdul Rahman, menerima surat, dan berkata bahawa dia akan mengajukannya kepada Pihak Berkuasa Tentera British.

Malayan Union diperkenalkan pada 1 April 1946. Pada hari tersebut, Sir Edward Gent secara rasminya dilantik sebagai Gabenor tetapi tiada seorang Sultan pun yang hadir dalam pelantikan

rasmi itu meskipun pada malam sebelum itu, mereka secara tidak rasmi telah bertemu dengan Gabenor yang dilantik itu.

Dengan langkah tidak menghadirkan diri itu, mereka telah bertindak dengan penuh kebanggaan, ketepatan dan kewaspadaan. Dalam sepucuk surat kepada Brigadier Newboult, Ketua Pegawai Hal Ehwal Awam, mereka menjelaskan "oleh sebab perwakilan kami untuk Kerajaan menentang cadangan Malayan Union, yang cadangannya itu tidak dapat diterima oleh kami atau orang Melayu, masih belum selesai, kami tidak mahu melakukan apa-apa yang mungkin menimbulkan parasangka terhadap kes kami."

Salah satu daripada hujah Sultan-sultan ialah mereka mempunyai kuasa eksekutif sebelum ini dan British bertindak sebagai Penasihat. Tetapi kini, Sultan-sultan pula yang menjadi Penasihat di tanahair mereka sendiri. Mereka menentang prinsip Malayan Union dan kaedah perundingan dijalankan. Sebagai contoh, Sultan Kedah menyatakan bahawa baginda diberikan kata dua secara lisan berserta had masa. Hal ini berlawanan dengan Perkara 3 dalam Perjanjian yang dipersetujui dengan Kerajaan pada tahun 1923 apabila Pinjaman Siam dibayar balik.

Perkara tersebut berbunyi seperti berikut:

"Kerajaan Britain tidak akan memindahkan atau sebaliknya, menghapuskan hak pertuanannya terhadap Negeri Kedah kepada kuasa lain dan tidak akan menyatukan atau menggabungkan Negeri Kedah atau wilayahnya dengan mana-mana Negeri lain atau dengan Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat tanpa keizinan bertulis daripada DYMM Sultan dalam Majlis Negeri."

DYMM sultan-sultan juga berkata bahawa memandangkan keadaan, dengan menandatangani perjanjian dengan Sir Harold MacMichael, baginda-baginda sultan juga dapat mengiktiraf perjanjian tersebut sebagai berkuatkuasa dan bahawa baginda-baginda sultan amat berhasrat untuk membuka semula perundingan tentang kemajuan masa depan Tanah Melayu. DYMM sultan-sultan meminta masa untuk berunding dengan Majlis Negeri dan rakyat masing-masing, dan mencadangkan, sebagai asas perbincangan, Persekutuan Negeri-negeri Melayu bersama sebuah badan pusat yang mengawal hal ehwal kepentingan bersama dengan setiap negeri mengekalkan autonomi tempatan masing-masing.

Hasil daripada segala penentangan dan penghasutan, menjelang akhir tahun 1946, Kerajaan British telah mendorong cadangan untuk mewujudkan Persekutuan Tanah Melayu. Cadangan ini membatalkan Peraturan Mesyuarat Malayan Union, memutuskan perjanjian Negeri yang baru dengan setiap pemerintah Melayu menggantikan Perjanjian MacMichael, dan mengembalikan kedaualatan dalam dalaman di Negeri-negeri kepada pemerintah.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu berkuatkuasa pada tahun 1948, Perlembagaan Persekutuan secara khususnya mengumumkan hasrat Kerajaan British untuk mewujudkan kerajaan sendiri.